BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Kira-kira Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Kira-kira Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 2009 dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009 yang menjadi satu daripada bahagian yang penting Laporan Tahunan 2009.

Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi
Lembaga Pengarah

24 Mac 2010

Lembaga Pengarah

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
D.K. (Johor), P.S.M., S.S.A.P., S.U.M.W., D.P.M.J.
Gabenor dan Pengerusi

Dato' Ooi Sang Kuang
D.M.P.N.
Timbalan Gabenor

Dato' Zamani bin Abdul Ghani
D.P.S.K., D.M.S.M., D.S.M., K.M.N.
Timbalan Gabenor

Dato' Mohd Razif bin Abd Kadir
D.P.M.S., D.I.M.P., D.P.M.P.
Timbalan Gabenor

Tan Sri Datuk Seri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
P.S.M., S.P.S.K., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P.S.K., S.M.W., A.M.N.

Datuk Oh Siew Nam
P.J.N.

Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor
P.S.M., D.A., P.N.B.S., J.S.M., J.B.S., A.M.N., P.B.J., P.P.D.(Emas)

Dato' N. Sadasivan
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Hassan Marican
P.S.M., S.S.D.K., S.U.M.W., S.P.M.T., D.S.M.T., P.N.B.S., A.M.K.

Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob
P.S.M., P.J.N., S.S.A.P., D.J.B.S., J.S.M., S.M.J., P.M.P., K.M.N., A.M.N.
(*Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa 25 November 2009*.)

Gabenor	Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Timbalan Gabenor	Dato' Ooi Sang Kuang
Timbalan Gabenor	Dato' Zamani bin Abdul Ghani
Timbalan Gabenor	Dato' Mohd Razif bin Abd. Kadir
Setiausaha Lembaga Pengarah	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Penolong Gabenor	Dato' Muhammad bin Ibrahim
Penolong Gabenor	Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Penolong Gabenor	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Penolong Gabenor	Gopala Krishnan Sundaram
Penolong Gabenor	Dr. Sukhdave Singh
Penolong Gabenor	Bakarudin bin Ishak
Penolong Gabenor	Norzila binti Abdul Aziz
Pengarah	
Pejabat Gabenor	Suhaimi bin Ali
Komunikasi Korporat	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Pengurusan Strategik	Donald Joshua Jaganathan
Penyiasatan Khas	Sani bin Ab. Hamid
Perisikan Kewangan	Wan Mohd Nazri bin Wan Osman
Audit Dalam	Tan Nyat Chuan
Ekonomi	
Ekonomi	Marzunisham bin Omar
Analisis dan Strategi Monetari	Fraziali bin Ismail
Antarabangsa	Nazrul Hisyam bin Mohd Noh
Pengawalan	
Dasar Kewangan Pruden	Jessica Chew Cheng Lian
Pembangunan Sektor Kewangan	S. Abd. Rasheed bin S. Abd Ghafur
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Madelena binti Mohamed
Perbankan Islam dan Takaful	Ahmad Hizzad bin Baharuddin
Kewangan Pembangunan dan Enterpris	Kamari Zaman bin Juhari
Konsumer dan Amalan Pasaran	Koid Swee Lian
Penyeliaan	
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Che Zakiah binti Che Din
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Yap Lai Kuen
Penyeliaan Perbankan	Marina binti Abdul Kahar
Unit Pentadbiran Pengawalan dan Penyeliaan	Siti Ramlah binti Ahmad
Dasar Sistem Pembayaran	Cheah Kim Ling
Pelaburan dan Operasi	
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Pengurusan dan Operasi Matawang	Ramli bin Saad
Pentadbiran Pertukaran Asing	Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
Sumber Organisasi	
Pengurusan Sumber Manusia	Mohd. Adhari bin Belal Din
Kewangan	Rafiza binti Ghazali
Undang-undang	Jeremy Lee Eng Huat
Pusat Pembangunan Modal Insan	Arlina binti Ariff
Pengurusan Risiko	Chung Chee Leong
Perkhidmatan Korporat	Azmi bin Abd Hamid
Perkhidmatan IT	Alizah binti Ali
Perkhidmatan Statistik	Toh Hock Chai
Perkhidmatan Perbankan Pusat	V. Vijayaledchumy
Harta dan Perkhidmatan	Zulkifli bin Abd Rahman
Keselamatan	Mior Mohd Zain bin Mior Mohd Tahir
Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia	Muhammad Fawzy bin Ahmad
Pejabat Pengurusan Sasana dan Lanai Kijang	Lim Foo Thai
Unit Promosi MIFC	Shariffuddin bin Khalid
Ketua Perwakilan	
Pejabat Perwakilan London	Azman bin Mat Ali
Pejabat Perwakilan New York	Mohamad Ali Iqbal bin Abdul Khalid
Pengurus Cawangan	
Johor Bahru	Kamalullail bin Ramli
Kuching	Ishak bin Musa
Shah Alam	Mohd. Khir bin Hashim
Kuala Terengganu	Azizan bin Mohd Ali
Kota Kinabalu	Ahmad bin Abd Rahim
Pulau Pinang	Rosnani binti Mahamad Zain

Kandungan

Perutusan Gabenor

Perkembangan Ekonomi pada Tahun 2009

3 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2009
8 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2009
12 Keadaan Permintaan Dalam Negeri pada Tahun 2009
13 *Rencana : Bagaimana Kemelesetan Global Baru-baru ini Memberikan Kesan kepada Ekonomi Malaysia?*
20 Kajian Mengikut Sektor
25 *Rencana : Mengekalkan Daya Saing : Isu Berkaitan dengan Meningkatkan Produktiviti, Kecekapan Tenaga dan Inovasi dalam Sektor Perkilangan*
34 Sektor Luar Negeri
42 *Rencana : Ciri dan Trend Aliran Modal di Malaysia*
52 Perkembangan Pasaran Pekerja
55 Perkembangan Harga

Keadaan Monetari dan Kewangan

61 Tinjauan Keseluruhan
61 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
65 Keadaan Monetari dan Kewangan Dalam Negeri
74 Pembiayaan Ekonomi

Dasar Monetari pada Tahun 2009

81 Tinjauan Keseluruhan
81 Dasar Monetari pada Tahun 2009
85 Operasi Monetari pada Tahun 2009
88 *Rencana : Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009*

Prospek dan Dasar

93 Prospek Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2010
95 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2010
96 *Rencana : Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*
106 Dasar Monetari pada Tahun 2010
108 Dasar Fiskal pada Tahun 2010
110 *Rencana : Peralihan kepada Ekonomi berpendapatan Tinggi : Pertimbangan Dasar*

Tadbir Urus, Kominikasi dan Pembangunan Organisasi

117 Tinjauan Keseluruhan
118 Tadbir Urus
119 *Rencana : Akta Bank Negara Malaysia 2009*
126 Komunikasi
128 Pembangunan Organisasi
135 Struktur Organisasi

Penyata Akaun Tambahan

142 Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2009
143 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009
144 Nota-nota bagi penyata kewangan

Tambahan

Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ekonomi dunia mengalami kesan paling buruk krisis kewangan global pada separuh tahun pertama 2009. Namun, keadaan mula pulih di kebanyakan ekonomi pada separuh kedua tahun tersebut. Pemulihan ini adalah hasil tindak balas dasar yang pantas dan bersepadu yang dilaksanakan di seluruh dunia untuk mengelakkan ekonomi dunia daripada terus terjerumus ke dalam kancah kemelesetan ekonomi yang lebih buruk.

Malaysia, sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, telah terjejas dengan ketara akibat kejatuhan perdagangan dunia yang bermula pada separuh tahun kedua 2008. Kemerosotan sektor luar telah menular seawal tahun 2009 hingga menjejaskan permintaan dalam negeri. Tindak balas dasar yang nyata dan pantas dengan dibantu oleh asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh telah mendorong pemulihan ekonomi negara pada separuh tahun kedua 2009. Sektor kewangan yang kukuh turut memberikan sokongan yang amat penting kepada ekonomi domestik. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia merosot sebanyak 1.7% pada tahun 2009, jauh lebih baik daripada unjuran yang dibuat sebelum ini.

Sementara risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan masih lagi wujud dalam ekonomi maju, ekonomi sedang pesat membangun amnya dan Asia khususnya menunjukkan daya tahan yang lebih tinggi serta prospek pemulihan berterusan yang lebih cerah. Rantau Asia dijangka terus menerajui pemulihan global berikutan sumber pertumbuhannya yang lebih meluas. Permintaan dalam negeri dijangka semakin kukuh berikutan keadaan guna tenaga yang bertambah baik dan aktiviti pembiayaan yang terus berjalan lancar. Pelaburan juga dijangka kembali cergas berikutan pelaksanaaan projek-projek infrastruktur yang telah dirancang dan faktor permintaan luar yang semakin pulih. Apa yang penting ialah perdagangan antara negara di rantau ini akan terus meningkat susulan kenaikan berterusan permintaan domestik. Trend ini bukan sahaja akan saling memperkukuh pertumbuhan rantau ini, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan global yang lebih seimbang.

Pertumbuhan positif ekonomi Malaysia sebanyak 4.5% pada suku keempat 2009 dijangka bertambah baik pada tahun 2010. Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh serta persekitaran luar yang bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi negara dijangka didorong dengan lebih nyata oleh aktiviti sektor swasta. Penggunaan swasta akan memperoleh manfaat daripada perkembangan dalam pasaran pekerja yang lebih baik, di samping faktor pendapatan boleh guna dan keyakinan pengguna yang semakin meningkat. Pelaburan swasta juga dijangka kembali pulih pada tahun 2010 sejajar dengan pengukuhan dalam perdagangan dunia dan peningkatan dalam permintaan domestik. Walaupun inflasi dijangka meningkat seiring dengan pemulihan aktiviti ekonomi global, kenaikan harga komoditi dunia dan beberapa semakan oleh Kerajaan terhadap harga yang ditadbir, inflasi negara dijangka kekal pada tahap sederhana pada tahun 2010.

Susulan tanda-tanda pemulihan ekonomi yang semakin jelas, langkah-langkah kini dijuruskan ke arah mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar. Keadaan luar biasa yang menuntut pengurangan kadar faedah pada tempoh sebelum ini kini telah pun berlalu. Malah tindakan untuk mengekalkan persekitaran kadar faedah yang amat rendah dalam tempoh yang lama boleh mengakibatkan proses pengantaraan terjejas, berlaku ketidakseimbangan kewangan

dan penentuan risiko yang tidak setimpal. Kesemua ini boleh melemahkan proses pemulihan ekonomi. Meskipun langkah untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar telah pun dimulakan, pendirian keseluruhan dasar monetari akan terus bersifat akomodatif untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik.

Dalam jangka sederhana, persekitaran global yang lebih kompetitif menuntut Malaysia supaya bertindak dengan lebih pantas untuk beralih kepada ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi. Memandangkan pertumbuhan ekonomi sedemikian dipacu terutamanya oleh sektor swasta, Malaysia sedang menyusun pelbagai strategi dalam proses transformasinya untuk menyediakan persekitaran yang merangsang produktiviti, daya saing dan inovasi yang tinggi, yang merupakan elemen utama dalam perkembangan e-ekonomi. Oleh yang demikian, ekonomi tidak lagi boleh bergantung pada sokongan faktor pengeluaran semata-mata untuk kekal berdaya saing. Sehubungan dengan ini, tiga aspek penting yang menjadi keutamaan ialah mempunyai tenaga kerja berkualiti tinggi, membangunkan pasaran yang didorong oleh persaingan, dan menambah baik infrastruktur keinstitusian dan fizikal yang sedia ada. Melalui pembangunan persekitaran ekonomi yang menyokong dan kompetitif, Malaysia akan berada pada kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada peluang-peluang baharu yang wujud dan untuk menangani cabaran-cabaran yang mungkin timbul dalam era pascakrisis.

Dalam persekitaran yang amat tidak menentu, kerjasama serantau terus memainkan peranan sebagai tunjang utama dalam mengekalkan kestabilan makroekonomi dan kewangan, serta menggalakkan pembangunan infrastruktur kewangan dan integrasi serantau. Tahun 2009 juga menyaksikan suatu pencapaian yang penting apabila terbentuknya mekanisme sokongan mudah tunai melalui pelaksanaan multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (CMI) bagi membolehkan pengumpulan dan pemberian sokongan mudah tunai yang berkesan dalam kalangan negara anggota CMI. Langkah bersepadu juga telah diambil untuk meningkatkan lagi pengurusan krisis secara bersepadu dan juga mekanisme penyelesaian seperti yang disarankan oleh Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP). Selain itu, usaha untuk memajukan lagi pasaran bon serantau dan mempercepat kadar integrasi kewangan bagi menyokong pembangunan ekonomi di rantau ini akan terus menjadi komponen tumpuan utama dalam kerjasama serantau.

Kerjasama serantau dengan bank pusat dan agensi penyeliaan dari negara sedang pesat membangun juga diperluas dan diperkukuh pada tahun 2009. Bidang kerjasama yang dijalin meliputi pelbagai perkara, termasuk kerjasama dalam pembangunan organisasi dan pembinaan kapasiti untuk meningkatkan keberkesanan Bank Pusat. Ia juga termasuk program perkongsian maklumat dengan pengawal selia lain dalam bidang rangkuman kewangan, pembiayaan mikro dan Kewangan Islam. Beberapa program kerjasama juga telah dijalankan dengan agensi pembangunan antarabangsa termasuk Bank Pembangunan Islam, Kumpulan Perunding untuk Membantu Rakyat Miskin dan Perbadanan Kewangan Antarabangsa. Inisiatif Bank dalam kerjasama teknikal antarabangsa memberikan penekanan terhadap perkongsian pengetahuan tentang amalan perbankan pusat dan membina hubungan kerjasama dengan bank pusat lain dari ekonomi sedang pesat membangun.

Di tengah-tengah perubahan landskap global dan transformasi berterusan ekonomi Malaysia, Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang berkuat kuasa pada 25 November 2009 meletakkan Bank pada asas perundangan yang baharu. Akta ini merupakan kemuncak bagi kajian semula Bank selama dua tahun mengenai undang-undang perbankan pusat dengan mengambil kira persekitaran ekonomi dan kewangan Malaysia yang semakin kompleks dan juga perkembangan global. Akta ini memberikan mandat kepada Bank untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan

menginstitusikan autonomi dasar Bank sejak 50 tahun kewujudannya. Dengan mandat Bank yang lebih jelas dan terfokus serta peruntukan kuasa yang perlu untuk mencapai mandat ini, rangka kerja kebertanggungjawaban dan struktur tadbir urus telah banyak dipertingkatkan. Matlamat ini telah dapat dicapai dengan menginstitusikan amalan terbaik yang telah diterima pakai oleh Bank sejak beberapa tahun yang lalu.

Sebagai sebahagian daripada transformasi organisasi untuk menjadi organisasi yang lebih berfokus strategi dan didorong oleh prestasi, Bank mula melaksanakan Pelan Urusan 3 tahun yang dirumuskan pada tahun 2009. Inisiatif ini disokong oleh matlamat strategik seluruh organisasi yang lebih jelas dan kerjasama silang fungsian yang lebih tinggi yang diperlukan untuk mencapai matlamat ini. Kajian semula strategi yang teliti terus dilaksanakan bagi menilai prestasi keseluruhan dan mempertingkat keberkesanan Bank dalam melaksanakan mandatnya. Selain itu, bagi memastikan Bank dapat memanfaatkan kemahiran teknikal dan analitis, pelaburan yang besar diperuntukkan untuk membina tenaga kerja berprestasi tinggi. Ini meliputi peningkatan dalam latihan formal dan penambahbaikan terhadap amalan bekerja. Pembangunan kepemimpinan juga ditekankan bagi memastikan inisiatif untuk membangunkan barisan pelapis kepemimpinan yang berkualiti terus diperkukuh. Penekanan yang lebih besar juga diberikan kepada proses tugasan yang berasaskan projek dan kerjasama, yang telah memperluas dan meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan dalam bidang teras perbankan pusat. Proses penilaian tenaga kerja Bank yang berstruktur dan mantap turut diwujudkan dengan sistem ganjaran yang lebih dinamik dan terbeza. Langkah ini bertujuan untuk memastikan insentif ganjaran tersebut diberikan dengan sewajarnya.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan sejawat dan semua warga Bank Negara Malaysia atas dedikasi dan ketekunan dalam memikul tanggungjawab masing-masing bagi memenuhi mandat Bank dalam keadaan yang paling mencabar pada tahun 2009. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi kepada Bank. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia yang baharu, Lembaga Pengarah dan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai peranan yang lebih besar dalam tadbir urus Bank Pusat. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Dato' Seri Mohd Hassan Marican, mantan ahli Lembaga Pengarah Bank atas sumbangan penting beliau sepanjang khidmatnya sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank. Saya juga mengalu-alukan pelantikan Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank yang baharu, dan juga Encik Chin Kwai Yoong yang akan memulakan khidmatnya sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank pada tahun 2010. Melangkah ke hadapan, Bank akan terus berusaha dengan gigih dan penuh dedikasi dalam memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan agar dapat memenuhi harapan negara yang besar terhadap organisasi ini.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

24 Mac 2010

Perkembangan Ekonomi pada Tahun 2009

3 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2009
8 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2009
12 Keadaan Permintaan Dalam Negeri pada Tahun 2009
13 *Rencana: Bagaimana Kemelesetan Global Baru-baru ini Memberikan Kesan kepada Ekonomi Malaysia?*
20 Kajian Mengikut Sektor
25 *Rencana: Mengekalkan Daya Saing: Isu Berkaitan dengan Meningkatkan Produktiviti,Kecekapan Tenaga dan Inovasi dalam Sektor Perkilangan*
34 Sektor Luar Negeri
41 *Rencana: Ciri dan Trend Aliran Modal di Malaysia*
52 Perkembangan Pasaran Pekerja
55 Perkembangan Harga

Perkembangan Ekonomi pada Tahun 2009

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2009

Pada separuh pertama 2009, ekonomi global menguncup dengan amat ketara. Ini merupakan penguncupan terburuk sejak Perang Dunia Kedua kerana negara-negara yang mencakupi 60% daripada pengeluaran dunia terheret ke dalam kancah kemelesetan secara serentak. Kesan daripada krisis kewangan antarabangsa terhadap ekonomi benar dirasai sepenuhnya pada suku pertama 2009, apabila sebilangan besar ekonomi mengalami penguncupan KDNK benar yang sangat ketara. Dalam ekonomi maju, krisis kewangan yang diikuti kemudiannya oleh luluh kredit (credit crunch) telah mengakibatkan kemerosotan yang nyata dalam permintaan sektor swasta. Penggunaan sektor isi rumah telah menurun akibat beberapa faktor termasuk prospek pekerjaan yang makin lemah, harga rumah yang semakin merosot dan kesukaran untuk mendapatkan kredit. Sektor perniagaan juga mengurangkan pengeluaran dengan ketara, sementara paras inventori juga menjadi sangat rendah dalam keadaan permintaan yang lemah dan keadaan kredit yang terhad. Rangkaian pengeluaran dan perdagangan antarabangsa terjejas teruk lantas mengakibatkan kejutan kepada ekonomi sedang pesat membangun.

Ekonomi global mencatat penguncupan paling buruk dalam tempoh selepas Perang Dunia Kedua pada separuh pertama 2009, sebelum kembali pulih dan mencatat pertumbuhan yang beransur-ansur tetapi tidak sekata pada separuh tahun kedua

Ekonomi Asia, khususnya yang mempunyai tahap keterbukaan perdagangan yang lebih tinggi, terjejas oleh kejatuhan yang teruk dalam perdagangan dunia berpunca daripada kemerosotan secara mendadak permintaan daripada ekonomi maju. Kesannya, eksport dan pengeluaran ekonomi Asia mencatat kejatuhan dua angka. Kemerosotan dalam sektor yang berkaitan dengan perdagangan seterusnya memberikan kesan kepada sektor ekonomi yang lain apabila keyakinan sektor isi rumah dan perniagaan terjejas dengan teruk.

Krisis kewangan global yang teruk yang disusuli oleh kemelesetan global yang ketara telah mengakibatkan tindak balas dasar yang belum pernah dilakukan oleh kerajaan dan pihak berkuasa monetari di seluruh dunia. Rangsangan fiskal yang besar antara 1 – 12% daripada KDNK telah dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan, sementara bank-bank pusat pula melonggarkan

Jadual 1.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2008	2009*a*	2008	2009*a*
Pertumbuhan Dunia	**3.0**	**-0.8**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**2.8**	**-12.3**	**-**	**-**
Ekonomi Maju Utama				
Amerika Syarikat	0.4	-2.4	3.8	-0.4
Jepun	-1.2	-5.2	1.4	-1.4
Kawasan euro	0.6	-4.1	3.3	0.3
United Kingdom	0.5	-5.0	3.6	2.2
Asia Timur	**6.9**	**5.1**	**5.9**	**0.3**
NIEs[1] Asia	**1.7**	**-0.9**	**4.5**	**1.2**
Korea	2.2	0.2	4.7	2.8
China Taipei	0.7	-1.9	3.5	-0.9
Singapura	1.4	-2.0	6.6	0.6
Hong Kong SAR[2]	2.1	-2.7	4.3	0.5
Republik Rakyat China	**9.6**	**8.7**	**5.9**	**-0.7**
ASEAN	**4.6**	**1.1**	**7.7**	**2.4**
Malaysia	4.6	-1.7	5.4	0.6
Thailand	2.5	-2.3	5.5	-0.9
Indonesia	6.0	4.5	9.9	4.8
Filipina	3.8	0.9	9.3	3.3
India[3]	7.4	6.5	9.1	2.1

[1] Negara-negara perindustrian baharu
[2] Inflasi merujuk kepada indeks harga komposit
[3] Inflasi merujuk kepada indeks harga pemborong
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

dasar monetari secara agresif melalui potongan kadar faedah ke paras terendah yang pernah dicatatkan. Dalam ekonomi maju utama, langkah-langkah kuantitatif yang lebih liberal dan langkah sokongan kewangan diperkenalkan terutamanya bagi menyediakan mudah tunai kepada pasaran kewangan dan memulihkan kembali kestabilan dalam sistem kewangan.

Tindak balas dasar yang luar biasa ini telah membantu menstabilkan pasaran kewangan selain memberi sokongan kepada ekonomi benar. Yang penting, perbelanjaan fiskal yang besar dan fungsi pasaran kewangan yang kembali normal telah berjaya mengekang kemerosotan aktiviti ekonomi daripada menjadi lebih buruk. Hasilnya, aktiviti ekonomi dalam kebanyakan ekonomi mula stabil menjelang pertengahan tahun dan negara-negara yang terjejas akhirnya berjaya keluar daripada kancah kemelesetan pada separuh kedua 2009.

Pemulihan ekonomi bagaimanapun masih lemah dan bersifat tidak sekata. Pemulihan yang lemah ini adalah kerana pertumbuhan kebanyakan negara pada separuh kedua 2009 masih banyak bergantung pada perbelanjaan fiskal. Dalam ekonomi maju, masalah pengangguran yang tinggi, langkah pengurangan hutang secara berterusan oleh sektor swasta serta sistem kewangan yang lemah terus memberi kesan buruk terhadap aktiviti sektor swasta. Namun, pemulihan ekonomi adalah lebih ketara dalam ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di Asia, berikutan sokongan rangsangan fiskal yang besar terhadap permintaan dalam negeri selain diperkukuh oleh akses kepada pembiayaan yang berterusan kepada sektor swasta. Pemulihan perdagangan dalam rantau juga menyokong pertumbuhan.

Krisis dalam pasaran kewangan antarabangsa mencapai kemuncaknya pada suku pertama 2009 ekoran kegagalan sebuah bank pelaburan AS, Lehman Brothers, pada suku keempat 2008. Pendedahan kerugian oleh institusi kewangan utama global yang lain dan ketidaktentuan terhadap kesolvenan institusi utama ini di tengah-tengah kebimbangan mengenai kegagalan sistemik dalam beberapa pasaran kewangan telah mengakibatkan peralihan kepada aset yang lebih selamat, termasuk wang tunai. Akibatnya, aktiviti dalam pasaran sekuriti hutang terhenti, mudah tunai pasaran merosot dan pasaran ekuiti global jatuh dengan ketara ke paras terendah dalam beberapa tahun pada bulan Mac 2009. Pelaksanaan langkah-langkah dasar yang luar biasa, seperti penurunan kadar faedah ke paras hampir sifar, langkah kuantitatif yang lebih liberal, serta langkah-langkah untuk melegakan keadaan mudah tunai dan keadaan kredit yang dilaksanakan oleh ekonomi maju utama telah memainkan peranan penting dalam mengurangkan tekanan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Kesemua ini telah menurunkan kos pembiayaan secara beransur-ansur.

Menjelang suku kedua, spread kredit mula mengecil dan harga ekuiti beransur-ansur pulih apabila para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko. Suntikan mudah tunai secara besar-besaran oleh bank-bank pusat ke dalam sistem kewangan telah membolehkan pasaran antara bank kembali berfungsi, yang diikuti kemudiannya oleh penstabilan dalam pasaran wang jangka pendek. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran antara bank yang bertambah baik tidak meningkatkan pemberian pinjaman kepada sektor swasta dalam ekonomi-ekonomi maju, mencerminkan terutamanya kedudukan institusi kewangan yang masih lemah.

Di **Amerika Syarikat (AS)**, KDNK benar menguncup dengan ketara pada kadar tahunan sebanyak 6.4% pada suku pertama 2009. Ini merupakan penguncupan paling buruk dalam tempoh 29 tahun. Penguncupan KDNK ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan dalam pelaburan tetap dan pengeluaran inventori yang besar berikutan tindakan sektor perniagaan mengurangkan pengeluaran secara agresif sejak penghujung tahun 2008 memandangkan permintaan keseluruhan jatuh dengan nyata. Sebagai tindak balas kepada perkembangan ini, Kerajaan AS mengumumkan rangsangan fiskal sebanyak USD787 bilion pada bulan Februari 2009, yang terdiri daripada rebat cukai kepada sektor isi rumah dan perniagaan serta perbelanjaan infrastruktur. Dari segi dasar monetari, kadar federal fund telah pun dikurangkan hampir kepada sifar sejak bulan Disember 2008. Berikutan itu, Federal Reserve (Fed), Perbendaharaan AS dan Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC) melaksanakan langkah-langkah kuantitatif dalam bentuk permodalan semula bank, menyediakan jaminan bagi hutang bank, membeli aset yang dipegang oleh institusi kewangan yang bersifat tidak cair dan terjejas nilai khususnya sekuriti

berasaskan gadai janji dan sekuriti lain yang disandarkan pada pinjaman pengguna. Kesemua ini bertujuan untuk mengaktifkan semula pasaran kredit dan memulihkan kembali fungsi pasaran.

Fed melaksanakan program untuk membeli sekuriti berasaskan gadai janji agensi bernilai USD1.25 trilion, hutang agensi sebanyak USD175 bilion dan sekuriti Perbendaharaan AS sebanyak USD300 bilion dengan matlamat untuk mengurangkan beban bayaran faedah peminjam perumahan yang menghadapi masalah kewangan. Langkah-langkah luar biasa tersebut telah menyebabkan kedudukan kewangan Fed meningkat sebanyak 150% untuk mencecah USD2.2 trilion, lantas mengesahkan pergantungan yang besar oleh sistem kewangan kepada sokongan bank pusat. Langkah Fed untuk membantu pasaran perumahan dibantu juga oleh rangsangan fiskal dalam bentuk kredit percukaian bagi pembeli rumah, yang seterusnya merangsang permintaan terhadap rumah kediaman. Tindak balas dasar berupaya menstabilkan pasaran perumahan dan kewangan, serta keadaan ekonomi secara keseluruhan menjelang suku kedua 2009. Pembendungan risiko sistemik, pemulihan fungsi pasaran kewangan dan rangsangan fiskal yang besar telah menyumbang kepada peningkatan beransur-ansur dalam aktiviti pasaran ekuiti daripada paras terendahnya pada bulan Mac. Ini, bersama-sama dengan harga rumah yang semakin stabil sejak bulan Jun, telah membantu menjana pendapatan kekayaan yang positif sebanyak kira-kira USD5.7 trilion bagi sektor isi rumah AS daripada suku kedua hingga suku keempat. Peningkatan dalam kekayaan telah menampung sebahagian daripada kehilangan kekayaan sebanyak USD17.5 trilion yang dialami sepanjang tempoh pertengahan tahun 2007 hingga suku pertama 2009.

Penggunaan meningkat pada suku ketiga memandangkan sektor isi rumah juga mendapat manfaat daripada insentif percukaian bagi pembelian automobil. Setelah merosot pada kadar tahunan yang lebih perlahan pada 0.7% pada suku kedua, KDNK meningkat pada kadar tahunan 2.4% pada separuh kedua 2009. Pemulihan di AS pada separuh tahun kedua didorong oleh pertumbuhan dalam penggunaan swasta, pelaburan tetap perumahan dan perbelanjaan kerajaan. Namun, kadar pemulihan masih lagi perlahan dan banyak bergantung pada sokongan dasar. Walaupun pulih sedikit pada separuh tahun kedua, penggunaan swasta keseluruhan terus dibelenggu oleh kehilangan pekerjaan yang semakin meningkat. Ekonomi AS kehilangan sebanyak 8.4 juta pekerjaan antara akhir tahun 2007 hingga akhir tahun 2009, dan kadar pengangguran mencecah 10% pada bulan Disember 2009. Di samping itu, banyak isi rumah terus mengurangkan tanggungan hutang mereka apabila kejatuhan harga rumah mengurangkan sebahagian besar daripada kekayaan mereka. Bagi tahun 2009 secara keseluruhan, ekonomi AS merosot sebanyak 2.4%.

Trend pertumbuhan ekonomi maju yang lain hampir menyamai laluan pertumbuhan AS pada tahun itu. Di **kawasan euro,** pertumbuhan suku pertamanya menguncup dengan nyata sebanyak 2.5% pada asas sukuan, iaitu kemerosotan paling buruk sejak data tersebut mula dicatatkan. Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh penguncupan yang besar dalam eksport dan pelaburan tetap. Kemerosotan dalam persekitaran luaran juga menjejaskan permintaan dalam negeri yang menjadi lebih lemah akibat pengangguran yang lebih tinggi, keadaan kredit yang ketat dan harga rumah yang semakin jatuh. Selepas mengurangkan kadar faedah sebanyak 150 mata asas kepada 2.5% pada tahun 2008, European Central Bank (ECB) terus menurunkan kadar pembiayaan semula sebanyak 150 mata asas lagi kepada 1% menjelang bulan Mei 2009. ECB juga memulakan pembelian bon lindungan sebanyak €60 bilion untuk menyuntik mudah tunai ke dalam sistem kewangan dan merangsang aktiviti pemberian pinjaman di kawasan euro.

Meskipun rangsangan fiskal di kawasan euro secara relatif adalah lebih kecil berbanding dengan AS, bahagian sokongan fiskal yang lebih besar di kawasan euro datangnya daripada ``penstabil automatik´´ (automatic stabilisers), khususnya faedah pengangguran dan penjagaan kesihatan. Langkah ini bersama-sama dengan insentif percukaian kepada majikan untuk mengekalkan pekerja menyebabkan pengangguran di kawasan euro tidak meningkat setinggi di AS. Langkah-langkah fiskal telah dijuruskan kepada usaha menggalakkan penggunaan melalui rebat cukai, khususnya bagi perbelanjaan terhadap automobil dan infrastruktur. Ini telah mengembalikan semula keyakinan pengguna dan sektor perniagaan secara beransur-ansur lantas membolehkan kawasan euro pulih daripada kemelesetan untuk mencatat pertumbuhan positif KDNK yang kecil pada asas

sukuan pada suku ketiga dan keempat diterajui oleh Jerman dan Perancis. Bagi tahun 2009 secara keseluruhan, kawasan euro menguncup sebanyak 4.1%. Walau bagaimanapun, proses pemulihan kawasan euro tidak sekata kerana negara-negara seperti Sepanyol dan Greece masih lagi dibelenggu oleh kemelesetan akibat krisis perumahan yang buruk dan pengangguran yang tinggi. Kawasan euro turut terjejas oleh pengangguran berstruktur dan kemerosotan kedudukan fiskal dalam beberapa ekonomi euro, lantas menimbulkan kebimbangan mengenai kemapanan rangsangan fiskal untuk menyokong pertumbuhan.

Sementara itu, penguncupan ekonomi **United Kingdom (UK)** berterusan selama enam suku tahunan berturut-turut sehingga suku ketiga 2009. Ini merupakan tempoh penguncupan ekonomi paling lama pernah dicatat disebabkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus lemah berikutan pengangguran yang semakin meningkat, kredit yang terhad dan ekuiti perumahan yang negatif akibat kejatuhan harga rumah yang ketara. Pelaburan tetap pula merosot dengan nyata kerana kejatuhan yang ketara dalam permintaan, kesukaran mendapatkan pembiayaan dan penggunaan kapasiti yang lebih rendah. Prospek ekonomi yang lembap telah menyebabkan Bank of England (BOE) mengurangkan kadar pinjaman asas sebanyak 150 mata asas lagi pada awal tahun 2009, kepada kadar terendah dalam sejarah sebanyak 0.5%, menjelang bulan Mac 2009. Pada masa yang sama, BOE mengumumkan rancangan pembelian bon-bon korporat dan kertas-kertas kerajaan berjumlah £200 bilion untuk menyuntik mudah tunai ke dalam ekonomi dan melegakan keadaan luluh kredit. Rangsangan fiskal juga dilaksanakan melalui rebat cukai dan insentif automobil untuk meningkatkan penggunaan. Langkah-langkah ini mula membuahkan hasil apabila ekonomi UK mencatat pertumbuhan positif yang kecil pada suku keempat 2009. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2009 secara keseluruhan, ekonomi UK menguncup sebanyak 5%. Ekonomi UK menghadapi kemelut pasaran pekerja yang terus lemah dan kedudukan fiskal yang semakin merosot.

Di **Jepun,** KDNK benar menguncup pada kadar tahunan 13.7% pada suku pertama, iaitu penguncupan terbesar selepas perang, berpunca daripada kejatuhan dua angka dalam eksport dan pelaburan tetap. Kemerosotan

Rajah 1.1
Pergerakan Terkumpul Kadar Faedah Rasmi Sejak Tahun 2009



Nota: Kadar faedah dalam kurungan adalah pada pertengahan bulan Mac 2010

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Rajah 1.2
Rangsangan Fiskal dalam Ekonomi Terpilih



[1] Suntikan fiskal langsung ialah sebanyak USD5.9 bilion atau 3.3% daripada KDNK

[2] Jumlah yang dibelanjakan di bawah *European Economic Recovery Plan*

Nota: Sehingga pertengahan bulan Mac 2010

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara, Bank Dunia dan anggaran Bank Negara Malaysia

dalam perdagangan telah memberikan kesan terhadap permintaan dalam negeri dan seterusnya menjejaskan penggunaan swasta dalam keadaan deflasi yang berpanjangan. Bank of Japan (BOJ) mengekalkan kadar semalamannya pada 0.1% dan mula melaksanakan langkah kuantitatif melalui pembelian bulanan bon kerajaan dan seterusnya melancarkan program kredit sebanyak ¥10 trilion bagi pemberi pinjaman komersial untuk menyuntik mudah tunai ke dalam sistem kewangan dan melegakan tekanan deflasi. Rangsangan fiskal dalam bentuk rebat cukai juga dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan

swasta. Dengan memanfaatkan hubungan perdagangan yang kukuh dengan negara-negara Asia, khususnya RR China, KDNK benar Jepun meningkat pada asas sukuan pada suku kedua hasil daripada eksport ke rantau Asia yang lebih tinggi. Pada tahun 2009, RR China mengambil alih kedudukan AS sebagai rakan perdagangan Jepun terbesar. Sementara itu, permintaan dalam negeri Jepun terus lemah meskipun permintaan luaran telah kembali pulih. Bagi tahun 2009 secara keseluruhan, ekonomi Jepun menguncup sebanyak 5.2%.

Prestasi pertumbuhan **rantau Asia** terjejas dengan teruk oleh kemerosotan dalam sektor eksport, khususnya pada suku pertama. Ekonomi yang lebih terbuka, khususnya ekonomi perindustrian baharu Asia, mengalami kemelesetan yang lebih teruk, sementara ekonomi serantau lain yang mempunyai pasaran dalam negeri yang lebih besar seperti RR China, Indonesia dan Filipina pula mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana. Pertumbuhan terus terjejas oleh pengeluaran inventori yang besar memandangkan firma-firma mengurangkan pengeluaran dengan nyata dan menangguhkan rancangan pelaburan lantas menyebabkan paras inventori menjadi sangat rendah. Ekoran itu, keadaan pasaran pekerja juga menjadi lemah, dengan pengangguran dalam kebanyakan negara terus meningkat lantas menjejaskan keyakinan dan perbelanjaan pengguna.

Sebagai tindak balas kepada penguncupan permintaan luaran yang ketara, bank-bank pusat serantau mengurangkan kadar faedah pada tahun itu antara 75 hingga 275 mata asas di samping menerima pakai langkah mudah tunai dan langkah jaminan untuk menyokong prospek pertumbuhan keseluruhan. Pelan perbelanjaan fiskal yang agresif, yang mencakupi antara 1% hingga 12% daripada KDNK, diumumkan bagi meningkatkan permintaan dalam negeri melalui rebat cukai, pemberian wang tunai secara langsung dan perbelanjaan infrastruktur. Beberapa buah negara juga memberikan insentif cukai kepada firma-firma untuk mengekalkan pekerja mereka. Langkah-langkah dasar tersebut memainkan peranan penting untuk memulihkan semula keyakinan pengguna dan peniaga selain menstabilkan pasaran pekerja. Di samping sokongan dasar, institusi perbankan yang kukuh yang terus memainkan peranan pengantaraan kewangan, serta kedudukan kewangan sektor swasta yang secara relatif kukuh turut membantu mempercepat proses pemulihan permintaan dalam negeri di rantau ini. Selain itu, perdagangan dalam rantau yang lebih kukuh menambah lagi rangsangan kepada pertumbuhan. Hasilnya, kebanyakan ekonomi serantau mula mencatat pertumbuhan sukuan yang positif pada suku kedua, lebih awal daripada ekonomi maju. Momentum pemulihan ekonomi Asia bertambah giat pada separuh tahun kedua apabila keadaan ekonomi global secara beransur-ansur menjadi bertambah baik. RR China khususnya, yang melaksanakan pakej rangsangan fiskal terbesar sebanyak 11.9% daripada KDNK, mencatat pertumbuhan 10.7% pada suku keempat 2009. Ini merupakan pertumbuhan paling kukuh sejak suku pertama 2008.

Dari segi **inflasi global**, banyak ekonomi maju dan serantau telah mengalami deflasi secara teknikal sejak awal tahun lagi disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi dan penurunan permintaan. Sementara inflasi keseluruhan dipengaruhi oleh kesan asas tahunan yang tinggi pada tahun 2008, inflasi teras bagi kebanyakan ekonomi masih lagi positif, lantas menyarankan bahawa ancaman deflasi sebenarnya masih lagi kecil. Berikutan pemulihan ekonomi serantau yang beransur-ansur sejak suku kedua, dan ekonomi lebih maju sejak suku ketiga, harga komoditi mula meningkat dengan stabil. Harga minyak menghampiri paras USD80 setong menjelang akhir tahun. Harga pengguna dalam kebanyakan ekonomi mula meningkat sejajar dengan trend harga komoditi walaupun tekanan permintaan masih lagi kecil. Meskipun inflasi harga pengguna rendah sepanjang tahun, harga

Rajah 1.3
Indeks Harga Komoditi Utama



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

ekuiti dan harta tanah yang semakin meningkat dalam beberapa ekonomi telah menimbulkan kebimbangan mengenai inflasi harga aset. Sebagai tindak balas, beberapa ekonomi serantau mengambil langkah-langkah tertentu untuk membendung pembentukan gelembung aset, sama ada melalui langkah-langkah pentadbiran dalam pasaran harta tanah atau langkah terhadap aliran modal jangka pendek.

Dalam **pasaran pertukaran asing,** dolar AS memulakan tahun 2009 dengan kukuh apabila menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dalam tempoh dua bulan pertama. Kekukuhan dolar disebabkan oleh aliran pelaburan portfolio ke dalam aset berdenominasi dolar mencerminkan tindakan pelabur menghindari risiko di tengah-tengah prospek pertumbuhan ekonomi global yang semakin merosot dan pasaran kewangan global yang terus lemah. Dolar juga mendapat manfaat daripada kurangnya keyakinan terhadap euro akibat kebimbangan mengenai hubungan beberapa buah bank Eropah dengan ekonomi Eropah Timur. Namun, apabila pasaran ekuiti global mulai pulih pada bulan Mac daripada beberapa paras terendahnya dalam beberapa tahun, dolar AS mula lemah. Kesanggupan pelabur mengambil risiko telah menyebabkan peralihan daripada aset berdenominasi dolar kepada aset berdenominasi mata wang lain yang berpotensi menjana pulangan lebih tinggi. Berikutan itu, mata wang utama lain mengatasi prestasi dolar AS hampir sepanjang tahun 2009. Prestasi euro dan paun sterling adalah yang paling kukuh pada pertengahan 2009, berikutan jangkaan pemulihan yang lebih cepat bagi ekonomi-ekonomi tersebut berbanding dengan ekonomi AS. Walau bagaimanapun, pemulihan prestasi ekonomi UK yang agak lewat pada separuh kedua 2009, menyebabkan sedikit penyusutan nilai dalam paun sterling. Menjelang akhir tahun itu, euro dan paun sterling menyusut nilai dengan ketara disebabkan oleh kebimbangan mengenai kedudukan fiskal kedua-dua ekonomi tersebut yang semakin merosot. Yen pula menambah nilai ke paras tertinggi dalam tempoh 14 tahun disebabkan oleh penghantaran balik perolehan yang lebih tinggi daripada pelaburan di luar negeri. Namun, trend tersebut berubah pada bulan Disember apabila yen menyusut nilai berikutan keputusan Bank of Japan untuk menambah langkah-langkah kuantitatifnya. Kebanyakan mata wang Asia menambah nilai berbanding dengan dolar AS berikutan sentimen yang lebih baik didorong oleh pemulihan serantau yang lebih cepat berbanding dengan ekonomi maju. Antara mata wang serantau, rupiah mencatat penambahan nilai yang paling kukuh berikutan keadaan ekonomi yang berdaya tahan dan persekitaran politik yang lebih menggalakkan.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2009

Ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.7% pada tahun 2009, iaitu tahun ekonomi global mengalami kemerosotan terburuk dalam sejarah moden. Ekonomi negara merasai kesan kemelesetan ekonomi global sepenuhnya pada suku pertama apabila ia merosot sebanyak 6.2%. Kemerosotan ini adalah penguncupan asas tahunan yang pertama bagi KDNK benar sejak suku ketiga 2001. Kejatuhan yang teruk dalam permintaan global dan perdagangan dunia menyebabkan eksport dan pengeluaran perindustrian di Malaysia merosot pada kadar dua angka. Berikutan tahap keterbukaan ekonomi yang tinggi, kemerosotan permintaan luar negeri telah menjejaskan guna tenaga, pendapatan serta sentimen keseluruhan sektor perniagaan dan pengguna lantas mengakibatkan aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta pada suku pertama 2009 merosot. Pertumbuhan pada suku tersebut juga terjejas oleh pengeluaran inventori yang besar, terutamanya dalam sektor perkilangan dan komoditi.

Meskipun penguncupan suku pertama ketara, prestasi ekonomi Malaysia secara keseluruhan menguncup dengan sederhana sebanyak 1.7% pada tahun 2009. Ini berikutan pemulihan ekonomi yang kukuh pada separuh kedua tahun tersebut

Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang dipercepat, pelonggaran dasar monetari yang agresif dan pengenalan langkah komprehensif untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan telah menyumbang kepada penstabilan ekonomi

dalam negeri pada suku kedua. Ini disusuli oleh pemulihan pada separuh kedua tahun tersebut. Di samping perbelanjaan awam yang lebih tinggi, langkah-langkah dasar tersebut juga membantu memulihkan sentimen sektor swasta, yang bersama-sama dengan keadaan pasaran pekerja yang semakin baik, telah menyebabkan pengembangan penggunaan swasta pada separuh kedua 2009. Tanda-tanda bahawa aktiviti pelaburan swasta mula stabil semakin jelas menjelang akhir tahun 2009. Selain itu, permintaan luar negeri menjadi pemangkin pertumbuhan selanjutnya apabila ekonomi global, terutamanya ekonomi serantau, beransur-ansur pulih. Hasilnya, ekonomi Malaysia mendapat momentum pertumbuhannya pada suku keempat, apabila mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% hasil sokongan permintaan dalam dan luar negeri yang lebih kukuh.

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada suku pertama terjejas terutamanya akibat kemerosotan yang ketara dalam sektor perkilangan. Sektor-sektor lain juga menguncup, kecuali sektor pembinaan. Dalam sektor perkilangan, industri berorientasikan eksport terutamanya, telah terjejas teruk oleh kemerosotan permintaan luar negeri yang ketara. Namun, sektor perkilangan beransur-ansur pulih dan mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat sejajar dengan pemulihan dalam permintaan luar negeri. Sektor perkhidmatan pula merosot sedikit pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh penguncupan subsektor berkaitan dengan aktiviti perkilangan dan perdagangan. Ekoran permintaan dalam negeri yang meningkat, prestasi sektor perkhidmatan secara beransur-ansur menjadi bertambah baik sejak suku kedua, hasil sumbangan pertumbuhan subsektor perkhidmatan yang bergantung pada aktiviti ekonomi dalam negeri dan subsektor berkaitan dengan kewangan dan pasaran modal. Namun, pertumbuhan sektor pembinaan kekal positif sepanjang tempoh tersebut terutamanya berikutan pelaksanaan projek berkaitan pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan langkah rangsangan fiskal.

Keadaan pasaran pekerja menjadi sangat lemah pada suku pertama apabila syarikat perkilangan mengurangkan operasi mereka, terutamanya pada dua bulan pertama 2009. Jumlah pemberhentian pekerja meningkat ke paras tertingginya dalam tempoh tujuh tahun, iaitu sebanyak 25,064 orang pekerja pada tahun 2009, dengan separuh daripada mereka kehilangan pekerjaan pada suku pertama. Keadaan pasaran pekerja mula stabil pada suku kedua dan selepas itu menjadi bertambah baik seperti ditunjukkan oleh pemberhentian pekerja yang berkurang dan pengambilan pekerja baharu oleh syarikat. Pemulihan pasaran pekerja yang lebih pantas daripada jangkaan berikutan keadaan ekonomi global dan dalam negeri yang lebih baik telah menyebabkan kadar pengangguran yang lebih rendah pada 3.7% daripada tenaga kerja, berbanding dengan unjuran awal pada 4.5%. Walaupun persekitaran ekonomi terus mencabar dan produktiviti merosot pada tahun 2009, majikan dalam sektor swasta tetap menaikkan gaji pekerja, meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.4% (2008: 5.1%).

Inflasi keseluruhan berpurata pada 0.6% pada tahun 2009 (2008: 5.4%) apabila tekanan inflasi di Malaysia menjadi lebih sederhana, sejajar dengan perkembangan global dan dalam negeri. Keadaan permintaan global yang lemah, terutamanya pada suku pertama 2009, menyebabkan kejatuhan yang besar dalam harga komoditi dunia, terutamanya harga minyak mentah. Berikutan itu, beberapa negara mengalami tekanan inflasi yang lebih rendah pada tahun itu. Inflasi dalam ekonomi maju mencatat kejatuhan yang besar, sementara inflasi dalam ekonomi pesat membangun juga merosot pada tahun 2009. Kemelesetan inflasi yang paling ketara dicatat oleh Republik Rakyat China (2009: -0.7%; 2008: +5.9%). Kejatuhan harga bahan api dan komoditi dunia serta inflasi yang lebih rendah di negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia telah menyumbang kepada inflasi dalam negeri yang lebih rendah. Penurunan harga runcit petrol tempatan secara kumulatif pada separuh kedua 2008, mendorong kepada trend inflasi dalam negeri yang sederhana pada tahun 2009.

Kedudukan luaran Malaysia terus kukuh pada tahun 2009 walaupun persekitaran luaran sangat lemah. Akaun semasa terus mencatat lebihan yang besar pada tahun 2009, disokong oleh lebihan perdagangan yang besar dan akaun perkhidmatan yang bertambah baik. Walaupun eksport kasar merosot dengan ketara pada tahun 2009, khususnya pada separuh pertama tahun, lebihan perdagangan kekal besar memandangkan permintaan terhadap eksport yang lebih rendah diiringi oleh kejatuhan

Jadual 1.2: Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2007	2008	2009*a*	2010*r*
Penduduk (juta orang)	27.2	27.7	28.3	28.9
Tenaga kerja (juta orang)	11.8	12.0	12.1	12.2
Guna tenaga (juta orang)	11.4	11.6	11.6	11.8
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.2	3.3	3.7	3.6
Pendapatan Per Kapita (RM)	23,033	25,784	23,381	25,180
(USD)	6,700	7,737	6,634	7,416[6]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2000[1]	6.2	4.6	-1.7	4.5 ~ 5.5
(RM bilion)	504.9	528.3	519.2	543.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1.4	4.0	0.4	3.1
Perlombongan dan kuari	2.0	-0.8	-3.8	2.5
Perkilangan	3.1	1.3	-9.3	6.5
Pembinaan	4.7	2.1	5.7	3.7
Perkhidmatan	9.6	7.2	2.6	4.9
PNK nominal	12.3	14.2	-7.4	10.0
(RM bilion)	625.9	715.0	661.8	727.7
PNK benar	5.9	2.0	1.2	3.6
(RM bilion)	481.8	491.5	497.4	515.3
Permintaan agregat benar[2]	9.6	6.8	-0.4	3.2
Perbelanjaan swasta[2]	10.7	7.0	-3.4	3.3
Penggunaan	10.4	8.5	0.8	3.8
Pelaburan	11.8	0.8	-21.8	0.7
Perbelanjaan awam[2]	6.8	6.3	7.7	2.7
Penggunaan	6.5	10.9	3.7	-2.7
Pelaburan	7.1	0.7	12.9	9.3
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	38.2	37.9	31.3	35.2
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Barangan	127.7	170.6	141.5	141.6
Eksport (f.o.b.)	605.9	664.3	554.2	615.2
Import (f.o.b.)	478.2	493.8	412.7	473.7
Imbangan perkhidmatan	2.4	0.2	3.2	-0.7
(% daripada PNK)	0.4	...	0.5	-0.1
Pendapatan, bersih	-13.9	-23.7	-12.6	-19.9
(% daripada PNK)	-2.2	-3.3	-1.9	-2.7
Pindahan semasa, bersih	-15.7	-17.5	-19.4	-17.1
Imbangan akaun semasa	100.4	129.5	112.7	103.8
(% daripada PNK)	16.0	18.1	17.0	14.3
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	335.7	317.4	331.3	
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	8.4	7.6	9.7	
HARGA (% perubahan)				
IHP (2005=100)[4]	2.0	5.4	0.6	2.0 ~ 2.5
IHPR (2005=100)[5]	6.7	10.3	-7.1	
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	2.7	-4.8	1.9	n.a

[1] Mulai tahun 2007, KDNK benar telah diubah kepada harga tahun 2000, daripada harga tahun 1987 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[4] Bermula tahun 2006, Indeks Harga Pengguna merujuk kepada tahun asas baharu 2005=100 daripada tahun asas 2000=100 sebelum ini
[5] Bermula tahun 2010, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2005=100 daripada tahun asas 2000=100 sebelum ini
[6] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2010
a Awalan
r Ramalan
... Terlalu kecil

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual 1.3: Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2007	2008	2009*a*
Hasil	139.9	159.8	158.6
Perbelanjaan mengurus	123.1	153.5	157.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	37.5	41.9	49.0
Imbangan keseluruhan	-20.7	-35.6	-47.4
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-3.2	-4.8	-7.0
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	96.3	124.4	118.0
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	1.5	-5.6	-3.8
HUTANG LUAR NEGERI[1]			
Jumlah hutang (RM bilion)	187.4	236.1	233.9
Hutang jangka sederhana dan panjang	133.0	156.5	156.0
Hutang jangka pendek[2]	54.5	79.6	78.0
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	3.8	2.6	6.5
Hutang jangka sederhana dan panjang	3.4	2.5	6.4

		Perubahan 2007		Perubahan 2008		Perubahan 2009	
WANG DAN PERBANKAN		**RM bilion**	**%**	**RM bilion**	**%**	**RM bilion**	**%**
Bekalan wang	M1	27.6	19.6	14.0	8.3	17.9	9.8
	M3	72.4	9.5	99.1	11.9	85.1	9.1
Deposit sistem perbankan		56.5	7.0	103.4	11.9	90.7	9.3
Pinjaman sistem perbankan[3]		51.2	8.6	82.3	12.8	56.9	7.8
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)[4]		76.2		77.7		77.9	
Nisbah pembiayaan-deposit[4, 5]		85.1		85.8		84.6	

KADAR FAEDAH (KADAR PURATA PADA AKHIR TAHUN)		2007 %	2008 %	2009 %
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50	3.25	2.00
Kadar Antara Bank				
1 bulan		3.54	3.30	2.06
Bank Perdagangan				
Deposit tetap	3 bulan	3.15	3.04	2.03
	12 bulan	3.70	3.50	2.50
Deposit tabungan		1.44	1.40	0.87
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)		6.72	6.48	5.51
Bil Perbendaharaan (3 bulan)		3.43	3.39	2.05
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun)*		3.53	2.89	2.12
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun)*		3.78	2.99	3.79

KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING	2007	2008	2009
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)	%	%	%
Perubahan berbanding dengan SDR	1.7	-2.7	0.2
Perubahan berbanding dengan USD[6]	6.8	-4.5	1.2

[1] Mulai suku pertama tahun 2008, data hutang luar negeri telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin
[2] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan
[5] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan PDS oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan
[6] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005
a Awalan
* Merujuk kepada akhir-tahun

dalam import . Akaun perkhidmatan mencatat lebihan yang ketara pada tahun 2009 berikutan perolehan daripada sektor perjalanan yang lebih tinggi berikutan aktiviti perjalanan serantau yang berterusan dan defisit yang lebih kecil dalam perkhidmatan lain. Sementara itu, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah pada tahun itu, sebahagian besarnya disebabkan oleh aliran keluar portfolio yang lebih sederhana pada separuh pertama dan aliran masuk bersih pada separuh kedua. Aliran masuk bersih pelaburan langsung asing dan aliran keluar bersih pelaburan langsung luar negeri juga menjadi sederhana di tengah-tengah keadaan ekonomi yang lemah. Aliran keluar pelaburan lain, sebahagian besarnya terdiri daripada kredit perdagangan, meningkat pada tahun itu. Memandangkan lebihan akaun semasa yang besar telah lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan, imbangan pembayaran secara keseluruhan mencatat lebihan pada tahun 2009. Perkembangan ini menyumbang kepada kenaikan rizab antarabangsa bersih sebanyak RM13.9 bilion lagi. Rizab berjumlah RM331.3 bilion (atau USD96.7 bilion) pada 31 Disember 2009.

Ekonomi Malaysia yang terjejas dengan ketara oleh perkembangan ekonomi global pada suku pertama 2009, pulih dengan pantas untuk mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat. Selain permintaan luar negeri yang bertambah baik, ekonomi dalam negeri juga disokong oleh pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang dipercepat, persekitaran monetari yang akomodatif dan akses kepada pembiayaan yang berterusan. Tindak balas dasar yang pantas dan komprehensif, yang juga membantu memulihkan sentimen pengguna dan perniagaan, telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan permintaan dalam negeri, iaitu faktor utama yang menyokong aktiviti ekonomi sepanjang tempoh tersebut. Selain itu, sistem kewangan domestik kekal kukuh walaupun persekitaran kewangan antarabangsa makin mencabar. Sistem kewangan meneruskan fungsi pengantaraannya dengan berkesan dan membantu memulihkan permintaan dalam negeri. Secara keseluruhan, asas-asas ekonomi dan kewangan yang kukuh, seperti dicerminkan oleh daya tahan permintaan dalam negeri, kedudukan rizab antarabangsa yang tinggi, hutang luar negeri yang rendah, kadar simpanan yang terus tinggi dan sektor perbankan yang kukuh, telah meletakkan ekonomi Malaysia pada kedudukan yang lebih baik untuk terus berkembang pada masa hadapan.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI PADA TAHUN 2009

Permintaan dalam negeri menguncup sebanyak 2.9% pada suku pertama, penguncupan kali pertama sejak suku ketiga 2001, memandangkan sektor isi rumah dan perniagaan mengambil sikap lebih berhati-hati ekoran kemerosotan ketara dalam permintaan luar negeri, keadaan pasaran pekerja yang lebih lemah dan kemerosotan sentimen sektor swasta secara keseluruhan. Meskipun permintaan luar negeri terus lemah, keadaan permintaan dalam negeri mula stabil pada suku kedua disebabkan oleh perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan langkah rangsangan fiskal untuk menyokong ekonomi dan meningkatkan penggunaan swasta.

Permintaan dalam negeri yang menguncup pada suku pertama, pulih pada separuh kedua 2009, apabila keadaan pasaran pekerja dan sektor luar negeri bertambah baik

Sektor awam memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesan kemelesetan global terhadap ekonomi dalam negeri melalui pelaksanaan lebih cepat dua pakej rangsangan pada tahun 2009. Perbelanjaan sektor awam yang kukuh, bersama-sama dengan dasar monetari

Rajah 1.4
Agregat Permintaan Dalam Negeri Benar



Bagaimana Kemelesetan Global Baru-baru ini Memberikan Kesan kepada Ekonomi Malaysia?

Pengenalan

Masalah dalam sistem kewangan Amerika Syarikat (AS) yang bermula pada pertengahan tahun 2007 berpunca daripada kemerosotan kualiti aset subprima. Perkembangan buruk ini merebak hingga menjadi krisis kewangan global yang besar lagi ketara pada separuh pertama 2008. Kegagalan beberapa buah institusi kewangan AS dan global yang utama pada bulan September 2008 khususnya telah membangkitkan kebimbangan meluas mengenai gangguan sistemik merentas pasaran kewangan global, yang kemudiannya telah mengakibatkan 'pembekuan' pasaran antara bank dan pasaran kredit di banyak pusat kewangan seluruh dunia. Meskipun pihak berkuasa melaksanakan langkah kewangan yang besar dan agresif yang tidak pernah diambil sebelum ini, krisis tersebut menjadi bertambah buruk apabila lebih banyak kelas aset kewangan mengalami keruntuhan harga lantas mengakibatkan kesan negatif yang amat besar terhadap pendapatan dan kekayaan. Fenomena ini bersama-sama dengan kehilangan keyakinan yang meluas juga menyebabkan kemelesetan serentak dalam kalangan ekonomi maju pada separuh kedua 2008. Keadaan ini menjadi bertambah buruk pada suku pertama 2009 (Rajah 1). Berikutan pelaksanaan rangsangan dasar fiskal dan monetari yang besar, ekonomi global mula menunjukkan tanda-tanda penstabilan pada suku kedua 2009, sebelum beransur-ansur pulih menjelang akhir tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi global adalah tidak sekata, dengan pertumbuhan ekonomi maju masih lagi lemah manakala ekonomi sedang pesat membangun pula lebih kukuh prestasinya.

Rajah 1
Ekonomi Maju Menghadapi Kemelesetan Serentak Menjelang Akhir Tahun 2008



Sumber: Haver Analytics

Kemelesetan yang ketara dalam ekonomi maju telah mengakibatkan kesan limpahan yang nyata kepada ekonomi di rantau Asia memandangkan hubungan kewangan dan perdagangan yang rapat. Menjelang akhir tahun 2008, proses pembayaran balik hutang pada peringkat global juga telah menyebabkan aliran keluar dana portfolio jangka pendek yang besar dari rantau ini di samping kemerosotan yang ketara dalam aktiviti pembiayaan bank. Ini mengakibatkan kemerosotan besar dalam pasaran ekuiti dan pasaran hutang, memperlahankan kemasukan pelaburan langsung asing dan melemahkan nilai mata wang serantau berbanding dengan dolar AS. Walau bagaimanapun, asas-asas ekonomi dan sektor kewangan rantau ini yang kukuh membolehkan ekonomi serantau menangani perkembangan buruk ini dengan baik tanpa mengganggu proses pengantaraan sistem kewangan domestik. Kemerosotan perdagangan global yang teruk telah menyebabkan rantau ini mengalami kejatuhan eksport dan pengeluaran perindustrian yang besar. Ini lantas telah mengakibatkan negara di rantau ini yang lebih terbuka ekonominya mengalami penguncupan ekonomi, manakala ekonomi lain pula mencatat kejatuhan pertumbuhan yang ketara pada suku keempat 2008.

Kesan Kemelesetan Global Terhadap Malaysia

Krisis kewangan global dan aktiviti pembayaran balik hutang dalam ekonomi maju telah mendorong aktiviti penjualan aset di seluruh dunia, termasuk di rantau ini, lantas menyebabkan penurunan yang ketara dalam pasaran ekuiti dan bon serantau. Aliran keluar modal jangka pendek juga ketara khususnya pada separuh kedua 2008 apabila dana dihantar balik ke AS. Namun, trend aliran modal tersebut dapat diimbangi oleh pasaran kewangan domestik memandangkan mudah tunai dalam

sistem kewangan adalah lebih daripada mencukupi dan sistem perbankan pula kukuh. Kedudukan rizab AS yang teguh turut bertindak sebagai penampan bagi mudah tunai dolar AS dan turun naik dalam kadar pertukaran dalam tempoh yang bergolak ini. Tambahan pula, reformasi sektor kewangan dan inisiatif bina upaya secara meluas berikutan krisis kewangan Asia telah meningkatkan daya tahan sektor kewangan untuk menghadapi kemelut krisis kewangan ini. Dedahan sistem perbankan domestik terhadap aset subprima juga terhad.

Sistem perbankan Malaysia berada pada asas yang kukuh semasa krisis kewangan global meletus. Tahap permodalan sistem perbankan Malaysia terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko pada 14.7% pada akhir Disember 2009 (akhir 2008: 12.6%), manakala nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih adalah rendah pada 1.8% (akhir 2008: 2.2%). Tahap permodalan yang kukuh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan telah memastikan fungsi pengantaraan dapat berjalan seperti biasa. Ini seperti ditunjukkan oleh pengembangan berterusan dalam pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan isi rumah sepanjang tahun 2009. Jumlah pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 2.6% pada akhir tahun 2009 (akhir 2008: 13.2%), sementara pinjaman isi rumah terkumpul terus mapan pada kadar yang tinggi, iaitu 9.8% pada akhir tahun 2009 (akhir 2008: 9.7%).

Rajah 2
Kejatuhan Perdagangan Dunia Menyebabkan Penguncupan Mendadak Eksport Kasar dan Pengeluaran Sektor Perkilangan Malaysia



Sumber: Haver Analytics; Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 3
Sektor Perkilangan yang Berorientasikan Eksport Menerima Kesan Paling Teruk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memandangkan Malaysia merupakan ekonomi yang sangat terbuka, kesan kemelesetan global begitu dirasai oleh sektor yang berkaitan dengan perdagangan luar. Kemelesetan ekonomi maju mula memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia pada suku keempat 2008. Eksport dan pengeluaran perkilangan masing-masing menurun sebanyak 7.4% dan 11.1% (Rajah 2), manakala aktiviti pelaburan swasta menjadi lembap oleh keadaan perniagaan yang semakin merosot. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri yang berterusan, khususnya penggunaan swasta, memberi sokongan kepada ekonomi lantas mengelakkannya daripada mengalami penguncupan ekonomi pada suku keempat 2008 (pertumbuhan KDNK benar: 0.1%).

Malaysia mengalami kesan krisis global sepenuhnya pada suku pertama 2009, apabila kemelesetan ekonomi maju yang kian meruncing memburukkan lagi kesan kemerosotan ketara dalam permintaan global terhadap perdagangan, aktiviti pengeluaran dan pelaburan dalam ekonomi domestik. Apabila ekonomi maju dan sebilangan ekonomi sedang pesat membangun terjerumus ke kancah kemelesetan

yang teruk pada suku pertama 2009, perdagangan dunia jatuh dengan ketara sebanyak 28.6% (S4 08: -7.4%). Ini seterusnya telah menjejaskan eksport dari rantau ini, termasuk Malaysia. Eksport kasar Malaysia merosot sebanyak 20% pada suku tersebut (S4 08: -7.4%) lalu menjejaskan aktiviti pengeluaran, khususnya sektor perkilangan (Rajah 3). Sebagai tindak balas terhadap kemerosotan ketara eksport dan aktiviti pengeluaran, firma-firma mengambil langkah mengurangkan kos pekerja dengan membekukan pengambilan pekerja baharu, memulakan pengurangan gaji dan waktu kerja lebih masa serta memberhentikan sebahagian daripada pekerja. Jumlah pemberhentian pekerja meningkat kepada 12,590 orang pada suku pertama, berbanding dengan purata suku tahunan sebanyak 3,873 orang dalam tahun 2005-2008, terutamanya pekerja perkilangan. Kadar pengangguran meningkat kepada 4% pada suku pertama 2009 (S4 2008: 3.1%).

Rajah 4
Kelemahan Sektor Luar Menjurus kepada Kelemahan Sektor Dalam Negeri yang Meluas dalam Ekonomi pada Suku Pertama Tahun 2009



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun pendapatan isi rumah dalam sektor lain yang tidak terdedah secara langsung kepada permintaan luar tidak terjejas, sikap berbelanja mereka turut dipengaruhi sentimen yang lemah ekoran keadaan ekonomi keseluruhan yang lembap di samping ketidakpastian mengenai prospek pendapatan dan jaminan pekerjaan. Ini menyebabkan penurunan kecil dalam perbelanjaan penggunaan swasta sebanyak 0.7%. Jumlah pelaburan pula merosot dengan ketara (-10.8%), berikutan penguncupan yang besar dalam perbelanjaan pelaburan swasta, dengan aktiviti pengembangan kapasiti terjejas oleh penurunan yang besar dalam permintaan luar, penggunaan kapasiti yang lebih rendah daripada biasa dan keyakinan perniagaan yang semakin lemah. Kesannya, permintaan dalam negeri agregat menurun sebanyak 2.9% dan ekonomi menguncup dengan nyata sebanyak 6.2% pada suku pertama 2009 (Rajah 4). Ini merupakan penguncupan pertama sejak suku ketiga 2001. Ambilan inventori yang besar pada suku itu, khususnya dalam sektor perkilangan dan komoditi, menyebabkan kemerosotan pertumbuhan selanjutnya.

Tindak Balas Dasar dan Pemulihan Ekonomi Malaysia

Dalam tindak balasnya kepada krisis global, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah dasar untuk mengurangkan kesan buruk daripada kemerosotan global dan untuk menghalang ekonomi daripada tergelincir ke dalam kancah kemelesetan (Jadual 1). Langkah-langkah ini tertumpu pada tiga bidang yang luas, iaitu dasar fiskal (dua pakej rangsangan berjumlah RM67 bilion atau 9.9% daripada KDNK), pelonggaran dasar monetari (Kadar Dasar Semalaman dikurangkan sebanyak 150 mata asas kepada 2.00%) dan diperkuat oleh langkah komprehensif untuk memastikan akses kepada pembiayaan berterusan. Pelaksanaan langkah-langkah ini bukan sahaja memberikan sokongan secara langsung kepada aktiviti dalam negeri, bahkan sama pentingnya ialah tindakan ini telah mendorong pemulihan sentimen perniagaan dan pengguna. Hasilnya, permintaan dalam negeri mencatat penurunan yang lebih perlahan sebanyak 2.2% pada suku kedua 2009, sebelum pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.7% pada separuh kedua tahun itu. Yang penting ialah penggunaan swasta menjadi bertambah baik untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 0.5% pada suku kedua, sebelum menjadi lebih kukuh kepada 1.7% pada suku keempat.

Dari segi sektor luar, penstabilan, yang disusuli oleh pemulihan beransur-ansur dalam ekonomi global sejak pertengahan tahun 2009, terus menyokong ekonomi Malaysia. Khususnya, pemulihan ekonomi serantau yang kukuh, terutamanya RR China, memberi manfaat kepada Malaysia, dengan eksport

ke rantau Asia menjadi bertambah baik pada separuh tahun kedua. Eksport Malaysia ke RR China khususnya kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan tahunan yang positif seawal bulan Ogos. Pemulihan dalam eksport menjadi lebih menyeluruh menjelang akhir tahun berikutan pemulihan eksport ke beberapa buah ekonomi maju. Hasilnya, permintaan luar menyumbang secara positif kepada pertumbuhan pada suku keempat 2009.

Kesimpulan
Sebagai ekonomi yang amat terbuka, Malaysia turut terjejas oleh kemelesetan ekonomi global yang bermula pada suku ketiga 2008 dan berterusan hingga suku pertama 2009. Dengan penstabilan pasaran kewangan global yang disusuli oleh pemulihan dalam ekonomi maju, tindak balas dasar yang pantas melalui dasar fiskal dan monetari telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan permintaan dalam negeri sepanjang tempoh itu. Asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh, sistem kewangan yang teguh dan pelaksanaan langkah sokongan dasar komprehensif yang proaktif telah berjaya menghindarkan ekonomi negara daripada tergelincir ke kancah pertumbuhan negatif yang lebih buruk dan berpanjangan. Asas-asas ekonomi dan kewangan yang kukuh telah menyediakan asas bagi pemulihan yang cepat. Kekuatan dan kestabilan sistem kewangan domestik sepanjang tempoh ini memastikan pengantaraan kewangan tidak terganggu dan sektor swasta boleh terus mendapat akses kepada kredit. Bersama-sama dengan kedudukan kewangan swasta yang kukuh, situasi ini akan mendorong pemulihan yang cepat dalam permintaan dalam negeri sebaik sahaja krisis kewangan global terkawal dan ekonomi global kembali stabil. Melangkah ke hadapan, asas-asas ini akan mencerahkan lagi prospek pemulihan yang lebih kukuh.

Jadual 1: Tindak Balas Dasar untuk Mengurangkan Kemelesetan Ekonomi

Tindak Balas Dasar	Langkah-langkah
Dua Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion (suntikan fiskal langsung: RM22 bilion), dengan tumpuan utama untuk menyokong permintaan dalam negeri dan mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi global terhadap segmen ekonomi yang terjejas	➢ Pakej pertama (RM7 bilion) • Membina, menaik taraf, memperbaik dan menyelenggara kemudahan • Membina rumah kos rendah dan sederhana • Program pembangunan modal insan • Penambahbaikan perkhidmatan telekomunikasi yang lebih pesat • Bantuan kepada Sektor Swasta ➢ Pakej kedua (RM60 bilion) • Mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan • Meringankan beban orang ramai, terutamanya kumpulan yang mudah terjejas • Membantu sektor swasta untuk menghadapi krisis • Membina kapasiti untuk masa hadapan
Rangsangan monetari untuk mengurangkan kos pengantaraan	➢ Menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 150 mata asas kepada 2.0% antara bulan November 2008 hingga bulan Februari 2009 ➢ Mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 300 mata asas kepada 1.0%
Langkah komprehensif untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan, serta meminimumkan kesan kemelesetan ekonomi terhadap sektor tertentu yang terjejas	➢ Memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan • Skim pembiayaan dan jaminan untuk PKS dan perniagaan • Penubuhan Institusi Jaminan Kewangan (Danajamin Nasional Bhd) ➢ Penyusunan Semula dan Penjadualan Semula Kemudahan Kredit • Fleksibiliti untuk menyusun dan menjadual semula pinjaman supaya dapat menyelesaikannya dengan lebih awal dengan peminjam • Peranan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang dipertingkatkan dan Skim Penyelesaian Hutang Kecil yang lebih meluas ➢ Langkah awalan bagi mengekalkan keyakinan terhadap sektor kewangan • Jaminan penuh bagi semua deposit sehingga akhir tahun 2010 • Kemudahan mudah tunai BNM diperluas kepada pengendali insurans dan takaful ➢ Saluran untuk peminjam mendapatkan bantuan dan penyelesaian • Pusat Perhubungan Bersepadu: BNMLINK, BNMTELELINK, Unit Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat • Memperluas skop rangkuman Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit • Saluran Bebas Tol *ABMConnect* • Unit aduan di institusi kewangan • Biro Pengantaraan Kewangan • Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Kecil
Langkah-langkah lain	➢ Pengurangan bahagian caruman pekerja kepada KWSP secara sukarela sebanyak 3 mata peratusan daripada 11% kepada 8% pada tahun 2009 dan 2010 ➢ Membenarkan pembelian harta tanah komersial yang berharga lebih daripada RM500,000 oleh orang asing untuk kegunaan sendiri tanpa memerlukan kebenaran daripada FIC ➢ Meningkatkan tahap kelayakan pinjaman kenderaan untuk kakitangan awam

yang akomodatif, serta akses kepada pembiayaan yang berterusan, keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan permintaan luar negeri yang beransur pulih telah menyumbang kepada pengembangan aktiviti permintaan dalam negeri pada separuh kedua 2009. Peningkatan dalam penggunaan swasta telah disokong oleh sentimen pengguna yang semakin baik, prospek pekerjaan yang stabil, inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Walaupun aktiviti pelaburan swasta masih lemah pada tahun 2009, tanda-tanda penstabilan mula dilihat menjelang akhir tahun tersebut, apabila keadaan ekonomi global dan permintaan luar negeri menjadi lebih baik. Hasilnya, permintaan dalam negeri pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.7% pada separuh kedua 2009 lantas menjadikan pertumbuhan agregat permintaan dalam negeri bagi tahun tersebut merosot sebanyak 0.4% (2008: +6.8%).

Penggunaan swasta mencatatkan pertumbuhan yang kecil sebanyak 0.8% pada tahun 2009, iaitu perkembangan yang paling perlahan sejak Krisis Kewangan Asia. Pada awal tahun tersebut, perbelanjaan sektor isi rumah terjejas oleh pemberhentian pekerja yang tinggi dan pengurangan upah benar menjelang akhir tahun 2008. Perbelanjaan pengguna yang lemah dicerminkan oleh penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang baharu, pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah dan import barangan penggunaan. Indeks Sentimen Pengguna MIER kekal di bawah paras ambang 100 mata (S1 2009: 78.9 mata), menunjukkan jangkaan sektor isi rumah yang pesimistik terhadap prospek pekerjaan dan pendapatan. Akibatnya, penggunaan swasta menurun sebanyak 0.7% pada suku pertama.

Rajah 1.5
PNK per Kapita



Penggunaan swasta mula meningkat secara beransur-ansur pada suku kedua, sebelum mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 1.7% pada suku keempat. Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, harga komoditi yang lebih tinggi dan pemulihan sektor perkilangan yang lebih cepat daripada jangkaan telah meningkatkan perbelanjaan pengguna. Selain itu, tindak balas dasar monetari yang awal dan pelaksanaan dua pakej rangsangan fiskal juga membantu memulihkan keyakinan pengguna, seperti dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna MIER yang lebih tinggi yang melebihi paras ambang 100 mata sejak suku kedua 2009. Selain itu, keadaan pembiayaan yang menggalakkan memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna apabila pengguna terus mempunyai akses kepada kredit dalam persekitaran kadar faedah yang rendah. Yang ketara, kredit isi rumah terus mengembang pada tahun itu dengan pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor tersebut meningkat dengan nyata sebanyak 17.3% (2008: 8.9%). Walaupun keadaan ekonomi adalah lembap, kedudukan kewangan sektor isi rumah terus kukuh, seperti ditunjukkan oleh nisbah hutang sektor isi rumah kepada aset kewangan yang kekal rendah pada 40.7% (2008: 42.6%), manakala nisbah pinjaman tak berbayar bagi pinjaman sektor isi rumah menurun lagi kepada 3.1% pada akhir tahun 2009 (2008: 4.1%).

Mencerminkan kesan sepenuhnya kemelesetan ekonomi global pada 2009, **pelaburan swasta** merosot dengan ketara, iaitu sebanyak 21.8% pada tahun itu (2008: 0.8%). Aktiviti perbelanjaan modal yang lebih perlahan sejak akhir tahun 2008 menjadi bertambah buruk pada tahun 2009. Sektor perniagaan menangguhkan atau membatalkan keputusan pelaburan memandangkan permintaan luar negeri yang semakin merosot dan sikap berhati-hati terhadap prospek ekonomi dalam negeri. Perbelanjaan modal sektor swasta yang lembap juga dicerminkan oleh kemerosotan ketara dalam penunjuk pelaburan utama. Import barangan modal mencatatkan penurunan sebanyak 5.9%, manakala jualan bahan berkaitan pembinaan menurun dengan ketara sebanyak 26.1%. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan terbitan sekuriti hutang swasta untuk membiayai aktiviti baharu juga menjadi perlahan pada tempoh ini, memandangkan permintaan terhadap pembiayaan perniagaan lebih rendah.

Sementara itu, aliran masuk FDI kasar menjadi sederhana kepada RM31.6 bilion, apabila pelabur asing terjejas oleh persekitaran ekonomi global yang kurang menggalakkan. Penunjuk-penunjuk tersebut bagaimanapun menjadi bertambah baik pada akhir tahun 2009, apabila keadaan ekonomi global mula pulih.

Pelaburan dalam sektor perkilangan adalah paling teruk terjejas oleh kelembapan keadaan ekonomi global. Eksport perkilangan merosot dengan ketara lantas menyebabkan aktiviti pengeluaran jatuh dengan nyata, yang seterusnya mengakibatkan penggunaan kapasiti yang lebih rendah. Pada suku pertama 2009, kadar penggunaan kapasiti MIER merosot kepada 72%, lantas mengurangkan keperluan syarikat untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran. Walau bagaimanapun, kadar penggunaan kapasiti pulih dengan nyata pada suku keempat kepada 81.4%, sejajar dengan prestasi sektor perkilangan yang lebih baik.

Program perbelanjaan modal dalam sektor ekonomi lain berterusan pada tahun 2009, meskipun lebih kecil berbanding dengan tahun sebelumnya. Perbelanjaan modal dalam sektor minyak dan gas, terutamanya untuk kemudahan pengeluaran huluan dan aktiviti cari gali, terus meningkat. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan juga mampan, mencerminkan pengembangan kapasiti yang berterusan dan kerja-kerja naik taraf dalam subsektor pengangkutan, utiliti dan telekomunikasi, di samping pembukaan saluran dagang runcit yang baharu.

Pelaburan awam berkembang dengan pesat pada tahun 2009 dan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.9% (2008: 0.7%). Ini berikutan pelaksanaan dua pakej rangsangan ekonomi untuk mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi global. Dalam sektor ekonomi, perbelanjaan disalurkan terutamanya kepada pembangunan sektor luar bandar dan pertanian, menambah baik sistem pengangkutan, meningkatkan kemudahan awam dan menaik taraf infrastruktur perindustrian. Perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan sosial terus disalurkan kepada aktiviti untuk menambah baik penyediaan perkhidmatan asas, terutamanya pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan. Yang penting, projek berimpak besar dalam pakej rangsangan pertama telah dilaksanakan sepenuhnya, sementara kira-kira 64% daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan dalam pakej kedua telah dilaksanakan pada tahun 2009.

Aktiviti perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) juga menyokong peningkatan kukuh dalam pelaburan sektor awam pada tahun 2009. Pelaburan PABK tertumpu terutamanya pada sektor perlombongan, pengangkutan, utiliti dan komunikasi. Dalam sektor perlombongan, perbelanjaan modal dalam segmen huluan minyak dan gas kekal tinggi, sementara perbelanjaan modal dalam sektor pengangkutan adalah lebih tinggi disebabkan oleh pengembangan kapasiti oleh syarikat pengangkutan rel dan pengangkutan udara. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi juga dibuat bagi segmen utiliti tenaga berikutan naik taraf dan penambahbaikan berterusan terhadap sistem penjanaan, penghantaran dan pengedaran tenaga. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam sektor komunikasi tertumpu terutamanya pada pembangunan infrastruktur jalur lebar di bawah inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi.

Rajah 1.6
Jumlah Pelaburan Semasa dan Penggunaan Kapasiti Sektor Perkilangan



[1] Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Rajah 1.7
Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Anggaran

Penggunaan awam meningkat sebanyak 3.7% pada tahun 2009 (2008: 10.9%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen. Ini sebahagiannya disebabkan oleh emolumen yang lebih tinggi di bawah inisiatif Kerajaan untuk mengisi kekosongan jawatan sebanyak hampir 50,000 dalam sektor awam. Perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan terus bertambah disebabkan oleh penambahbaikan jentera pentadbiran dan sistem penyampaian sektor awam di samping perbelanjaan penyelenggaraan bangunan dan lekapan.

Tabungan sektor awam meningkat kepada RM92.3 bilion atau 13.9% daripada pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2009 (2008: RM80.9 bilion atau 11.3%) berikutan lebihan operasi PABK yang lebih besar. Namun, tabungan sektor swasta menurun kepada RM114.9 bilion atau 17.4% daripada PNK (2008: RM189.9 bilion atau 26.6%), mencerminkan perbelanjaan penggunaan sektor isi rumah yang mampan walaupun pertumbuhan pendapatan bertukar negatif. Secara keseluruhan, **tabungan negara kasar** merosot buat kali pertama sejak tahun 2001 sebanyak 23.5% kepada RM207.2 bilion. Namun, kemerosotan tabungan negara kasar sebahagian besarnya telah diimbangi oleh penguncupan dalam pelaburan sektor swasta, yang seterusnya menyebabkan lebihan tabungan pelaburan menurun sedikit kepada RM112.7 bilion atau 17% daripada PNK pada tahun 2009 (2008: RM129.5 bilion atau 18.1%).

KAJIAN MENURUT SEKTOR

Secara keseluruhan, tahun 2009 merupakan tahun yang mencabar bagi kebanyakan sektor ekonomi di Malaysia. Pada suku pertama, semua sektor, kecuali sektor pembinaan, mencatatkan pertumbuhan negatif dalam persekitaran ekonomi global dan dalam negeri yang semakin buruk. Khususnya, subsektor yang bergantung pada permintaan luar paling teruk terjejas apabila kelompok elektronik dan keluaran elektrik sektor perkilangan menguncup pada kadar yang belum pernah tercatat, selain penguncupan ketara dalam subsektor perkhidmatan berkaitan perdagangan. Selain itu, kelemahan sektor luar yang menjejaskan permintaan dalam negeri, dan juga harga komoditi yang lebih rendah, telah menyebabkan prestasi yang lemah dalam kebanyakan subsektor lain.

Keadaan menjadi bertambah baik pada suku kedua, hasil sokongan dasar dalam negeri yang utama dan tepat pada masanya selain persekitaran luar yang mula stabil. Pelaksanaan dua pakej rangsangan fiskal dan persekitaran dasar monetari yang akomodatif mengurangkan kesan kelemahan permintaan luar dan menjadikan

Jadual 1.4
Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2000

	2008	2009*a*	2008	2009*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada KDNK (%)	
Perkhidmatan	**7.2**	**2.6**	**55.0**	**57.4**
Perkhidmatan pengantara	6.0	3.0	23.8	25.0
Kewangan dan insurans	7.7	4.4	11.0	11.7
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	1.5	2.1	5.1	5.3
Pengangkutan dan penyimpanan	6.1	-2.8	3.8	3.8
Komunikasi	7.3	6.0	3.9	4.2
Perkhidmatan akhir	8.3	2.2	31.2	32.4
Perdagangan borong dan runcit	9.8	1.2	12.8	13.2
Penginapan dan restoran	7.3	2.7	2.4	2.5
Utiliti	2.1	0.4	2.9	3.0
Perkhidmatan Kerajaan	11.1	3.0	7.4	7.7
Perkhidmatan lain	5.2	4.4	5.7	6.0

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sentimen pengguna dan perniagaan lebih baik dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Yang ketara, sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan positif sepanjang tahun itu kerana mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek di bawah RMK9 dan pakej rangsangan fiskal. Momentum pertumbuhan meningkat pada suku ketiga, dengan sektor perkilangan, pertanian dan perlombongan mencatat kadar kemerosotan yang lebih kecil. Menjelang suku keempat, semua sektor, kecuali sektor perlombongan, mula mencatatkan pertumbuhan apabila permintaan dalam negeri menjadi lebih kukuh dan keadaan luaran pula bertambah baik.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 2.6% pada tahun 2009 (2008: 7.2%), dan memberi sokongan kepada ekonomi Malaysia sewaktu krisis ekonomi global. Berikutan itu, bahagian sektor tersebut kepada KDNK meningkat kepada 57.4% daripada 55% pada tahun 2008. Sektor tersebut mendapat manfaat daripada permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, yang telah disokong oleh rangsangan fiskal dan dasar monetari yang akomodatif. Setelah mencatatkan kemerosotan kecil sebanyak 0.2% pada suku pertama 2009, sektor perkhidmatan pulih untuk mencatatkan pertumbuhan 1.6% pada suku kedua, dan pada separuh kedua 2009 sektor ini mencatatkan pertumbuhan positif 4.3% (separuh pertama 2009: 0.8%). Walaupun kebanyakan subsektor perkhidmatan menunjukkan trend pertumbuhan yang sama, subsektor yang banyak bergantung pada aktiviti perdagangan dan perkilangan, seperti pengangkutan dan penyimpanan serta utiliti, pulih pada kadar yang lebih perlahan.

Sektor perkhidmatan memberikan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2009

Subsektor **kewangan dan insurans** tumbuh dengan sederhana sebanyak 4.4% (2008: 7.7%), mencerminkan prestasi permintaan dalam negeri yang lemah terutamanya pada separuh pertama 2009. Dalam segmen kewangan, jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan oleh industri perbankan masing-masing merosot sebanyak 12.2% dan 3.7% pada separuh pertama tahun

Rajah 1.8
Prestasi Subsektor Kewangan dan Insurans Berbanding dengan Penunjuk Berkaitan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Bank Negara Malaysia

itu, memandangkan permintaan terhadap pembiayaan adalah sederhana sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih rendah. Hasilnya, pendapatan faedah bersih sistem perbankan mencatat pertumbuhan yang lebih rendah. Pendapatan berasaskan fi pula merosot pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh kejatuhan dalam fi yang berkaitan dengan aktiviti pasaran modal. Walau bagaimanapun, keadaan dalam segmen kewangan bertambah baik pada separuh tahun kedua, apabila momentum pemulihan ekonomi semakin meningkat. Penunjuk pinjaman mencatatkan pembaikan yang ketara, sementara pendapatan faedah bersih mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik. Pendapatan berasaskan fi pula meningkat dengan nyata sebanyak 18% berikutan urus niaga dalam pasaran ekuiti yang lebih tinggi. Dalam industri insurans, pertumbuhan adalah lebih sederhana, memandangkan segmen hayat dan perniagaan am terjejas oleh aktiviti ekonomi yang lemah dan kemerosotan jualan kenderaan bermotor pada separuh tahun pertama. Walau bagaimanapun, prestasi kedua-dua segmen insurans tersebut menjadi bertambah baik pada separuh kedua, sejajar dengan pemulihan ekonomi.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** terjejas oleh penggunaan swasta yang lemah, terutamanya pada separuh pertama 2009. Subsektor tersebut menguncup sebanyak 1.7% pada suku pertama, disebabkan oleh aktiviti

Jadual 1.5
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2008	2009*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Utiliti		
Indeks pengeluaran elektrik	1.2	0.8
Perdagangan Borong & Runcit dan Penginapan & Restoran		
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	10.8	14.0
Ketibaan pelancong	5.1	7.2
Jumlah jualan kenderaan bermotor	12.5	-2.1
Kewangan & Insurans dan Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan		
Pinjaman yang terkumpul dalam sistem perbankan	12.8	7.8
Premium insurans	2.9	9.1
Urus niaga Bursa Malaysia (jumlah unit)	-59.8	60.6
Pengangkutan & Penyimpanan dan Komunikasi		
Jumlah kontena dikendalikan di Pelabuhan Klang dan PTP (TEUs)	7.7	-1.8
Jumlah penumpang di lapangan terbang	5.9	6.9
Kargo udara yang dikendalikan	-6.7	-13.7
Trafik SMS	28.7	22.1
	%	
Kadar penembusan:		
- Jalur lebar[1]	21.1	31.7
- Telefon selular[2]	98.9	106.2
- Talian tetap[1]	44.9	44.0

[1] daripada isi rumah
[2] daripada populasi
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Persatuan Automotif Malaysia; Bursa Malaysia Berhad; Lembaga Pelabuhan Klang; Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd; Malaysia Airports Holdings Berhad; Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan Bank Negara Malaysia.

borong yang lebih rendah, perbelanjaan pengguna yang berhati-hati dan kemerosotan dalam jualan kenderaan bermotor. Memandangkan sentimen pengguna menjadi bertambah baik susulan keadaan ekonomi dalam negeri dan pasaran pekerja yang lebih menggalakkan, subsektor perdagangan borong dan runcit pulih untuk mencatatkan pertumbuhan yang kecil pada suku kedua, sebelum beransur-ansur meningkat pada separuh kedua tahun itu. Bagi keseluruhan tahun 2009, subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang sebanyak 1.2% (2008: 9.8%).

Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** juga mencatatkan kemerosotan iaitu sebanyak 6.7% pada suku pertama tetapi kemudiannya pulih dan mencatat pertumbuhan keseluruhan bagi tahun 2009 sebanyak 2.1% (2008: 1.5%). Subsektor tersebut bertambah baik pada separuh kedua 2009 setelah terjejas oleh sentimen perniagaan yang lemah pada awal tahun. Prestasi yang lebih baik subsektor ini adalah hasil daripada aktiviti harta tanah dan aktiviti berkaitan pasaran modal yang lebih cergas berikutan permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh. Pada tahun 2009, Indeks Komposit Kuala Lumpur meningkat 45.2% untuk ditutup pada 1,272.8 mata pada akhir tahun 2009 (akhir tahun 2008: 876.8 mata).

Subsektor **penginapan dan restoran** dan subsektor **perkhidmatan lain** mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih rendah, masing-masing sebanyak 2.7% dan 4.4% pada tahun 2009 (2008: masing-masing 7.3% dan 5.2%). Pertumbuhan dalam subsektor penginapan dan restoran kekal lemah pada separuh pertama tahun tersebut, seiring dengan aktiviti penggunaan swasta yang lembap. Pertumbuhan sektor ini bertambah baik pada separuh kedua 2009, hasil sokongan sentimen pengguna yang lebih baik dan peningkatan dalam sektor perjalanan serantau, berikutan laluan baharu yang diperoleh syarikat penerbangan dan pelbagai aktiviti penggalakan pelancongan sepanjang tahun tersebut. Sementara itu, pertumbuhan subsektor perkhidmatan lain terjejas terutamanya permintaan yang lebih sederhana terhadap pendidikan swasta dan penjagaan kesihatan swasta pada tahun itu. Selain itu, kelembapan ekonomi global telah menjejaskan jumlah penuntut dan pesakit warga asing yang masing-masing ingin mendapatkan perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan di negara ini.

Subsektor **komunikasi** hanya terjejas sedikit oleh kelembapan ekonomi memandangkan subsektor ini terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6% (2008: 7.3%). Pertumbuhan disokong oleh permintaan yang mapan terhadap perkhidmatan selular dan jalur lebar berikutan harga yang kompetitif oleh penyedia perkhidmatan,

di samping pelancaran besar-besaran bagi perkhidmatan jalur lebar. Penyedia perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan jalur lebar tanpa wayar juga telah mengadakan promosi secara besar-besaran pada tahun itu bagi menarik lebih banyak pelanggan baharu. Selain itu, telefon pintar dan peranti pemboleh wi-fi mampu milik yang terdapat di pasaran juga telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan data. Perkembangan positif ini dicerminkan oleh peningkatan kadar penembusan selular (akhir tahun 2009: 106.2%; akhir tahun 2008: 98.9%) dan kadar penembusan jalur lebar (akhir tahun 2009: 31.7%; akhir tahun 2008: 21.1%).

Sebaliknya, subsektor **utiliti** mencatatkan pertumbuhan kecil sebanyak 0.4% berbanding dengan 2.1% yang dicatat pada tahun 2008, memandangkan ia telah terjejas oleh permintaan terhadap elektrik yang lebih rendah pada tahun 2009. Pada separuh pertama 2009, pertumbuhan merosot sebanyak 4.6% sejajar dengan penurunan ketara dalam aktiviti perkilangan. Subsektor tersebut kembali positif pada suku ketiga dan mencatatkan perkembangan kukuh pada suku keempat. Peningkatan dalam subsektor utiliti ini mencerminkan pemulihan permintaan terhadap elektrik daripada pengguna industri selain kenaikan permintaan daripada pengguna isi rumah dan komersial yang stabil.

Sementara itu, prestasi subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** merupakan subsektor perkhidmatan yang paling teruk terjejas. Subsektor ini mencatatkan penguncupan selama tiga suku berturut-turut sebelum pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku keempat. Prestasi subsektor ini terjejas disebabkan oleh kemerosotan perdagangan global dan aktiviti perkilangan dalam negeri, yang seterusnya mengakibatkan permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan, penghantaran barang, pelabuhan dan perkhidmatan berkaitan perdagangan yang lain menjadi lebih rendah. Walau bagaimanapun, prestasi subsektor tersebut beransur-ansur pulih pada separuh kedua 2009, apabila perdagangan dan aktiviti perkilangan meningkat. Hal ini disokong lagi oleh peningkatan berterusan dalam perjalanan penumpang, berikutan sentimen pengguna yang bertambah baik dan penawaran diskaun yang menarik oleh syarikat penerbangan biasa dan tambang murah. Bagi keseluruhan tahun 2009, subsektor tersebut merosot sebanyak 2.8% (2008: 6.1%).

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan menghadapi permulaan yang mencabar pada tahun 2009 apabila kemerosotan eksport yang ketara pada hujung tahun 2008 menjadi bertambah buruk. Penguncupan dalam sektor tersebut menjadi stabil pada suku kedua 2009 sebelum keadaan menjadi lebih menggalakkan menjelang akhir tahun. Hasilnya, pengeluaran sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku keempat 2009, selepas mengalami kemerosotan selama empat suku berturut-turut.

Bagi industri berorientasikan eksport, **kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E)** paling teruk terjejas oleh kemelesetan global apabila merosot sebanyak 22.8% pada tahun 2009. Pengeluaran jatuh dengan ketara sebanyak 35.4%

Rajah 1.9
Sektor Perkilangan : Nilai ditambah, Pengeluaran, Eksport dan Jualan



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.10
Kumpulan E&E : Nilai ditambah, Pengeluaran, Eksport dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.11
Pengeluaran dan Eksport Separa Konduktor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Persatuan Industri Separa Konduktor (SIA)

Rajah 1.12
Kumpulan Barangan Induk: Nilai ditambah, Pengeluaran, Eksport dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pada suku pertama berikutan kemerosotan ketara dalam permintaan global. Oleh itu, pengilang dalam rantaian bekalan E&E global bertindak balas dengan mengurangkan pengeluaran dan mengambil stok daripada inventori. Tindakan ini telah menjejaskan segmen separa konduktor. Penguncupan yang meluas dalam permintaan global juga menyebabkan kemerosotan ketara dalam segmen komputer dan alat ganti serta segmen keluaran elektrik.

Sektor perkilangan menguncup dengan ketara pada suku pertama, tetapi keadaan beransur-ansur pulih mulai suku kedua

Pengeluaran komputer dan alat ganti yang lebih rendah adalah disebabkan oleh tindakan syarikat menangguhkan pelaburan dalam peralatan dan perisian, manakala segmen keluaran elektrik pula dipengaruhi oleh perbelanjaan pengguna yang lebih rendah. Namun, kemerosotan pengeluaran menjadi sederhana mulai suku kedua, terutamanya separa konduktor dan keluaran elektrik, disokong oleh peningkatan dalam permintaan serantau dan aktiviti penambahan semula inventori. Pelaksanaan langkah-langkah rangsangan ekonomi dalam rantau ini sebahagiannya membantu meningkatkan permintaan terhadap keluaran elektronik. Kelompok E&E menunjukkan prestasi lebih baik pada suku keempat dan mencatatkan sedikit pengembangan, didorong oleh peningkatan

Rajah 1.13
Kumpulan Barangan Pengguna: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perbelanjaan oleh pengguna dalam ekonomi maju dan serantau terhadap keluaran elektronik seperti *netbook*, telefon pintar dan televisyen panel rata sewaktu musim perayaan.

Seperti kelompok E&E, **kelompok keluaran berkaitan sumber** juga mencatatkan trend yang sama. Namun, prestasi kelompok berkaitan sumber adalah lebih baik disebabkan oleh sokongan daripada pasaran pengguna domestik dan permintaan serantau. Paling ketara, kejatuhan yang teruk dalam industri keluaran kimia pada suku pertama adalah akibat permintaan yang lebih rendah terhadap alat ganti dan komponen plastik yang digunakan dalam industri E&E dan automotif. Sementara itu, pengeluaran industri pemprosesan di luar estet terjejas oleh harga komoditi yang tidak menggalakkan, lantas menyebabkan

Mengekalkan Daya Saing: Isu Berkaitan dengan Meningkatkan Produktiviti, Kecekapan Tenaga dan Inovasi dalam Sektor Perkilangan

Pengenalan

Seiring dengan langkah Malaysia ke arah menjadi ekonomi yang tinggi nilai ditambahnya, produktiviti, kecekapan tenaga dan inovasi akan menjadi semakin penting dalam memastikan ekonomi negara kekal berdaya saing dan terus bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai ditambah. Sehubungan dengan ini, sektor perkilangan tidak terkecuali kerana pergantungan kepada daya saing kos tidak akan dapat bertahan lama dalam jangka panjang. Rencana ini membincangkan mengenai pelbagai usaha yang diambil dan halangan yang dihadapi oleh pengilang Malaysia untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan tenaga dan inovasi dalam persekitaran global yang semakin mencabar. Analisis dalam rencana ini adalah berdasarkan Kaji Selidik Perkilangan Dwitahunan Bank Negara Malaysia 2008.[1]

Produktiviti

Strategi yang selalu digunakan oleh pengilang untuk menaikkan produktiviti adalah dengan meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan automasi dalam unit pengeluaran yang sedia ada. **Peningkatan kemahiran** adalah penting kerana kira-kira 80% daripada tenaga kerja sektor perkilangan mempunyai kemahiran yang rendah atau sederhana, dan kurang separuh daripada mereka pernah mendapat latihan formal. Dalam hal ini, kebanyakan peluang latihan dan latihan semula banyak tertumpu pada peningkatan kemahiran teknikal, dengan hampir separuh daripada perbelanjaan latihan diperuntukkan untuk tujuan ini. Dalam usaha untuk meningkatkan **automasi**, pengilang terus menghadapi beberapa halangan, terutamanya yang berkaitan dengan kos jentera dan peralatan yang tinggi serta skala pengeluaran yang tidak cukup besar untuk mewajarkan automasi secara besar-besaran. Di samping itu, faktor bahawa adalah mudah untuk mendapatkan pekerja berkemahiran rendah pada gaji yang rendah telah menambah lagi halangan kepada usaha

Rajah 1
Kehadiran banyak pekerja berkemahiran rendah dan rendah kos berpotensi menghalang penerimaan automasi yang lebih luas



[1] Kaji Selidik Perkilangan Dwitahunan Bank Negara Malaysia 2008 dijalankan pada bulan Disember 2008. Kaji selidik ini melibatkan 301 syarikat perkilangan dalam 17 industri yang dikategorikan kepada empat kelompok: elektronik dan keluaran elektrik (E&E): 90 syarikat; keluaran berasaskan sumber: 119 syarikat; barangan pengguna: 47 syarikat; dan keluaran berkaitan pembinaan: 45 syarikat. Kadar penyertaan pada tarikh tutup kaji selidik ini pada 30 April 2009 ialah 56%.

Rajah 2
Pengecualian duti import dan cukai ke atas jentera dan Elaun Pelaburan Semula berkesan dalam menggalakkan automasi



untuk meningkatkan automasi secara yang lebih giat. Kaji selidik ini menunjukkan bahawa kira-kira 60% daripada pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja asing berkemahiran rendah boleh, pada tahap tertentu, diautomasikan (Rajah 1). Pengilang juga mengakui akan kepentingan insentif Kerajaan dalam menyokong automasi, dengan menyatakan bahawa dana latihan Tabung Pembangunan Sumber Manusia, pengecualian duti import dan cukai jentera, serta Elaun Pelaburan Semula sebagai tiga langkah paling berkesan dalam menggalakkan automasi (Rajah 2).

Inovasi

Inovasi, yang diukur melalui tahap **aktiviti penyelidikan dan pembangunan** (R&D), adalah penting untuk membolehkan pengilang bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Kira-kira 57% daripada syarikat perkilangan yang dikaji menjalankan aktiviti R&D pada tahun 2008. Namun, pengilang menyatakan bahawa halangan besar kepada aktiviti R&D yang lebih giat ialah kualiti tenaga kerja yang ada. Kini, hanya kira-kira 20% daripada tenaga kerja sektor perkilangan **berkemahiran tinggi** dan pengilang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerja berkemahiran tinggi dan separuh mahir

Rajah 3
Kesulitan yang dihadapi dalam mengambil pekerja berkemahiran, dengan kekurangan jurutera dan juruteknik yang kritikal



sehinggakan kekurangan jurutera, juruteknik, penyelia dan pakar kawalan mutu kini berada pada tahap yang kritikal. Keadaan ini dijangka berterusan untuk sekurang-kurangnya tiga tahun yang akan datang (Rajah 3). Selain itu, hanya kira-kira 10% daripada responden yang menjalankan aktiviti R&D pada tahun 2008 menggunakan insentif yang disediakan Kerajaan. Ini kerana pengilang mendapati keperluan pentadbiran yang terlalu banyak bagi mendapatkan insentif tersebut menyebabkan mereka keberatan untuk memohon (Rajah 4). Oleh itu, kebanyakan responden mencadangkan supaya proses permohonan dan kriteria kelayakan untuk mendapatkan insentif Kerajaan dimudahkan bagi membolehkan lebih banyak pengilang menggunakan insentif tersebut.

Rajah 4
Beban pentadbiran yang berat tidak menggalakkan permohonan insentif Kerajaan berhubung dengan Penyelidikan dan Pembangunan



Kecekapan Tenaga

Memandangkan penggunaan tenaga oleh sektor perkilangan adalah tinggi dan sektor ini juga perlu menanggung kenaikan kos utiliti sejak tahun 2005, **kecekapan tenaga** (EE) merupakan komponen penting untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan sektor. Meskipun pengurusan tenaga diakui

Rajah 5
Halangan utama dalam penggunaan tenaga dengan berkesan



sebagai penting, namun memandangkan kesedaran mengenai faedah EE adalah pada tahap yang berbeza-beza, kurang daripada 30% syarikat dalam kaji selidik ini mempunyai pengurus tenaga sepenuh masa, manakala hanya 40% menjalankan audit tenaga sejak tahun 2005. Kaji selidik ini juga mendapati kurang daripada 20% responden menggunakan pelbagai insentif Kerajaan untuk EE. Cabaran utama yang dilaporkan dalam pelaksanaan EE termasuklah faktor keengganan pengilang untuk menanggung kos tambahan bagi perbelanjaan modal yang besar bagi melaksanakan EE, khususnya kerana pulangan yang bakal diperoleh daripada pelaburan sedemikian tidak begitu diyakini, selain faktor kekurangan modal insan terlatih dan maklumat khusus mengenai EE (Rajah 5).

Kesimpulan

Sektor perkilangan Malaysia telah dalam tahap yang berbeza-beza, menggunakan beberapa strategi seperti meningkatkan kemahiran pekerja dan automasi, menjalankan aktiviti R&D dan audit tenaga untuk meningkatkan produktiviti, serta memperbaik kecekapan tenaga dan meningkatkan inovasi supaya terus berdaya saing dalam persekitaran global yang semakin mencabar. Namun, masih terdapat cabaran dan halangan terhadap usaha-usaha ini yang perlu ditangani segera supaya sektor ini dapat bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Antara isu yang nyata ialah isu berkaitan modal insan, perbelanjaan pelaburan permulaan yang tinggi dan keperluan pentadbiran yang terlalu banyak untuk mendapatkan akses kepada insentif dan program pembiayaan.

Rajah 1.14
Kumpulan Barangan Berkaitan Pembinaan: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kurangnya dorongan untuk memproses keluaran luar estet. Kelompok tersebut menunjukkan prestasi lebih baik pada suku kedua, dengan didahului oleh industri keluaran kimia apabila permintaan terhadap alat ganti dan komponen plastik meningkat seiring dengan peningkatan segmen E&E dan barangan isi rumah. Prestasi industri keluaran getah menjadi positif pada suku ketiga, didorong oleh peningkatan permintaan terhadap produk penjagaan diri dan perubatan berikutan menularnya wabak Influenza A (H1N1). Sementara itu, pergerakan dalam harga komoditi pada separuh kedua tahun tersebut memberi sumbangan positif kepada pengeluaran industri petroleum dan pemprosesan di luar estet. Menjelang suku keempat 2009, kelompok keluaran berkaitan sumber kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.7%, didorong oleh peningkatan dalam permintaan terhadap keluaran kimia, getah dan pemprosesan di luar estet.

Bagi industri berorientasikan pasaran dalam negeri, prestasinya pada suku pertama terjejas oleh keadaan pasaran pekerja yang lemah dan perbelanjaan pengguna yang lembap. Namun, berikutan keadaan dalam negeri yang lebih baik pada suku kedua, pengeluaran juga beransur-ansur pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku keempat. **Kelompok keluaran berkaitan pengguna** terjejas teruk oleh kemerosotan besar nyata industri kelengkapan pengangkutan, ekoran kemerosotan ketara dalam jualan kenderaan bermotor baharu. Walau bagaimanapun, industri makanan, minuman dan tembakau pula memberi sedikit sokongan kepada kelompok tersebut disebabkan oleh permintaan yang mampan terhadap keluaran makanan. Namun, pengeluaran jatuh sedikit pada suku pertama, sebelum kembali pulih mulai suku kedua untuk mencapai pertumbuhan sebanyak 7.7% pada suku keempat mencerminkan penggunaan swasta dalam negeri yang bertambah baik.

Jadual 1.6
Prestasi Sektor Perkilangan

	2008	2009
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 2000)	**1.3**	**-9.3**
Pengeluaran perkilangan keseluruhan[1]	**0.7**	**-10.0**
Industri berorientasikan eksport	**-1.2**	**-11.1**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**-3.6**	**-22.8**
antaranya:		
Elektronik	-5.4	-24.6
Keluaran barangan elektrik	0.9	-18.8
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**0.4**	**-3.5**
antaranya:		
Kimia dan keluaran kimia	-3.5	-1.7
Keluaran petroleum	5.9	-0.8
Keluaran getah	4.7	-3.0
Pemprosesan di luar estet	9.4	-2.1
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**8.0**	**-5.7**
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.0**	**-1.2**
antaranya:		
Kelengkapan pengangkutan	23.4	-12.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.4	1.5
Kelompok berkaitan pembinaan	**4.3**	**-11.4**
antaranya:		
Keluaran berkaitan pembinaan	3.2	-18.1
Keluaran logam yang direka	6.1	-1.1
Eksport	**3.8**	**-12.5**

[1] Data pengeluaran adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) yang baharu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi **kelompok berkaitan pembinaan** permintaan juga mencatat trend yang sama seperti luar dan dalam negeri dan mencatat penguncupan ketara pada suku pertama. Pengeluaran besi dan keluli terutamanya, telah terjejas berikutan aktiviti kejuruteraan awam dalam negeri yang lebih perlahan dan permintaan serantau yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kelompok tersebut beransur-ansur pulih mulai suku kedua dan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku keempat. Prestasi kelompok tersebut yang lebih baik mencerminkan peningkatan kukuh dalam aktiviti pembinaan dalam negeri berikutan momentum pelaksanaan langkah-langkah rangsangan adalah semakin giat.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan **(sektor pertanian)** berkembang lebih perlahan sebanyak 0.4% pada tahun 2009 disebabkan oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengeluaran industri berkaitan makanan seperti perikanan dan ternakan yang lebih tinggi telah menyokong pertumbuhan sektor pertanian.

Jadual 1.7
Sektor Pertanian:
Nilai ditambah dan Pengeluaran

	2008	2009*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**4.0**	**0.4**
Tanaman industri	**2.9**	**-4.6**
Pengeluaran antaranya:		
Minyak sawit mentah	12.1	-1.0
Getah	-10.6	-20.2
Kayu balak	-8.9	-10.9[2]
Biji koko	-20.5	-35.1
Tanaman makanan	**5.6**	**7.2**
Pengeluaran antaranya:		
Ikan	5.2	6.7
Ternakan[1]	4.3	7.6
Sayur-sayuran	11.9	3.1
Buah-buahan	3.2	0.6

[1] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja
[2] Jan-Nov 2009
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lembaga Getah Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Pertanian Malaysia

Rajah 1.15
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang kecil disebabkan oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih rendah

Pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot 1% kepada 17.6 juta tan pada tahun 2009, disebabkan oleh kitaran menurun hasil, cuaca buruk dan aktiviti penanaman semula. Akibatnya,

Rajah 1.16
Harga Minyak Sawit dan Stok



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Rajah 1.17
Getah Asli: Pengeluaran, Harga dan Hasil



a Awalan

Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia

hasil tandan buah segar (fresh fruit bunches, FFB) purata negara bagi setiap hektar merosot sebanyak 4.9% kepada 19.2 tan. Hasil keluaran di Sabah dan Sarawak yang mencakupi 42% daripada jumlah pengeluaran mencatatkan kemerosotan nyata masing-masing sebanyak 8.1% dan 5.7%, disebabkan terutamanya oleh hujan lebat di negeri-negeri tersebut pada awal tahun 2009. Walaupun pengeluaran lebih rendah, stok minyak sawit bertambah sebanyak 12.2% kepada 2.24 juta tan pada akhir tahun 2009, disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah. Akibatnya, purata harga minyak sawit mentah jatuh sebanyak 19.2% kepada RM2,245 setan pada tahun 2009 (2008: RM2,778 setan).

Pengeluaran **getah asli** menguncup sebanyak 20.2% kepada 0.86 juta tan pada tahun 2009 disebabkan oleh faktor cuaca, harga yang rendah pada awal tahun dan pelaksanaan program untuk mengurangkan eksport oleh tiga buah negara pengeluar utama getah. Apabila harga getah jatuh dengan ketara menjelang akhir tahun 2008, Malaysia, Thailand dan Indonesia bersetuju untuk mengurangkan eksport getah asli sebanyak 700,000 tan pada tahun 2009. Selain itu, harga yang rendah pada awal tahun 2009 telah menjejaskan aktiviti menoreh, terutamanya dalam kalangan pekebun kecil yang amat peka terhadap perubahan harga. Hujan lebat yang kerap turun pada akhir tahun 2009 menjejaskan lagi aktiviti menoreh dan ini mengurangkan lagi

Jadual 1.8
Sektor Perlombongan: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2008	2009*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**-0.8**	**-3.8**
Pengeluaran		
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	1.1	-4.4
Gas asli	0.3	-4.0

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

pengeluaran. Oleh itu, harga getah naik lebih sekali ganda kepada 958 sen sekilogram pada akhir tahun 2009.

Sektor Perlombongan

Nilai ditambah **sektor perlombongan** menguncup 3.8% pada tahun 2009, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah, berikutan permintaan luar negeri yang lebih lembap dan penutupan beberapa loji pengeluaran minyak dan gas pada tahun tersebut untuk tujuan penyelenggaraan.

Pengeluaran **minyak mentah (termasuk kondensat)** berpurata 659,845 tong sehari pada tahun 2009, 4.4% lebih rendah daripada paras pada tahun 2008. Pengeluaran di

Rajah 1.18
Pengeluaran Minyak Mentah dan Kondensat



a Awalan

Sumber: PETRONAS

Jadual 1.9
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada 1 Januari	
	2008	2009*a*
Minyak mentah (termasuk kondensat)		
Jumlah rizab (bilion tong)	5.46	5.52
Rizab/Pengeluaran (tahun)	22	22
Gas asli		
Jumlah rizab (bilion tong minyak sama tara)	14.67	14.66
Rizab/Pengeluaran (tahun)	36	36

[1] Dasar Susutan Negara diperkenalkan pada tahun 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih)

a Awalan

Sumber: PETRONAS

Semenanjung Malaysia merosot 11.7% berikutan pematuhan kepada had pengeluaran yang ditetapkan oleh Dasar Susutan Negara. Jumlah pengeluaran di Semenanjung Malaysia mencakupi 45% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran minyak mentah negara. Walau bagaimanapun, pengeluaran di Sabah meningkat 20% hasil daripada pengeluaran dari telaga minyak laut dalam di Kikeh.

Sektor perlombongan terus menguncup kerana pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah

Pengeluaran **gas asli** menguncup 4% kepada 5,667 juta kaki padu standard sehari kerana permintaan terhadap gas asli cecair (LNG) yang lebih rendah daripada pengimport utama. Walau bagaimanapun, pada suku keempat, permintaan terhadap LNG meningkat apabila kontrak eksport jangka panjang Petronas ke China bermula pada Oktober 2009. Pengeluaran di Sarawak yang mencakupi sebahagian besar pengeluaran LNG negara, merosot sebanyak 4.7%.

Rizab minyak dalam negara meningkat kepada 5.52 bilion tong atau jangka hayat selama 22 tahun pada paras pengeluaran semasa. Sementara itu, rizab gas asli adalah bersamaan dengan 14.66 bilion tong minyak. Jumlah ini memadai untuk menampung pengeluaran gas selama 36 tahun pada paras pengeluaran semasa.

Rajah 1.19
Pertumbuhan Nilai ditambah Sektor Pembinaan Berbanding dengan Pertumbuhan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan dan Pelaburan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 5.7% pada tahun 2009 berikutan prestasi semua subsektor yang bertambah baik. Pertumbuhan sektor ini meningkat secara beransur-ansur pada tahun tersebut disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan aktiviti berkaitan pembinaan di bawah RMK9 dan pakej rangsangan fiskal. Prestasi sektor tersebut meningkat dengan ketara pada separuh kedua tahun 2009, dengan pertumbuhan sebanyak 8.5% berbanding dengan 2.9% pada separuh pertama tahun 2009. Sementara itu, kos bahan binaan yang stabil telah menggalakkan lagi aktiviti sektor pembinaan.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh pada tahun 2009

Bagi subsektor **kejuruteraan awam**, pertumbuhan diperkukuh oleh pelaksanaan berterusan projek berkaitan dengan RMK9 dan projek di bawah pakej rangsangan. Ini ditunjukkan oleh kenaikan 15.6% dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan kepada RM49.5 bilion, sebahagiannya untuk menambah baik infrastruktur sedia ada.

Rajah 1.20
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Perniagaan di Malaysia dan Kuala Lumpur (pada akhir tempoh)



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Pertumbuhan dalam subsektor **bukan kediaman** adalah kukuh, dipacu terutamanya oleh perbelanjaan di bawah pakej rangsangan untuk menaik taraf, membaiki dan membaik pulih bangunan awam, serta pembinaan bangunan komersial yang sedang dilaksanakan. Penawaran ruang pejabat di Lembah Kelang yang akan datang ialah seluas 6.4 juta kaki persegi pada akhir tahun 2009 (akhir tahun 2008: 7.6 juta kaki persegi). Permintaan terhadap ruang pejabat di Lembah Kelang didorong terutamanya oleh penyewa sedia ada yang berpindah ke bangunan pejabat baharu, manakala bilangan penyewa baharu adalah sederhana. Oleh itu, kadar penghunian dalam kawasan tersebut menurun sedikit kepada 82% pada tahun 2009 (2008: 84%). Kadar sewa pada amnya stabil pada tahun itu memandangkan insentif seperti tempoh sewaan percuma yang lebih lama dan penyediaan perabot percuma telah mengekalkan permintaan.

Rajah 1.21
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Pejabat Dibina Khas di Malaysia dan Kuala Lumpur (pada akhir tempoh)



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 1.10
Penunjuk Permintaan dan Penawaran bagi Pasaran Harta Kediaman

	ST1 '08	ST2 '08	ST1 '09	ST2 '09*a*
Perubahan tahunan (%)				
Penunjuk permintaan				
Pindah milik harta kediaman				
Nilai (RM juta)	35.5	-3.0	-14.3	17.1
Bilangan	20.7	-1.2	-10.4	5.7
Pembiayaan untuk pembelian harta kediaman				
Pinjaman dipohon	43.4	9.1	11.1	50.6
Pinjaman diluluskan	42.3	3.4	0.3	44.1
Penunjuk penawaran				
Pelancaran rumah baharu	**25.0**	**-23.0**	**-29.6**	**17.7**
Permit jualan dan iklan baharu	**2.0**	**-38.6**	**-16.8**	**57.8**
Kelulusan perumahan	**19.0**	**-52.6**	**-23.7**	**66.7**
Pembiayaan untuk pembinaan				
Pinjaman dipohon	19.3	-33.2	-31.4	36.5
Pinjaman diluluskan	20.5	-19.8	-38.2	4.2

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Berhubung dengan ruang runcit, jumlah kompleks membeli-belah yang dibina di seluruh negara berkurang pada tahun 2009 berikutan banyak pusat membeli-belah besar telah sedia untuk digunakan pada tahun 2007-2008. Kebanyakan daripada 26 kompleks membeli-belah yang baru dibina ini terletak di kawasan perumahan bagi menampung keperluan masyarakat setempat. Jumlah bekalan ruang runcit pada akhir tahun 2009 meningkat kepada

Jadual 1.11
Harta Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia mengikut Julat Harga

Julat harga kediaman	Unit	Bahagian (%)	Unit	Bahagian (%)
	Pada akhir tahun 2008		Pada akhir tahun 2009*a*	
RM50,000 atau kurang	3,602	13.8	2,946	13.0
RM50,001 - RM100,000	7,491	28.8	6,920	30.6
RM100,001 - RM150,000	4,045	15.5	3,550	15.7
RM150,001 - RM200,000	3,786	14.6	3,419	15.1
RM200,001 - RM250,000	2,119	8.1	1,947	8.6
RM250,001 - RM500,000	3,888	14.9	3,225	14.3
RM500,001 - RM1,000,000	993	3.8	481	2.1
Lebih daripada RM1,000,000	105	0.4	104	0.5
Jumlah	**26,029**	**100**	**22,592**	**100**

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

10 juta meter persegi (2008: 9.4 juta meter persegi). Kadar sewa kekal stabil di pusat-pusat tumpuan utama, tetapi menurun sedikit di kawasan lain. Seperti pasaran ruang pejabat, pemilik bangunan yang menawarkan ruang runcit juga menyediakan pelbagai insentif untuk menarik penyewa, lantas kadar penghunian kekal pada 81.8% (2008: 81.4%).

Prestasi segmen **kediaman** secara relatif bercampur-campur pada tahun 2009. Pada suku pertama, permintaan terhadap harta tanah menurun akibat ketidakpastian terhadap prospek ekonomi global dan dalam negeri. Walau bagaimanapun, permintaan mula meningkat pada suku kedua apabila pihak pemaju memperkenalkan pakej pembiayaan yang menarik, manakala kos peminjaman dikurangkan berikutan penurunan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 150 mata asas antara bulan November 2008 hingga bulan Februari 2009. Permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat antara suku kedua hingga suku keempat 2009, masing-masing pada kadar tahunan 39.8% dan 32.6%, dengan pertumbuhan pinjaman bagi pembelian harta tanah berharga lebih daripada RM250,000 secara relatif lebih kukuh. Bagi sektor awam pula, pembinaan rumah kos rendah dan sederhana juga meningkat seperti diperuntukkan di bawah pakej rangsangan.

Bagi keseluruhan tahun 2009, jumlah urus niaga harta kediaman menguncup sebanyak 2.3%, manakala nilai urus niaga harta tanah meningkat sebanyak 1.3% kepada RM41.8 bilion. Bilangan pelancaran baharu menurun sebanyak 15.8%, mencerminkan sentimen berhati-hati pemaju harta tanah. Berikutan penawaran akan datang yang lebih rendah dan permintaan yang beransur-ansur pulih, harta tanah tidak terjual menurun sebanyak 13.2% kepada 22,592 unit.

SEKTOR LUAR NEGERI

Imbangan Pembayaran

Kedudukan luaran Malaysia kekal kukuh pada tahun 2009. **Keseluruhan imbangan pembayaran** pulih, mencatatkan lebihan. Jumlah lebihan yang kekal besar dalam akaun semasa telah lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam akaun kewangan.

Kedudukan luaran Malaysia terus kukuh meskipun persekitaran luaran lemah

Walaupun permintaan luar negeri mengalami penguncupan ketara, lebihan dalam akaun semasa berpunca daripada lebihan perdagangan yang besar, memandangkan permintaan eksport yang lebih rendah menyebabkan kemerosotan dalam permintaan import. Sementara itu, aktiviti pelancongan serantau yang berterusan menyumbang kepada peningkatan dalam akaun perkhidmatan. Aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam akaun kewangan sebahagian

besarnya merupakan aliran keluar portfolio yang lebih sederhana pada separuh tahun pertama dan aliran masuk bersih pada separuh kedua tahun 2009. Aliran masuk bersih pelaburan langsung asing dan aliran keluar pelaburan langsung di luar negeri juga menjadi sederhana dalam keadaan ekonomi yang lemah. Aliran keluar pelaburan lain, yang sebahagian besarnya mencerminkan kredit perdagangan, meningkat pada tahun tersebut. Setelah mengambil kira perolehan daripada penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 bilion (atau USD96.7 bilion) pada 31 Disember 2009. Pada 25 Februari 2010, rizab berjumlah RM331.8 bilion (atau USD96.8 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 10 bulan import tertangguh dan menampung 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Akaun Semasa

Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih kecil sedikit, iaitu sebanyak RM112.7 bilion atau 17% daripada PNK (2008: RM129.5 bilion atau 18.1% daripada PNK). Walaupun perdagangan luar menguncup dengan ketara, lebihan perdagangan masih lagi besar memandangkan penurunan import barangan pengantara sebahagian besarnya mengimbangi penguncupan eksport. Aliran masuk perolehan pelancongan yang lebih besar, terutamanya dari Asia, menyumbang kepada lebihan yang lebih tinggi dalam akaun perkhidmatan, manakala defisit akaun pendapatan yang lebih kecil disebabkan terutamanya oleh keuntungan yang lebih rendah dan dividen terakru kepada MNC dalam sektor perkilangan.

Bagi keseluruhan tahun 2009, **eksport kasar** menguncup sebanyak 16.6% (2008: +9.8%). Eksport kasar mencerminkan perkembangan

Jadual 1.12
Imbangan Pembayaran

Butiran	2008			2009*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	664.3	493.8	170.6	554.2	412.7	141.5
Akaun perdagangan	*663.5*	*521.6*	*141.9*	*553.3*	*434.9*	*118.4*
Perkhidmatan	101.0	100.9	0.2	99.1	95.9	3.2
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**765.4**	**594.7**	**170.7**	**653.3**	**508.6**	**144.7**
Pendapatan	39.9	63.6	-23.7	40.5	53.1	-12.6
Pindahan semasa	1.4	18.9	-17.5	3.7	23.1	-19.4
Imbangan akaun semasa	**806.7**	**677.2**	**129.5**	**697.5**	**584.8**	**112.7**
% daripada PNK			**18.1**			**17.0**
Akaun modal			0.6			-0.2
Akaun kewangan			-118.5			-82.9
Pelaburan langsung			-26.1			-24.9
Pelaburan portfolio			-84.4			0.8
Pelaburan lain			-8.1			-58.9
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-117.9**			**-83.1**
Kesilapan dan ketinggalan			-29.9			-15.8
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			*-5.8*			*10.7*
Imbangan keseluruhan			**18.3**			**13.8**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**317.4**			**331.3**
Dalam USD bilion			**91.5**			**96.7**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.22
Akaun Semasa



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam ekonomi global. Penguncupan eksport pada separuh pertama tahun 2009 menjadi lebih buruk berikutan penyelarasan inventori yang mendadak oleh pengeluar barangan akhir dalam negara-negara pengimport.

Lebihan akaun semasa kekal besar, disokong oleh lebihan perdagangan yang besar dan akaun perkhidmatan yang bertambah baik

Selain itu, kejatuhan harga komoditi juga menjejaskan prestasi eksport memandangkan eksport komoditi dan eksport berasaskan sumber mencakupi 39.4% daripada jumlah eksport kasar. Seiring dengan ekonomi global yang beransur pulih, terutamanya ekonomi serantau, eksport juga mulai stabil pada suku ketiga, sebelum mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5.1% pada suku keempat. Penambahan inventori dan pemulihan harga komoditi memberi sokongan lanjut kepada pemulihan eksport. Semua segmen eksport, kecuali eksport mineral, mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat.

Eksport perkilangan menguncup sebanyak 12.5% pada tahun 2009, dengan semua segmen utama mencatat pertumbuhan negatif. Eksport **E&E** merosot sebanyak 11%, sebahagian besarnya akibat penguncupan ketara dalam

Jadual 1.13
Eksport Kasar

	2008	2009*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**9.8**	**-16.6**
Perkilangan	**3.8**	**-12.5**
antaranya:		
Elektronik	*-8.3*	*-8.6*
Separa konduktor	*-7.1*	*3.5*
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	*-9.3*	*-18.8*
Keluaran elektrik	*9.9*	*-16.6*
Keluaran berasaskan sumber[1]	*20.9*	*-17.4*
Komoditi	**36.0**	**-27.6**
Pertanian	**29.7**	**-21.6**
antaranya:		
Minyak sawit	*43.5*	*-20.9*
Getah	*10.6*	*-45.0*
Mineral	**41.4**	**-32.2**
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	*33.0*	*-42.0*
Gas asli cecair	*51.2*	*-23.4*

[1] Merujuk kepada makanan, minuman dan keluaran tembakau, keluaran kayu, perabot dan alat ganti perabot, keluaran getah, keluaran petroleum, kimia dan keluaran kimia, dan keluaran mineral bukan logam

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

eksport pada separuh tahun pertama, berikutan penurunan permintaan dari negara maju dan serantau. Eksport pulih pada separuh tahun kedua, dalam keadaan ekonomi global yang bertambah baik, yang diterajui oleh pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih kukuh. Pendorong pemulihan ialah eksport elektronik, terutamanya separa konduktor. Eksport barangan-barangan separa konduktor mencakupi separuh daripada eksport elektronik, dengan pasaran serantau mencakupi 74% daripada jumlah eksport tersebut. Paling ketara, RR China dan Hong Kong SAR muncul sebagai destinasi eksport barangan separa konduktor terbesar dengan bahagian sebanyak 44%, dengan kebanyakan permintaan untuk pengeluaran ***netbook*** dan telefon pintar. Perkembangan ini disokong oleh peranan penting RR China dalam rangkaian pengeluaran serantau. Hasilnya, Malaysia memperoleh manfaat daripada permintaan RR China untuk alat ganti

Rajah 1.23
Haluan Eksport Separa Konduktor Pada Tahun 2009



Nota: G-3 merujuk kepada Amerika Syarikat, Jepun dan Kawasan Euro

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dan komponen, untuk tujuan dieksport semula ke ekonomi maju serta untuk permintaan dalam negerinya yang semakin meningkat. Permintaan terhadap kelengkapan dan alat ganti elektronik oleh negara maju, bagaimanapun, terus lembap disebabkan oleh tindakan syarikat mengurangkan perbelanjaan untuk teknologi maklumat.

Eksport **bukan E&E** merosot sebanyak 14.4% pada tahun 2009 dengan kemerosotan lebih ketara pada separuh pertama tahun tersebut. Kejatuhan ketara harga komoditi menyumbang kepada pengurangan besar eksport berasaskan sumber, yang mencakupi 57.4% daripada eksport bukan E&E. Ini termasuk keluaran getah, bahan kimia dan keluaran kimia, dan keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, permintaan serantau yang bertambah baik dan pemulihan harga komoditi pada separuh kedua telah menghasilkan pemulihan eksport bukan E&E yang mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat.

Eksport komoditi menguncup sebanyak 27.6% akibat permintaan dan harga yang lebih rendah. Eksport pertanian dan mineral menguncup dengan ketara pada separuh pertama, berikutan harga dan jumlah eksport getah, petroleum mentah dan LNG yang lebih rendah. Sementara itu, jumlah eksport minyak mentah yang lebih tinggi tidak dapat mengimbangi kejatuhan harga komoditi tersebut. Penguncupan perolehan

Rajah 1.24
Prestasi Eksport Industri Elektronik & Elektrik (E&E) dan Industri Berasaskan Sumber



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.25
Prestasi Eksport Komoditi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Mlaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.14
Import Mengikut Penggunaan Akhir

	2008	2009*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Barangan modal	**...**	**-5.9**
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	2.2	-8.2
Kelengkapan pengangkutan	-13.6	10.5
Barangan pengantara	**5.7**	**-21.6**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk industri	30.0	-16.8
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	9.7	-21.8
Bahan api dan pelincir	32.0	-36.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	-5.0	-19.0
Barangan penggunaan	**11.8**	**-2.7**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	21.4	7.8
Barangan pengguna, t.s.t.l.	5.5	-9.1
Eksport semula	**-6.5**	**24.0**
Import kasar	**3.8**	**-16.6**

t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain
a Awalan
... Terlalu kecil

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

eksport menjadi lebih kecil pada separuh kedua berikutan pemulihan dalam harga komoditi dan jumlah permintaan yang meningkat sedikit, terutamanya dari rantau ini, berikutan keadaan ekonomi yang bertambah baik.

Import kasar merosot sebanyak 16.6% (2008: +3.8%), dengan penguncupan dalam semua kategori utama import. Import barangan **pengantara** merosot sebanyak 21.6%. Pada separuh tahun pertama, permintaan luar terhadap eksport E&E yang lemah menyebabkan pengurangan import barangan pengantara, terutamanya import alat ganti dan aksesori bagi barangan modal. Seiring dengan kemerosotan eksport bukan E&E, import bahan api dan pelincir, dan juga bekalan perindustrian seperti bahan kimia dan logam juga lebih rendah. Sejajar dengan eksport yang lebih baik pada separuh tahun kedua, import barangan pengantara pulih dan mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat.

Import barangan **modal** menguncup sebanyak 5.9%, mencerminkan perbelanjaan pelaburan swasta dalam negeri yang lebih rendah. Pada separuh tahun pertama, import jentera pertanian, pembinaan, perlombongan dan perkilangan menguncup dengan ketara berikutan kemerosotan permintaan dalam negeri dan keyakinan perniagaan. Permintaan luar negeri yang lemah dan penggunaan kapasiti yang lebih rendah telah menjejaskan pengembangan kapasiti terutamanya dalam sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, import peralatan telekomunikasi terus teguh, mencerminkan pelaburan dalam rangkaian tanpa wayar, sejajar dengan bertambahnya migrasi kepada perkhidmatan mudah alih, di samping peluasan liputan perkhidmatan jalur lebar. Pada separuh tahun kedua, penguncupan import barangan modal menjadi sederhana, dengan import mesin pejabat mencatat pertumbuhan positif seiring dengan pengembangan kapasiti.

Import **barangan pengguna** juga merosot, meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.7% memandangkan pengguna lebih berhati-hati berbelanja sewaktu membeli barangan pengguna tahan lama dan barangan separuh tahan lama yang diimport. Walau bagaimanapun, import makanan dan minuman untuk penggunaan isi rumah terus meningkat. Import barangan pengguna kembali pulih pada suku keempat seiring dengan penggunaan swasta yang semakin kukuh.

Dengan pemulihan aktiviti dalam ekonomi Asia yang lebih cepat dan kukuh, eksport ke rantau tersebut mula pulih seawal suku ketiga

Jadual 1.15
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2009*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion
Jumlah	**553.3**	**-16.6**	**434.9**	**-16.6**	**118.4**
antaranya:					
Amerika Syarikat	**60.6**	**-26.8**	**48.6**	**-13.9**	**11.9**
Kesatuan Eropah (EU)	**60.0**	**-19.9**	**50.8**	**-17.7**	**9.2**
Negara ASEAN tertentu[1]	**141.0**	**-16.8**	**109.0**	**-13.4**	**32.1**
Negara-negara Timur Laut Asia tertentu	**131.6**	**-1.5**	**110.1**	**-15.2**	**21.6**
Republik Rakyat China	*67.2*	*6.4*	*60.7*	*-9.3*	*6.6*
Hong Kong SAR	*28.8*	*1.9*	*10.8*	*-20.8*	*18.0*
China Taipei	*14.4*	*-11.1*	*18.5*	*-26.4*	*-4.0*
Korea	*21.1*	*-18.5*	*20.1*	*-16.9*	*1.0*
Asia Barat	**21.4**	**-18.0**	**14.8**	**-41.0**	**6.6**
Jepun	**54.4**	**-24.2**	**54.3**	**-16.6**	**0.1**
India	**17.0**	**-31.3**	**7.9**	**-23.6**	**9.1**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan menjadi lebih kukuh pada suku keempat. Peranan Asia yang lebih besar dalam menyokong pemulihan perdagangan global mengubah corak perdagangan Malaysia. Bahagian eksport ke rantau ini meningkat kepada 49.3% (2008: 45.7%), manakala bahagian eksport ke RR China meningkat kepada 12.2% (2008: 9.5%). Sebaliknya, bahagian eksport ke ekonomi maju termasuk AS, EU dan Jepun pula merosot kepada 31.6% pada tahun 2009 (2008: 34.6%)

Akaun perkhidmatan mencatat lebihan untuk tiga tahun berturut-turut, dengan lebihan terbesar pada tahun 2009 sebanyak RM3.2 bilion (0.5% daripada PNK). Lebihan tersebut merupakan hasil daripada perolehan daripada segmen pelancongan yang lebih tinggi, di samping defisit perkhidmatan lain yang lebih kecil.

Walaupun ekonomi meleset dan wabak influenza A (H1N1) merebak, ketibaan pelancong di Malaysia terus meningkat dengan kukuh sebanyak 7.2% kepada 23.6 juta orang (2008: 5.1%, 22.1 juta pelancong). Kebanyakan daripada pelancong tersebut adalah dari Asia. Malaysia mendapat manfaat daripada pertambahan ketibaan pelancong yang lebih tinggi dengan bertambahnya bilangan pengembara

Jadual 1.16
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2008	2009*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	-	Bersih
Akaun Perkhidmatan	**0.2**	**99.1**	**95.9**	**3.2**
% daripada PNK	...			*0.5*
Pengangkutan	-15.4	14.9	32.0	-17.1
Perjalanan	28.5	54.2	22.6	31.6
Perkhidmatan lain	-12.4	29.8	40.5	-10.7
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l.	-0.6	0.1	0.7	-0.6
Akaun Pendapatan	**-23.7**	**40.5**	**53.1**	**-12.6**
% daripada PNK	*-3.3*			*-1.9*
Pampasan pekerja	-0.7	4.0	5.4	-1.4
Pendapatan pelaburan	-23.0	36.5	47.7	-11.2

t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
a Awalan
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.26
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan



a Anggaran

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

berpendapatan sederhana dari Asia. Selain itu, pelancongan jarak dekat dan sederhana yang meningkat turut dibantu oleh perkhidmatan penerbangan tambang murah.

Akaun perkhidmatan lain mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM10.7 bilion, disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih perkhidmatan untuk pembinaan dan bayaran royalti dan fi lesen yang lebih rendah. Selain itu, aliran masuk bersih daripada perkhidmatan komputer dan IT juga bertambah baik, hasil daripada aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) yang lebih tinggi oleh institusi kewangan asing dan syarikat IT di Malaysia. Ekonomi serantau muncul sebagai salah satu pasaran utama eksport Malaysia bagi perisian dan perkhidmatan sokongan IT, dengan perolehan daripada eksport perkhidmatan tersebut mencakupi 40% daripada jumlah penerimaan. Pertumbuhan diperkukuh dengan adanya pusat IT serantau untuk industri minyak dan gas. Walau bagaimanapun, bayaran bersih untuk perkhidmatan profesional meningkat, mencerminkan pengimportan perkhidmatan pakar runding dari luar negeri dalam sektor kewangan dan perkilangan.

Rajah 1.27
Pendapatan Pelaburan Langsung



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2009, akaun pengangkutan mencatat defisit lebih besar sebanyak RM17.1 bilion memandangkan pendapatan daripada tambang penumpang dan kargo yang lebih rendah telah mengimbangi pembayaran bagi tambang muatan yang berkurang berikutan aktiviti perdagangan yang menurun. Trafik penumpang yang lebih rendah memang dijangka kerana kemelesetan ekonomi global telah menyebabkan wujudnya keadaan lebihan kapasiti dan persaingan yang lebih sengit dalam industri perjalanan. Kemerosotan perolehan pendapatan daripada tambang penumpang menjadi sederhana pada separuh tahun kedua berikutan peningkatan permintaan terhadap perjalanan serantau dalam keadaan kapasiti yang lebih rendah.

Defisit **akaun pendapatan** mengecil kepada RM12.6 bilion atau 1.9% daripada PNK, mencerminkan terutamanya keuntungan dan dividen yang lebih rendah yang terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia, terutamanya dalam sektor E&E. Ini disebabkan oleh prestasi sektor perkilangan yang lemah pada separuh pertama tahun tersebut. Sementara itu, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri adalah lebih tinggi, mencerminkan perolehan yang lebih baik daripada komoditi.

Akaun Kewangan

Pada tahun 2009, **akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM82.9 bilion (2008: -RM118.5 bilion). Yang ketara, aliran keluar portfolio bersih menjadi sederhana dengan nyata pada tahun 2009 apabila penurunan yang besar dalam aliran modal jangka pendek yang dialami sejak separuh kedua 2008 bertukar menjadi aliran masuk bersih pada separuh tahun kedua 2009, berikutan keadaan ekonomi global dan ekonomi dalam negeri yang bertambah baik. Sementara itu,

Ciri dan Trend Aliran Modal di Malaysia

Malaysia adalah antara ekonomi yang paling terbuka di dunia. Sepanjang proses pembangunannya, Malaysia telah menjalin integrasi yang kuat dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa, yang bukan sahaja menghasilkan pengembangan yang ketara dalam perdagangan, bahkan aliran pelaburan yang besar. Sejak lebih sekurun yang lalu, Malaysia telah menerima pelaburan langsung asing yang merupakan penyumbang yang penting kepada pembangunan ekonominya. Apabila ekonomi Malaysia berubah menjadi lebih maju, ciri-ciri aliran modal juga berubah mengikut keadaan dalam negara. Dua perkembangan yang berbeza telah muncul dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pertama, aliran modal jangka pendek telah menjadi lebih nyata dalam sistem kewangan Malaysia, sejajar dengan lonjakan aliran modal sedemikian pada peringkat global. Aliran modal jangka pendek, khususnya aliran portfolio, telah meningkat dari segi jumlah dan aspek turun naiknya. Perkembangan ini berpotensi untuk menggugat kestabilan kadar pertukaran, pasaran kewangan dan sektor ekonomi benar. Kedua, perkembangan baru-baru ini ialah peningkatan besar dalam pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia dalam usaha mencari peluang dan pasaran baharu.

Rajah 1
Arah Aliran Modal Bersih di Malaysia



a awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2
Aliran Pelaburan Langsung Asing Bersih



a awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan Langsung Asing

Pelaburan langsung asing (FDI) merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan dan transformasi ekonomi Malaysia, terutamanya dalam memulakan industri baharu, meningkatkan kapasiti pengeluaran, peluang pekerjaan, perdagangan dan kemampuan teknologi. Malaysia berjaya menarik masuk aliran FDI bersih yang berterusan dalam dekad kebelakangan ini, dengan purata 3% daripada KDNK setiap tahun dengan purata tertinggi pada 4.5% pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, sejajar dengan trend global, aliran masuk FDI adalah lebih rendah pada tahun 2001 dan 2009, masing-masing berikutan berakhirnya gelembung teknologi dan krisis kewangan global.

Malaysia mencatat jumlah sebanyak RM152 bilion dalam aliran masuk bersih FDI pada tempoh 2000 hingga 2009, lebih tinggi daripada jumlah sebanyak RM134 bilion yang diterima pada tempoh 1990 hingga 1999. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi bahagian kepada KDNK, aliran masuk FDI bersih adalah lebih rendah pada tempoh tahun 2000 hingga 2009 (3% daripada KDNK) berbanding dengan tempoh tahun 1990 hingga 1999 (6.3% daripada KDNK). Penyederhanaan ini disebabkan terutamanya oleh dua faktor. Pertama, aliran masuk FDI ke Malaysia dalam dekad baru-baru ini semakin banyak disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang

Rajah 3
Aliran Pelaburan Asing Bersih Terkumpul Mengikut Sektor



Nota: Lain-lain terdiri terutamanya daripada sektor pertanian dan pembinaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

lebih tinggi, iaitu perkhidmatan kewangan dan operasi perkhidmatan perkongsian. Skala pelaburan dalam subsektor tersebut adalah kecil dan juga kurang berintensif modal berbanding dengan sektor perkilangan, dengan itu melibatkan jumlah pelaburan yang lebih rendah. Namun, yang lebih penting ialah nilai ditambah dan sumbangan jumlah FDI yang lebih rendah ini kepada pertumbuhan adalah lebih tinggi memandangkan subsektor tersebut lebih berintensif kemahiran dan mempunyai produktiviti pekerja yang lebih tinggi. Kedua, persaingan daripada ekonomi sedang pesat membangun seperti RR China, India dan Vietnam di samping pusat pelaburan yang telah lama bertapak, iaitu Singapura dan Hong Kong untuk FDI dalam rantau ini adalah semakin sengit. Sementara aliran FDI bersih global ke rantau ini meningkat lebih sekali ganda pada tempoh tahun 2000 hingga 2009 (USD1.4 trilion; 1990-1999: USD0.6 trilion), bahagian Malaysia kepada jumlah aliran FDI serantau adalah lebih rendah memandangkan sebahagian besar daripadanya telah mengalir ke RR China.

Dari segi taburannya, aliran masuk FDI ke Malaysia secara relatif adalah meluas. Walaupun aliran masuk FDI terus didorong oleh kehadiran syarikat multinasional yang besar dan sudah lama bertapak dalam sektor perkilangan dan juga pelaburan dalam sektor minyak dan gas di negara ini, tempoh tahun 2000 hingga 2009 menyaksikan sektor perkhidmatan semakin banyak menarik FDI. Justeru, bahagian sektor perkhidmatan mencakupi 37% daripada jumlah aliran FDI dalam tempoh tersebut (1990-1999: 15%), iaitu peningkatan lebih sekali ganda. FDI dalam sektor perkhidmatan adalah begitu pelbagai, dengan pelaburan disalurkan terutamanya kepada subsektor perkhidmatan kewangan, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar, komunikasi, pengangkutan, hotel dan perdagangan borong dan runcit. Satu perkembangan yang amat menggalakkan ialah aliran FDI yang bertambah besar ke dalam sektor kewangan, termasuk kewangan Islam. Dianggarkan bahawa aliran masuk FDI bersih ke dalam sektor kewangan berjumlah RM41.6 bilion sepanjang 10 tahun yang lalu berikutan langkah liberalisasi yang dilaksanakan dalam sektor tersebut. Dalam sektor minyak dan gas, pelaburan dalam aktiviti huluan kekal ketara dengan PETRONAS dan rakan kongsi asingnya terus aktif dalam aktiviti penerokaan, pengeluaran dan pembangunan sumber minyak dan gas asli di negara ini. Selain itu, sektor perkilangan di Malaysia terus menarik minat FDI dalam bidang pertumbuhan baharu seperti sumber tenaga boleh diperbaharui dan juga bidang peralatan perubatan.

Rajah 4
Aliran Pelaburan Langsung Luar Negeri Bersih



a awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 5
Aliran Pelaburan Luar Negeri Bersih Terkumpul Mengikut Sektor



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan Langsung di Luar Negeri

Satu perkembangan penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini ialah peningkatan ketara dalam pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia, yang mencatat purata 3.5% daripada KDNK setahun pada tempoh tahun 2000 hingga 2009, malah pernah mencapai paras tertinggi 6.8% daripada KDNK pada tahun 2008. Secara kumulatif, DIA bersih mengumpul sebanyak RM182 bilion sepanjang 10 tahun yang lalu, dengan 78% dijana antara tahun 2006 hingga 2009. Trend DIA yang meningkat mencerminkan kehadiran syarikat Malaysia yang bertambah di luar negeri, terutamanya di rantau Asia. Sebagaimana syarikat-syarikat global yang lain, faktor-faktor yang mendorong syarikat Malaysia untuk melabur di luar negeri termasuklah usaha memperluas pasaran bagi produk mereka, mencari bekalan tanah dan pekerja yang lebih kompetitif, mengembangkan perniagaan dalam industri yang sedang berkembang pesat, memperoleh jenama dan teknologi, dan memanfaatkan kelebihan berbanding negara tuan rumah. Khususnya, ekoran pasaran dalam negeri

yang terhad, pengembangan serantau dan global membolehkan syarikat Malaysia mencapai ekonomi ikut bidangan (economies of scale) dengan memasuki pasaran baharu dan pasaran yang lebih besar. Pada amnya, syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri juga telah memantapkan operasi dalam negeri mereka dengan meningkatkan keupayaan dan mempertingkatkan kedudukan masing-masing dalam rantaian nilai pengeluaran untuk mencapai pengurusan bekalan rantaian bersepadu (integrated supply chain management) dengan anak syarikat mereka di luar negeri. Ini telah mempertingkatkan kecekapan keseluruhan mereka supaya mampu bersaing dengan lebih baik di pasaran global. Oleh itu, pelaburan di luar negeri oleh syarikat Malaysia yang kian meningkat dalam jangka sederhana akan memanfaatkan negara dari segi mempunyai syarikat Malaysia yang lebih berdaya saing dan bersifat global melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia, dividen yang lebih tinggi untuk pemegang saham, dan aliran masuk yang lebih tinggi daripada keuntungan yang dibawa balik.

Syarikat-syarikat Malaysia juga telah memperluas skop DIA sejak beberapa tahun lalu. Pada tahun-tahun yang awal, pelaburan dibuat terutamanya oleh PETRONAS dan syarikat berkaitan perladangan milik Kerajaan, disebabkan oleh keperluan untuk mencari sumber semula jadi seperti minyak dan gas serta untuk menambah keluasan tanah yang tersedia untuk kegiatan perladangan. Namun, kesemua ini telah banyak berubah sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan pelaburan, terutama dalam subsektor perkhidmatan, dibuat oleh syarikat berkaitan Kerajaan dan juga syarikat swasta, khususnya dalam sektor perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, utiliti dan perkhidmatan perniagaan. Sebahagian besar pelaburan disalurkan ke rantau ini, khususnya ASEAN, Negara-negara Perindustrian Baharu Asia (NIE Asia), RR China dan negara Asia Barat.

Aliran Pelaburan Portfolio

Satu perkembangan penting dalam tahun 1990an ialah aliran masuk pelaburan portfolio secara mendadak ke Malaysia. Kemuncaknya adalah pada tahun 2008, apabila jumlah aliran masuk dan keluar kasar bagi portfolio ialah 23 kali lebih tinggi berbanding tahun 2000. Selain itu, ciri-ciri yang berbeza daripada aliran portfolio dalam beberapa tahun kebelakangan ialah adanya turun naik dalam aliran tersebut. Sejak tahun 2004, telah berlaku beberapa episod aliran masuk dan keluar dana portfolio yang besar wwsebagai tindak balas terhadap perkembangan dalam pasaran kewangan global serta perubahan dalam keadaan ekonomi dalam negeri. Yang ketara, antara tahun 2004 hingga separuh pertama 2008, Malaysia mendapat aliran masuk bersih portfolio sebanyak RM54 bilion, didorong terutamanya oleh asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta prospek yang lebih baik bagi syarikat korporat di Malaysia berikutan pemulihan ekonomi yang kukuh selepas krisis kewangan Asia. Selain itu, perkembangan pesat dalam pasaran bon dalam negeri telah menarik aliran masuk pelaburan portfolio asing yang besar ke dalam sekuriti hutang. Kemunculan sekuriti hutang sebagai kelas aset bagi pelabur asing di samping pelaburan ekuiti yang lebih konvensional, telah meningkatkan kepelbagaian dalam komposisi aliran pelaburan portfolio di Malaysia.

Rajah 6
Aliran Pelaburan Portfolio Bersih



a awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan aliran masuk dana spekulatif pada tahun 2005 adalah disebabkan oleh jangkaan penambahan nilai ringgit yang diapungkan pada 21 Julai 2005. Lonjakan aliran masuk portfolio sejak tahun 2005 bagaimanapun terganggu oleh beberapa perkembangan dalam pasaran luar yang menyebabkan berlakunya episod aliran keluar oleh pelabur asing. Antara lain, ramalan kemerosotan inflasi global pada tahun 2006, pembetulan

dalam pasaran saham Shanghai pada bulan Februari 2007 dan meningkatnya ketidakpastian pasaran global selepas masalah gadai janji subprima di AS pada bulan Julai-Ogos 2007 yang seterusnya mengakibatkan aliran keluar dana asing apabila pelabur asing mula menghindari risiko. Yang ketara ialah aktiviti pengurangan hutang oleh institusi kewangan asing berikutan krisis kewangan global pada separuh kedua 2008 yang menyebabkan pelupusan dana portfolio secara besar-besaran oleh pelabur antarabangsa, yang seterusnya menjejaskan pasaran sedang membangun di seluruh dunia termasuk Malaysia. Trend aliran portfolio bertukar arah lalu menyebabkan aliran keluar bersih sebanyak RM111 bilion antara tempoh separuh kedua 2008 hingga separuh pertama 2009. Namun, aliran masuk dana portfolio asing kembali semula pada separuh kedua 2009 apabila prospek pertumbuhan serantau semakin kukuh dan keadaan pasaran kewangan antarabangsa kembali normal. Ini kemudiannya meningkatkan kecenderungan pelabur untuk mengambil risiko bagi aset kewangan dalam pasaran sedang membangun termasuk Malaysia.

Walaupun magnitud pertukaran trend aliran tersebut baru-baru ini lebih besar berbanding dengan aliran keluar bersih yang dicatat semasa krisis kewangan Asia memuncak, kesannya kepada ekonomi dalam negeri adalah kecil kerana Malaysia mempunyai sistem kewangan yang kukuh. Khususnya, pembangunan pasaran hutang membolehkan pempelbagaian dalam komposisi aliran portfolio ke Malaysia. Oleh yang demikian, trend aliran yang berubah arah tidak menyebabkan gangguan yang ketara terhadap mana-mana pasaran aset. Tambahan pula, kedalaman pasaran kewangan dalam negeri juga menyediakan mudah tunai dan kepekaan harga kepada perubahan dalam keadaan kewangan, lantas membantu operasi monetari yang lebih efektif untuk membendung kesan daripada aliran modal yang besar. Kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh telah berupaya mengimbangi aliran keluar dana tersebut tanpa menjejaskan mudah tunai dalam negeri secara keseluruhan atau mengganggu fungsi lazim pertukaran asing dan pasaran wang dalam negeri. Oleh yang demikian, Malaysia bukan sahaja mampu untuk menghadapi pengeluaran dana asing yang besar bahkan berjaya keluar daripada kegawatan dalam pasaran kewangan antarabangsa baru-baru ini tanpa sebarang gangguan yang besar terhadap ekonomi dalam negeri.

Sementara itu, aliran keluar portfolio yang disebabkan oleh pelaburan pemastautin di luar negeri terus meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan puratanya sekitar 3.9% daripada KDNK dalam tempoh tahun 2000-2009. Ini terutamanya dalam bentuk sekuriti ekuiti. Liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing pada tahun 2005 memainkan peranan penting dalam perkembangan ini kerana memberi fleksibiliti yang lebih besar kepada pemastautin untuk melabur di luar negeri. Peningkatan yang besar dalam portfolio aset luar adalah mirip kepada perkembangan dalam negara lain di rantau ini, terutamanya dalam kalangan NIE Asia, yang jumlah portfolio aset luar yang dijana di peringkat antarabangsa adalah semakin besar.

Pelaburan Lain

Selain pelaburan portfolio, pelaburan lain terdiri terutamanya daripada pinjaman luar negeri bersih oleh sektor rasmi dan sektor swasta, penempatan deposit bersih oleh institusi perbankan, serta pemberian kredit perdagangan, yang secara konsisten mencatat aliran keluar bersih, berpurata pada 5.6% daripada KDNK sepanjang sepuluh tahun yang lalu. Pinjaman luar bersih oleh sektor rasmi dan swasta telah menyumbang kepada aliran keluar ini. Komponen lain dalam aliran keluar pelaburan termasuklah aktiviti oleh institusi perbankan dalam menguruskan mudah tunai mereka. Ini dicerminkan terutamanya oleh penempatan deposit di luar negeri dan peminjaman antara bank. Aliran dalam sektor perbankan ini sebahagiannya disebabkan oleh tindak balas terhadap pergerakan kadar faedah dan mudah tunai. Sektor swasta bukan bank juga mengalami aliran keluar sepanjang tempoh ini, terutamanya disebabkan oleh pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia dan pembayaran balik kredit perdagangan oleh pengimport Malaysia. Aliran turun naik yang besar ini didorong terutamanya oleh keperluan pembiayaan dan keputusan perniagaan oleh sektor swasta bukan bank.

Rizab Antarabangsa

Perubahan dalam rizab antarabangsa bersih sepanjang sepuluh tahun kebelakangan ini didorong oleh perkembangan dalam akaun semasa dan kewangan dalam imbangan pembayaran, khususnya aliran pelaburan portfolio. Dengan lebihan dalam akaun semasa melebihi defisit akaun kewangan, pengumpulan rizab luar telah berlaku pada tempoh tahun 2001 hingga 2003. Aliran masuk dana portfolio yang besar pada tahun 2004 hingga separuh pertama 2005 berserta lebihan yang berterusan dalam akaun semasa telah menyebabkan kenaikan yang ketara dalam rizab antarabangsa daripada RM168 bilion (USD44.2 bilion) pada akhir tahun 2003 kepada RM297.1 bilion (USD78.2 bilion) pada akhir bulan Julai 2005. Sementara sejumlah besar aliran masuk ini adalah daripada tarikan peluang pelaburan yang tersedia berikutan kedalaman pasaran modal Malaysia, terdapat juga aliran masuk portfolio spekulatif yang ketara dalam tempoh ini berikutan jangkaan terhadap penjajaran semula kadar pertukaran ringgit. Namun, aliran masuk spekulatif ini telah bertukar arah pada separuh kedua 2005 apabila ringgit diapungkan pada bulan Julai 2005 dan rizab menjadi stabil pada RM265.2 bilion (USD70.2 bilion) pada akhir tahun 2005.

Rajah 7
Aliran Rizab Antarabangsa Bersih



a awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2007 dan separuh pertama 2008, Malaysia sekali lagi menerima aliran masuk modal yang besar, terutamanya dana portfolio. Aliran masuk modal yang besar ini yang ditambah pula oleh lebihan yang berterusan dalam akaun semasa telah menyebabkan kadar pertukaran menambah nilai dengan ketara dan peningkatan dalam rizab antarabangsa. Rizab mencapai paras tertingginya pada bulan Jun 2008 kepada RM410.9 bilion (USD125.8 bilion). Aktiviti mengurangkan hutang secara besar-besaran berikutan krisis kewangan global yang semakin teruk telah mengakibatkan aliran keluar portfolio sebanyak RM111 bilion antara separuh kedua 2008 hingga separuh pertama 2009 lantas menyebabkan penurunan yang besar dalam rizab antarabangsa kepada RM322.9 bilion (USD91.5 bilion) pada akhir Jun 2009. Jumlah penurunan rizab pada tempoh ini adalah kurang daripada aliran keluar portfolio bersih memandangkan Malaysia terus mencatat lebihan dalam akaun semasa pada tempoh ini. Namun, aliran portfolio kembali semula ke Malaysia mulai separuh kedua 2009. Rizab luar negeri berjumlah RM331.3 bilion (USD96.7 bilion) pada akhir tahun 2009 dan paras ini memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek. Pada 25 Februari 2010, rizab antarabangsa bersih berjumlah sebanyak RM331.8 bilion (USD96.8 bilion).

Kesimpulan

Kajian mengenai perkembangan aliran modal di Malaysia dalam tempoh 10 tahun yang lalu telah membangkitkan beberapa pertimbangan dasar yang penting bagi Malaysia untuk melangkah ke hadapan. Pertama, pelaburan di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka akan kekal besar pada masa hadapan dan perkembangan ini adalah sebagai tindak balas terhadap perubahan struktur dan persaingan dalam ekonomi serantau dan global. Perubahan komposisi aliran modal akan menyumbang kepada daya saing jangka panjang, transformasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kedua, persaingan untuk FDI akan terus sengit, pada masa hadapan. Malaysia telah menukar strategi untuk menarik FDI ke dalam aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan yang akan membawa bersama-samanya teknologi baharu, yang diperlukan untuk menyokong peralihan ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Ketiga ialah cabaran berhubung dengan pengurusan aliran modal jangka pendek yang semakin tidak menentu. Strategi yang diterima pakai adalah untuk lebih memperdalam dan memperluas sistem kewangan dalam negeri untuk berhadapan dan menguruskan turun naik dalam aliran modal tanpa menyebabkan gangguan dan ketidakstabilan dalam pasaran kewangan domestik. Malaysia juga secara konsisten telah mengekalkan pemantauannya terhadap perkembangan dalam aliran modal melalui pengawasan yang rapi dan penilaian terhadap risiko yang berkaitan dengan aliran ini. Pengekalan kekukuhan asas-asas makroekonomi dan sistem perbankan yang kukuh dan mantap di Malaysia akan memberi fleksibiliti kepada negara untuk menyeimbangkan turun naik aliran modal sambil pada masa yang sama memelihara kestabilan kewangan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

Jadual 1.17
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2008	2009*a*
	RM bilion	
Akaun Kewangan	**-118.5**	**-82.9**
Pelaburan Langsung	**-26.1**	**-24.9**
Di luar negeri	-50.2	-30.5
Di Malaysia	24.1	5.7
Pelaburan Portfolio	**-84.4**	**0.8**
Pelaburan Lain	**-8.1**	**-58.9**
Sektor awam[1]	0.8	4.1
Kerajaan Persekutuan	*-0.5*	*-0.6*
PABK	*1.3*	*-1.9*
Bank Negara Malaysia	*0.0*	*6.6*
Sektor swasta	-8.9	-63.0

[1] Tidak termasuk bon dan nota yang diterbitkan di luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung syarikat Malaysia di luar negeri menjadi sederhana, terutamanya pada separuh pertama 2009, disebabkan oleh kemerosotan ekonomi global yang teruk. Aliran keluar dalam kategori pelaburan lain adalah lebih tinggi hasil pemberian kredit perdagangan yang berterusan oleh pengeksport Malaysia dan penempatan deposit di luar negeri oleh pemastautin.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah berikutan penghantaran balik dana portfolio pada separuh kedua

Pada keseluruhan tahun tersebut, **pelaburan portfolio** mencatat aliran masuk bersih yang kecil, iaitu sebanyak RM0.8 bilion. Pada separuh pertama, aliran keluar portfolio menjadi sederhana kepada RM22.1 bilion (separuh kedua 2008: -RM88.5 bilion) memandangkan pembayaran balik hutang oleh pelabur antarabangsa berkurang. Aliran keluar tersebut pulih selepas itu dan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM22.9 bilion pada separuh kedua 2009, yang sebahagian besarnya dalam bentuk sekuriti hutang jangka panjang. Aliran masuk tersebut berlaku selepas pasaran kewangan antarabangsa kembali ke paras wajar selain prospek pertumbuhan yang lebih kukuh di Asia, yang menyebabkan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko.

Aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (FDI) pada tahun 2009 menjadi sederhana kepada RM31.6 bilion (atau 4.8% daripada PNK). Penyederhanaan ini mencerminkan terutamanya pengurangan nyata dalam amaun perolehan yang dikekalkan untuk pelaburan oleh syarikat multinasional (MNC) sedia ada akibat keuntungan yang lebih rendah pada tahun tersebut. Tambahan pula, sebahagian besar daripada keuntungan tersebut telah dihantar pulang ke negara asal. Kapasiti berlebihan yang semakin meningkat di tengah-tengah kejatuhan permintaan eksport dan ketidakpastian tentang prospek ekonomi global telah mengurangkan lagi aliran masuk FDI pada tahun tersebut. Selepas mengambil kira penyelarasan untuk aliran keluar yang sebahagian besarnya untuk pembayaran balik pinjaman kepada syarikat induk, aliran masuk FDI bersih berjumlah RM5.7 bilion atau 0.9% daripada PNK.

FDI adalah menyeluruh, dengan kebanyakan daripadanya disalurkan ke dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 47%), perkhidmatan (28%), dan minyak dan gas (25%). Bagi sektor perkilangan, sejumlah besar FDI adalah dalam subsektor E&E, kebanyakannya oleh MNC bagi menaik taraf peralatan dan teknologi. Pelaburan dalam industri penapisan minyak dan keluaran berasaskan petroleum, dan pelaburan dalam industri tenaga suria adalah besar. FDI dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya kepada subsektor kewangan dan insurans, selain subsektor perdagangan borong dan runcit. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas mencerminkan operasi pengekstrakan (extraction) dan aktiviti pengeluaran yang berterusan oleh MNC bersama dengan PETRONAS.

Pelaburan langsung luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia juga terjejas oleh perkembangan global. Walau bagaimanapun, jumlah DIA masih besar. Pada keseluruhan tahun 2009, DIA bersih berjumlah RM30.5 bilion dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan (46%), minyak dan gas (38%) dan perkilangan (6%). Walaupun pelaburan dalam

bentuk ekuiti dan pinjaman antara syarikat lebih rendah, perolehan yang dilaburkan semula pada tahun 2009 adalah lebih daripada sekali ganda. Ini sebahagian besarnya mencerminkan pelaburan berterusan oleh syarikat Malaysia dalam operasi mereka yang sedia ada.

Dalam sektor perkhidmatan, kebanyakan DIA dibuat melalui peningkatan penyertaan dalam operasi sedia ada di luar negeri, terutamanya di rantau Asia. Yang penting, peserta perbankan dan telekomunikasi negara telah melaksanakan strategi untuk menyelaraskan semula operasi mereka pada peringkat serantau untuk mengekalkan daya saing. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas mencerminkan terutamanya pengembangan berterusan dalam pasaran global oleh PETRONAS bagi meningkatkan pulangan dan mempelbagaikan risiko dari segi geografi. Pada tahun 2009, PETRONAS melabur dalam sebuah loji pemprosesan gas di Turkmenistan, sebuah projek LNG di Australia dan projek-projek sedia ada lain di Asia, Afrika dan Asia Tengah. Sementara itu, pelaburan dalam sektor perkilangan adalah terutamanya dalam bentuk pelaburan semula dalam aktiviti huluan dan hiliran yang berkaitan dengan minyak sawit.

Akaun **pelaburan yang lain** mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi memandangkan aliran keluar sektor swasta lebih daripada mengimbangi aliran masuk sektor awam. Aliran keluar sektor swasta mencerminkan penempatan deposit bersih di luar negeri oleh pemastautin dan pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia. Pada tahun tersebut, kredit perdagangan yang diberikan oleh pengeksport Malaysia lebih tinggi daripada kredit perdagangan yang diterima oleh pengimport Malaysia, memandangkan pengeksport asing mengalami kekangan pembiayaan perdagangan akibat krisis kewangan global. Sementara itu, aliran masuk bersih sektor awam disebabkan terutamanya oleh peruntukan khas Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia, yang sebahagiannya mengimbangi oleh pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia terdiri daripada emas dan pegangan pertukaran asing, kedudukan rizab dengan IMF dan pemegangan Hak Pengeluaran Khas (SDR). Pada tahun 2009, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 bilion (bersamaan dengan USD96.7 bilion) pada 31 Disember 2009.

Jadual 1.18
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun		Perubahan
	2008	2009	2009
	RM juta		
Milikan SDR	786.4	7,279.2	6,492.8
Kedudukan rizab dengan IMF	1,127.1	1,515.8	388.7
Emas dan pertukaran wang asing[1]	315,554.2	322,505.6	6,951.4
Rizab Antarabangsa Kasar	**317,467.7**	**331,300.6**	**13,832.9**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	22.5	23.9	1.4
Rizab Antarabangsa Bersih	**317,445.3**	**331,276.7**	**13,831.4**
Nilai bersamaan USD juta	**91,529.5**	**96,688.1**	**5,158.6**
Bulan import tertangguh	7.6	9.7	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek[2] (kali)	4.0	4.3	

[1] 'Tuntutan Mata Wang Asing Lain Terhadap Pemastautin' kini diklasifikasikan semula daripada 'Emas dan Pertukaran Wang Asing' kepada 'Aset-aset Lain' Bank Negara Malaysia

[2] Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, yang mengambil kira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Nota : Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2009, peningkatan dalam rizab antarabangsa sebahagian besarnya disokong oleh lebihan akaun semasa yang berterusan. Aliran masuk pertukaran asing yang berpunca daripada perolehan eksport dan FDI boleh memenuhi obligasi luar akibat daripada pinjaman luar dan import serta aliran keluar bersih hasil daripada DIA dan pelaburan portfolio. Pergerakan rizab antarabangsa pada tahun 2009 sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perkembangan aliran portfolio. Pada separuh pertama 2009, aktiviti pembayaran balik hutang oleh pelabur antarabangsa yang lebih sederhana telah menghasilkan keuntungan kecil dalam rizab

Rajah 1.28
Rizab Antarabangsa Bersih (akhir bulan)



Nota : Mulai akhir-Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada definisi baru hutang luar negeri, yang mengambilkira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

antarabangsa bersih apabila aliran keluar portfolio berkurang. Kedudukan rizab antarabangsa bersih kemudiannya meningkat secara sederhana pada separuh kedua bersama-sama pulihnya sentimen pelabur dan aliran masuk kembali portfolio asing bersih. Sementara itu, perolehan daripada penilaian semula pertukaran asing kumulatif berjumlah RM10.7 bilion, mencerminkan pengukuhan mata wang antarabangsa berbanding dengan ringgit, terutamanya pada tiga suku pertama tahun 2009.

Rizab antarabangsa meningkat sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 bilion pada tahun 2009, disokong terutamanya oleh lebihan akaun semasa yang berterusan

Malaysia ialah anggota dalam Pelan Transaksi Kewangan IMF yang menyediakan sumber kepada negara-negara anggota yang mengalami masalah imbangan pembayaran jangka pendek. Peningkatan **kedudukan rizab dengan IMF** pada tahun 2009 mencerminkan terutamanya pembelian bersih mata wang oleh negara-negara anggota di bawah Pelan Transaksi Kewangan. Sementara itu, peningkatan ketara rizab antarabangsa yang dipegang dalam bentuk SDR disebabkan terutamanya oleh peruntukan tambahan **SDR** kepada Malaysia oleh IMF sebagai langkah mengukuhkan jaringan keselamatan kewangan yang tersedia untuk negara-negara anggota semasa krisis kewangan pada tahun 2009.

Dalam tempoh beberapa bulan pertama 2009, pasaran kewangan global masih mengalami kegawatan. Bank-bank pusat dan kerajaan telah melaksanakan langkah berskala besar dan belum pernah diambil bagi membendung krisis tersebut. Fungsi sistem kewangan global telah terjejas akibat kegagalan beberapa pasaran kewangan. Ketidaktentuan pasaran adalah besar dan ada kalanya keterlaluan. Pasaran kredit terhenti, sementara institusi kewangan besar yang mengalami kesulitan telah diselamatkan oleh kerajaan yang berkenaan. Pada akhir suku pertama, kerajaan dalam ekonomi maju utama telah mengumumkan pelbagai langkah fiskal dan monetari yang tidak pernah diambil sebelum ini bagi menstabilkan sistem kewangan. Penyelesaian monetari yang agresif telah menurunkan kadar dasar kepada paras paling rendah dalam sejarah dan langkah kuantitatif, yang lazimnya tidak dilakukan, telah diperkenalkan bagi menambahkan mudah tunai dan memulakan semula pengantaraan kewangan. Seterusnya, ketidaktentuan tersebut reda dan keadaan kewangan menjadi stabil. Keadaan ini kemudiannya diikuti oleh pemulihan kukuh pasaran ekuiti. Bagi bulan-bulan selepas itu, pasaran ekuiti dan komoditi utama meningkat semula, setelah memperoleh manfaat daripada mudah tunai yang berlebihan manakala spread kredit menjadi kecil. Aliran pelaburan kembali kepada aset yang lebih berisiko dan pasaran sedang pesat membangun yang merupakan kategori aset berprestasi terbaik bagi tahun tersebut.

Sepanjang tahun tersebut, strategi pengurusan rizab beralih kepada menjangka pemulihan keadaan kewangan dan ekonomi. Tempoh pelaburan dan peruntukan aset telah diuruskan dengan jangkaan bahawa kadar hasil bon dijangka naik disebabkan oleh bekalan hutang yang tinggi di samping risiko inflasi jangka panjang yang meningkat disebabkan oleh pengembangan fiskal dan monetari yang tidak pernah dilaksanakan. Pempelbagaian ke dalam pasaran mata wang dan aset lain dibuat semula, mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran kewangan yang bertambah baik, yang mendorong kepada pengukuhan mata wang bukan dolar AS dan pasaran kredit secara amnya.

Sepanjang krisis dan pemulihan berikutnya, amalan pengurusan risiko kekal kukuh dan sentiasa dikaji semula, terutamanya dalam menguruskan risiko operasi dan kredit yang tinggi.

Pada 25 Februari 2010, paras rizab berjumlah RM331.8 bilion (bersamaan dengan USD96.8 bilion), memadai untuk membiayai 10 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya. Rizab tersebut tidak mengandungi pinjaman mata wang asing berserta opsyen dan tidak terdapat kemudahan kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberikan oleh atau kepada bank pusat lain, pertubuhan antarabangsa, bank dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terbabit dalam aktiviti berkaitan opsyen dalam pasaran mata wang asing

Hutang Luar Negeri

Malaysia terus melaksanakan strategi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat namun pragmatik yang memudahkan pempelbagaian pinjaman luar negeri oleh sektor swasta dan sektor awam sambil menginstitusikan langkah berhemat untuk meminimumkan risiko berkaitan obligasi luar negeri yang besar dan kemampuan khidmat bayaran hutang. Dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan di samping memelihara kedudukan imbangan pembayaran, pengurusan hutang luar negara disokong oleh sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh yang membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negeri keseluruhan.

Jadual 1.19
Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008	2009*a*	2008	2009*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**236.1**	**233.9**	**67.4**	**67.7**
Jangka sederhana dan panjang	156.5	156.0	44.6	45.1
Jangka pendek[1]	79.6	78.0	22.7	22.6
% daripada jumlah hutang	*33.7*	*33.3*	*33.7*	*33.3*
% daripada rizab antarabangsa bersih	*25.1*	*23.5*	*25.1*	*23.5*
% daripada PNK				
Jumlah hutang	33.0	35.3		
Hutang jangka sederhana dan panjang	21.9	23.6		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	30.9	35.8		
Hutang jangka sederhana dan panjang	20.5	23.9		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**2.6**	**6.5**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri Malaysia kekal rendah pada 35.3% daripada PNK

Pada akhir tahun 2009, jumlah hutang luar negeri Malaysia menjadi sederhana kepada RM233.9 bilion (atau USD67.7 bilion), atau bersamaan dengan 35.3% daripada PNK. Sepanjang tahun tersebut, **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** menurun akibat pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan dan juga sektor swasta, yang lebih daripada mengimbangi ambilan bersih yang lebih besar oleh PABK. Penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS juga menyumbang kepada penurunan hutang luar negeri secara keseluruhan.

Hutang **Kerajaan Persekutuan** mencatat pembayaran balik bersih yang lebih besar sebanyak RM6.3 bilion pada tahun 2009, disebabkan terutamanya oleh Bon Global (1999) yang telah matang. Untuk enam tahun berturut-turut, tiada pinjaman pasaran diperoleh daripada pasaran modal antarabangsa memandangkan Kerajaan Persekutuan mengekalkan amalannya untuk mendapatkan keperluan sumber pembiayaan daripada sumber dalam negeri bukan inflasi. Sementara itu, hutang luar negeri **PABK** yang lebih tinggi (akhir tahun 2009: RM71.6 bilion; akhir tahun 2008: RM63.1 bilion) adalah disebabkan terutamanya oleh terbitan bon dua peringkat berjumlah USD4.5 bilion oleh PETRONAS pada bulan Ogos 2009, bagi membiayai perbelanjaan modal akan datangnya. Jika urus niaga ini dikecualikan, PABK telah mencatat pembayaran balik bersih hutang luar negerinya berikutan beberapa bon bernilai tinggi yang telah matang di samping pengurangan peminjaman untuk perbelanjaan modal dan pengembangan di luar negeri.

Sektor swasta juga mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM3.3 bilion pada tahun 2009, disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik hutang yang lebih besar oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan sektor minyak dan gas. Sementara itu, ambilan pinjaman juga merosot memandangkan rancangan pengembangan pelaburan menjadi perlahan.

Pada tahun tersebut, **hutang luar negeri jangka pendek** terkumpul merosot kepada RM78 bilion memandangkan peminjaman antara bank daripada operasi perbendaharaan telah menjadi sederhana. Hutang luar negeri jangka pendek hanya mencakupi 11.8% daripada PNK, 23.5% daripada rizab antarabangsa dan 11.9% daripada eksport barangan dan perkhidmatan. Sejumlah besar hutang jangka pendek adalah oleh sektor perbankan (88.5%). Hutang luar negeri jangka pendek sektor swasta bukan bank yang terdiri terutamanya daripada kredit pusingan dan kemudahan overdraf, kekal rendah.

PERKEMBANGAN PASARAN PEKERJA

Pasaran pekerja telah terjejas teruk oleh kemerosotan ketara dalam ekonomi global pada awal 2009. Sebagai tindak balas kepada penurunan mendadak permintaan eksport dan juga permintaan dalam negeri yang bertambah lemah, syarikat-syarikat, terutamanya dalam sektor berkaitan perdagangan, mengurangkan operasi, pada dua bulan pertama tahun tersebut. Menurut satu kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, syarikat-syarikat telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kos. Antara langkah paling lazim ialah membekukan pengambilan pekerja dan mengurangkan peruntukan untuk latihan. Syarikat-syarikat juga menyatakan bahawa pemberhentian pekerja secara amnya dilaksanakan sebagai tindakan terakhir, yang hanya diambil setelah melaksanakan semua langkah pengurangan kos. Pada keseluruhan tahun tersebut, jumlah pemberhentian pekerja meningkat kepada paras tertinggi dalam tempoh tujuh tahun, iaitu sebanyak 25,064 orang, dengan separuh daripada pemberhentian tersebut adalah pada suku pertama.

Rajah 1.29
Pelbagai Langkah yang Diambil oleh Syarikat untuk Mengurangkan Kos Pekerja

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh syarikat-syarikat ketika krisis?



Sumber: Tinjauan Tahunan Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja lemah pada awal tahun 2009 namun keadaan semakin baik

Keadaan pasaran pekerja mula stabil pada suku kedua dan bertambah baik selepas itu, sejajar dengan keadaan ekonomi global dan dalam negeri yang keseluruhannya bertambah baik. Pelaksanaan dasar fiskal yang mengembang dan dasar monetari yang akomodatif di dalam negeri telah menyumbang kepada pemulihan sentimen sektor perniagaan dan pengguna. Perkembangan ini bersama-sama dengan keadaan ekonomi global yang beransur pulih telah mengurangkan jumlah pemberhentian pekerja dengan ketara dan menyebabkan aktiviti pengambilan pekerja oleh syarikat-syarikat kembali cergas mulai suku kedua. Pemulihan dalam pasaran pekerja yang lebih cepat dari jangkaan telah menurunkan kadar pengangguran kepada 3.7% daripada tenaga kerja, berbanding dengan jangkaan awal sebanyak 4.5%. Walaupun persekitaran ekonomi mencabar dan kadar produktiviti merosot, majikan dalam sektor swasta masih memberi kenaikan gaji, meskipun pada kadar yang lebih sederhana pada 3.4% (2008: 5.1%).

Jumlah **pemberhentian pekerja** pada tahun 2009 ketara lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Bilangan pemberhentian pekerja paling banyak dicatatkan pada suku pertama (12,590 orang). Pekerja dalam sektor perkilangan adalah yang paling teruk terjejas (78% daripada jumlah pemberhentian pekerja pada suku pertama), terutamanya

Jadual 1.20
Penunjuk Terpilih Pasaran Pekerja

	2005	2006	2007	2008	2009*a*
Guna tenaga[1] ('000 orang)	10,892.8	11,159.0	11,398.0	11,576.5	11,609.1
Perubahan tahunan (%)	4.1	2.4	2.1	1.6	0.3
Tenaga kerja[1] ('000 orang)	11,290.5	11,544.5	11,775.1	11,967.5	12,061.1
Perubahan tahunan (%)	4.1	2.2	2.0	1.6	0.8
Jumlah pemberhentian pekerja (bil. orang)	16,109	15,360	14,035	16,469	25,064
Perubahan tahunan (%)	-19.3	-4.6	-8.6	17.3	52.2
Kadar pengangguran[1] (% daripada tenaga kerja)	3.5	3.3	3.2	3.3	3.7
Pertumbuhan produktiviti pekerja benar[2] (%)	1.2	3.3	4.0	3.0	-2.0

[1] Anggaran oleh Unit Perancang Ekonomi
[2] Anggaran oleh Bank Negara Malaysia
a Anggaran

Sumber: Bank Negara Malaysia
Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia

dalam kelompok E&E (45% daripada jumlah pemberhentian pekerja) berikutan kejatuhan permintaan eksport yang ketara. Walau bagaimanapun, bilangan pekerja yang diberhentikan menurun dengan nyata mulai suku kedua (7,470 orang) dan menjelang suku ketiga, keadaan telah kembali normal kepada paras sebelum krisis. Secara keseluruhan, jumlah pemberhentian pekerja meningkat sebanyak 52% kepada 25,064 orang pada tahun 2009 (2008: 16,469 orang), dengan 71% daripadanya adalah dalam sektor perkilangan dan 25% daripada sektor perkhidmatan.

Aktiviti pengambilan pekerja pada suku pertama juga terhenti dalam keadaan ketidakpastian yang meningkat mengenai prospek perniagaan. **Jumlah kekosongan** yang diumumkan pada suku pertama berjumlah kira-kira 222,000 jawatan, menurun 16% daripada tempoh sebelumnya. Namun, selepas itu sentimen perniagaan mula bertambah baik seperti ditunjukkan oleh penawaran pekerjaan yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun tersebut, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan. Pada tahun tersebut, jumlah kekosongan terkumpul meningkat kepada 1.5 juta jawatan

Rajah 1.30
Keluaran dan Guna Tenaga



a Anggaran

Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.31
Pemberhentian Pekerja dalam Sektor Terpilih



Sumber : Kementerian Sumber Manusia

(2008: 1.1 juta jawatan), dengan kebanyakan jawatan yang ditawarkan adalah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor perdagangan edaran, pengantaraan kewangan, serta kemasyarakatan, sosial dan perkhidmatan persendirian.

Keadaan ekonomi yang bertambah baik pada separuh kedua tahun dan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan telah menyokong keadaan **guna tenaga** keseluruhan, yang mencatat sedikit peningkatan sebanyak 0.3% (2008: 1.6%). Peningkatan dalam guna tenaga terutamanya adalah dalam sektor perkhidmatan, dan juga sektor pembinaan dan pertanian. Sebaliknya, sektor perkilangan mencatat kemerosotan bersih dalam guna tenaga, mencerminkan sebahagian besarnya, pembekuan pengambilan pekerja baharu dan bilangan pemberhentian pekerja yang lebih tinggi. Bagi mengurangkan kesan kemelesetan global terhadap guna tenaga, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah, termasuk langkah mengisi kira-kira 50,000 jawatan kosong dalam sektor awam pada peringkat profesional dan kumpulan sokongan, manakala 100,000 individu lain diberikan latihan semasa bekerja dan diberikan penempatan kerja sementara dengan pelbagai agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta. Ini termasuk penyediaan lebih banyak tempat latihan di bawah Program Latihan Khusus dan Program Latihan Semula, kursus latihan industri dan kemahiran teknikal yang diuruskan oleh pelbagai pusat latihan kemahiran negeri di samping latihan semasa kerja dan penempatan kerja dalam sektor kewangan dan GLC. Selain itu, Kerajaan juga membantu syarikat untuk mengurangkan kos pekerja dengan mengurangkan levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia dan memberikan potongan cukai berganda kepada syarikat yang mengambil pekerja yang diberhentikan. Sebanyak 22 Pusat JobsMalaysia baharu ditubuhkan dan 109 pusat sedia ada dinaik taraf bagi memberikan bantuan penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan maklumat berkenaan peluang latihan kepada mereka yang menganggur.

Pada tahun 2009, jumlah **pekerja asing** berdaftar (pekerja penghijrah dan ekspatriat) merosot sebanyak 23% kepada 1.62 juta pekerja, dengan 98% daripada mereka adalah pekerja penghijrah berkemahiran rendah. Jumlah pekerja penghijrah merosot sebanyak 23% kepada 1.59 juta orang

Rajah 1.32
Trend Produktiviti Pekerja



a Anggaran

Sumber: Bank Negara Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

(2008: 2.06 juta orang) disebabkan oleh pemberhentian pekerja dan penamatan awal kontrak kerja oleh majikan. Selain itu, Kerajaan juga mengenakan peraturan pengambilan pekerja penghijrah yang lebih ketat, termasuk pembekuan pengambilan pekerja penghijrah baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, larangan memotong bayaran levi daripada upah pekerja penghijrah baharu yang dengan itu meningkatkan kos pengambilan pekerja, dan pembekuan pengeluaran lesen baharu kepada agensi pengambilan pekerja asing. Bilangan ekspatriat asing yang bekerja di negara ini merosot sebanyak 13% kepada 32,138 orang.

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar setiap pekerja, juga terjejas oleh prestasi ekonomi yang lemah pada tahun tersebut. Peningkatan dalam produktiviti pekerja menurun sebanyak 2.0% pada tahun 2009 (2008: +3.0%) disebabkan terutamanya oleh penurunan ketara dalam produktiviti pekerja sektor perkilangan, memandangkan pengeluaran berkurang akibat kemerosotan ketara dalam permintaan luar negeri pada awal tahun tersebut. Walaupun persekitaran ekonomi adalah mencabar dan produktiviti lebih rendah, majikan dalam sektor swasta terus memberikan kenaikan gaji, meskipun pada kadar lebih rendah. Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, kenaikan **gaji** purata dalam sektor swasta menjadi sederhana kepada 3.4% (2008: 5.1%), dengan kumpulan pekerja eksekutif dan bukan eksekutif mendapat kenaikan gaji yang lebih rendah, masing-masing sebanyak 3.2% dan 3.7% (2008: 4.9% dan 5.1%).

PERKEMBANGAN HARGA

Harga Pengguna

Sejajar dengan perkembangan global dan dalam negeri, tekanan inflasi di Malaysia menjadi sederhana dengan ketara pada tahun 2009. Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), secara puratanya ialah 0.6% pada tahun 2009 (2008: 5.4%). Kemerosotan ketara inflasi keseluruhan pada tahun tersebut didorong oleh faktor berkaitan penawaran dan keadaan permintaan yang lemah. Sementara itu, inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, menjadi sederhana kepada 2.7% pada tahun 2009 (2008: 4%).

Inflasi pada tahun 2009 dipengaruhi oleh faktor luar dan dalam negeri. Di luar negeri, kelemahan ekonomi pada separuh kedua 2008 telah mengakibatkan tekanan disinflasi dalam ekonomi utama dan ekonomi sedang pesat membangun. Ini jelas dilihat pada suku pertama 2009. Dua faktor utama yang bertanggungjawab terhadap tekanan disinflasi ini ialah kejatuhan ketara harga komoditi dunia, terutamanya harga minyak mentah, dan ekonomi yang semakin lembap apabila kemelesetan global bertambah buruk.

Setelah mencapai paras harga tertinggi dalam sejarah iaitu USD147.27 setong pada bulan Julai 2008, harga minyak merudum lebih daripada 60% pada bulan Januari 2009 (USD41.68 setong). Kejatuhan harga yang besar ini telah memberi kesan langsung kepada inflasi melalui harga runcit bahan api yang lebih rendah di seluruh dunia. Kos tenaga dan harga pelbagai input berkaitan minyak yang lebih rendah juga membolehkan pengeluar mengurangkan harga jualan mereka.

Dalam persekitaran keadaan kredit yang lebih ketat, pengangguran yang meningkat dan keyakinan pengguna dan perniagaan yang merosot, sektor isi rumah dan perniagaan mengambil langkah untuk membendung aktiviti perbelanjaan mereka. Tindakan ini seterusnya telah menyumbang kepada keadaan permintaan global yang lemah, terutamanya pada awal tahun tersebut. Akibatnya, banyak negara mengalami tekanan inflasi yang lebih rendah pada tahun 2009. Inflasi dalam ekonomi maju mencatatkan kejatuhan yang ketara. Kadar inflasi tahunan di AS jatuh ke paras yang tidak dilihat sejak lewat tahun 1940an, manakala inflasi tahunan di kawasan euro merosot ke paras terendah sejak pembentukan Kesatuan Eropah. Inflasi dalam ekonomi pasaran sedang pesat membangun juga merosot pada tahun 2009, dengan penurunan ketara di RR China, apabila kadar inflasi menurun daripada 5.9% pada tahun 2008 kepada -0.7% pada tahun 2009.

Di dalam negeri pula, kedudukan Malaysia sebagai ekonomi yang sangat berorientasikan perdagangan bermakna bahawa perkembangan di luar negeri memberi kesan yang besar

Rajah 1.33
Inflasi Harga Pengguna



Rajah 1.34
Inflasi Keseluruhan dan Harga Komoditi Dunia



Nota:1. FAO merujuk kepada Pertubuhan Makanan dah Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Indeks Harga Makanan Dunia FAO terdiri daripada purata wajaran 55 komoditi makanan yang dianggap mewakili harga makanan dunia oleh pakar FAO.
3. Indeks Harga Makanan Dunia FAO dan Indeks Harga Minyak Mentah Dunia telah diasaskan semula kepada tahun 2005 berdasarkan purata bagi indeks-indeks tersebut pada tahun berkenaan.

terhadap ekonomi dalam negeri. Kemerosotan harga bahan api dan komoditi global, dan keadaan deflasi yang dialami oleh rakan perdagangan utama Malaysia, menyumbang kepada inflasi dalam negeri yang lebih rendah. Yang ketara, penurunan terkumpul harga minyak runcit dalam negeri pada separuh kedua 2008 memberi sumbangan yang besar kepada trend inflasi dalam negeri yang lebih sederhana. Kesannya sangat ketara pada bulan Julai 2009, memandangkan kesan asas yang tinggi telah menyebabkan kejatuhan 19.9% dalam kategori kenderaan, yang menyumbang kepada kejatuhan 3.2 mata peratusan bagi inflasi.

Kesannya terhadap inflasi keseluruhan adalah besar, dengan kadar kejatuhan tahunan paras harga sebanyak -2.4% pada bulan Julai merupakan kadar terendah sejak bulan Ogos 1986. IHP untuk *makanan dan minuman tidak beralkohol* juga menjadi sederhana kepada purata 4.1% pada tahun tersebut (2008: 8.8%). Ini disebabkan terutamanya oleh kesan kekangan bekalan global yang lebih kecil. Yang ketara, subkategori IHP iaitu *beras, roti dan bijirin* lain menunjukkan pertumbuhan negatif pada bulan Jun 2009 berikutan kejatuhan ketara dalam harga bijirin global sejak separuh kedua tahun 2008. Oleh sebab kebanyakan kesan asas ini mula luput menjelang akhir tahun, inflasi keseluruhan beransur pulih dan menunjukkan angka pertumbuhan positif. Sementara itu, harga kategori IHP lain kekal secara relatif stabil, dengan peningkatan purata sebanyak 1.5% pada tahun 2009 (2008: 2.3%). Satu lagi faktor penting yang menjejaskan inflasi keseluruhan pada tahun tersebut ialah pengenaan cukai eksais tambahan sebanyak 1 sen bagi setiap batang rokok pada bulan Oktober, yang menyumbang kepada IHP kategori *minuman beralkohol dan tembakau* yang lebih tinggi.

Salah satu kebimbangan utama pada tahun tersebut ialah kemungkinan berlakunya deflasi. Berikutan kesan asas inflasi yang tinggi pada tahun 2008 dan disinflasi yang pantas, banyak negara mencatatkan kadar inflasi negatif pada tahun 2009. Akibat daripada krisis kewangan global yang meluas itu yang telah mencetuskan kemelesetan global, serta ketidakpastian yang tinggi berhubung dengan prospek penyelesaian krisis kewangan dan kesannya pada ekonomi benar, beberapa negara di rantau ini menghadapi risiko deflasi yang berpanjangan dan lebih mendalam. Mengikut definisi, deflasi ialah keadaan kemerosotan paras harga am yang berterusan dan menyeluruh. Apabila keadaan ini wujud dan mengakibatkan jangkaan deflasi yang kuat, penangguhan penggunaan, kejatuhan harga aset dan peningkatan beban hutang benar yang lebih ketara boleh mendorong ekonomi benar kepada kemelesetan yang lebih teruk dan berpanjangan. Laporan Prospek Ekonomi Dunia oleh IMF pada bulan Oktober 2009 melaporkan penunjuk kelemahan deflasi (deflation vulnerability indicator) yang menggabungkan pelbagai penunjuk makroekonomi seperti inflasi teras, jurang pengeluaran, harga rumah dan ekuiti serta pertumbuhan kredit dan wang secara luas, menunjukkan peningkatan risiko deflasi dalam beberapa negara maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, tindak balas dasar yang kukuh dari segi fiskal dan monetari berjaya mengurangkan kemungkinan tersebut. Kebimbangan terhadap deflasi menyusut pada separuh kedua 2009 apabila krisis kewangan menjadi stabil dan keadaan ekonomi global mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan berikutan pelaksanaan rangsangan fiskal yang besar dan agresif.

Bagi Malaysia, walaupun inflasi keseluruhannya antara bulan Jun hingga November 2009 adalah negatif, deflasi sebahagian besarnya merupakan perkembangan statistik dan tiada bukti tekanan deflasi telah menyusup ke dalam ekonomi.

Rajah 1.35
Sumbangan kepada Inflasi



Nota: Lain-lain merujuk kepada komunikasi, pakaian dan kasut, kesihatan, pendidikan, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isirumah, minuman alkohol dan tembakau, restoran dan hotel, pelbagai barangan dan perkhidmatan, dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain

Walaupun inflasi teras adalah sederhana, ia terus positif sepanjang tahun tersebut. Keyakinan pengguna dan perniagaan juga kukuh, disokong oleh langkah dasar penting yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Bank Pusat. Yang lebih penting ialah walaupun keadaan permintaan pada tahun tersebut secara relatif lemah, ia masih lagi berupaya untuk mengurangkan risiko deflasi yang berpanjangan.

Harga Pengeluar

Inflasi harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar[1] (IHPR), merosot pada tahun 2009 dalam keadaan kejatuhan harga komoditi yang meluas. Perubahan tahunan IHPR pada tahun 2009 secara puratanya ialah -7.1% berbanding dengan peningkatan 10.3% pada tahun 2008. Perubahan tahunan IHPR adalah ekoran trend penyederhanaan pada separuh pertama tahun tersebut. IHPR mencapai kadar terendah bagi tahun 2009 kepada -13% pada bulan Julai. Keadaan ini sebahagian besarnya adalah konsisten dengan kemerosotan mendadak sebanyak 32.5% dalam komponen komoditi IHPR pada tempoh yang sama. Sejak itu, inflasi IHPR telah meningkat dengan sederhana berikutan sedikit pemulihan dalam harga komoditi dunia. Secara keseluruhan, IHPR untuk komponen berkaitan komoditi mencatat kemerosotan sebanyak 19.8% pada tahun 2009 (2008: 26.6%). Sementara itu, harga pengeluar bukan berasaskan komoditi pula jatuh kepada kadar tahunan purata yang lebih perlahan, iaitu 2.5% pada tahun 2009 (2008: 5.8%).

Dari segi komposisi, komponen IHPR tempatan dan yang diimport menurun pada tahun 2009. Pertumbuhan tahunan IHPR bagi komponen tempatan jatuh kepada -10.4% pada tahun 2009 (2008: 13.3%), mencerminkan kemerosotan meluas merentas semua subkumpulannya. Sementara itu, keadaan permintaan global yang lemah dan harga komoditi yang lebih rendah juga dicerminkan oleh IHPR barangan diimport yang lebih rendah, yang secara puratanya menurun kepada 0.5% pada tahun 2009 (2008: 4%).

[1] Bermula dari tahun 2010, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) adalah berdasarkan pada tahun asas baharu 2005=100, daripada 2000=100 sebelumnya.

61 Tinjauan Keseluruhan
61 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
65 Keadaan Monetari dan Kewangan Dalam Negeri
74 Pembiayaan Ekonomi

Keadaan Monetari dan Kewangan

Keadaan Monetari dan Kewangan

TINJAUAN KESELURUHAN

Berikutan kesan krisis subprima di Amerika Syarikat yang menular dengan meluas dan kejatuhan syarikat Lehman Brothers pada bulan September 2008, keadaan monetari dan kewangan global merosot pada suku pertama 2009. Krisis dalam ekonomi maju mencapai kemuncaknya pada bulan Mac 2009 dan mengakibatkan kemelesetan ekonomi global terburuk sejak Perang Dunia Kedua. Keadaan ekonomi dan kewangan mula menjadi stabil pada separuh kedua 2009 berikutan campur tangan secara besar-besaran pihak berkuasa ekonomi maju melalui tindakan yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini bagi menyokong sistem kewangan dan memulihkan semula ekonomi. Ekonomi sedang pesat membangun juga terjejas dengan teruk memandangkan hubungan ekonomi dan kewangannya yang rapat dengan ekonomi maju. Walau bagaimanapun, rangsangan fiskal dan kewangan yang pantas telah mengurangkan kesan daripada kejutan luar terhadap ekonomi sedang pesat membangun.

Seperti kebanyakan ekonomi serantau, Malaysia juga terjejas akibat permintaan luar yang menguncup dengan ketara dan harga aset kewangan dalam negeri yang merosot dengan nyata disebabkan oleh pembayaran balik hutang oleh pelabur di seluruh dunia, yang seterusnya menyebabkan aliran keluar dana portfolio yang besar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dua program rangsangan fiskal dan pelonggaran dasar monetari telah menyokong permintaan dalam negeri. Langkah tambahan untuk memudahkan akses kepada pembiayaan memastikan bahawa persekitaran terus menyokong penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Sementara itu, sektor kewangan yang kukuh terus menyokong proses pengantaraan kewangan dan memperkuat kesan pengembangan fiskal dan monetari terhadap permintaan dalam negeri.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Perkembangan dalam keadaan monetari dan kewangan antarabangsa pada tahun 2009 secara umumnya terbahagi kepada tiga fasa berbeza. Suku pertama tahun tersebut menyaksikan kegawatan keadaan pasaran kewangan di tengah-tengah kemelesetan ekonomi global yang teruk. Ini diikuti oleh fasa penstabilan pada suku kedua dan ketiga, apabila langkah-langkah dasar secara besar-besaran yang belum pernah dilakukan sebelum ini dilaksanakan pada awal tahun tersebut mulai memberi kesan. Menjelang suku keempat, keadaan ekonomi dan kewangan mula stabil dan kesan pengembangan daripada rangsangan fiskal dan monetari yang besar telah memulihkan semula pertumbuhan.

Selepas suku pertama yang amat mencabar, keadaan monetari dan kewangan global mula stabil pada pertengahan tahun dan bertambah baik berikutan sokongan fiskal besar-besaran dan rangsangan monetari yang belum pernah dilaksanakan dalam ekonomi maju

Rajah 2.1
Indeks Turun Naik*



*Indeks Turun Naik Tersirat (VIX) Chicago Board of Exchange (CBOE) dan Anggaran Opsyen Turun Naik Merrill Lynch (MOVE)

Sumber: Bloomberg

Pada awal tahun 2009, keadaan monetari dan kewangan terus merosot akibat kejatuhan Lehman Brothers dan kesan buruk yang berterusan daripada pengambilan hutang secara besar-besaran dalam sistem kewangan AS. Kehilangan keyakinan secara meluas akibat episod Lehman telah menyebabkan langkah penghindaran risiko yang lebih ketara yang berlanjutan hingga dua bulan pertama 2009. Dalam banyak negara, keadaan mudah tunai menjadi lebih ketat di tengah-tengah penjualan aset kewangan secara besar-besaran dan turun naik pasaran ekuiti dan bon.

Keadaan kewangan, khususnya dalam ekonomi maju, adalah amat teruk. Pada dua bulan pertama 2009, indeks saham S&P 500 menurun sebanyak 21.1%, sementara LIBOR 3 bulan ditolak spread OIS, yang mengukur tahap mudah tunai dan risiko kredit dalam pasaran antara bank, kekal pada tahap yang tinggi, menunjukkan kegagalan dalam pengantaraan kewangan. Pasaran antara bank yang gagal berfungsi telah menjejaskan proses pengantaraan kewangan dengan ketara lantas mengganggu pemberian kredit kepada sektor ekonomi yang lebih luas. Ini telah menimbulkan kesan yang buruk terhadap aktiviti ekonomi. Sektor ekonomi benar terheret ke kancah kemelesetan yang teruk ekoran penguncupan dalam penggunaan, pelaburan dan aktiviti perdagangan. Kebanyakan ekonomi maju mengalami penguncupan aktiviti ekonomi yang ketara pada suku pertama, lantas menjadikan prospek pertumbuhan sangat kabur. Unjuran IMF berkaitan pertumbuhan ekonomi maju bagi tahun 2009 diturunkan daripada 0.5% pada bulan Oktober 2008 kepada -2% pada bulan Januari 2009. Penunjuk ekonomi utama, termasuk pengeluaran perindustrian dan keadaan pasaran pekerja, terus merosot dengan nyata dan pantas. Rangkaian hubungan yang kukuh antara sektor benar dengan sektor kewangan bermakna bahawa kelemahan dalam aktiviti ekonomi akan secara langsung menyebabkan kemerosotan yang lebih besar dalam sektor kewangan dan begitulah sebaliknya.

Rajah 2.2
Indeks Pasaran Ekuiti Terpilih



Sumber: Bloomberg

Tahap buruknya masalah dalam sektor kewangan dan sektor benar telah menyebabkan pelbagai bentuk campur tangan kerajaan. Campur tangan ini dirumus untuk memulihkan semula fungsi pasaran kewangan dan institusi kewangan, selain untuk menyokong sektor ekonomi benar. Untuk menstabilkan keadaan kewangan, pelbagai langkah konvensional dan tidak konvensional dilaksanakan. Ini termasuk jaminan kerajaan, pembelian aset sektor swasta, program permodalan semula dan pelonggaran kuantitatif. Langkah-langkah ini diperkukuh oleh program rangsangan fiskal yang besar oleh pihak berkuasa ekonomi maju, yang mencakupi antara 1% hingga 6% daripada KDNK. Pelonggaran dasar monetari pula bertujuan untuk menyokong pertumbuhan. Namun, dasar-dasar tersebut mengambil masa untuk membuahkan hasil memandangkan keadaan kewangan yang amat teruk.

Meskipun pendedahan langsung pasaran sedang pesat membangun kepada krisis subprima dan masalah dalam pasaran derivatif adalah kecil, pasaran kewangan dalam ekonomi tersebut turut terjejas dengan ketara memandangkan terdapat hubungan kewangan dengan pasaran kewangan utama. Indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI merosot sebanyak 14.1% pada bulan Februari memandangkan pembayaran balik hutang pada peringkat global menyebabkan pelabur asing melupuskan milikan aset dalam pasaran sedang pesat membangun. Penghantaran balik dana tersebut ke AS telah menyebabkan aliran keluar modal yang besar lantas mata wang beberapa ekonomi sedang pesat membangun mengalami susut nilai pada purata 8.8% berbanding dengan dolar AS pada tempoh tersebut.

Pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun yang bersifat terbuka juga terjejas oleh penguncupan dalam perdagangan global berikutan kejatuhan permintaan luar daripada ekonomi maju. Pertumbuhan eksport tahunan Hong Kong, Singapura dan Malaysia masing-masing jatuh sebanyak 21.1%, 20.7% dan 15.7% pada akhir suku pertama. Penguncupan

dalam perdagangan menjadi lebih buruk apabila terdapat kekurangan mudah tunai dolar dalam pasaran kewangan antarabangsa, yang seterusnya menjejaskan pembiayaan perdagangan.

Tindak balas dasar oleh pihak berkuasa ekonomi sedang pesat membangun adalah pantas dan pada amnya bertujuan untuk mengurangkan kesan krisis ekonomi maju. Langkah-langkah yang diambil membabitkan gabungan langkah monetari dan fiskal termasuk langkah mengurangkan kadar faedah ke tahap yang luar biasa rendah, meningkatkan akses kepada pembiayaan dan perbelanjaan fiskal yang besar. Namun, kekukuhan ekonomi sedang pesat membangun sebagai satu kumpulan semasa bermulanya krisis serta sistem perbankan yang kukuh dan fleksibiliti fiskal telah meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan langkah-langkah antikitaran yang kukuh dan tepat sebagai tindak balas terhadap krisis.

Menjelang suku kedua, terdapat tanda-tanda penstabilan yang jelas dalam pasaran kewangan berserta sentimen perniagaan dan penggunaan yang bertambah baik. Dalam ekonomi maju, keadaan kewangan mula menjadi bertambah baik berikutan pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Spread kadar antara bank pasaran wang menurun dengan nyata bermula dari suku kedua dan seterusnya. Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah untuk menyediakan mudah tunai tambahan kepada pasaran kewangan mula berkesan. LIBOR 3 bulan ditolak spread OIS menurun daripada purata 101 mata asas pada suku pertama kepada purata 23 mata asas pada suku ketiga 2009.

Kedudukan kewangan institusi kewangan utama juga bertambah baik seperti ditunjukkan oleh keputusan yang menggalakkan daripada ujian tekanan yang dijalankan terhadap semua bank bagi memastikan kesolvenan institusi kewangan. Kejatuhan hampir satu pertiga swap kredit mungkir bank-bank terkemuka di AS membuktikan bahawa keyakinan terhadap institusi kewangan semakin pulih. Apabila keadaan beransur pulih, pasaran kewangan terus meningkat dengan stabil meskipun masih agak perlahan. Antara bulan Mac hingga Mei 2009, indeks S&P 500 naik sebanyak 25.2%, lantas dapat menampung semua kerugian yang ditanggung sejak awal tahun 2009. Pada suku ketiga, turun naik dalam pasaran kewangan seperti diproksikan kepada indeks VIX, turun dengan nyata dan kembali ke tahap sebelum kejatuhan Lehman Brothers.

Rajah 2.3
Spread Pasaran Kewangan*



* LIBOR 3 bulan ditolak Indeks Swap Semalaman 3 bulan (OIS)

Sumber: Bloomberg

Rajah 2.4
Swap Mungkir Kredit 5 tahun Bank-bank AS



Sumber: Bloomberg

Walaupun langkah-langkah yang dilaksanakan melahirkan kesan positif dalam mengurangkan tekanan dalam pasaran kewangan dan juga dapat memulihkan fungsi pasaran, asas-asas ekonomi dalam negara maju masih lemah. Pemberian kredit kepada sektor ekonomi yang lebih luas masih lagi terhad memandangkan pemberi pinjaman dan peminjam terus bersikap berhati-hati. Syarat pemberian pinjaman dalam ekonomi maju utama masih lagi ketat. Meskipun penunjuk ekonomi utama berada pada tahap yang rendah, tanda-tanda mula kelihatan

Rajah 2.5
Keadaan Pinjaman Bank untuk Perniagaan*



*Merujuk kepada Soal Selidik Pinjaman Pegawai Atasan dalam negara terpilih

Sumber: Laman Sesawang Bank Pusat

bahawa kadar kemerosotan ekonomi semakin perlahan. Walau bagaimanapun, dengan keadaan ekonomi dan kewangan terus beransur pulih, persoalan yang timbul ialah sama ada pemulihan akan berterusan memandangkan sistem kewangan masih terjejas.

Ekonomi sedang pesat membangun sebaliknya menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang lebih jelas menjelang suku kedua 2009. Ini kerana keadaan ekonomi dalam negara-negara tersebut memang sedia teguh dan diperkuat oleh tindak balas fiskal dan monetari yang komprehensif, sekali gus membolehkannya pulih dalam tempoh yang lebih cepat. Dengan tanda-tanda pemulihan ekonomi semakin jelas, para pelabur menjadi lebih cenderung untuk mengambil risiko dalam aset kewangan pasaran sedang pesat membangun. Pasaran ekuiti dalam ekonomi sedang pesat membangun meningkat dengan pantas secara berterusan, pada purata 61.6% berbanding dengan 36.2% dalam ekonomi maju.

Menjelang suku keempat 2009, keadaan ekonomi dan kewangan dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang lebih jelas dan kukuh. Ini lantas meningkatkan keyakinan pelabur dan mengaktifkan semula aktiviti perdagangan dalam pasaran kewangan di seluruh dunia. Dengan dunia dibanjiri mudah tunai di tengah-tengah kadar faedah sedunia yang rendah, usaha mencari hasil lumayan telah menyebabkan peningkatan mendadak dalam aliran portfolio asing ke dalam ekonomi sedang pesat membangun. Hasilnya, mata wang ekonomi sedang pesat membangun, khususnya rupiah Indonesia, real Brazil dan won Korea menambah nilai dengan kukuh, masing-masing sebanyak 17.7%, 33% dan 10% pada tahun 2009. Prospek pemulihan yang lebih cerah dan jangkaan bahawa penambahan nilai mata wang akan berterusan telah menambah minat pelabur terhadap pasaran sedang pesat membangun.

Lonjakan dalam aliran masuk modal dan trend harga komoditi dan harta tanah yang semakin tinggi, mula mencetuskan kebimbangan akan kemungkinan terbentuknya gelembung harga aset dalam ekonomi sedang pesat membangun. Beberapa ekonomi sedang pesat membangun seperti Brazil dan Taiwan mengenakan sekatan terhadap aliran masuk modal untuk

Rajah 2.6
Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (EMBI) dan Spread Bon EMBI



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.7
Kadar Pertukaran Dolar AS Berbanding dengan Mata Wang Ekonomi Sedang Pesat Membangun



Sumber: Bloomberg

mengelakkan keadaan turun naik yang tidak diingini dalam pasaran kewangan dan untuk mengurangkan kesannya terhadap keadaan monetari. Sekatan tersebut termasuk cukai atas aliran ke dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap, serta larangan kepada pelabur asing untuk menempatkan wang mereka dalam deposit bermasa.

Pada akhir tahun 2009, tanda-tanda pemulihan menjadi lebih jelas lantas mendorong perbincangan dalam kalangan pembuat dasar tentang keperluan untuk mengkaji semula pendirian dasar. Pelaksanaan kadar faedah yang luar biasa rendah semasa risiko kelembapan ekonomi tinggi kini perlu diselaraskan semula bagi menghindari daripada berlakunya risiko ketidakseimbangan kewangan. Oleh itu, walaupun dasar monetari kekal akomodatif, beberapa bank pusat termasuk Reserve Bank of Australia, mula menaikkan kadar dasar, manakala beberapa bank pusat lain menyatakan hasrat untuk berbuat sedemikian dalam tempoh terdekat. Ternyata bahawa kadar, masa dan magnitud pelarasan kadar dasar adalah berbeza-beza antara negara dan rantau memandangkan terdapat perbezaan keadaan ekonomi dan kewangan antara negara.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DALAM NEGERI

Keadaan monetari dan kewangan dalam negeri terus menggalakkan dan menyokong aktiviti ekonomi pada tahun 2009, meskipun masih terdedah kepada kejutan ekonomi dan kewangan yang buruk selepas berlakunya krisis kewangan global. Tindak balas dasar yang pantas dan ketahanan sektor perbankan dan pasaran modal memastikan proses pengantaraan kewangan berfungsi dengan berkesan dan lancar. Keadaan dalam negeri nyata menjadi bertambah baik menjelang akhir tahun dengan tanda-tanda pemulihan yang mampan semakin jelas.

Kadar Pertukaran

Prestasi ringgit pada tahun 2009 mencerminkan turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa. Pada awal tahun itu, ringgit dan mata wang serantau menghadapi tekanan susut nilai yang tinggi apabila kesan krisis kewangan dan ekonomi global dirasai sepenuhnya. Namun demikian, penjualan aset kewangan di seluruh dunia mula berkurang menjelang bulan Mac 2009 berikutan timbulnya tanda-tanda penstabilan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan aktiviti ekonomi global.

Ringgit terus menyusut nilai sehingga awal tahun 2009 memandangkan kesan sepenuhnya krisis kewangan global telah menjejaskan ekonomi global. Berlatarkan risiko pasaran yang tinggi dan tindakan pelabur untuk terus membayar balik hutang untuk mengurangkan paras peminjaman mereka, aset dalam ekonomi sedang pesat membangun telah dijual. Dalam persekitaran kewangan yang tertekan, pelabur juga lebih cenderung untuk beralih kepada pegangan tunai bagi memelihara nilai modal.

Meskipun keadaan pasaran kewangan global turun naik, pergerakan ringgit terus teratur dan memainkan peranan penting dalam menyerap kejutan luaran terhadap ekonomi dalam negeri

Akibatnya, aliran pelaburan portfolio bertukar arah dan pengembalian dana ke AS telah meningkatkan permintaan terhadap dolar AS. Perkembangan ini telah menyebabkan penyusutan nilai mata wang serantau yang ketara. Ringgit menyusut nilai kepada RM3.7255 berbanding dengan dolar AS pada 2 Mac 2009, iaitu kadar terendah sejak bulan Februari 2006. Penyusutan nilai ringgit ini bagaimanapun dikurangkan sebahagiannya oleh lebihan perdagangan bersih yang berterusan, yang mendasari sokongan permintaan terhadap ringgit. Kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh juga menambah keyakinan pasaran terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia untuk memastikan keadaan pasaran kekal teratur dalam persekitaran global yang tidak menentu.

Trend menurun ringgit bertukar arah pada bulan Mac 2009, disebabkan oleh gandingan faktor luar dan dalam negeri. Langkah-langkah pengembangan berskala besar yang dilaksanakan oleh pembuat dasar untuk mengelakkan

kegawatan ekonomi global yang berlarutan merupakan faktor utama yang memulihkan keyakinan dan menstabilkan keadaan pasaran kewangan global. Langkah-langkah ini berjaya menaikkan sentimen pelabur dan kecenderungan mereka untuk mengambil risiko, serta mengalihkan tumpuan mereka kepada prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam ekonomi serantau. Kekukuhan sistem kewangan dan keteguhan asas-asas ekonomi bagi ekonomi sedang pesat membangun menjadikan prospek pemulihan dijangka lebih awal dan lebih kukuh. Keadaan ini telah menarik masuk aliran portfolio yang besar ke dalam pasaran sedang pesat membangun dan meningkatkan permintaan terhadap mata wang serantau termasuk ringgit. Ringgit juga mendapat manfaat daripada reaksi pasaran yang positif terhadap pakej rangsangan kedua yang diumumkan pada 10 Mac. Selain itu, langkah mempercepat pelaksanaan rangsangan fiskal, di samping keadaan monetari yang akomodatif, serta sistem kewangan yang berdaya tahan dan akses kepada pembiayaan yang berterusan telah menyokong lagi sentimen positif pelabur terhadap pasaran kewangan domestik. Hasilnya, aliran masuk portfolio bersih meningkat sebanyak RM13.3 bilion pada separuh tahun kedua dan ringgit menjadi kukuh kepada RM3.3475 berbanding dengan dolar AS pada 15 Oktober. Ini merupakan penambahan nilai sebanyak 11.3% daripada paras terendahnya pada awal Mac 2009.

Pergerakan turun naik ringgit bagaimanapun adalah dalam julat menurun yang besar sejak pertengahan Oktober 2009 hingga akhir tahun, di tengah-tengah turun naik pasaran yang lebih ketara berikutan penghindaran risiko yang tinggi dan turun naik pada peringkat global. Pelaksanaan kawalan modal di Brazil dan Taiwan menambah kebimbangan bahawa bank pusat lain di rantau ini akan menggunakan dasar yang sama, yang telah menjejaskan kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko dalam pasaran serantau. Sentimen pasaran juga dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai potensi kesan sistemik daripada krisis hutang di Dubai dan isu berkaitan dengan sekuriti hutang berdaulat di Greece. Secara keseluruhan, ringgit mengakhiri tahun 2009 pada paras RM3.4245 berbanding dengan dolar AS, iaitu 1.2% lebih kukuh berbanding dengan paras pada akhir tahun 2008.

Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen

Rajah 2.8
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jepun (3.4%) memandangkan yen khususnya, mudah terjejas oleh perubahan dalam aktiviti *carry trade*. Pada akhir tahun 2009, ringgit menjadi lemah sedikit berbanding dengan euro (-0.9%) dan ketara lebih lemah berbanding dengan paun sterling (-9.1%). Penambahan nilai paun sterling sebahagian besarnya disebabkan oleh pembetulan daripada penyusutan nilai mata wang tersebut yang ketara berbanding dengan kebanyakan mata wang antarabangsa pada tahun 2008, selepas ekonomi UK terjejas teruk oleh krisis kewangan.

Pada tahun 2009, ringgit secara amnya lebih lemah berbanding dengan mata wang serantau. Namun, trend ini berubah pada awal tahun 2010. Prestasi kadar pertukaran antara rantau dibezakan mengikut faktor tertentu bagi sesebuah negara. Secara khusus, won Korea dan rupiah Indonesia menambah nilai dengan kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang berikutan sentimen pasaran yang positif. Sokongan kuat permintaan dalam negeri menyumbang kepada prestasi ekonomi Indonesia yang lebih baik. Penambahan nilai rupiah Indonesia dan won Korea juga sebahagiannya mencerminkan pemulihan rupiah Indonesia dan won Korea daripada penyusutan nilai yang besar pada tahun 2008. Antara bulan September 2008 hingga Februari 2009, rupiah Indonesia dan won Korea menyusut nilai berbanding dengan ringgit, masing-masing sebanyak 20.3% dan 28.3%. Ini mewujudkan potensi penambahan nilai yang lebih besar bagi kedua-dua mata wang tersebut berbanding

Rajah 2.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih Berbanding dengan Dolar AS



[1] Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan dan baht Thai. Setiap mata wang berwajaran seimbang.

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10
Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau Pada Tahun 2009



Nota: (+) Menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang luar negeri.

Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan mata wang serantau lain apabila keadaan global menjadi bertambah baik.

Ringgit menyusut nilai sebanyak 1% pada tahun 2009 dari segi Kadar Pertukaran Efektif Benar (Real Effective Exchange Rate, REER). REER merujuk kepada purata wajaran ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, yang diselaraskan dengan mengambil kira perbezaan dalam kadar inflasi. Pada umumnya, penyusutan REER pada tahun 2009 disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai keseluruhan Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate, NEER), yang jatuh sebanyak 1% pada tahun tersebut. Paras harga di Malaysia berbanding dengan rakan perdagangan utama terus stabil, memandangkan harga barangan dan perkhidmatan merentas negara menurun hampir serentak di tengah-tengah tekanan disinflasi global.

Pergerakan dua hala yang lebih pantas bagi aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun dalam persekitaran pemulihan ekonomi global yang tidak pasti, telah menimbulkan kebimbangan akan risiko yang mungkin timbul dalam sektor perdagangan ekonomi-ekonomi tersebut. Selain itu, aliran masuk kewangan yang besar boleh menjadi sumber ketidakstabilan, memandangkan aliran tersebut berpotensi untuk bertukar arah secara tiba-tiba. Dalam hal ini, kelebihan yang ada pada Malaysia ialah kapasiti dan daya tahan untuk menguruskan aliran kewangan yang besar dan sering turun naik yang telah diperkukuhkan dalam beberapa bentuk. Pertama, asas-asas ekonomi negara yang terus kukuh dan pasaran kewangan yang lebih pelbagai dan maju. Ini meningkatkan keupayaan sistem kewangan negara untuk menyerap aliran masuk dan keluar modal, dengan itu mengurangkan gangguan yang mungkin timbul sambil memastikan aliran modal tersebut boleh disalurkan dengan berkesan. Kedua, rejim apungan terurus memberi fleksibiliti yang diperlukan oleh ringgit untuk menyelaras kepada keadaan yang berubah-ubah. Sejak pemansuhan rejim kadar pertukaran tetap, rejim apungan terurus banyak membantu ekonomi negara dengan memberi keseimbangan yang baik antara fleksibiliti dan kestabilan. Ketiga, keupayaan untuk menguruskan mudah tunai dalam negeri juga telah menjadi bertambah baik disokong oleh pelbagai instrumen untuk melaksanakan operasi monetari serta sistem pengawasan dan maklumat sedia ada yang lebih baik. Keupayaan untuk mengurus mudah tunai secara berkesan bermakna bahawa aliran kewangan mempunyai kesan yang terhad terhadap pengantaraan kewangan dan tahap aktiviti ekonomi, termasuk mengurangkan risiko timbulnya ketidakseimbangan yang besar dalam ekonomi.

Kadar Faedah, Hasil Bon dan Harga Ekuiti
Kadar faedah pada tahun 2009 diturunkan dengan nyata untuk menyokong dasar monetari yang sangat akomodatif. Teras dasar monetari

Rajah 2.11
Kadar Faedah Pasaran Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

pada tahun tersebut tertumpu pada langkah mengurangkan kesan daripada krisis ekonomi dan kewangan terhadap permintaan dalam negeri. Di samping pengurangan sebanyak 25 mata asas pada bulan November 2008, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan sebanyak 75 mata asas pada bulan Januari 2009, dan 50 mata asas lagi pada bulan Februari 2009. Bagi membolehkan manfaat daripada pengurangan OPR ini diserapkan ke dalam kadar runcit dengan cepat, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) juga dikurangkan serentak daripada 4% kepada 1%. Langkah dasar monetari disebarkan dengan cepat oleh sistem kewangan domestik

Rajah 2.12
Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan mempunyai kesan yang besar terhadap ekonomi negara.

Berikutan keputusan Bank Negara Malaysia mengurangkan OPR, kadar antara bank semalaman dalam pasaran wang menurun daripada 3.25% pada 1 Januari 2009 kepada 2.00% pada 25 Februari, dengan pengurangan serentak dalam kadar antara bank bagi tempoh kematangan lain. Tahap pindahan yang tinggi daripada pengurangan OPR ke dalam kadar pasaran wang disokong oleh keadaan mudah tunai yang stabil dalam pasaran antara bank. Institusi kewangan yang kukuh juga menyokong urus niaga pasaran yang teratur, tanpa banyak gangguan terhadap pasaran meskipun terdapat turun naik dalam pasaran kewangan global. Sejajar dengan itu, kadar pasaran wang pada tahun itu stabil dan berada pada paras paling rendah dalam sejarah.

Institusi kewangan yang kukuh dan keadaan mudah tunai yang stabil memudahkan kesan daripada pengurangan OPR dipindahkan kepada kadar faedah pinjaman

Sebagai mencerminkan kesan pindahan yang tinggi daripada pengurangan OPR kepada kadar faedah pasaran wang, bank telah menurunkan kadar faedah pinjaman runcit untuk sektor isi rumah dan perniagaan. Tanda aras kadar pinjaman yang diukur oleh kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) purata bank perdagangan dikurangkan sebanyak 121 mata asas daripada 6.72% kepada 5.51% pada akhir tahun 2009. Ini telah menurunkan kos kadar faedah bagi pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang ditambatkan kepada BLR lantas meningkatkan pendapatan boleh guna peminjam. Pelarasan dalam BLR ini dipindahkan dengan cepat, apabila semua bank menurunkan BLR masing-masing dalam masa dua minggu dari tarikh pelarasan terhadap OPR.

Peminjam baharu juga memperoleh manfaat daripada persekitaran kadar faedah yang rendah, disebabkan pengurangan kadar faedah pinjaman baharu untuk perniagaan dan isi rumah. Ini terbukti dengan penurunan 127 mata asas dalam

Rajah 2.13
ALR bagi Pinjaman Baharu Diluluskan (purata bergerak 3 bulan)



* mata asas

Sumber: Bank Negara Malaysia

kadar pinjaman purata (Average Lending Rate, ALR) bagi pinjaman baharu yang diluluskan, daripada 6.17% pada bulan Oktober 2008 kepada 4.90% pada bulan Disember 2009. Penurunan kadar pemberian pinjaman baharu adalah menyeluruh, dengan pinjaman untuk semua sektor ekonomi mencatat kadar faedah yang lebih rendah selepas pengurangan OPR. Dengan penentuan semula harga pinjaman baharu dan sedia ada, ALR untuk pinjaman terkumpul berada pada paras paling rendah dalam sejarah sebanyak 4.83% pada akhir 2009. Persekitaran kadar faedah yang rendah pula terus menyokong aktiviti pembiayaan.

Rajah 2.14
Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15
Kadar Deposit dan Pinjaman Benar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar deposit juga dilaraskan ke bawah. Namun begitu, deposit tetap (Fixed Deposit, FD) disokong oleh kadar lantai yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kadar faedah FD dengan tempoh matang 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.00% hingga 2.50%, pada akhir 2009. Menjelang pertengahan tahun, pendeposit juga menikmati kadar pulangan benar yang positif apabila inflasi bertukar menjadi negatif.

Kadar hasil bon berdaulat naik pada awalnya disebabkan oleh kebimbangan terhadap peningkatan besar dalam terbitan sekuriti Kerajaan, tetapi kekal stabil secara umumnya pada sebahagian besar tahun tersebut berikutan keadaan ekonomi yang bertambah baik dalam keadaan prospek inflasi yang rendah. Aktiviti urus niaga tertumpu terutamanya pada sekuriti jangka pendek, mencerminkan sentimen berhati-hati pelabur.

Hasil MGS stabil pada sebahagian besar tahun 2009

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pada awal tahun 2009 berada dalam trend menurun disebabkan peningkatan penghindaran risiko dalam kalangan pelabur berikutan prospek ekonomi global yang merosot. Pengurangan OPR pada 21 Januari terus mendorong trend menurun dalam kadar hasil MGS, berikutan jangkaan inflasi yang sederhana. Trend yang menurun ini, bagaimanapun, meningkat selepas pengumuman Kerajaan untuk memperkenalkan pakej rangsangan kedua. Selepas itu, pasaran menjadi bimbang mengenai saiz rangsangan

Rajah 2.16
Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.17
Keluk Hasil Tanda Aras Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan kemungkinan terbitan tambahan sekuriti Kerajaan. Apabila kebimbangan ini memuncak, kadar hasil MGS naik dengan ketara, terutamanya untuk tempoh matang yang lebih panjang. MGS 5 dan 10 tahun meningkat masing-masing sebanyak 106 dan 116 mata asas antara akhir bulan Januari hingga pertengahan bulan Mac. Pengurangan OPR pada bulan Februari hanya memberi kesan menurun yang sementara kerana kadar hasil MGS terus meningkat berikutan kebimbangan mengenai kemungkinan saiz yang besar bagi pinjaman baharu Kerajaan.

Kadar hasil MGS jatuh pada akhir bulan Mac setelah kebimbangan tersebut reda berikutan penyiaran kalendar lelongan sekuriti Kerajaan yang disemak. Pelabur, bagaimanapun, secara umumnya terus berhati-hati memandangkan ketidakpastian yang berterusan tentang prospek ekonomi makro dan cenderung untuk bertumpu pada sekuriti yang mempunyai tempoh matang yang pendek. Ini menyebabkan pengurangan mudah tunai dalam keluk kadar hasil MGS jangka panjang, seterusnya memberikan tekanan menaik bagi kadar hasil jangka panjang. Seterusnya, berikutan penambahan minat terhadap MGS bertempoh matang pendek, kadar hasil MGS 1 dan 3 tahun meningkat sedikit sahaja masing-masing sebanyak 15 dan 6 mata asas antara akhir bulan Mac hingga akhir bulan Jun, menyebabkan kecerunan keluk kadar hasil bertambah curam.

Menjelang akhir bulan Jun, sentimen pasaran mula bertambah baik berikutan keredaan kebimbangan pelabur terhadap bekalan sekuriti Kerajaan yang lebih besar. Tekanan menaik kadar hasil jangka panjang juga mula reda. Kadar hasil MGS bagi semua tempoh matang menjadi lebih stabil selepas itu dan pada sebahagian besar separuh kedua 2009. Menjelang akhir tahun, kadar hasil MGS naik sedikit berikutan jangkaan lebih kukuh pemulihan ekonomi yang didorong oleh berita tentang data ekonomi yang lebih baik dalam perdagangan dan pengeluaran perindustrian. Pada bulan Disember, kadar hasil MGS 3 tahun mencatat peningkatan 26 mata asas berikutan terbitan baharu MGS 3.5 tahun, yang menggantikan MGS 3 tahun sebelumnya sebagai penanda aras yang baharu. Kadar hasil yang lebih tinggi mencerminkan tempoh matang penanda aras baharu yang lebih panjang sedikit.

Hasil PDS terjejas oleh penghindaran risiko

Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), kadar hasil terjejas terutamanya oleh peningkatan penghindaran risiko. Faktor-faktor seperti kebimbangan pelabur terhadap keadaan kredit mempengaruhi dengan ketara hasil PDS bertaraf rendah. Kebimbangan terhadap keadaan kredit yang semakin merosot ditambah pula oleh peningkatan bilangan penarafan negatif, terutamanya pada separuh pertama tahun 2009. Peningkatan penghindaran

Rajah 2.18
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (5 Tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19
Urus Niaga Sekuriti Hutang Korporat



Sumber: Bank Negara Malaysia

risiko menyebabkan mudah tunai berkurang dalam pasaran PDS, yang mendorong peningkatan kadar hasil PDS bertaraf rendah.

Seperti trend dalam pasaran MGS, mudah tunai dalam pasaran PDS bertambah baik disebabkan sentimen yang meningkat pada akhir bulan Julai. Penubuhan Danajamin Nasional Berhad, sebuah institusi jaminan kewangan yang memberi jaminan kredit kepada penerbit terpilih, juga menyumbang kepada peningkatan sentimen dalam pasaran bon. Kadar hasil PDS bertaraf rendah, bagaimanapun, hanya mencatat peningkatan yang kecil pada akhir tahun disebabkan kebimbangan kredit yang berlanjutan.

Rajah 2.20
Spread Kadar Hasil Bon Korporat berbanding MGS (5 tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Spread kredit untuk PDS mengecil pada tahun 2009. Pada awalnya keadaan ini agak tidak munasabah dalam keadaan kelembapan ekonomi. Namun demikian, analisis lebih lanjut menunjukkan bahawa pada awal tahun, spread kredit mengecil berikutan hasil MGS yang lebih tinggi kerana pasaran menjangkakan lebih banyak sekuriti Kerajaan akan diterbitkan. Selanjutnya, pasaran PDS dan pasaran berdaulat kembali stabil disebabkan prospek ekonomi dan kewangan yang bertambah baik. Spread kredit umumnya stabil pada separuh kedua tahun 2009. Bagi tahun tersebut secara keseluruhan, spread kredit untuk sekuriti bertaraf tinggi (5 tahun) jatuh antara 96 hingga104 mata asas.

Tanda-tanda peningkatan ekonomi lebih kukuh merangsang pasaran ekuiti

Pada bahagian awal tahun 2009, keadaan dalam negeri dan global yang sangat mencabar mengakibatkan pasaran saham dalam negeri dilanda ketidaktentuan. Seterusnya, dari suku kedua, pasaran ekuiti di seluruh dunia termasuk Malaysia mencatat pemulihan yang ketara berbanding dengan tahap kelembapan pada awal tahun 2009 disebabkan pelabur mengambil kesempatan daripada keadaan monetari yang sangat akomodatif dan penstabilan pasaran kewangan. Kesanggupan mengambil risiko terus meningkat berikutan peningkatan prospek pemulihan ekonomi apabila rangsangan fiskal mula menyokong aktiviti ekonomi.

Rajah 2.21
KLCI dan Indeks Bursa Malaysia Mengikut Sektor



Sumber: Bloomberg

Pasaran ekuiti dalam negeri mengalami turun naik yang ketara pada awal tahun dalam keadaan ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global. Penanda aras FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) mencapai paras terendah iaitu 838.4 mata pada 12 Mac, tetapi mula naik, meskipun sederhana, dari akhir bulan Mac 2009. Ini disokong oleh kenaikan harga komoditi yang merangsang saham-saham yang berkaitan dengan perladangan dan minyak dan gas. Selain itu, penyertaan pelabur dalam negeri meningkat disebabkan sentimen pasaran mulai bertambah baik.

Pada separuh kedua tahun 2009, pasaran saham serantau termasuk Bursa Malaysia turut meningkat berikutan pengagihan semula dana global kepada pasaran sedang pesat membangun, termasuk Asia, disebabkan pelabur optimis terhadap kadar pemulihan ekonomi yang lebih kukuh. Harga ekuiti terus didorong oleh prospek perolehan syarikat yang makin meningkat. Pengumuman Kerajaan untuk meliberalisasi sektor perkhidmatan dan kewangan dan usaha untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran saham oleh Bursa Malaysia juga terus mendorong pasaran. Bagi tahun 2009 secara keseluruhan, FBM KLCI naik 45.2% (2008: -39.3%).

Mudah Tunai dan Agregat Monetari

Keadaan mudah tunai lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2009 serta menyokong aktiviti ekonomi. Mudah tunai sektor swasta dipengaruhi oleh keadaan kredit global dan dalam negeri. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi-institusi kewangan antarabangsa, yang telah menyebabkan aliran keluar dana dari Malaysia. Oleh yang demikian, mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas, menunjukkan dua fasa yang berbeza pada tahun 2009.

Antara bulan Januari hingga Mei, pemberian pinjaman oleh bank untuk perniagaan dan isi rumah menurun, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lembap yang menjejaskan permintaan untuk kredit. Kesan pertumbuhan kredit yang perlahan terhadap wang secara luas telah diburukkan lagi oleh kesan penguncupan aliran keluar bersih asing terhadap mudah tunai

Rajah 2.22
Indeks Serantau



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.23
Wang Secara Luas, M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.1
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2009	
	ST1	ST2
M3	**18.6**	**66.5**
Mata wang dalam edaran	0.5	2.6
Deposit permintaan	1.7	13.0
Separuh wang secara luas	16.5	51.0
Deposit tetap	*17.5*	*5.7*
Deposit tabungan	*5.7*	*4.4*
NID	*-1.2*	*-7.6*
Repo	*0.0*	*0.9*
Deposit mata wang asing	*1.2*	*14.1*
Deposit lain	*-6.7*	*33.5*
Penentu-penentu M3		
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	11.5	14.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	10.8	40.7
Pinjaman	*12.3*	*34.7*
Sekuriti	*-1.5*	*6.0*
Aset luar bersih*	-0.4	12.1
*Bank Negara Malaysia**	*-6.0*	*2.7*
Sistem perbankan	*5.6*	*9.4*
Pengaruh lain	-3.3	-0.5

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24
Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam negeri. Kesan daripada faktor-faktor ini, bagaimanapun, sebahagiannya dikurangkan oleh perbelanjaan fiskal Kerajaan yang menyokong pertumbuhan wang secara luas sepanjang tahun tersebut. Pengembangan wang secara luas menjadi sederhana pada separuh pertama tahun tersebut, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.7% pada bulan Jun.

Selepas itu, trend wang secara luas meningkat semula untuk berkembang pada kadar tahunan yang lebih cepat. Pemulihan dalam wang secara luas ini mencerminkan persekitaran ekonomi dan kewangan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Pembiayaan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta meningkat, mencerminkan pemulihan aktiviti ekonomi serta disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah. Selain itu, wang secara luas juga berkembang pada separuh tahun kedua disebabkan oleh aliran masuk asing bersih. Wang secara luas mengakhiri tahun 2009 dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 9.2% pada bulan Disember.

Bank Negara Malaysia mengendalikan operasi kewangan dalam pasaran wang domestik untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan. Walau bagaimanapun, keadaan mudah tunai dalam pasaran wang antara bank pada tahun 2009 tidak tinggi berbanding dengan tahun 2008. Aliran keluar mudah tunai berikutan penjualan aset domestik oleh pelabur asing, yang berlanjutan dari tahun 2008 sehingga suku pertama 2009, telah diimbangi oleh pengeluaran mudah tunai yang diserap oleh Bank Negara Malaysia. Dalam hal ini, penempatan antara bank yang besar dengan Bank Negara Malaysia telah berperanan sebagai penampan mudah tunai untuk sistem perbankan. Untuk tempoh selanjutnya dalam tahun tersebut, mudah tunai dalam pasaran antara bank adalah mencukupi dan secara relatif stabil.

Walaupun aliran keluar portfolio asing menyebabkan saiz lebihan mudah tunai berkurang, namun mudah tunai sistem perbankan terus berlebihan. Ini terbukti daripada nisbah pinjaman-simpanan (loan-deposit ratio) yang berada dalam dalam julat 77.7 pada bulan Januari hingga 77.9 pada bulan Disember. Pada peringkat institusi, semua bank beroperasi pada kedudukan lebihan mudah tunai dengan penempatan dana bersih dengan Bank Negara Malaysia. Jumlah institusi mempunyai lebihan mudah tunai yang besar ini merupakan salah satu faktor yang menyokong daya tahan sistem perbankan secara keseluruhan.

Bank Negara Malaysia juga mengurangkan tahap rizab yang perlu dipegang bank berbanding dengan kelayakan liabiliti daripada 4% kepada 1%. Sementara langkah ini meningkatkan mudah tunai yang ada pada bank-bank, motivasi utama yang mendorong Bank Negara Malaysia memotong SRR adalah untuk mengurangkan kos pengantaraan dalam sistem perbankan. Hasilnya, bank-bank telah memindahkan sebahagian besar daripada pengurangan OPR dengan mengurangkan kadar pinjaman runcit mereka.

PEMBIAYAAN EKONOMI

Keadaan pembiayaan pada tahun 2009 terus kondusif dan menyokong aktiviti ekonomi. Sistem perbankan yang kukuh dan pasaran modal yang berfungsi, ditambah dengan kadar faedah yang paling rendah dalam sejarah dan mudah tunai yang banyak, memastikan aktiviti pembiayaan terus berkembang.

Kos pinjaman yang lebih rendah dan ketersediaan pembiayaan yang berterusan menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta lebih perlahan pada awal tahun itu sejajar dengan keadaan ekonomi yang secara umumnya lemah. Walau bagaimanapun, pembiayaan memperoleh momentum menjelang separuh tahun kedua, disokong oleh kadar pinjaman yang rendah dan langkah-langkah menyeluruh yang diambil untuk memastikan akses kepada dana yang berterusan bagi semua sektor ekonomi. Selain itu, pertumbuhan semula ekonomi pada suku keempat tahun itu telah menyumbang kepada peningkatan permintaan untuk pembiayaan. Bagi tahun tersebut secara keseluruhan, pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman perbankan dan PDS meningkat sebanyak 8.5% (2008: 12.7%).

Pada tahun tersebut, pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah disokong oleh kos pinjaman yang lebih rendah dan ketersediaan pembiayaan dalam persekitaran yang kompetitif. Dari segi permintaan, paras kadar faedah yang lebih rendah memberi kesempatan bagi isi rumah untuk membiayai semula pinjaman yang sebelumnya dibuat pada kadar yang lebih tinggi, termasuk pinjaman perumahan, peribadi dan kad kredit. Bagi pinjaman perumahan baharu, permintaan turut disokong oleh langkah-langkah yang diumumkan oleh Kerajaan dalam pakej rangsangan pertama dan kedua untuk menggalakkan pemilikan rumah kediaman. Langkah-langkah ini termasuk pelepasan cukai setem sebanyak 50% yang diberikan untuk perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah sehingga RM250,000, serta pelepasan cukai sehingga RM10,000 setahun selama tiga tahun bagi faedah yang dibayar untuk pinjaman perumahan. Menjelang separuh tahun kedua, pembiayaan isi rumah terus disokong oleh

Rajah 2.25
Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.26
Pinjaman Terkumpul Mengikut Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.27
Isi Rumah: Permohonan Pinjaman dan ALR bagi Pinjaman Baharu Diluluskan*



* Tidak termasuk kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28
Isi Rumah: Pinjaman Terkumpul untuk Pembelian Sekuriti dan Indeks KLCI



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

peningkatan sentimen pengguna dan keadaan pasaran pekerja.

Dari segi penawaran, institusi-institusi perbankan memberikan lebih tumpuan kepada pinjaman untuk isi rumah disebabkan kelembapan ekonomi yang menjejaskan prospek perniagaan. Banyak bank menawarkan pakej yang lebih menarik bagi membiayai semula pinjaman perumahan dan mempromosikan pindahan baki kad kredit. Bank juga menurunkan kadar faedah untuk pinjaman peribadi yang baru diluluskan kepada purata 6.31% (tahun 2008: 7.72%). Oleh yang demikian, meskipun aktiviti ekonomi menurun, pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 9.8% pada tahun 2009 (tahun 2008: 9.7%), mencakupi bahagian yang lebih tinggi daripada jumlah pinjaman terkumpul pada 55.1% (akhir tahun 2008: 54.1%). Lebih banyak pinjaman diberikan untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman, kegunaan peribadi, pembelian kereta penumpang dan pembelian sekuriti .

Pinjaman yang diberikan kepada individu untuk pembelian sekuriti berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 24.5%. Trend ini sejajar dengan kenaikan ketara dalam pasaran saham. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pinjaman untuk pembelian sekuriti kekal kecil, mencakupi hanya 4.8% daripada pinjaman isi rumah dan 2.6% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2009.

Meskipun hutang meningkat, kedudukan kewangan sektor isi rumah bertambah baik sebagaimana dibuktikan oleh penurunan nisbah hutang isi rumah kepada aset kewangan mudah tunai. Nisbah pinjaman tak berbayar isi rumah berbanding dengan pinjaman terkumpul juga terus rendah pada 3.1% (akhir tahun 2008: 4.1%). Bagi meringankan beban pembayaran semula pinjaman isi rumah, institusi-institusi perbankan secara aktif menstruktur semula dan menjadual semula hutang. Selain itu, Kerajaan mengumumkan pada bulan Mac 2009 bahawa moratorium selama satu tahun diberikan untuk pinjaman perumahan bagi mereka yang diberhentikan kerja.

Berbeza dengan sektor isi rumah, pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor perniagaan adalah lebih sederhana. Pembiayaan bersih kepada sektor perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran PDS meningkat sebanyak 6.3% (tahun 2008: 12.9%). Kelembapan permintaan global dan dalam negeri menjejaskan keberuntungan perniagaan. Akibatnya, beberapa perniagaan mengecilkan kapasiti operasi mereka dan menunda rancangan pengembangan mereka, seterusnya mengurangkan permintaan terhadap pembiayaan bagi keperluan modal kerja dan aktiviti pelaburan. Oleh itu, permohonan pinjaman daripada sektor perniagaan menguncup sebanyak 2.8% pada tahun 2009 (tahun 2008[1] : +0.8%).

Untuk tempoh yang singkat pada awal tahun tersebut, sesetengah perniagaan menghadapi kesukaran untuk mengakses pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal. Ini

[1] Kadar pertumbuhan pada tahun 2008 tidak termasuk satu pinjaman besar yang dikeluarkan pada tahun 2007 untuk satu aktiviti penswastaan.

Rajah 2.29
Perniagaan: Pembiayaan Bersih melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS



Sumber : Bank Negara Malaysia

Rajah 2.30
Perniagaan: Penunjuk Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

mencerminkan pendirian bank dan pelabur dalam pasaran PDS yang lebih berhati-hati disebabkan oleh persepsi terhadap peningkatan risiko peminjam ekoran keadaan ekonomi yang lebih lemah.

Menyedari bahawa akses kepada pembiayaan sangat penting untuk menyokong proses pemulihan, pihak berkuasa menggiatkan usaha untuk memastikan aliran pembiayaan yang berterusan kepada semua segmen ekonomi. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah telah diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan, termasuk penubuhan beberapa dana khusus untuk PKS dan mewujudkan Danajamin Nasional Berhad untuk memberi jaminan kewangan bagi terbitan sekuriti hutang swasta dan Sukuk oleh syarikat-syarikat yang dinilai berdaya maju. Bank Negara Malaysia terus mengadakan dialog yang aktif antara sektor swasta dengan institusi perbankan bagi memahami perkembangan dalam persekitaran antarabangsa dan domestik. Saluran untuk mendapatkan bantuan dan penyelesaian yang diwujudkan oleh Bank dan Persatuan Bank-bank di Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM)[2] juga memainkan peranan penting bagi membolehkan perniagaan dan individu mengemukakan pertanyaan yang berkaitan dengan perkhidmatan perbankan dan masalah kredit.

Langkah-langkah ini memberikan hasil yang positif. Keadaan pembiayaan bagi sektor perniagaan bertambah baik dari suku kedua dan seterusnya. Pada suku ketiga, pinjaman terkumpul kepada perniagaan mencatat peningkatan suku tahunan selepas mengalami penguncupan selama tiga suku berturut-turut. Lebih banyak pinjaman dikeluarkan kepada sektor perkilangan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel serta sektor pertanian. Dalam pasaran modal, peningkatan sentimen pasaran juga menyumbang kepada mudah tunai yang lebih tinggi dalam pasaran PDS dan ekuiti.

Pasaran modal yang maju telah menyediakan sumber pembiayaan lebih pelbagai untuk perniagaan yang lebih besar. Pada tahun 2009, aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal sangat aktif, mencakupi 82.5% daripada jumlah pembiayaan bersih yang diperoleh sektor perniagaan (termasuk terbitan ekuiti) (tahun 2008: 37.9%). Dalam pasaran PDS, terbitan kasar meningkat sebanyak 30.9% pada tahun 2009, berpunca terutamanya dari syarikat berkaitan kerajaan yang besar dan institusi kewangan. Sebahagian besar PDS yang dikeluarkan pada tahun itu adalah untuk membiayai keperluan modal kerja, pembiayaan semula hutang dan pelaburan dalam ekuiti. Sementara itu, dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti berjumlah RM26 bilion (tahun 2008: RM5.5 bilion). Pemerolehan dana yang ketara lebih besar mencerminkan terbitan

[2] Bank Negara Malaysia menubuhkan Pusat Perhubungan Bersepadu yang terdiri daripada BNMLINK, BNMTELELINK serta Unit Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat pada bulan Julai 2008. Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM) dengan kerjasama institusi-institusi perbankan juga menubuhkan saluran bebas tol *ABMConnect* pada bulan Disember 2008.

Rajah 2.31
Terbitan Kasar PDS mengikut Tujuan



*Lain-lain tujuan termasuk pembiayaan bagi modal kerja, pelaburan ekuiti dan aktiviti perniagaan am

Nota: Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32
PKS: Pinjaman Terkumpul*



*Diselaraskan untuk memasukkan PKS yang dikelaskan semula sebagai syarikat besar

Sumber: Bank Negara Malaysia

beberapa terbitan hak yang besar dan tawaran awal awam (initial public offering, IPO).

Pembiayaan bagi PKS dan perusahaan mikro terutamanya diperoleh daripada institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (DFI). Pada tahun 2009, pinjaman terkumpul kepada PKS menguncup sedikit. Ini disebabkan oleh beberapa syarikat yang dikeluarkan daripada klasifikasi PKS kerana syarikat tersebut telah berkembang melangkaui takrifan PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak 5.1% pada tahun 2009. Pada akhir tahun 2009, pinjaman terkumpul PKS mencakupi 39.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan.

Pembiayaan kepada PKS ditingkatkan dengan dana khas yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan. Pada tahun tersebut, terdapat tiga dana baharu ditubuhkan untuk memudahkan PKS mendapat akses kepada pembiayaan. Pertama, Skim Bantuan Jaminan PKS (SME Assistance Guarantee Scheme, SAGS) yang ditubuhkan pada bulan Februari 2009 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk menyediakan akses pembiayaan bagi PKS yang berdaya maju yang terjejas teruk oleh kelembapan ekonomi. Dana itu telah digunakan sepenuhnya dan permohonan ditutup pada bulan September 2009 selepas memanfaatkan lebih daripada 9,000 PKS dalam pelbagai sektor. Sementara itu, Skim Jaminan Modal Kerja (Working Capital Guarantee Scheme, WCGS) dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri (Industry Restructuring Loan Guarantee Scheme, IRLGS) kedua-duanya ditubuhkan pada bulan Mac 2009, dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM5 bilion. Selepas itu, pada bulan September 2009, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion daripada IRLGS kepada WCGS disebabkan sambutan yang luar biasa daripada peminjam. WCGS, yang ditutup untuk permohonan baharu pada bulan Oktober 2009, telah memanfaatkan 5,329 syarikat. Sehingga 4 Mac 2010, sejumlah RM5.4 bilion pinjaman telah keluarkan kepada 4,339 syarikat di bawah skim ini. Sebaliknya IRLGS, akan terus dibuka sehingga akhir tahun 2010 atau sehingga keseluruhan dana telah digunakan, yang mana terdahulu. Sehingga 4 Mac 2010, sebanyak 190 syarikat telah menerima manfaat daripada skim ini dengan nilai pinjaman yang diluluskan sebanyak RM815 juta.

Jadual 2.2
Tabung-tabung Khas untuk PKS yang Dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia

	RM juta				%
	Peruntukan	Kelulusan	Pengeluaran	Pinjaman Terkumpul	Kadar Penggunaan[1]
	Pada akhir tahun 2009				
Tabung-tabung Khas					
Tabung Untuk Makanan[2]	1,300.0	1,727.9	1,707.1	175.7	75.4[3]
Tabung Usahawan Baru 2	2,850.0	3,741.6	3,507.4	2,181.8	89.6
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	6,750.0	12,813.8	12,017.4	4,823.8	91.9
Tabung Projek Usahawan Bumiputera[4]	300.0	946.7	903.4	54.6	82.4
Tabung Pembiayaan Mikro	200.0	79.6	71.2	66.9	38.9
Tabung Projek Usahawan Bumiputera - secara Islam	300.0	12.6	0.3	0.3	4.2
Jumlah	**11,700.0**	**19,322.2**	**18,206.8**	**7,303.1**	**87.6**
Bantuan Kewangan dan Skim Jaminan					
Kemudahan Bantuan dan Pemodenan PKS[5]	1,200.0	1,076.0	975.6	779.9	
Skim Jaminan Bantuan PKS[6]	2,000.0	1,889.0	1,218.7	1,093.6	
Skim Jaminan Modal Kerja[7, 8]	7,000.0	7,000.0	5,127.9	1,379.9	
Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri[7]	3,000.0	779.7	210.6	46.3	
Jumlah	**13,200.0**	**10,744.7**	**7,532.8**	**3,299.7**	
	Perubahan Pada Tahun				
Tabung-tabung Khas					
Tabung Untuk Makanan[2]	-	-2.5	0.1	-80.0	
Tabung Usahawan Baru 2	-	197.1	155.9	-80.1	
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	-	880.0	1,123.8	-148.4	
Tabung Projek Usahawan Bumiputera[4]	-	46.8	89.2	-24.9	
Tabung Pembiayaan Mikro	-	75.4	68.9	64.5	
Tabung Projek Usahawan Bumiputera - secara Islam	300.0	12.6	0.3	0.3	
Jumlah	**300.0**	**1,209.4**	**1,438.1**	**-268.6**	
Bantuan Kewangan dan Skim Jaminan					
Kemudahan Bantuan dan Pemodenan PKS[5]	-	-	734.6	564.1	
Skim Jaminan Bantuan PKS[6]	2,000.0	1,889.0	1,218.7	1,093.6	
Skim Jaminan Modal Kerja[7, 8]	7,000.0	7,000.0	5,127.9	1,379.9	
Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri[7]	3,000.0	779.7	210.6	46.3	
Jumlah	**12,000.0**	**9,668.7**	**7,291.8**	**3,083.9**	

[1] Nisbah kelulusan kepada peruntukan dan bayaran balik
[2] Tidak termasuk tabung yang diperuntukkan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9
[3] Tidak termasuk bayaran balik sebanyak RM541 juta yang telah ditukar kepada ekuiti Agrobank
[4] Tabung ini telah ditutup dan digantikan dengan Tabung Projek Usahawan Bumiputera - secara Islam pada bulan Julai 2009
[5] Skim ini ditubuhkan pada bulan Ogos 2008 dan telah ditutup pada bulan Februari 2009
[6] Skim ini ditubuhkan pada bulan Februari 2009 dan telah ditutup pada akhir bulan Disember 2009. Jumlah kelulusan adalah sebanyak RM2 bilion setelah mengambil kira permohonan yang diproses selepas tarikh tutup
[7] Skim ini dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), sebuah syarikat tujuan khas yang diuruskan oleh Prokhas Sdn Bhd. SJPP dan Prokhas ialah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan
[8] Skim ditamatkan pada bulan bulan Oktober 2009 memandangkan had telah dicapai

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dasar Monetari pada Tahun 2009

81 Tinjauan Keseluruhan
81 Dasar Monetari pada Tahun 2009
85 Operasi Monetari pada Tahun 2009
88 *Rencana: Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009*

Dasar Monetari pada Tahun 2009

TINJAUAN KESELURUHAN

Pada tahun 2009, dasar monetari berhadapan dengan peningkatan risiko terhadap pertumbuhan berikutan krisis ekonomi dan kewangan global. Ekonomi negara terjejas teruk akibat kejatuhan ketara eksport dan aktiviti pelaburan swasta apabila permintaan global menguncup. Pertumbuhan ekonomi Malaysia berubah menjadi negatif selama tiga suku tahunan, dengan pertumbuhan suku pertama menguncup dengan nyata sebanyak 6.2%. Oleh itu, Bank Negara Malaysia dan pihak Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah dasar yang komprehensif untuk mengurangkan kesan kemelesetan global terhadap ekonomi negara. Dengan sistem kewangan yang berdaya tahan dan proses penyaluran monetari yang berfungsi dengan baik, Malaysia tidak perlu melaksanakan langkah bukan konvensional seperti pelonggaran kuantitatif dan inisiatif untuk menangani keadaan tekanan kewangan. Walau bagaimanapun, tahap krisis yang teruk memerlukan tindak balas luar biasa dari segi skop dan saiz langkah-langkah dasar monetari dan fiskal. Secara kumulatif, langkah-langkah ini berjaya membendung kesan buruk daripada perkembangan di luar negeri. Menjelang suku keempat 2009, ekonomi dalam negeri nyata bertambah baik dan menuju ke arah pemulihan yang mantap.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2009

Sejak bertahun-tahun yang lalu, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan langkah awalan dalam dasar monetarinya. Pada awal tahun 2008, inflasi meningkat akibat kenaikan harga makanan dan tenaga yang mendadak lagi ketara. Walau bagaimanapun, Kadar Dasar Semalaman (OPR), tidak diubah. Menurut penilaian Bank, kenaikan harga makanan dan tenaga didorong terutamanya oleh faktor penawaran. Oleh itu, kenaikan kadar faedah memberikan kesan yang terhad dalam membendung inflasi. Yang nyata, ekonomi Asia juga akan terjejas oleh kesan limpahan daripada krisis tersebut, memandangkan hubungan perdagangannya yang rapat dengan ekonomi maju. Selain itu, memandangkan makanan dan tenaga mencakupi bahagian yang tinggi dalam jumlah penggunaan, kenaikan harga bagi kategori tersebut akan menyebabkan kesan penguncupan terhadap pertumbuhan. Walaupun terdapat banyak ketidakpastian, imbangan risiko adalah terhadap pertumbuhan yang akan menjadi perlahan dalam tempoh 12 bulan, bermula pertengahan tahun 2008. Perkara ini menjadi pertimbangan utama apabila Bank mengambil keputusan untuk mengekalkan kadar faedah walaupun terdapat kenyataan yang Bank sepatutnya mengetatkan dasar monetari. Apabila ekonomi global merosot, keputusan Bank untuk mengekalkan kadar faedah bukan sahaja berasas, malah membolehkan keadaan awal monetari berada pada kedudukan yang wajar bagi memberi sokongan kepada ekonomi dalam negeri.

Magnitud penurunan OPR dan SRR bertujuan untuk menyediakan persekitaran monetari yang akomodatif bagi mengelakkan kemerosotan ekonomi yang ketara

Menjelang awal tahun 2009, ekonomi Malaysia jelas sedang berhadapan dengan ancaman yang besar daripada kelembapan ketara berikutan kemerosotan yang nyata dalam keadaan ekonomi global. Walaupun keadaan permintaan dalam negeri secara relatif kukuh, namun kejatuhan eksport yang teruk dan prospek ekonomi beberapa rakan perdagangan utama Malaysia yang lemah telah bermaksud sokongan dasar yang ketara diperlukan bagi menghalang ekonomi daripada mengalami kemelesetan yang teruk dan berpanjangan. Dengan penurunan inflasi, Bank Negara Malaysia sejak awal lagi telah melaksanakan langkah pengurangan kadar faedah bagi melindungi ekonomi negara daripada kesan ekonomi global yang semakin lemah. Bank Negara Malaysia menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 150 mata asas kepada 2.00% antara November 2008 hingga Februari 2009. Bagi memastikan penyaluran daripada kadar dasar kepada kadar pinjaman runcit yang lebih baik, Keperluan Rizab Berkanun (SRR) juga diturunkan serentak sebanyak 300 mata asas. Langkah-langkah juga diambil untuk memastikan peminjam yang sedia

Rajah 3.1
Kadar Dasar Semalaman (OPR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.2
Kadar Pinjaman Asas (BLR) dan Purata (ALR) bagi Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

ada mendapat manfaat daripada penurunan kadar faedah dalam bentuk pengurangan bayaran ansuran bulanan bagi pinjaman berkadar terapung dengan serta-merta dan bukan melalui pengurangan tempoh pembayaran balik. Ini perlu bagi memastikan penurunan kadar faedah dapat meningkatkan pendapatan boleh guna peminjam, yang kemudiannya dapat disalurkan kepada penggunaan domestik yang lebih tinggi. Oleh sebab pinjaman berkadar faedah boleh ubah membentuk bahagian yang besar daripada jumlah pinjaman di Malaysia, peningkatan pendapatan boleh guna ekoran kos faedah yang lebih rendah telah menghasilkan kesan positif terhadap perbelanjaan penggunaan.

Dengan penurunan OPR ke paras terendah dalam sejarah pada bulan Februari, Bank tidak membuat sebarang perubahan terhadap kadar dasar sepanjang tahun tersebut. Menurut penilaian Bank, langkah dasar monetari terkumpul adalah mencukupi untuk menyokong permintaan dalam negeri. Tidak seperti negara lain yang berada di tengah-tengah krisis kewangan global, sistem perbankan domestik berada pada kedudukan yang teguh dan mantap dan mempunyai penampan modal yang kukuh. Sistem kewangan yang kukuh dan proses penyampaian monetari yang berfungsi dengan baik, sangat berkesan dalam menyalurkan kesan rangsangan dasar monetari kepada ekonomi. Dalam tempoh dua minggu selepas penyelarasan OPR terakhir pada Februari 2009, kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan telah diselaraskan ke bawah sebanyak 121 mata asas secara keseluruhannya, manakala kadar faedah pinjaman baharu bagi sektor perniagaan dan isi rumah turut diturunkan. Hasilnya, kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman baharu pada tahun 2009 menurun ke paras terendah dalam sejarah.

Persoalan utama yang dihadapi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia adalah sama ada penurunan kadar faedah ke paras lebih rendah akan memberikan manfaat dalam konteks negara yang mempunyai tabungan yang tinggi seperti Malaysia. Selain persoalan tentang keberkesanan penurunan kadar faedah selanjutnya, risiko yang mungkin timbul juga perlu dipertimbangkan dengan teliti. Kos peminjaman yang lebih rendah sahaja tidak akan menjadi faktor utama dalam menyokong permintaan, terutamanya dalam persekitaran keyakinan dan sentimen yang terjejas teruk oleh prospek ekonomi global yang lemah. Dalam sesetengah ekonomi yang sedang menghadapi ancaman deflasi yang ketara, penggubal dasar menurunkan kadar faedah hampir kepada sifar. Bank Negara Malaysia membuat keputusan untuk tidak mengambil langkah ekstrem sedemikian memandangkan tiada tanda-tanda tekanan deflasi dalam ekonomi. Inflasi yang berubah menjadi negatif pada Jun 2009 lebih merupakan perkembangan yang bersifat statistik memandangkan asas inflasi pada tahun 2008 adalah tinggi. Selain itu, pulangan yang rendah bagi pendeposit dan pengekalan kadar faedah benar negatif untuk tempoh yang panjang boleh mewujudkan rentetan implikasi yang negatif. Keadaan ini juga boleh mewujudkan gangguan yang boleh menjejaskan ekonomi dalam jangka panjang. Kadar faedah yang kekal rendah boleh menyebabkan aktiviti pencarian pulangan, yang

seterusnya boleh mendorong kenaikan harga aset yang keterlaluan.

Pelonggaran dasar monetari dilengkapi oleh pelaksanaan langkah-langkah yang bertujuan untuk menjangkau sektor ekonomi tertentu

Semasa berlakunya krisis, penurunan kadar faedah sahaja tidak mencukupi. Beberapa langkah sampingan juga diperkenalkan supaya dapat menjangkau sektor ekonomi tertentu. Oleh itu, selain melonggarkan kadar faedah, Bank juga memperkenalkan beberapa langkah khusus untuk memastikan akses kepada pembiayaan berterusan, jaringan keselamatan dilanjutkan buat sementara waktu, nilai kekayaan dan pendapatan benar pendeposit dilindungi, dan peminjam yang mudah terjejas kepada kesan penuh krisis dilindungi.

Bank dan pihak Kerajaan telah mewujudkan pelbagai dana khas untuk memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat krisis kewangan global terus mendapat akses kepada pembiayaan. Selaras dengan matlamat transformasi ekonomi, Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri diwujudkan bagi membantu syarikat berdaya maju meningkatkan tahap operasi perniagaan mereka, dengan matlamat jangka panjangnya untuk meningkatkan kecekapan dan membina kapasiti untuk masa hadapan. Danajamin Nasional Berhad juga telah ditubuhkan untuk menyediakan insurans jaminan kewangan kepada syarikat yang mempunyai penarafan pelaburan untuk memperoleh dana daripada pasaran bon.

Pelbagai dialog antara sektor swasta dengan institusi perbankan telah diadakan supaya halangan dapat dikenal pasti dan ditangani, dan bagi memastikan aliran kredit mencukupi. Ini mengurangkan kebimbangan tentang keengganan pemberi pinjaman untuk mengeluarkan kredit atau menuntut premium risiko yang lebih tinggi. Pelbagai ruang juga disediakan untuk individu dan perniagaan mendapatkan bantuan berhubung dengan isu kredit. Ini termasuklah Pusat Hubungan Bersepadu (ICC) yang dipertingkat, yang terdiri daripada BNMLINK dan BNMTELELINK serta Unit Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat. Pada Disember 2008, Saluran Bebas Tol ABMConnect telah diwujudkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) yang merupakan kerjasama dengan institusi perbankan sebagai platform untuk pertanyaan am berhubung dengan isu perbankan dan kredit.

Pengurangan kos peminjaman dan langkah yang diambil bagi memastikan aliran kredit yang lancar dalam ekonomi telah berjaya mengekalkan aktiviti pembiayaan. Walaupun pertumbuhan pembiayaan adalah lebih perlahan pada awal tahun tersebut, aliran kredit berterusan meskipun berlaku kemelesetan dalam sektor ekonomi domestik dan luar. Kredit untuk membiayai permintaan sektor perniagaan dan isi rumah dalam negeri juga berterusan. Apabila langkah yang dilaksanakan Bank mula menampakkan kesan, permintaan untuk pinjaman bank meningkat mulai suku kedua dan seterusnya. Kelulusan pinjaman juga lebih tinggi. Dalam pasaran modal, dana diperoleh sektor swasta meningkat dengan ketara, melebihi jumlah perolehan pada tahun 2008. Dengan perkembangan positif ini, pertumbuhan pembiayaan meningkat pada suku ketiga, daripada paras terendah 7.1% pada Ogos 2009 kepada 8.5% pada akhir tahun 2009.

Dengan kejatuhan institusi kewangan terkemuka dalam ekonomi maju, dan sebagai langkah untuk mengelakkan perkembangan buruk ini daripada menular ke dalam sistem perbankan domestik, Bank bersama-sama dengan Kementerian Kewangan telah mengumumkan

Rajah 3.3
Permohonan Pinjaman



*Kadar Dasar Semalaman (OPR)

Sumber: Bank Negara Malaysia

langkah awalan dalam bentuk jaminan deposit menyeluruh sehingga Disember 2010. Selain itu, kemudahan mudah tunai Bank Negara Malaysia telah diperluas kepada semua syarikat insurans dan pengendali takaful. Jaminan deposit menyeluruh tersebut merupakan sebahagian daripada tindak balas serantau yang diselaraskan mengikut krisis, dan Singapura dan Hong Kong telah mengumumkan langkah yang sama secara serentak. Perluasan akses kepada kemudahan mudah tunai kepada penanggung insurans merupakan langkah berjaga-jaga berikutan kejadian pendeposit menyerbu AIG di beberapa negara di rantau ini ekoran perkembangan yang berlaku di Amerika Syarikat. Hakikat bahawa kemudahan jaminan tersebut masih belum digunakan menunjukkan bahawa langkah tersebut berjaya menanamkan keyakinan dan mengurangkan risiko penularan.

Kesan daripada kejatuhan Lehman Brothers telah mengakibatkan kekurangan mudah tunai dolar AS yang nyata di peringkat global apabila langkah penghindaran risiko oleh pelabur mengakibatkan aktiviti penarikan dana dan pembayaran balik hutang yang ketara. Keadaan ini menjejaskan kemampuan bank di seluruh dunia untuk memberikan pinjaman dalam dolar AS bagi aktiviti perdagangan. Untuk memudahkan perdagangan antarabangsa, Bank telah membuat pengaturan buat syarikat yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa dengan jaminan bekalan dolar untuk tujuan perdagangan.

Langkah-langkah untuk menstabilkan aktiviti ekonomi turut dibantu oleh pergerakan ringgit yang teratur. Prestasi ringgit sepanjang tahun tersebut didorong terutamanya oleh faktor luar, termasuk pembayaran balik hutang di peringkat global pada suku pertama, diikuti oleh minat pelabur antarabangsa yang semakin pulih terhadap aset dalam pasaran sedang pesat membangun sejak suku kedua. Setelah menyusut nilai pada suku pertama, ringgit mencatatkan trend menaik yang meluas dan mencapai paras tertingginya berbanding dengan dolar AS pada tahun 2009, pada RM3.3475 pada 15 Oktober. Ini merupakan peningkatan sebanyak 11.3% daripada paras terendahnya pada RM3.7255 pada bulan Mac. Penyelarasan ringgit dan keadaan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri kekal teratur dan tidak menjejaskan aktiviti perdagangan sepanjang tahun tersebut.

Malaysia merupakan ekonomi yang mempunyai kadar tabungan yang tinggi, dan dengan tahap penabungan dalam sistem kewangan yang tinggi. Oleh itu, kadar faedah yang rendah akan mengurangkan pulangan atas deposit sebahagian besar segmen ekonomi. Bagi menyokong penyimpan, Bank telah menerbitkan Bon Simpanan Merdeka berjumlah RM2 bilion yang disasarkan khusus untuk segmen penyimpan yang bergantung pada pendapatan daripada deposit sebagai mata pencarian. Selain itu, Kerajaan juga menerbitkan Sukuk Simpanan Rakyat bernilai RM5 bilion yang juga disasarkan kepada sektor isi rumah.

Pengajaran penting daripada Krisis Kewangan Asia 1997-98 ialah perlunya langkah dasar yang komprehensif dan diselaraskan dengan baik. Tindak balas dasar yang terlaras memberikan kesan yang lebih nyata dan lebih efektif kepada ekonomi, dengan memastikan dasar yang berbeza saling menyokong. Oleh itu, dalam mengurus krisis semasa, tindak balas kolektif dan terlaras telah dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan.

Kerajaan Malaysia telah bertindak pantas terhadap krisis ekonomi global. Pakej rangsangan fiskal berjumlah RM7 bilion telah diumumkan pada 4 November 2008 untuk menyokong perbelanjaan swasta. Apabila prospek ekonomi global menjadi bertambah buruk, Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan kedua pada 10 Mac 2009 berjumlah

Rajah 3.4
KDNK dan Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

RM60 bilion untuk memberi sokongan yang mencukupi bagi mendorong aktiviti ekonomi. Dalam mengimbangi keperluan untuk membuat keputusan yang tegas dan berani, bersama-sama keperluan untuk mengekalkan amalan fiskal berhemat, hanya RM15 bilion daripada pakej rangsangan kedua merupakan suntikan fiskal secara langsung. Selebihnya pula adalah dalam bentuk jaminan kerajaan, pelaburan ekuiti oleh Khazanah Nasional Berhad, inisiatif kewangan swasta dan insentif percukaian. Saiz keseluruhan pakej rangsangan yang besar yang mencakupi 9.6% daripada KDNK dianggap perlu untuk menggalakkan perniagaan dan isi rumah dalam keadaan yang penuh dengan ketidakpastian. Pada masa yang sama, perbelanjaan fiskal yang terhad bertujuan untuk memastikan kedudukan fiskal jangka panjang Kerajaan terus mapan.

Hasil daripada langkah dasar yang dilaksanakan serentak dapat dilihat pada separuh tahun kedua 2009 apabila tanda-tanda semakin jelas bahawa kesan daripada krisis telah dapat dibendung. Menjelang separuh tahun kedua 2009, penunjuk ekonomi, termasuk pengeluaran perindustrian, trend pembiayaan, perdagangan luar dan keadaan dalam pasaran pekerja menjurus kepada penstabilan dan peningkatan yang meluas dalam ekonomi domestik. Sentimen perniagaan dan pengguna yang mula pulih pada suku kedua, juga bertambah baik. Ekonomi negara menjadi bertambah baik pada separuh tahun kedua 2009, apabila kadar penguncupan menurun kepada -1.2% pada suku ketiga. Menjelang suku keempat, ekonomi berkembang sebanyak 4.5%. Pertumbuhan KDNK tahun itu mencatatkan kemerosotan yang lebih sederhana, iaitu -1.7% berbanding unjuran awal -4 hingga -5% dalam persekitaran inflasi yang rendah pada 0.6%.

OPERASI MONETARI PADA TAHUN 2009

Keadaan pasaran wang dalam negeri pada tahun 2009 secara keseluruhan stabil. Pasaran wang Malaysia terus beroperasi dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan, dengan agregat mudah tunai lebihan menurun sedikit daripada RM261 bilion pada akhir tahun 2008 kepada RM252 bilion pada akhir tahun 2009. Kemelut di luar negeri didapati hanya memberikan kesan yang sedikit terhadap pasaran wang dalam negeri. Ini terbukti oleh fungsi pasaran wang yang terus berjalan lancar dan hanya mengalami sedikit turun naik.

Rajah 3.5
Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia
(RM252 bilion, pada 31 Dis 2009)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2009, kadar antara bank semalaman (Averege Overnight Interbank Rate, AOIR) purata stabil dan hampir sama dengan OPR walaupun berlaku ketidakpastian yang ketara dan turun naik pasaran yang menyeluruh pada awal tahun tersebut. Bank terus menggunakan pelbagai instrumen monetari untuk mengendalikan operasi monetari dan mengekalkan AOIR dalam lingkungan koridor dasar ± 25 mata asas.

Pada awal tahun 2009, pasaran wang dalam negeri terus terjejas oleh aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan antarabangsa. Aliran keluar portfolio jangka pendek dicatatkan pada suku pertama, apabila pelabur asing mengurangkan pegangan aset domestik mereka. Ini telah menyebabkan mudah tunai dalam negeri menguncup sedikit, dengan lebihan mudah tunai yang ditempatkan dengan Bank Negara Malaysia oleh sistem perbankan berkurang daripada RM261 bilion kepada RM256 bilion, antara Disember 2008 hingga Mac 2009.

Bagi mengimbangi aliran keluar yang berlaku susulan penjualan aset domestik oleh pelabur asing, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan sebahagian daripada lebihan mudah tunai dalam simpanannya. Dalam hal ini, simpanan antara bank bersih yang besar dengan Bank menjadi penampan mudah tunai sistem perbankan. Walaupun jumlah mudah tunai lebihan menurun akibat aliran keluar tersebut, mudah tunai dalam sistem perbankan terus berlebihan. Ini ditunjukkan oleh nisbah pinjaman-deposit sistem perbankan yang kekal pada paras sederhana, antara 72.2%

Rajah 3.6
OPR berbanding dengan AOIR dan Kadar Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

di Januari kepada 77.5% di Mac 2009. Di peringkat institusi, semua bank beroperasi dalam keadaan mudah tunai yang berlebihan. Keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi juga disokong oleh keputusan Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan keperluan rizab yang dipegang oleh bank terhadap liabiliti yang layak, daripada 4% kepada 1%. Walaupun dorongan utama bagi penurunan SRR adalah untuk mengurangkan kos pengantaraan, namun penurunan SRR juga telah meningkatkan bekalan mudah tunai bank.

Kadar faedah dalam pasaran antara bank kekal teratur. AOIR diniagakan dalam julat yang kecil, iaitu 1 mata asas di atas dan di bawah OPR. Ekoran penurunan OPR kepada 2.50% pada 21 Januari, AOIR telah menurun dan menjadi stabil dalam julat yang lebih rendah antara 2.49% - 2.51%, pada 22 Januari - 24 Februari. Dengan penurunan OPR selanjutnya pada 24 Februari kepada 2.00%, AOIR menurun dan menjadi stabil pada julat yang lebih rendah, iaitu 1.99% - 2.01%.

Mulai suku kedua dan seterusnya, persekitaran ekonomi dan kewangan global mula bertambah baik. Kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko dalam aset kewangan ekonomi sedang pesat membangun bertambah dan telah menyebabkan aliran masuk portfolio bersih ke dalam pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Keadaan dalam pasaran wang dalam tempoh tersebut kembali seperti biasa. Operasi monetari Bank telah ditumpukan pada penyerapan lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan melalui penggunaan pelbagai instrumen monetari.

Berhubung dengan instrumen monetari pula, peminjaman langsung tanpa cagaran dan penerimaan Al-Wadiah kekal sebagai instrumen monetari utama, dan mensteril sebanyak 70% daripada lebihan mudah tunai dalam

Rajah 3.7
Instrumen Dasar Monetari Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

sistem perbankan. Walaupun tempoh matang peminjaman melalui peminjaman langsung dan penerimaan Al-Wadiah adalah antara semalaman hingga 3 bulan, tempoh matang peminjaman purata adalah lebih singkat, iaitu antara 7 hingga 25 hari. Bahagian peminjaman langsung meningkat daripada 47% pada tahun 2008 kepada 54% pada tahun 2009 berikutan penurunan paras SRR.

Nota Monetari Bank Negara (atau BNMN untuk pasaran wang konvensional dan BNMN-i untuk pasaran wang Islam) juga telah digunakan dengan banyak, mencakupi 12% daripada jumlah instrumen monetari. BNMN/BNMN-i masih merupakan instrumen penting Bank kerana terbitan nota tersebut berterusan dan membantu menggalakkan mudah tunai pasaran sekunder. Selain itu, BNMN/BNMN-i juga menyediakan kaedah yang berkesan kos untuk mensteril lebihan mudah tunai. Kadar hasil BNMN/BNMN-i ada kalanya diniagakan di bawah OPR, khususnya semasa kadar faedah dijangka lebih rendah. Ini seperti yang berlaku pada suku pertama 2009, dan disebabkan oleh permintaan terhadap sekuriti jangka pendek yang lebih tinggi daripada pelabur bukan pemastautin pada suku-suku seterusnya.

Rajah 3.8
Kadar Hasil BNMN dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2009, operasi monetari pasaran wang konvensional mencakupi 77% daripada seluruh operasi, manakala bahagian sebanyak 23% lagi merupakan operasi monetari Islam. Skala operasi monetari Islam adalah sejajar dengan saiz sistem perbankan Islam di Malaysia yang meningkat kepada 19.6% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2009 (17.4% pada akhir tahun 2008).

Bank juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan operasi dalam pasaran wang. Pada 2 Julai 2009, Bank telah memperkenalkan BNMN yang berasaskan konsep Murabahah (BNMN-Murabahah), untuk mengambil alih secara beransur-ansur terbitan BNMN-i yang berasaskan konsep Bai Al-Inah. Terbitan BNMN-Murabahah adalah berdasarkan kontrak murahabah yang diterima umum, yang pada dasarnya merupakan sijil hutang berikutan urus niaga jualan tokokan tertangguh sesuatu aset, yang biasanya dalam bentuk komoditi (contohnya, minyak sawit mentah). Oleh sebab murabahah merupakan konsep yang diterima oleh pelabur pemastautin dan pelabur bukan pemastautin, ia telah memperluaskan asas pelabur dan seterusnya menggalakkan pasaran sekunder dalam pasaran wang Islam.

Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009

Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) yang mula berkuat kuasa pada 25 November 2009, secara rasminya telah menginstitusikan prosedur untuk merumuskan dasar monetari yang telah dilaksanakan sejak awal dekad ini.

Akta ini memperuntukkan bahawa dasar monetari hendaklah dirumuskan dan dilaksanakan secara autonomi oleh Bank Negara Malaysia. Objektif dasar monetari juga dinyatakan dengan lebih jelas iaitu, ``Dalam menggalakkan kestabilan monetari, Bank hendaklah membentuk dan menjalankan suatu dasar monetari yang memenuhi kepentingan negara dengan matlamat utama untuk mengekalkan kestabilan harga dengan mengambil kira perkembangan dalam ekonomi.´´[1]

Akta ini secara rasmi dan dari segi perundangan memperakui bahawa Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) ialah pihak yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan mengendalikan operasi dasar monetari. MPC mengandungi 7 hingga 11 anggota, dengan Gabenor sebagai Pengerusinya. Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor akan kekal sebagai anggota MPC selagi mereka masih memegang jawatan masing-masing. Selain Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor, anggota lain Jawatankuasa ini dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia daripada kalangan pegawai kanan Bank yang mempunyai kepakaran yang berkaitan atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. Anggota-anggota Jawatankuasa dari luar Bank boleh dilantik oleh Menteri Kewangan atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. Tempoh keanggotaan dalam Jawatankuasa ini ialah selama tiga tahun dan kelayakan untuk pelantikan semula tertakluk kepada penilaian prestasi anggota oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. Akta ini juga memastikan pelantikan anggota dalam MPC adalah berlandaskan kriteria yang berhemat. Anggota MPC perlulah seorang yang jujur, berwibawa dan mempunyai pertimbangan yang baik, di samping mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan. Tadbir urus mesyuarat MPC dan kebertanggungjawaban anggotanya adalah berdasarkan kepada Undang-undang kecil MPC yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Bank. Anggota-anggota MPC pada masa ini ialah:

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	(Gabenor)
Dato' Ooi Sang Kuang	(Timbalan Gabenor)
Dato' Zamani bin Abdul Ghani	(Timbalan Gabenor)
Dato' Mohd Razif bin Abd. Kadir	(Timbalan Gabenor)
Dato' Muhammad bin Ibrahim	(Penolong Gabenor)
Puan Nor Shamsiah binti Mohd Yunus	(Penolong Gabenor)
Dr. Sukhdave Singh	(Penolong Gabenor)
Puan Norzila Abdul Aziz	(Penolong Gabenor)

MPC dikehendaki mengadakan mesyuarat seperti yang dijadualkan sebanyak enam kali setiap tahun. Mesyuarat tambahan akan diadakan sekiranya perlu.[2] Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari, anggota-anggotanya akan membuat penilaian mengenai keadaan ekonomi dan kewangan, serta risiko-risiko kepada matlamat jangka panjang untuk mencapai kestabilan harga dan kemapanan pertumbuhan ekonomi negara, sebelum membincangkan dengan terperinci dan membuat keputusan berhubung dengan pendirian dasar monetari yang sewajarnya. Dalam membuat keputusan, Jawatankuasa ini menerima pakai kaedah persepakatan bersama. Oleh yang demikian, Gabenor, sebagai Pengerusi, memainkan peranan penting dalam mengendalikan mesyuarat dan perbincangan, serta mencapai sepersetujuan pendapat anggota-anggota

[1] Seksyen 22 (1) Akta Bank Negara Malaysia 2009.
[2] Jadual bagi enam mesyuarat yang akan datang disiarkan bersama-sama dengan Pernyataan Dasar Monetari yang terakhir pada tahun terdahulu.

Jawatankuasa. Pernyataan Dasar Monetari[3] akan disiarkan setiap kali selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari untuk mengumumkan dasar monetari yang dirumuskan. Pernyataan Dasar Monetari juga memberi maklumat kepada orang ramai mengenai penilaian prospek ekonomi dan inflasi, serta isu-isu lain yang berkaitan dengan keputusan dasar yang dibuat oleh Jawatankuasa Dasar Monetari.

[3] Pernyataan Dasar Monetari boleh didapati di laman sesawang Bank Negara Malaysia di www.bnm.gov.my

93 Prospek Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2010
95 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2010
96 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*
106 Dasar Monetari pada Tahun 2010
108 Dasar Fiskal pada Tahun 2010
110 *Rencana: Peralihan kepada Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Pertimbangan Dasar*

Prospek dan Dasar



Prospek dan Dasar

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2010

Pemulihan ekonomi global yang bermula pada separuh kedua 2009, dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata pada tahun 2010, sejak ekonomi mula keluar daripada kemelesetan terburuk dalam tempoh pasca Perang Dunia Kedua. Kekuatan dan kadar pemulihan sangat berbeza mengikut ekonomi, bergantung pada sejauh mana masalah berstruktur yang dialami di sesebuah rantau akibat krisis kewangan global. Ekonomi maju dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2010 memandangkan pengangguran yang tinggi, proses pengurangan hutang yang berterusan dan sistem kewangan yang lemah yang terus membatasi aktiviti peminjaman kepada sektor benar. Walau bagaimanapun, ekonomi Asia dijangka terus menerajui pemulihan global disebabkan oleh sumber pertumbuhan yang lebih luas, disokong oleh pengukuhan yang berterusan dalam permintaan luar dan dalam negeri dalam suasana perdagangan intrarantau yang bertambah baik, khususnya dengan RR China.

Pemulihan ekonomi global pada tahun 2010 dijangka terus berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata, dengan ekonomi Asia menerajui pertumbuhan

Ciri utama dalam proses pemulihan global yang berterusan, khususnya dalam ekonomi maju adalah sokongan yang meluas yang diberikan terhadap langkah-langkah dasar yang dilaksanakan sejak awal tahun lepas. Pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju masih bergantung pada rangsangan dan pemulihan pengantaraan kewangan dalam pasaran kredit. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada pelonggaran kuantitatif dijangka akan ditarik balik mulai awal tahun 2010. Dengan rangsangan fiskal yang semakin berkurangan menjelang akhir tahun, pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju perlu bergantung pada kesinambungan aktiviti sektor swasta. Walau bagaimanapun, memandangkan kemungkinan kadar pengangguran yang tinggi secara berterusan, lembaran imbangan sektor swasta yang lemah dan sistem kewangan yang goyah, prospek permintaan sektor swasta adalah untuk kembali pulih dengan beransur-ansur, yang akhirnya akan memberikan kesan ke atas kadar pemulihan ekonomi.

Meskipun keadaan terus bertambah baik dalam pasaran kewangan antarabangsa, keadaan kredit khususnya dalam ekonomi maju dijangka terus terbatas disebabkan kekangan yang dihadapi oleh institusi kewangannya yang terus dibelenggu dengan lembaran imbangan yang lemah, piawaian modal yang ketat dan perubahan dalam kawal selia berikutan pembaharuan berterusan dalam sistem kewangan. Oleh itu, pemberian pinjaman bank kepada ekonomi, khususnya kepada isi rumah dan perniagaan kecil, dijangka terus lemah. Di peringkat antarabangsa, memandangkan prospek yang kurang menggalakkan dalam ekonomi maju dan kesanggupan mengambil risiko para pelabur yang bertambah baik terhadap aset hasil tinggi, magnitud dan hala tuju aliran modal ke ekonomi baru muncul yang mempunyai prospek yang lebih baik akan menyebabkan lebih banyak aliran modal yang tidak menentu ke ekonomi tersebut.

Di **Amerika Syarikat** (AS), prospek ekonomi dijangka pulih secara berterusan tetapi beransur-ansur, yang disokong oleh rangsangan dasar yang besar dan pemulihan secara beransur-ansur dalam permintaan sektor swasta. Rangsangan fiskal yang menyokong pertumbuhan dengan kukuh pada tahun 2009, akan terus mendorong pertumbuhan pada tahun ini, khususnya melalui manfaat percukaian dan perbelanjaan infrastruktur. Lebih daripada separuh pakej rangsangan yang berjumlah USD787 bilion disasarkan untuk dibelanjakan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, akan terdapat rangsangan monetari yang ditarik balik secara berperingkat-peringkat berikutan berakhirnya beberapa program mudah tunai dan pembelian aset oleh Federal Reserve yang bermula pada awal tahun ini. Namun, kesan bersih dasar ini ke atas proses pemulihan dijangka terus positif, terutamanya melalui pengaruhnya ke atas permintaan sektor swasta. Penggunaan sektor swasta dijangka berkembang pada tahap yang sederhana, berikutan kesan kekayaan yang positif daripada kenaikan dalam pasaran ekuiti dan harga rumah

yang stabil. Isi rumah juga dijangka memperoleh manfaat percukaian dalam sektor perumahan. Walau bagaimanapun, permintaan swasta akan dibatasi oleh kelemahan yang berterusan dalam pasaran buruh dan keadaan kredit yang terus ketat. Begitu juga, pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang kecil pada tahun ini disebabkan kapasiti berlebihan dan kadar penggunaan yang sangat rendah. Pelaburan harta kediaman dijangka disokong oleh dasar kerajaan yang sedang dilaksanakan dalam bentuk kadar gadai janji yang lebih rendah dan pelepasan kredit percukaian. Secara keseluruhan, proses pemulihan di AS akan terus didorong oleh rangsangan dasar dalam suasana pemulihan amat perlahan dalam permintaan sektor swasta.

Aktiviti ekonomi di **kawasan euro** dijangka bertambah baik pada tahun 2010 tetapi pertumbuhan terus sederhana dan di bawah paras potensi. Walaupun rangsangan fiskal dijangka kurang mengembang dan konsolidasi fiskal oleh beberapa negara di kawasan euro dijangka bermula, ia masih merupakan faktor yang mendorong pertumbuhan yang kecil. Pada masa yang sama, permintaan sektor swasta dijangka menunjukkan pemulihan beransur-ansur, tetapi terus terbatas oleh persekitaran yang mencabar dengan kadar pengangguran yang masih tinggi dan sektor kewangan yang lemah. Sementara itu, di **UK**, pemulihan ekonomi akan disokong oleh rangsangan monetari serta permintaan luar negeri berikutan penyusutan nilai paun sterling. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka terus lemah disebabkan keadaan kredit yang terbatas dan konsolidasi fiskal yang dirancang. Di **Jepun**, ekonomi yang sangat bergantung pada perdagangan, pemulihan dalam eksport terutamanya ke rantau Asia, khususnya Republik Rakyat China (RR China), dijangka kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi yang utama pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, pemulihan dijangka sederhana, dengan permintaan dalam negeri berkemungkinan dibatasi oleh keadaan pasaran buruh yang lemah dan rancangan perbelanjaan modal yang terbatas. Tambahan pula, deflasi dijangka berterusan dalam ekonomi, yang terus menjejaskan permintaan dalam negeri, khususnya permintaan swasta. Memandangkan senario ini, dasar monetari dan fiskal dijangka akan terus berkembang untuk menyokong pertumbuhan.

Rajah 4.1
Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan di Ekonomi Maju Utama (2009-2010)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Pemulihan yang beransur-ansur dalam ekonomi maju berserta dengan permintaan yang kukuh daripada ekonomi baru muncul, akan menyokong pertumbuhan **perdagangan global** pada tahun 2010. Yang jelas, komposisi perdagangan global akan beralih daripada ekonomi maju kepada ekonomi baru muncul, khususnya Asia, disebabkan permintaan dalam negeri di rantau ini bertambah kukuh. Corak perdagangan global yang berubah dijangka akan mengubah aliran global pelaburan langsung asing, apabila syarikat multinasional menjadi lebih mengkhusus kepada sesuatu rantau dalam menguruskan pengeluaran global dan rangkaian pelaburan untuk mengambil manfaat daripada prospek pertumbuhan yang menggalakkan dalam ekonomi baru muncul.

Sejajar dengan jangkaan peningkatan dalam ekonomi dan perdagangan global, **ekonomi Asia** dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih teguh pada 2010. Sebagai penyumbang pertumbuhan utama bagi rantau ini pada tahun 2009, **RR China** dijangka akan terus menyokong perdagangan intrarantau melalui pengembangan yang mapan dalam permintaan dalam negerinya. Di samping penambahbaikan asas luas yang berterusan dalam permintaan luar untuk rantau ini, keadaan permintaan dalam negeri dalam ekonomi serantau juga dijangka akan bertambah kukuh. Penggunaan swasta dijangka akan diperkukuh oleh prospek pekerjaan yang lebih baik, manakala pelaburan swasta dijangka akan melonjak semula memandangkan kapasiti penggunaan

Rajah 4.2
Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

yang lebih tinggi. Keadaan ini terus diperkukuh melalui pelaksanaan pakej rangsangan fiskal yang berterusan, terutamanya dalam perbelanjaan infrastruktur.

Inflasi global dijangka meningkat pada tahun 2010 sejajar dengan pemulihan ekonomi global dan harga komoditi yang lebih tinggi. Harga minyak dan komoditi lain dijangka meningkat, tetapi tidak mencapai paras yang dicapai pada awal tahun 2008, mencerminkan keadaan permintaan sebenar yang tersirat, khususnya daripada ekonomi baru muncul. Jangkaan kenaikan harga komoditi juga didorong sebahagiannya oleh jangkaan pasaran dalam pemulihan permintaan global dan juga mudah tunai yang berlebihan dalam sistem kewangan global. Walau bagaimanapun, peningkatan selanjutnya dalam harga komoditi mungkin dibatasi oleh kapasiti simpanan yang ada dalam pengeluaran kebanyakan komoditi dan dalam keadaan tertentu, dibatasi oleh stok inventori yang besar.

Inflasi keseluruhan dalam ekonomi maju dijangka meningkat kepada 1.3% pada tahun 2010 daripada catatan terendah sebanyak 0.1% pada tahun 2009. Manakala itu, inflasi dalam ekonomi baru muncul dan membangun dijangka meningkat kepada 6.2% pada tahun 2010 daripada 5.2% pada tahun 2009 [1]. Berlatarbelakangkan persekitaran ini, bank-bank pusat ini dijangka akan keluar secara beransur-ansur daripada rejim kadar faedah yang sangat rendah di samping penarikan balik pelonggaran kuantitatif dalam ekonomi maju. Kadar tindakan bank pusat untuk keluar daripada rejim ini bergantung pada pelbagai faktor, yang merangkumi keadaan untuk pemulihan yang mapan dan prospek inflasi.

Masih terdapat beberapa **risiko** dalam prospek ekonomi global. Masa dan magnitud penarikan balik langkah rangsangan boleh menimbulkan risiko yang besar kepada prospek pertumbuhan dan inflasi. Jika langkah ini ditarik balik terlalu awal, ia boleh meningkatkan risiko kemelesetan dua kali, khususnya dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, jika langkah ini ditarik balik terlalu lewat, ia boleh menyebabkan ketidakseimbangan kewangan dan tekanan inflasi yang meningkat, dan dalam keadaan tertentu, akan menyebabkan inflasi harga aset yang tidak mapan. Satu lagi risiko utama adalah kedudukan fiskal ekonomi maju yang telah melaksanakan rangsangan fiskal dan pakej penyelamatan kewangan yang besar. Ini dapat dilihat melalui perhatian yang meningkat terhadap risiko berdaulat, khususnya di Eropah. Jika ekonomi ini tidak boleh merangka strategi yang jelas untuk kembali kepada kedudukan fiskal yang mapan, pasaran akan mengenakan premium risiko tinggi ke atas ekonomi ini, yang akan mengakibatkan konsolidasi fiskal secara mendadak sehingga boleh menjejaskan proses pemulihan. Ekonomi maju juga akan terus menghadapi cabaran yang ketara daripada kelemahan sistem kewangan dan struktur penganggurannya. Bagi ekonomi baru muncul pula, perbezaan pertumbuhan yang positif boleh menarik aliran masuk modal yang besar dan sekali gus menimbulkan komplikasi dalam melaksanakan dasar monetari dan menguruskan keadaan turun naik dalam kadar pertukaran.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2010

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan persekitaran luar yang bertambah baik. Sementara sektor awam terus memberikan sokongan, pertumbuhan dijangka didorong oleh aktiviti sektor swasta yang lebih giat dan permintaan luar yang kukuh dari negara serantau. Asas-asas makroekonomi yang teguh, kedudukan kewangan sektor swasta yang kuat dan sistem kewangan yang kukuh akan menyokong pemulihan

[1] *Laporan Prospek Ekonomi Dunia* IMF, Januari 2010

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah trend paras keluaran yang sejajar dengan kapasiti produktif agregat sesebuah ekonomi. Ia mengesan laluan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan ditentukan terutamanya oleh pengembangan dan penggunaan tanpa inflasi modal fizikal dan tenaga kerja yang sedia ada serta pertumbuhan produktiviti faktor menyeluruh (Total Factor Productivity, TFP). Pertumbuhan TFP menggambarkan kenaikan produktiviti hasil daripada penggunaan input faktor yang bertambah baik berikutan kemajuan teknologi dan kecekapan ekonomi secara keseluruhan. Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan paras keluaran potensi. Ia merupakan ukuran penyimpangan kitaran daripada trend keluaran tanpa inflasi, lantas memberi penilaian mengenai kedudukan sesebuah ekonomi dalam kitaran tersebut.

Jadual 1
KDNK Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang keluaran
	Perubahan tahunan (%)				(% drpd keluaran potensi)
1993-1999	6.5	6.5	4.3	4.1	0.1
2000	8.9	4.2	26.0	4.4	1.1
2001	0.5	4.6	-2.1	1.5	-1.6
2002	5.3	4.0	0.6	1.9	-0.6
2003	5.8	6.1	2.8	3.6	-0.4
2004	6.8	5.5	3.6	1.0	0.4
2005	5.3	5.0	5.0	0.6	0.8
2006	5.8	5.6	7.5	2.1	1.0
2007	6.2	5.2	9.6	2.5	2.1
2008	4.6	4.0	0.8	1.3	0.7
2009*a*	-1.7	2.5	-5.5	2.7	-1.4

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1
KDNK Sebenar dan Potensi



a Anggaran
r Ramalan

Rajah 2
Sumbangan Faktor dan Pertumbuhan TFP
Peralihan daripada ekonomi berasaskan faktor kepada ekonomi berasaskan produktiviti



a Anggaran
r Ramalan

[1] Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan keluaran potensi dan jurang ini diukur sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Jurang keluaran positif menunjukkan bahawa keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, manakala jurang keluaran negatif pula menunjukkan sebaliknya.

Dalam persekitaran global yang mencabar ini, anggaran terkini menunjukkan bahawa pertumbuhan keluaran potensi ekonomi Malaysia menjadi sederhana kepada 2.5% pada tahun 2009, iaitu kadar paling perlahan sejak krisis kewangan Asia. Ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang merosot dan pertumbuhan TFP yang lebih sederhana, seperti yang dialami semasa tempoh kemerosotan ekonomi yang lalu. Akibat kemerosotan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebenar yang lebih ketara, jurang keluaran[1] adalah negatif 1.4% daripada keluaran potensi. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara beroperasi di bawah paras potensinya pada tahun 2009.

Namun, dengan jangkaan bahawa ekonomi Malaysia akan pulih pada masa hadapan hasil dorongan aktiviti dalam negeri yang lebih kukuh dan persekitaran luar negeri yang bertambah baik, jurang keluaran diunjurkan menjadi lebih kecil pada tahun 2010. Berikutan itu, keluaran potensi dijangka kembali kepada trend pertumbuhan sebanyak kira-kira 5% dalam jangka sederhana susulan jangkaan pemulihan dalam pelaburan serta produktiviti yang terus bertambah baik.

yang diterajui oleh sektor swasta. Persekitaran monetari yang menyokong, termasuk akses kepada pembiayaan kompetitif yang berterusan akan terus tersedia untuk menggalakkan pemulihan dalam aktiviti sektor swasta.

KDNK benar dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan persekitaran luar yang bertambah baik

Penyumbang utama kepada pertumbuhan pada tahun 2010 ialah permintaan dalam negeri yang dijangka bertambah kukuh terutamanya hasil dorongan sektor swasta. Keadaan dalam negeri yang menggalakkan, termasuk pasaran pekerja yang bertambah baik, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan keyakinan pengguna yang terus mapan, akan terus menyokong pengembangan penggunaan swasta. Sejajar dengan pengukuhan permintaan luar dan peningkatan aktiviti dalam negeri, pelaburan swasta dijangka pulih secara beransur-ansur pada tahun 2010. Selain itu, perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK dan pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan kedua akan memperkukuh lagi permintaan dalam negeri. Pemulihan ekonomi global yang disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam ekonomi serantau akan memberi dorongan seterusnya kepada pertumbuhan pada tahun 2010. Memandangkan kesan sektor luar secara relatif adalah besar dalam ekonomi negara, pengukuhan permintaan luar akan menghasilkan kesan limpahan terhadap seluruh ekonomi, dari segi pekerjaan, pengeluaran dan sentimen keseluruhan, sekali gus menyokong penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih besar.

Dari perspektif penawaran, kebanyakan sektor ekonomi dijangka mencatat prestasi yang lebih baik pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan permintaan luar yang terus bertambah baik. Sektor perkilangan dan perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan positif disebabkan oleh permintaan luar yang kembali pulih, khususnya terhadap produk utama seperti elektronik, minyak mentah dan gas asli. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan, dengan pertumbuhan sektor tersebut dijangka menyeluruh. Subsektor berkaitan perdagangan dan perkilangan serta subsektor berorientasikan dalam negeri dijangka bertambah baik di tengah-tengah pemulihan permintaan global dan domestik. Sektor pertanian juga diunjurkan mencatat pertumbuhan lebih tinggi berikutan permintaan dari pasaran eksport utama terhadap hasil tanaman industri adalah bertambah baik susulan prospek ekonomi yang lebih baik pada tahun 2010. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka terus meningkat kerana mendapat manfaat daripada pelaksanaan berterusan projek-projek di bawah pakej rangsangan kedua dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Keadaan pasaran pekerja dijangka bertambah baik pada tahun 2010, dengan kadar pengangguran diramal turun kepada 3.6% daripada jumlah tenaga kerja. Berdasarkan hasil kaji selidik Bank Negara Malaysia, kebanyakan syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan merancang meningkatkan guna tenaga dan memberi kenaikan gaji yang lebih tinggi pada tahun 2010, sejajar dengan jangkaan pemulihan aktiviti ekonomi global dan domestik.

Inflasi keseluruhan dijangka terus sederhana pada purata 2% hingga 2.5% pada tahun 2010. Kenaikan harga mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah baik dan kemungkinan pelarasan terhadap harga ditadbir berikutan rancangan Kerajaan untuk menyemak subsidi keluaran petroleum serta mengkaji semula subsidi sedia ada bagi barang-barang keperluan lain.

Bagi sektor luar, lebihan akaun semasa diunjurkan lebih rendah pada 14.3% daripada PNK pada tahun 2010. Lebihan akaun semasa yang lebih rendah mencerminkan lebihan perdagangan yang lebih kecil, defisit akaun pendapatan yang lebih tinggi, aliran keluar pindahan semasa yang berterusan serta defisit akaun perkhidmatan yang kecil. Eksport kasar diunjurkan terus mengembang pada tahun 2010, sejajar dengan permintaan luar negeri yang lebih kukuh dan harga komoditi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, lebihan perdagangan dijangka lebih kecil memandangkan peningkatan eksport akan diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan dalam import kasar, sejajar dengan pemulihan

dalam sektor perkilangan dan pengukuhan permintaan dalam negeri. Bagi akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka meningkat memandangkan keadaan ekonomi global dan domestik adalah bertambah baik.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010 adalah berdasarkan jangkaan pemulihan ekonomi global secara beransur-ansur dan tidak sekata. Ekonomi global didapati masih menghadapi beberapa risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Risiko ini, terutamanya dalam ekonomi maju, termasuk kesan terhadap proses pemulihan sebaik sahaja perbelanjaan fiskal dikurangkan, sistem kewangan yang masih lemah dan mudah terjejas, proses pembayaran balik hutang oleh sektor swasta secara berterusan dan tekanan fiskal di sesetengah ekonomi maju utama boleh menimbulkan ketidakpastian yang nyata terhadap prospek ekonomi global. Dalam keadaan ini, permintaan dalam negeri akan menjadi faktor utama dalam memacu pertumbuhan pada tahun 2010. Dalam persekitaran ini, dasar-dasar akan terus menyokong pertumbuhan, khususnya dalam memastikan aktiviti sektor swasta dan pemulihan terus bertambah kukuh.

Selain memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk mempergiat semula pelaburan swasta, termasuk liberalisasi ekonomi, penswastaan syarikat milik Kerajaan, pemberian insentif kepada bidang pertumbuhan tinggi dan penambahbaikan berterusan dalam sistem penyampaian Kerajaan. Sementara itu, dasar monetari akan kekal akomodatif sambil perhatian terus ditumpukan pada usaha untuk memastikan sektor swasta, khususnya perusahaan kecil dan sederhana, mendapat akses kepada pembiayaan. Pada masa yang sama, terdapat pengawasan yang lebih rapi untuk memastikan supaya ketidakseimbangan kewangan tidak timbul kerana ketidakseimbangan tersebut boleh mengancam kestabilan makroekonomi dan kemapanan pemulihan ekonomi. Asas-asas ekonomi dan kewangan Malaysia yang kukuh meletakkan ekonomi domestik pada kedudukan yang lebih baik untuk mencapai pemulihan yang lebih kukuh sejajar dengan keadaan global yang bertambah baik.

Keadaan Permintaan dalam Negeri

Permintaan dalam negeri dijangka mengembang sebanyak 3.2% pada tahun 2010 disebabkan oleh aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh sejajar dengan pemulihan pertumbuhan ekonomi global. Sektor swasta dijangka menjadi pendorong utama permintaan dalam negeri memandangkan Kerajaan melaksanakan langkah konsolidasi fiskalnya pada tahun 2010.

Permintaan dalam negeri akan mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 2010, didorong terutamanya oleh perbelanjaan swasta berikutan langkah konsolidasi fiskal Kerajaan

Jadual 4.1
KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2000=100)

	2009*a*	2010*r*	2009*a*	2010*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**-0.4**	**3.2**	**-0.3**	**2.8**
Perbelanjaan sektor swasta	-3.4	3.3	-2.2	2.1
Penggunaan	0.8	3.8	0.4	2.0
Pelaburan	-21.8	0.7	-2.6	0.1
Perbelanjaan sektor awam	7.7	2.7	1.9	0.7
Penggunaan	3.7	-2.7	0.5	-0.4
Pelaburan	12.9	9.3	1.3	1.1
Perubahan dalam stok			**-2.5**	**4.5**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**8.4**	**-18.6**	**1.1**	**-2.7**
Eksport	-10.1	7.7	-12.0	8.3
Import	-12.5	11.7	-13.1	11.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**-1.7**	**4.5~5.5**	**-1.7**	**4.5~5.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Keadaan dalam negeri yang menggalakkan yang disokong oleh dasar monetari yang akomodatif, akses kepada pembiayaan yang berterusan serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik merupakan faktor yang akan membantu pengembangan seterusnya dalam penggunaan isi rumah. Perbelanjaan modal sektor swasta pula diunjurkan meningkat secara beransur-ansur pada tahun tersebut. Selain itu, perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK akan memberikan rangsangan seterusnya kepada permintaan dalam negeri.

Penggunaan swasta diunjurkan meningkat sebanyak 3.8% pada tahun 2010. Pengembangan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan pengguna akan disokong terutamanya oleh pasaran pekerja yang bertambah baik selain kenaikan yang stabil dalam pendapatan boleh guna dan pengukuhan keyakinan pengguna. Prospek guna tenaga akan menjadi lebih menggalakkan susulan permintaan terhadap pekerja yang lebih tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi sejajar dengan pemulihan dalam aktiviti ekonomi. Seterusnya, gaji purata sektor swasta dijangka naik sebanyak 4.1%, sementara kadar pengangguran diunjurkan lebih rendah pada 3.6% daripada tenaga kerja. Kenaikan dalam paras pendapatan berikutan pemulihan yang beransur-ansur dalam eksport dan aktiviti sektor perkilangan akan memberikan manfaat kepada hampir sepertiga daripada tenaga kerja dalam ekonomi domestik, dan juga akan merangsang perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi. Di samping itu, sektor isi rumah di kawasan luar bandar dijangka menikmati kenaikan dalam pendapatan yang menggalakkan disebabkan oleh harga komoditi yang dijangka kekal kukuh pada tahun 2010.

Susulan pemulihan aktiviti ekonomi dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, keyakinan pengguna dijangka berterusan pada tahun 2010. Faktor-faktor lain yang memberikan sokongan kepada pertumbuhan penggunaan swasta termasuk akses kepada kredit yang berterusan pada kadar faedah yang akomodatif dan persekitaran inflasi yang secara relatif rendah. Kedudukan kewangan sektor isi rumah dijangka kekal kukuh seperti dicerminkan oleh tahap hutang sektor isi rumah yang stabil dan nisbah pinjaman tak berbayar yang rendah. Selain itu, pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua dijangka turut memberikan manfaat kepada sektor isi rumah.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan kecil sebanyak 0.7% pada tahun 2010. Perbelanjaan modal oleh sektor perniagaan dijangka mengembang secara beransur-ansur mulai separuh kedua 2010. Ini sejajar dengan pengukuhan permintaan di dalam dan di luar negeri dalam keadaan ekonomi global yang bertambah baik. Pemulihan yang sederhana dalam pelaburan swasta akan disokong oleh aktiviti sektor perkilangan yang lebih giat. Tambahan lagi, peningkatan dalam penggunaan kapasiti yang lebih cepat sejak separuh kedua 2009, yang disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran perkilangan akan menggalakkan syarikat untuk mula menambahkan kapasiti. Keyakinan perniagaan yang meningkat dengan nyata berikutan permintaan luar yang bertambah baik dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang meningkat juga akan mendorong syarikat untuk meneruskan rancangan pelaburan yang tertangguh.

Dalam sektor perkhidmatan, segmen perniagaan yang berorientasikan pengguna akan terus berkembang memandangkan aktiviti penggunaan adalah lebih tinggi pada tahun tersebut. Syarikat dalam sektor perdagangan borong dan runcit diunjur mengembangkan operasi melalui pembukaan saluran dagang runcit baharu. Pelaburan dalam sektor komunikasi akan menjadi lebih tinggi kerana syarikat memperhebat usaha untuk menaik taraf rangkaian mereka bagi memperluas liputan perkhidmatan jalur lebar. Sementara itu, pelaburan dalam sektor

Carta 4.3
KDNK Benar dan Penggunaan Swasta



a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4.4
Penunjuk Hutang Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengangkutan akan disokong terutamanya oleh pengembangan kapasiti dalam perkhidmatan perjalanan udara. Perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan juga dijangka lebih tinggi berikutan pengembangan dalam kapasiti pengeluaran sektor huluan minyak dan gas selain perbelanjaan pembangunan tambahan untuk penemuan baharu di luar pesisir Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam sektor pembinaan dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek kejuruteraan awam di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) serta pelaksanaan berterusan pakej rangsangan kedua.

Meskipun perbelanjaan emolumen dijangka meningkat, **penggunaan awam** diunjurkan menurun sebanyak 2.7% pada tahun 2010 disebabkan oleh perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah. Ini sejajar dengan dasar Kerajaan untuk berbelanja dengan lebih cekap, tanpa menjejaskan keberkesanan perkhidmatan penyampaian Kerajaan.

Pelaburan awam dijangka berkembang sebanyak 9.3% pada tahun 2010, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan pada tahun tersebut akan terus digunakan untuk tujuan penambahbaikan ekonomi dan sektor sosial ekonomi. Perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan ekonomi disalurkan terutamanya untuk penyediaan infrastruktur pengangkutan dan perindustrian, penambahbaikan kemudahan awam dan produktiviti pertanian, serta pembangunan luar bandar yang lebih giat. Pelaksanaan pelbagai projek di bawah RMK9 dan pakej rangsangan kedua akan dipercepat pada tahun tersebut. Yang ketara, perbelanjaan langsung Kerajaan yang terdiri daripada projek-projek bernilai RM5 bilion di bawah pakej rangsangan kedua akan dilaksanakan pada tahun 2010. Dalam sektor perkhidmatan sosial, sebahagian besar peruntukan akan digunakan untuk memperbaiki penyediaan perkhidmatan awam yang perlu seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan serta pembinaan rumah murah dan kuarters bagi kakitangan awam.

Selain perbelanjaan modal yang besar dalam sektor huluan minyak dan gas, pelaburan oleh PABK diunjurkan lebih tinggi dalam bidang pengangkutan, komunikasi dan utiliti. Pelaburan dalam sektor komunikasi dan utiliti masing-masing akan memberikan tumpuan pada usaha untuk menaik taraf rangkaian jalur lebar dan meningkatkan bekalan elektrik. Dalam sektor pengangkutan, perbelanjaan modal yang lebih tinggi adalah untuk projek peluasan rel pada tahun 2010.

Prospek Mengikut Sektor

Prestasi kebanyakan sektor ekonomi dijangka lebih baik, sejajar dengan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh serta permintaan luar yang terus bertambah baik pada tahun 2010. Sektor perkilangan dan perlombongan dijangka kembali berkembang susulan permintaan luar yang kembali pulih bagi produk-produk utama seperti elektronik, minyak mentah dan gas asli. Pemulihan keadaan di luar negeri juga akan meningkatkan permintaan terhadap

Jadual 4.2
KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2009*a*	2010*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	0.4	3.1
Perlombongan dan kuari	-3.8	2.5
Perkilangan	-9.3	6.5
Pembinaan	5.7	3.7
Perkhidmatan	2.6	4.9
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**-1.7**	**4.5~5.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

perkhidmatan berkaitan perdagangan, sekali gus menggalakkan lagi pertumbuhan sektor perkhidmatan. Di samping itu, pemulihan aktiviti berorientasikan dalam negeri yang telah berada dalam landasan pemulihan yang kukuh sejak separuh kedua tahun 2009 akan meningkatkan lagi pertumbuhan dalam semua sektor. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh, khususnya penggunaan swasta, berikutan sokongan dasar yang berterusan. Selain itu, keadaan pasaran pekerja yang dijangka bertambah baik, bersama-sama dengan keyakinan peniaga dan pengguna yang lebih tinggi akan, menjadi insentif kepada aktiviti sektor swasta iaitu dalam sektor yang banyak bergantung pada permintaan domestik. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan kerana memperoleh manfaat daripada pelaksanaan berterusan pelbagai projek di bawah pakej rangsangan kedua dan RMK9.

Pemulihan pada tahun 2010 dijangka menyeluruh dengan kebanyakan sektor mencatat prestasi yang lebih baik

Sektor **perkhidmatan** diunjurkan mencatat pertumbuhan lebih tinggi iaitu sebanyak 4.9% pada tahun 2010, dan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK secara keseluruhan. Pertumbuhan sektor ini adalah menyeluruh, dengan kebanyakan subsektornya mencatat prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun 2009. Subsektor berkaitan perdagangan dan perkilangan yang terjejas teruk oleh kemerosotan ekonomi pada tahun 2009, dijangka bertambah baik sejajar dengan jangkaan pemulihan ekonomi global. Sementara itu, subsektor yang lebih berorientasikan dalam negeri dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi hasil daripada permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor **kewangan dan insurans** dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, hasil sokongan daripada segmen kewangan yang meraih manfaat daripada peningkatan pemberian pinjaman oleh bank dan pendapatan fi berikutan pemulihan ekonomi yang bertambah nyata. Dalam segmen insurans, peningkatan dalam gaji dan upah serta celik kewangan yang lebih tinggi akan menyumbang kepada permintaan yang lebih tinggi terhadap produk insurans hayat, sementara jangkaan pertambahan dalam jualan kenderaan bermotor akan memberikan manfaat kepada perniagaan insurans am.

Setelah terjejas teruk oleh kemerosotan ekonomi pada tahun 2009, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** diunjurkan kembali kepada pertumbuhan positif pada tahun 2010. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo berikutan jangkaan bahawa aktiviti berkaitan perdagangan dan perkilangan akan menjadi lebih baik. Pertumbuhan akan disokong juga oleh peningkatan permintaan dalam segmen penumpang, sejajar dengan jangkaan ketibaan pelancong yang lebih banyak dan aktiviti pelancongan domestik yang lebih tinggi. Subsektor **utiliti,** yang menunjukkan prestasi yang sangat lemah pada tahun 2009 dijangka berkembang dengan baik pada tahun 2010. Pertumbuhan dijangka disumbangkan oleh peningkatan permintaan pengguna industri terhadap elektrik selaras dengan peningkatan dalam aktiviti perkilangan, serta permintaan yang kukuh daripada sektor komersial dan isi rumah.

Subsektor perkhidmatan yang bergantung pada penggunaan dalam negeri seperti subsektor **perdagangan borong dan runcit** serta **penginapan dan restoran,** diunjurkan mencatat kadar pertumbuhan yang lebih baik. Jangkaan peningkatan dalam ketibaan pelancong juga akan menggalakkan lagi pertumbuhan subsektor ini. Prospek bagi subsektor **komunikasi** juga positif, didorong oleh permintaan terhadap perkhidmatan data mudah alih dan jalur lebar yang kian meningkat. Persaingan sengit antara penyedia perkhidmatan, pelancaran secara komersial projek jalur lebar berkelajuan tinggi di beberapa kawasan bandar terpilih dan pengembangan berterusan dalam perkhidmatan WiMAX akan terus menyumbang kepada pertumbuhan subsektor tersebut.

Sektor **perkilangan** diunjurkan mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2010, berdasarkan momentum pemulihan yang bermula sejak akhir tahun 2009. Pengembangan yang menyeluruh dijangka berlaku dalam semua kelompok perkilangan, mencerminkan peningkatan permintaan luar dan pengukuhan

permintaan dalam negeri. Kelompok elektronik dan elektrik (E&E) diunjurkan kembali pulih disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan global terhadap elektronik, terutamanya apabila adanya peruntukan bagi perbelanjaan IT oleh syarikat korporat. Sebelum ini, penaiktarafan dan penggantian perisian serta alat ganti telah ditangguhkan semasa berlakunya kemerosotan ekonomi global. Pertumbuhan dalam kelompok berkaitan sumber juga akan didorong oleh permintaan luar dan harga komoditi yang lebih tinggi. Industri kimia dijangka bertambah baik seiring dengan prestasi pasaran E&E dan automotif serta sektor isi rumah, sementara permintaan terhadap produk penjagaan kesihatan dan perubatan akan terus menyokong industri keluaran getah. Sementara itu, kelompok keluaran berkaitan pengguna dijangka bergerak sejajar dengan pengukuhan permintaan dalam negeri, khususnya penggunaan swasta. Juga, prestasi kelompok berkaitan pembinaan akan mendapat manfaat daripada jangkaan aktiviti pembinaan dalam negeri dan juga projek infrastruktur dalam rantau ini yang lebih tinggi.

Sektor **pertanian** dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 3.1% disebabkan oleh permintaan pasaran eksport utama terhadap hasil tanaman industri, khususnya minyak sawit dan getah, yang bertambah baik sejajar dengan prospek ekonomi yang lebih cerah pada tahun 2010. Selain itu, penurunan dalam duti import getah oleh RR China pada 1 Januari 2010 akan terus merangsang permintaan terhadap komoditi tersebut. Pengeluaran minyak sawit pada tahun 2010 dijangka lebih tinggi berikutan pemulihan dalam kadar hasil tandan buah segar (FFB) komoditi tersebut dan peluasan kawasan tanaman yang akan mengeluarkan hasil. Bagi getah pula, selain peningkatan produktiviti yang berterusan di kawasan yang ditanam semula dengan klon getah berhasil tinggi, harga getah yang lebih tinggi sejak separuh kedua tahun 2009 akan terus menggalakkan aktiviti penorehan.

Sektor **perlombongan** dijangka berkembang sebanyak 2.5%, mencerminkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam permintaan. Peningkatan dalam pengeluaran LNG sebahagiannya mencerminkan penghantaran pertama mengikut kontrak ke RR China untuk satu tahun penuh.

Sektor pembinaan dijangka terus kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 3.7% pada tahun 2010. Segmen kejuruteraan awam akan disokong oleh pelaksanaan projek yang berterusan di bawah pakej rangsangan kedua. Tambahan pula, selain projek yang sedang giat dijalankan, beberapa projek besar lain yang dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga dijangka dimulakan pada tahun itu. Sementara itu, sentimen perniagaan dan pengguna yang lebih tinggi serta akses kepada pembiayaan yang berterusan akan menyokong pengembangan dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman.

Imbangan Pembayaran

Dari segi sektor luar, peningkatan eksport dan aliran masuk modal, yang nyata pada separuh kedua 2009, dijangka berterusan pada 2010 ekoran pemulihan ekonomi global yang semakin kukuh. Permintaan luaran yang dijangka lebih kukuh, terutamanya dari rantau ini, dan harga komoditi yang lebih tinggi dijangka menyumbang kepada pengembangan berterusan dalam eksport kasar pada 2010. Walau bagaimanapun, lebihan dagangan dijangka lebih rendah kerana import diunjurkan akan mengembang dengan lebih pesat berbanding dengan eksport. Meskipun import barangan pengantara akan meningkat sejajar dengan pengembangan dalam eksport perkilangan, pemulihan yang lebih kukuh dalam ekonomi dalam negeri juga akan mendorong kepada import barangan penggunaan dan modal yang lebih tinggi. Lebihan dagangan yang lebih rendah, di samping defisit akaun pendapatan yang lebih tinggi, aliran keluar pindahan semasa yang berterusan dan defisit akaun perkhidmatan yang kecil, dijangka akan mengakibatkan pengecilan lebihan akaun semasa kepada RM103.8 bilion atau 14.3% daripada PNK pada 2010. Bagi akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka meningkat sejajar dengan keadaan ekonomi global dan dalam negeri yang bertambah baik.

Eksport kasar diunjurkan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 11.2% pada 2010. Unjuran pertumbuhan eksport ini dibuat berdasarkan andaian bahawa pemulihan ekonomi global adalah secara beransur-ansur, dengan pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi maju tetapi aktiviti yang lebih kukuh dalam ekonomi yang sedang pesat membangun, khususnya dalam ekonomi serantau. Pemulihan eksport dijangka

menyeluruh, disokong oleh pemulihan dalam sektor perkilangan dan komoditi. Pemulihan yang menyeluruh ini akan terus diterajui oleh perdagangan intrarantau dan peningkatan eksport secara beransur-ansur ke ekonomi G-3. Pemulihan dalam eksport perkilangan diunjurkan berpunca daripada keluaran eksport elektronik dan elektrik (E&E) dan juga keluaran bukan E&E. Pertumbuhan eksport keluaran E&E, yang lebih kukuh dijangka meliputi kedua-dua segmen elektronik dan elektrik, disebabkan oleh permintaan yang terus tinggi bagi komputer peribadi, telefon pintar (smart phone) dan peranti elektronik baharu, serta pemulihan yang dijangka dalam perbelanjaan IT oleh sektor korporat. Prospek untuk eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber dijangka akan bertambah baik, dengan harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan serantau yang lebih kukuh dijangka berterusan.

Eksport dan aliran masuk modal dijangka akan terus meningkat pada 2010 berikutan pemulihan ekonomi global yang semakin kukuh. Lebihan akaun semasa, walaupun masih besar, akan merosot, apabila import dijangka mengembang lebih pesat berbanding dengan eksport

Dengan jangkaan pemulihan dalam eksport dan permintaan dalam negeri, pemulihan dalam **import kasar** dijangka akan lebih ketara, dengan peningkatan sebanyak 14.6% pada 2010. Memandangkan sebahagian besar import kasar Malaysia adalah barangan pengantara, import barangan pengantara akan meningkat dan menyumbang kepada sebahagian besar pemulihan import, sejajar dengan pengukuhan permintaan eksport perkilangan. Import barangan modal dijangka meningkat disebabkan oleh pemulihan dalam aktiviti pelaburan sektor korporat secara beransur-ansur dan pelaburan modal baharu dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Import barangan pengguna juga dijangka lebih tinggi sejajar dengan peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan.

Akaun perkhidmatan diunjurkan akan mencatat defisit yang kecil sebanyak RM0.7 bilion pada 2010 memandangkan defisit yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain dijangka lebih daripada mengimbangi lebihan yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan. Dengan aktiviti perdagangan global, pelaburan dan pelancongan yang bertambah baik, pembayaran untuk pengangkutan, pembinaan, komunikasi dan perkhidmatan profesional, juga dijangka meningkat. Sementara itu, pendapatan pelancongan dijangka terus meningkat sejajar dengan ramalan ketibaan pelancong global dan serantau yang lebih tinggi dan aktiviti galakan pelancongan yang disasarkan dengan baik. Defisit **akaun pendapatan** diunjurkan meningkat kepada 2.7% daripada PNK disebabkan pemulihan eksport dijangka mengakibatkan penghantaran balik keuntungan dan dividen lebih tinggi oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia, terutamanya dalam industri E&E serta sektor minyak dan gas. Sementara itu, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka kekal besar, terutamanya dari sektor minyak dan gas serta perkhidmatan, disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan prospek ekonomi serantau yang lebih baik.

Bagi akaun kewangan, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (FDI) dijangka meningkat pada 2010 dalam keadaan prospek pertumbuhan global dan keberuntungan syarikat yang meningkat. Memandangkan aliran masuk FDI global dijangka pulih secara sederhana pada tahun 2010, peningkatan FDI di Malaysia juga diunjurkan akan menjadi sederhana terutamanya dengan aliran masuk ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor minyak dan gas. Dalam sektor perkilangan, sebahagian besar FDI dijangka dalam bentuk pelaburan semula oleh syarikat multinasional untuk pengembangan kapasiti sejajar dengan pemulihan dalam industri E&E. Pelaburan juga dijangka dalam bidang-bidang pertumbuhan baharu seperti tenaga boleh diperbaharui dan peralatan perubatan. Aliran FDI yang lebih tinggi juga dijangka bagi sektor perkhidmatan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan berikutan liberalisasi yang selanjutnya pada bulan April 2009, yang merangkumi pengeluaran lesen baharu kepada institusi kewangan asing, peningkatan dalam had pemilikan modal asing dan membenarkan lebih banyak fleksibiliti operasi untuk institusi kewangan asing yang diperbadankan di

Jadual 4.3
Imbangan Pembayaran

	2009*a*	2010*r*
	RM bilion	
Barangan	141.5	141.6
Akaun perdagangan	118.4	116.7
Eksport (% perubahan tahunan)	*-16.6*	*11.2*
Import (% perubahan tahunan)	*-16.6*	*14.6*
Perkhidmatan	3.2	-0.7
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**144.7**	**140.8**
Pendapatan	-12.6	-19.9
Pindahan semasa	-19.4	-17.1
Imbangan akaun semasa	**112.7**	**103.8**
% daripada PNK	**17.0**	**14.3**
Akaun modal	-0.2	
Akaun kewangan	-82.9	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**-83.1**	
Kesilapan dan ketinggalan	-15.8	
antaranya:		
Penambahan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*10.7*	
Imbangan keseluruhan	**13.8**	

a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4.4
Perdagangan Luar Negeri

	2009*a*		2010*r*	
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)
Eksport kasar	**553.3**	**-16.6**	**615.1**	**11.2**
antaranya:				
Perkilangan	430.4	-12.5	474.0	10.1
Pertanian	53.4	-21.6	60.3	12.8
Mineral	59.3	-32.2	70.8	19.4
Import kasar	**434.9**	**-16.6**	**498.4**	**14.6**
antaranya:				
Barangan modal	65.8	-5.9	70.7	7.6
Barangan pengantara	297.3	-21.6	348.8	17.3
Barangan penggunaan	31.4	-2.7	33.2	5.7
Imbangan perdagangan	**118.4**	**-16.6**	**116.7**	**-1.4**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Malaysia. Sementara itu, FDI dalam sektor minyak dan gas akan disokong oleh kenaikan harga dan peningkatan dalam permintaan minyak mentah berikutan aktiviti global yang meningkat.

Pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia dijangka terus bertambah dan kekal besar pada tahun 2010 apabila syarikat-syarikat tersebut terus mengembangkan operasi di peringkat serantau dan global. DIA yang lebih tinggi dijangka disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas, serta sektor perkilangan dengan tumpuan kepada negara-negara serantau dan negara-negara sedang pesat membangun yang lain. Pengembangan serantau dan global memberi kesempatan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mengakses pasaran pengguna yang lebih besar, menambah skala operasi mereka dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global. Negara akan memperoleh manfaat dalam jangka sederhana, daripada syarikat-syarikat Malaysia yang lebih kompetitif dan bersifat global dan juga meningkatkan potensi pengiriman balik pendapatan yang lebih besar.

Prospek Pasaran Pekerja

Keadaan dalam **pasaran kerja** dijangka terus bertambah baik pada 2010, sejajar dengan pemulihan dalam aktiviti ekonomi global dan dalam negeri. Keyakinan perniagaan dan aktiviti ekonomi yang bertambah baik sejak separuh tahun kedua 2009 dijangka bertambah kukuh pada 2010, dan ini akan memberi kesan ke atas keputusan pengambilan pekerja dan gaji. Menurut kaji selidik yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia, sebahagian besar syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan merancang untuk menambah pekerja di sekitar 5% pada tahun 2010. Mencerminkan permintaan pekerja yang lebih teguh, kadar pengangguran dijangka menurun kepada 3.6% daripada jumlah tenaga kerja pada 2010 (2009: 3.7%). Di samping itu, kira-kira 70% daripada syarikat yang dikaji selidik menyatakan bahawa mereka akan memberhentikan pembekuan kenaikan gaji pada

tahun 2010. Secara keseluruhan, purata kenaikan gaji di sektor swasta dijangka lebih tinggi sebanyak 4.1% pada 2010 (2009: 3.4%).

Prospek Inflasi
Inflasi keseluruhan bagi tahun 2010 dijangka meningkat dengan sederhana pada purata antara 2% – 2.5%. Unjuran ini dibuat selepas mengambil kira keadaan ekonomi yang bertambah baik dan penyelarasan yang mungkin dibuat oleh Kerajaan terhadap harga ditadbir dan juga penstrukturan semula subsidi. Sekiranya tiada semakan harga selanjutnya dan perkembangan luaran yang mempengaruhi inflasi, inflasi di Malaysia akan terus terkawal.

Prospek permintaan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global dan serantau telah bertambah baik. Namun, sikap berhati-hati sektor perniagaan dan isi rumah, keadaan kapasiti berlebihan yang masih wujud dan pemansuhan langkah-langkah rangsangan Kerajaan secara berperingkat-peringkat akan memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi di seluruh dunia. Oleh itu, meskipun aktiviti ekonomi dijangka bertambah baik, keadaan permintaan dijangka tidak akan memberi tekanan terhadap inflasi global pada tahun 2010.

Tekanan permintaan terhadap harga domestik pula dijangka terurus. Keyakinan pengguna yang bertambah baik, keadaan monetari yang akomodatif dan pakej rangsangan Kerajaan dijangka menyokong aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor isi rumah dan perniagaan. Jurang pengeluaran akan menjadi lebih kecil sejajar dengan peningkatan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, dengan pengeluaran beransur-ansur meningkat daripada paras yang rendah, kesannya terhadap tekanan harga dijangka terhad.

Dari aspek penawaran, aktiviti ekonomi yang bertambah baik sejak separuh kedua tahun 2009 dijangka menyebabkan kenaikan harga komoditi dunia. Laporan Prospek Ekonomi Dunia yang dikeluarkan oleh IMF pada bulan Januari 2010 mengunjurkan kenaikan harga minyak mentah kepada sekitar USD76 setong pada tahun 2010 (USD62 setong pada tahun 2009). Kenaikan ini jauh lebih rendah berbanding dengan kenaikan pada Julai 2008 apabila harga minyak mencecah paras tertingginya pada USD147 setong. Komoditi bukan bahan api seperti makanan dan logam secara amnya dijangka mencatat trend yang sama.

Laporan Prospek Makanan edisi Disember 2009 terbitan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) menyatakan bahawa imbangan penawaran dan permintaan global yang bertambah baik akan menyebabkan kenaikan harga komoditi makanan pada kadar yang sederhana. Walau bagaimanapun, harga beras dijangka naik berikutan kemerosotan pengeluaran akibat cuaca buruk. Harga gula juga dijangka kekal tinggi meskipun rendah sedikit daripada paras tertingginya pada bulan Ogos 2009. Ini kerana keadaan penawaran komoditi ini yang tidak begitu tinggi telah diimbangi oleh pemulihan dalam pengeluaran serta ambilan daripada stok.

Walaupun permintaan terhadap komoditi dijangka terus sederhana, persekitaran kadar faedah yang berterusan rendah dan keadaan lebihan mudah tunai boleh mendorong aktiviti spekulatif dalam pasaran komoditi. Berikutan itu, faktor bukan asas boleh, secara berkala, menyebabkan harga komoditi dunia naik ke paras yang tinggi. Pengeluar mungkin menanggung kos input yang lebih tinggi dan tidak menentu. Keadaan permintaan yang lebih lembap dan paras inventori yang lebih tinggi daripada biasa boleh membantu menyederhanakan kenaikan harga. Namun, keadaan lebihan mudah tunai global sekiranya berpanjangan, boleh meningkatkan risiko kenaikan harga komoditi.

Di dalam negeri pula, Kerajaan telah mengumumkan rancangannya untuk memansuhkan subsidi bagi keluaran petroleum. Kajian semula yang komprehensif terhadap subsidi yang sedia ada bagi barangan keperluan asas lain juga sedang dijalankan. Ini boleh menimbulkan sedikit tekanan menaik terhadap inflasi keseluruhan negara. Namun, berikutan jangkaan bahawa pemulihan keadaan permintaan secara relatif adalah sederhana tahun ini, kesannya terhadap harga pengguna mungkin bersifat sementara dan terkawal. Inflasi teras diramal menunjukkan trend yang sederhana dan dengan itu dijangka tidak akan menimbulkan kebimbangan.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2010

Ekonomi global memasuki tahun 2010 dalam mod pemulihan berbanding dengan keadaan pada awal tahun 2009 apabila krisis kewangan global sedang memuncak. Pertumbuhan KDNK global bertambah kukuh pada suku terakhir 2009, hasil sokongan aktiviti yang lebih kukuh, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun.

Walaupun terdapat elemen sokongan dasar yang nyata dalam mendorong pengembangan aktiviti ekonomi, terdapat juga tanda-tanda pemulihan dalam permintaan swasta, terutamanya dari segi penggunaan swasta. Permintaan sektor swasta dijangka bertambah kukuh pada tahun 2010.

Dasar monetari pada tahun 2010 akan tertumpu pada penggalakan pemulihan ekonomi yang berterusan

Proses pemulihan negara-negara di seluruh dunia bagaimanapun tidak sekata lantas menunjukkan bahawa masa dan magnitud pemansuhan langkah dasar luar biasa yang dilaksanakan semasa berlakunya krisis mungkin berbeza antara negara. Walau bagaimanapun, ekonomi sedang pesat membangun kini menerajui proses pemulihan ekonomi dunia. Asas-asas ekonomi bagi pasaran sedang pesat membangun yang lebih baik, terutamanya di Asia, menunjukkan bahawa ekonomi tersebut akan memainkan peranan penting dalam menyokong permintaan global dalam tahun-tahun yang akan datang.

Asas-asas bagi pasaran sedang pesat membangun yang lebih kukuh juga boleh menjadikan ekonomi tersebut terdedah kepada aliran masuk modal secara besar-besaran yang didorong oleh kadar faedah global yang rendah, lebihan mudah tunai dan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang lebih tinggi serta pencarian pulangan. Memandangkan prospek ekonomi antarabangsa masih lagi tidak menentu, aliran masuk modal sedemikian berkemungkinan besar menimbulkan reaksi serta-merta mengikut perubahan dalam perkembangan global dan jangkaan yang berubah-ubah. Akibatnya, aliran masuk modal juga mungkin terjejas oleh episod perubahan dalam arah aliran modal tersebut. Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan yang lebih ketara ekoran perkembangan tersebut boleh merumitkan penggubalan dasar dalam ekonomi sedang pesat membangun yang pasaran kewangannya belum begitu maju. Cabaran kepada langkah untuk menyalurkan aliran masuk modal yang besar dan tidak menentu boleh mewujudkan ketidakseimbangan kewangan dan pengagihan sumber yang tidak cekap, manakala penarikan keluar dana yang mendadak dan cepat boleh mengganggu aktiviti pembiayaan dan ekonomi benar. Oleh yang demikian, persekitaran ekonomi dan kewangan bagi pasaran sedang pesat membangun masih lagi mencabar.

Di dalam negeri pula, ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh. Pengukuhan berterusan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan akan merangsang permintaan dalam negeri serta meningkatkan keluaran negara ke tahap yang lebih hampir dengan potensi produktif ekonomi. Keyakinan pengguna yang terus mapan dan keadaan monetari yang akomodatif akan menyokong penggunaan dan aktiviti pelaburan sektor isi rumah dan perniagaan. Kerajaan telah mengumumkan pelan konsolidasi fiskalnya secara beransur-ansur pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, dasar fiskal secara keseluruhan kekal mengembang dan akan terus menyokong proses pemulihan ekonomi. Permintaan luar negeri, terutamanya dari ekonomi serantau, juga akan menjadikan aktiviti ekonomi dan perdagangan terus mapan. Hasilnya, jurang keluaran negatif yang sedia ada akan mengecil berikutan permintaan dalam negeri yang meningkat.

Sejajar dengan pemulihan aktiviti ekonomi, inflasi dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, dengan keluaran beransur pulih daripada paras yang rendah, tekanan terhadap inflasi yang timbul ekoran pengecilan jurang keluaran dijangka terhad. Inflasi teras mungkin menunjukkan trend menaik yang sederhana dan dijangka tidak akan menimbulkan sebarang kebimbangan dari segi dasar. Dari segi penawaran, Kerajaan telah mengumumkan hasrat untuk melaksanakan kajian semula yang komprehensif terhadap sistem penyaluran subsidi. Penstrukturan semula subsidi dan kenaikan semula harga tenaga dan bahan makanan global boleh mencetuskan tekanan menaik terhadap inflasi dalam negeri. Walau bagaimanapun, penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa kesan yang mungkin timbul terhadap harga pengguna mungkin bersifat sementara dan boleh diuruskan.

Dengan ancaman kemelesetan yang besar semakin berkurang, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) telah menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas pada Mac 2010 sebagai langkah ke arah mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih wajar. Rangsangan monetari pada tahap

yang tinggi dianggap tidak lagi wajar berikutan pemulihan yang kukuh dan prospek ekonomi yang lebih baik. Terdapat kebimbangan bahawa sekiranya kadar faedah dikekalkan pada paras yang amat rendah dalam tempoh yang lama ia boleh mendorong kepada aktiviti pengambilan risiko yang keterlaluan dan pengambilan hutang yang berlebihan. Pada masa yang sama, ia juga boleh menjadi faktor yang tidak menggalakkan simpanan dan menyebabkan pengeluaran daripada sistem pengantaraan selain mendorong penyimpan untuk beralih kepada pelaburan yang berisiko. Perkembangan sebegini boleh melemahkan proses pemulihan selain mengurangkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Oleh itu, walaupun dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong ekonomi, penetapan kadar faedah pada paras yang wajar adalah sejajar dengan persekitaran ekonomi yang bertambah baik selain bertujuan untuk mengelakkan ketidakseimbangan kewangan menular dalam ekonomi.

Dengan tekanan harga dijangka sederhana pada masa akan datang, dasar monetari tahun 2010 akan menumpukan pada usaha menggalakkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan memastikan pembiayaan tersedia bagi sektor swasta pada kos yang berpatutan. Memandangkan ketidakpastian berhubung dengan prospek pertumbuhan ekonomi global masih lagi wujud, pendirian dasar monetari yang akomodatif akan dikekalkan untuk menyokong dan mengukuhkan aktiviti pelaburan dan permintaan penggunaan swasta serta pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2010

Dasar fiskal mengembang dengan ketara pada tahun 2009 bagi mengelakkan ekonomi Malaysia daripada terjerumus ke dalam kemelesetan ekonomi disebabkan oleh krisis kewangan global dan ekonomi yang telah mengheret ekonomi global ke dalam kancah kemelesetan yang teruk. Seiring dengan dasar kewangan akomodatif dan langkah-langkah proaktif untuk menyokong akses kepada pembiayaan kepada sektor swasta, langkah-langkah fiskal ini telah berjaya mengurangkan kesan kemelesetan ke atas ekonomi Malaysia. Hasilnya, penguncupan ekonomi mula stabil pada awal suku kedua 2009. Sementara ekonomi terus mengalami pemulihan pada tahun 2010, dasar fiskal akan terus ditumpukan ke arah menyediakan asas untuk pemulihan permintaan sektor swasta yang lebih kukuh. Kunci kepada pemulihan ekonomi yang berterusan ialah pemulihan kukuh dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Lantaran itu, dasar fiskal telah memberi keutamaan yang ketara terhadap peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

Usaha Kerajaan untuk memperkukuh pelaburan swasta dan mempertingkatkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi dicerminkan melalui langkah-langkah yang diumumkan pada Bajet 2010. Ini termasuk inisiatif-inisiatif penswastaan dan langkah-langkah yang menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Selanjutnya, bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta yang lebih besar dalam ekonomi, Kerajaan juga menyediakan insentif untuk beberapa sektor pertumbuhan tinggi. Antara yang dikenal pasti ialah sektor pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kewangan dan perbankan Islam, produk halal dan teknologi hijau. Untuk terus menyokong pertumbuhan penggunaan swasta, Kerajaan telah mengurangkan cukai pendapatan peribadi,

Jadual 4.5
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan %	
	2009*a*	2010*B*	2009*a*	2010*B*
Hasil	158.6	148.4	-0.7	-6.4
Jumlah perbelanjaan	206.6	189.5	5.2	-8.3
Perbelanjaan mengurus	*157.1*	*138.3*	*2.3*	*-12.0*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*49.5*	*51.2*	*15.6*	*3.4*
Terimaan balik pinjaman	0.5	0.6		
Imbangan keseluruhan	**-47.4**	**-40.5**		
% daripada KDNK	**-7.0**	**-5.6**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	56.9	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-6.3	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-3.2	-		

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan

dan menaikkan pelepasan cukai individu untuk menambah pendapatan boleh guna pengguna.

Sebagai tindak balas terhadap kesan penguncupan ke atas ekonomi dalam negeri berikutan kemelesetan ekonomi global, Kerajaan telah melaksanakan rangsangan fiskal yang agak besar pada tahun 2009, dan mengakibatkan defisit yang lebih tinggi iaitu 7% daripada KDNK (2008: 4.8% daripada KDNK) serta hutang Kerajaan Persekutuan yang juga lebih tinggi pada 53.7% daripada KDNK (2008: 41.5% daripada KDNK). Walaupun pada amnya dasar fiskal kekal akomodatif pada tahun 2010, pertimbangan yang sewajarnya adalah perlu untuk memastikan kewangan Kerajaan terhindar daripada tekanan yang tidak diingini. Khususnya, sokongan yang besar oleh Kerajaan yang diberikan pada kemuncak krisis ekonomi global akan dikurangkan secara beransur-ansur.

Dengan matlamat ke arah konsolidasi kedudukan fiskal secara berperingkat, Bajet 2010 memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menambah baik keberkesanan dan kecekapan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Untuk mempertingkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan, langkah-langkah yang akan dilaksanakan dan diberi keutamaan merangkumi penstrukturan sistem subsidi bahan api yang merupakan bahagian yang besar dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan. Di samping itu, kajian semula secara keseluruhan ke atas sistem subsidi dan kawalan harga juga sedang dilakukan. Bagi mempertahankan kedudukan fiskal yang berterusan tanpa mengetepikan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh, Kerajaan juga akan memperhebat program perkongsian sektor awam-swasta (public-private partnership program) untuk beberapa projek berimpak tinggi. Antara projek-projek tersebut termasuk projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pengangkutan awam.

Untuk memperkukuh aliran pendapatan, Kerajaan telah menjalankan kajiselidik berkaitan kebolehlaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (goods and services tax, GST). Melalui GST, asas pendapatan Kerajaan akan diperluas dan sekali gus lebih terlindung daripada ayunan kitaran harga minyak. Pada masa ini, asas pendapatan adalah terlalu sempit dan bergantung terutamanya kepada cukai langsung dan hasil berkaitan minyak. Selain itu, ianya terdedah kepada kitaran perniagaan yang boleh memberikan impak yang ketara kepada kewangan Kerajaan. Kerajaan juga telah mengumumkan rancangan untuk mengkaji semula sistem penaksiran cukai, terutamanya untuk aktiviti yang berkaitan dengan minyak, yang pada masa ini ditaksir dengan sela masa satu tahun.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka mengecil dengan ketara kepada 5.6% daripada KDNK pada tahun 2010. Perbelanjaan operasi akan menjadi lebih rendah sebanyak 12% dari RM157 bilion pada tahun 2009 kepada RM138 bilion. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan akan kekal tinggi pada RM51.2 bilion. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan akan disalurkan kepada sektor perkhidmatan ekonomi dan perkhidmatan pendidikan.

Memandangkan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam pasaran dalam negeri, Kerajaan akan membiayai sebahagian besar defisit fiskal melalui pasaran bon dalam negeri. Selain memperoleh dana melalui penerbitan sekuriti kerajaan, Kerajaan juga akan menerbitkan bon runcit yang berjumlah RM3 bilion yang dikenali sebagai Sukuk 1Malaysia. Penerbitan ini boleh menjadi pelaburan alternatif bagi rakyat Malaysia untuk memperoleh pulangan yang lebih baik dalam persekitaran kadar faedah dalam negeri yang rendah.

Rajah 4.5
Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan

Peralihan kepada Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Pertimbangan Dasar

Dahulu hingga Kini: Perkembangan Ekonomi Malaysia

Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang ketara sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, membangun daripada sebuah ekonomi berpendapatan rendah kepada ekonomi berpendapatan menengah atas dalam tempoh lebih setengah abad. Pendapatan per kapita telah meningkat hampir dua puluh kali ganda dalam tempoh empat dekad lalu, sementara kadar kemiskinan telah berkurang lebih sepuluh kali ganda. Perubahan struktur yang besar juga telah berlaku dalam ekonomi. Ekonomi yang sebahagian besarnya berasaskan komoditi utama dengan kebergantungan tinggi pada getah dan bijih timah pada tahun 1960-an telah ditransformasikan menerusi kebangkitan sektor perkilangan sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan pada lewat tahun 1980-an, dan kemudiannya sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan sejak tahun 2000. Sepanjang proses pembangunan ini, Malaysia telah memperkukuh dan meningkatkan integrasinya dengan ekonomi global.

Pada masa ini, Malaysia sedang berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang sedang berubah dengan ketara. Walaupun landskap global telah berubah secara beransur-ansur pada dekad yang lepas, krisis kewangan dan ekonomi global semasa telah mempercepat perubahan ini. Yang ketara, terdapat dua perkembangan berbeza yang menonjol. Pertama, landskap ekonomi global semakin bersifat berbilang polar dengan peningkatan kepentingan ekonomi pasaran sedang pesat membangun, terutamanya ekonomi Brazil, Rusia, India dan RR China (BRIC). Yang penting, kebangkitan ketara RR China telah mengubah dinamik pertumbuhan di Asia. Faktor struktur yang menggalakkan dalam ekonomi pasaran sedang pesat membangun itu termasuk golongan kelas pertengahan yang besar dan semakin bertambah yang akan menyokong permintaan dalam negeri dan seterusnya pertumbuhan berterusan dalam ekonomi tersebut selepas krisis. Walau bagaimanapun, krisis tersebut telah mendedahkan beberapa kelemahan struktur dalam ekonomi maju, yang kesemuanya akan membatasi potensi pertumbuhan ekonomi tersebut dalam jangka sederhana. Kedua, kebangkitan ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang secara relatif besar, seperti BRIC, Vietnam dan Indonesia, juga akan memperhebat persaingan dalam ekonomi global, bukan sahaja dalam kalangan perniagaan, tetapi juga antara negara dalam menarik pelaburan dan modal insan.

Dalam persekitaran yang makin mencabar ini, inisiatif strategik dilaksanakan untuk mengukuhkan fleksibiliti ekonomi Malaysia supaya dapat disesuaikan dengan keadaan yang berubah-ubah, untuk memanfaatkan peluang baharu di samping menangani cabaran yang mungkin timbul. Model ekonomi sedia ada sedang dikaji semula dan dasar yang menyokong daya saing yang lebih tinggi, kadar inovasi yang lebih pantas dan peningkatan kepada industri lebih berintensif pengetahuan merupakan strategi peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Masa Hadapan: Ciri-ciri Ekonomi Malaysia Berpendapatan Tinggi

Menurut definisi Bank Dunia, sebuah negara berpendapatan tinggi ialah negara yang mempunyai pendapatan per kapita lebih daripada USD11,905. Oleh itu, daripada paras semasa USD6,634, Malaysia perlu meningkatkan pendapatan per kapitanya sebanyak hampir dua kali ganda untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Selain paras pendapatan, penilaian terhadap negara berpendapatan tinggi sedia ada memaparkan lima ciri ekonomi utama, iaitu:

1. **Aktiviti ekonomi berintensif inovasi dan pengetahuan**
   Sebuah ekonomi berpendapatan tinggi adalah berteraskan pengetahuan dan inovasi berbanding dengan ekonomi yang berteraskan pelaburan. Semua sektor ekonomi terlibat dalam aktiviti ekonomi bernilai tinggi, dengan pengetahuan, inovasi dan produktiviti menjadi keutamaan dalam penciptaan nilai.

Bagi Malaysia, berdasarkan asas perkilangan kukuh yang sedia ada dalam ekonomi, perubahan ke arah aktiviti bernilai tinggi akan didorong oleh industri sedia ada yang meningkatkan kedudukan mereka dalam rantaian nilai. Syarikat dalam industri-industri ini akan semakin bergantung pada strategi kebitaraan (niche) dan juga penambahbaikan yang berterusan, kecanggihan yang lebih tinggi dan pengkhususan yang lebih mendalam. Beberapa bidang yang berpotensi termasuklah elektronik bernilai tinggi, perkilangan panel suria, peralatan perubatan dan minyak sawit hiliran. Pergerakan ke arah aktiviti bernilai lebih tinggi akan dilengkapkan oleh pembangunan subsektor perkhidmatan berintensif pengetahuan. Perkhidmatan moden ini termasuk pengkomputeran, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penyelidikan dan pembangunan (R&D), kesihatan dan pendidikan serta hiburan. Di samping perkhidmatan berintensif pengetahuan ini, perkhidmatan berkaitan perkilangan yang sudah berkembang kukuh, seperti logistik, pemasaran dan penjenamaan juga akan memberikan sokongan yang kukuh kepada pertumbuhan industri.

Selain itu, sementara syarikat multinasional dan syarikat tempatan yang besar akan kekal penting kepada ekonomi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan menjadi tulang belakang ekonomi. Yang ketara, jumlah besar PKS yang sangat dinamik, berinovatif dan berdaya saing akan menjadi ciri penting bagi ekonomi Malaysia berpendapatan tinggi.

2. **Ekonomi diterajui oleh sektor swasta berteraskan persaingan**
   Aktiviti ekonomi dalam ekonomi berpendapatan tinggi diterajui oleh sektor swasta dalam persekitaran yang berdaya saing. Persaingan akan menyumbang kepada peruntukan sumber yang menjadikan aktiviti ekonomi lebih memberangsangkan dan dinamik. Bagi pasaran berfungsi dengan cekap dan berkesan, ketiadaan gangguan pada pasaran, terutamanya yang mengakibatkan isyarat harga yang tidak sewajarnya merupakan prasyarat yang perlu ada. Walau bagaimanapun, rangka kerja keinstitusian yang kukuh juga perlu diwujudkan bagi menangani kemungkinan kegagalan pasaran dan memastikan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan saksama.

3. **Kerajaan sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi**
   Oleh sebab ekonomi akan diterajui oleh sektor swasta, peranan Kerajaan perlu beralih menjadi pemudah cara utama untuk pertumbuhan. Fokus Kerajaan dalam peranan ini adalah menyediakan persekitaran berdaya saing yang membolehkan sektor swasta berfungsi dengan cekap. Ini akan melibatkan terutamanya penyediaan infrastruktur pemboleh, termasuk pengangkutan awam dan infrastruktur berkaitan Internet yang moden, dan juga penyediaan perkhidmatan keselamatan dan kemasyarakatan asas, seperti kesihatan dan pendidikan. Di samping itu, dasar teknologi dan inovasi yang menyeluruh akan menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan penciptaan pengetahuan. Kerjasama erat antara sektor awam dengan swasta adalah perlu untuk mencapai matlamat ini dengan berkesan.

4. **Keseimbangan yang lebih baik antara permintaan dalam negeri dengan permintaan luar**
   Sejajar dengan trend yang sedang berlaku, ekonomi berpendapatan tinggi perlu mempunyai model pembangunan yang lebih seimbang. Sementara kelebihan bersaingan dalam sektor luar akan kekal penting, sektor dalam negeri perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memberikan sumbangan kepada pertumbuhan. Pertama, golongan berpendapatan sederhana yang lebih besar dan lebih kaya akan menyokong penggunaan swasta yang lebih tinggi dan lebih canggih. Kedua, peningkatan dalam kualiti pelaburan swasta akan menyumbang kepada pertumbuhan pekerjaan berpendapatan tinggi dan bernilai tambah tinggi yang lebih mampan. Pelaburan swasta perlu semakin beralih daripada yang lebih tertumpu pada pembinaan dan jentera bernilai rendah kepada automasi dan R&D lebih maju untuk mempermudah pergerakan bagi meningkatkan kedudukan dalam rantaian nilai di samping menyokong inovasi. Sementara itu, produktiviti yang tinggi akan melengkapkan peningkatan kecanggihan modal untuk menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang bernilai tinggi.

5. Integrasi global dan serantau yang lebih mendalam

Memandangkan pasaran dalam negeri adalah kecil, apabila syarikat menjadi bertambah besar dan lebih kukuh, ia akan meningkatkan integrasinya dengan rantau dan bahagian dunia yang lain untuk mendapatkan akses yang lebih baik kepada pasaran yang lebih besar. Integrasi yang lebih mendalam dengan pasaran antarabangsa akan merangkumi permintaan akhir dan bekalan input faktor. Bagi Malaysia, integrasi selanjutnya dengan ekonomi serantau dan ekonomi sedang pesat membangun lain akan menjadi ciri utama peralihan kepada ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Khususnya, trend pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia yang meningkat baru-baru ini dijangka berterusan dan akan membawa lebih banyak manfaat kepada Malaysia dalam jangka sederhana memandangkan peluang dan pasaran baharu akan diperoleh.

Strategi untuk Ekonomi Malaysia yang Mampan dan Dinamik

Walaupun pandangan tentang ciri-ciri ekonomi berpendapatan tinggi secara relatif jelas, tidak ada sepersetujuan tentang keperluan yang perlu ada untuk berjaya menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, pengalaman negara berpendapatan tinggi memberikan beberapa penunjuk bahawa lima faktor adalah sangat penting (Rajah 1). Yang pertama ialah kestabilan makroekonomi, yang menyediakan persekitaran yang kondusif untuk simpanan dan pelaburan perniagaan yang tinggi dalam persekitaran yang ketidakpastiannya adalah tidak begitu ketara. Kedua, mobiliti sumber berteraskan pasaran merentas semua pasaran adalah penting untuk peruntukan sumber yang cekap dalam ekonomi. Ketiga, perlu wujud rejim keinstitusian yang teguh dengan penguatkuasaan yang mencukupi, merangkumi antara lain, pengawalan persaingan yang berkesan, pencegahan kegagalan pasaran dan perlindungan hak harta yang berkesan. Keempat, budaya inovasi perlu ditanamkan di seluruh negara, dengan usaha sama dalam dan antara sektor awam dan swasta serta akademia. Kelima ialah kepimpinan dan tadbir urus yang kukuh hendaklah terus memainkan peranan penting, terutamanya dalam memastikan kestabilan, membangunkan persekitaran yang berdaya saing dan menyediakan infrastruktur pemboleh.

Rajah 1
Lima Teras untuk Perkembangan Ekonomi yang Mapan



Walaupun maklumat yang banyak mengenai pembangunan tidak memberikan satu formula pembangunan ekonomi yang jelas, akan tetapi pengalaman dapat memberikan contoh faktor yang perlu dijauhi (Rajah 2). Yang penting ialah faktor di sebalik penentuan harga pasaran yang digunakan untuk mengekalkan daya saing kos yang tidak mencerminkan kedudukan sebenar. Dalam kebanyakan ekonomi membangun, faktor tersebut wujud dalam berbagai-bagai bentuk, daripada kawalan harga dan subsidi tenaga, hinggalah kepada perlindungan terbuka kepada sektor dan industri tertentu. Walaupun

Rajah 2
Pengalaman Global Berhubung dengan Kekangan Lazim Terhadap Pertumbuhan

Teras 1: Kestabilan Makroekonomi

- Defisit fiskal yang tidak mampu bertahan
- Perbelanjaan yang tersasar
- Ketidakstabilan monetari dan kewangan

Teras 2: Mobiliti Sumber Berdasarkan Keperluan Pasaran

- Gangguan harga:
  - Subsidi tenaga
  - Kadar upah yang bukan sebenar
  - Kawalan harga yang berlebihan
- Gangguan pasaran:
  - Perlindungan terbuka bagi sektor dan industri tertentu

Teras 3: Rejim Keinstitusian yang Berkesan

- Dasar persaingan dan pengawalan yang lemah untuk menangani kegagalan pasaran

Teras 4: Budaya Inovasi dalam Masyarakat

- Kemajuan dalam pendidikan dari segi kualiti, takat pembelajaran dan pemikiran yang inovatif

Teras 5: Kepimpinan dan Tadbir Urus

- Mengabaikan isu alam sekitar
- Saiz sektor awam yang terlalu besar
- Amalan rasuah

mungkin terdapat keadaan yang mewajarkan penerapan sementara beberapa langkah ini, dasar sebegitu dalam jangka masa panjang lazimnya melibatkan kos yang tinggi.

Untuk Malaysia melangkah ke hadapan, kekuatan dan asas yang mantap akan memberikan sokongan kepada pembangunan ekonomi yang berterusan. Untuk berjaya beralih kepada ekonomi bernilai tambah tinggi, Malaysia mempunyai potensi untuk memanfaatkan faedah berbanding sedia ada dan membangunkan keupayaan dan kepakaran yang lebih mendalam. Pembaharuan asas sememangnya diakui akan diperlukan dalam beberapa bidang ekonomi. Dalam hal ini, tiga keutamaan strategik penting telah dikenal pasti, iaitu memupuk tenaga kerja yang berkualiti, menggalakkan persekitaran yang berdaya saing dan membangunkan infrastruktur pemboleh yang cekap.

1. **Tenaga kerja berkualiti dan berbudaya inovasi**
   Tenaga kerja yang berpengetahuan, berinovatif dan bersikap keusahawanan adalah penting untuk memacu penciptaan nilai yang perlu dalam ekonomi berpendapatan tinggi. Justeru, pendidikan dan latihan bertaraf dunia penting untuk mengembangkan kemahiran dan tenaga kerja yang kreatif.

   Oleh sebab itu, Malaysia sedang melaksanakan pembaharuan terhadap sistem pendidikannya untuk menjadi sistem yang mampu membangunkan kumpulan tenaga kerja yang lengkap dengan kemahiran dan kecekapan untuk meningkatkan produktiviti dan pembangunan ekonomi. Dalam hal ini, penekanan yang besar diberikan terhadap pengukuhan institusi pembelajaran untuk memastikan kualiti pengajaran yang bermutu tinggi. Berkaitan dengan hal ini, skim gaji dan ganjaran untuk pensyarah universiti dan guru kini sedang ditambah baik untuk menarik dan mengekalkan pendidik yang berkualiti. Selain itu, sistem pendidikan teknikal sedang ditambah baik untuk menyediakan dengan jayanya tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan bernilai tinggi. Untuk memastikan kualiti didukung tinggi secara berterusan, prestasi politeknik utama akan ditanda aras kepada institusi teknikal yang terkemuka termasuk di Jerman, Austria dan Sweden. Usaha juga sedang dijalankan untuk melibatkan sektor swasta dalam memastikan kerelevanan dan keberkesanan sistem pendidikan dalam memenuhi kehendak industri.

Meskipun pembaharuan dalam sistem pendidikan merupakan keutamaan yang amat penting, fleksibiliti juga diberikan untuk mengambil tenaga kerja global. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan fleksibiliti untuk mengambil pekerja ekspatriat, sementara inisiatif sedang diambil untuk mengurangkan masalah penghijrahan cendekiawan (brain drain).

2. **Pasaran yang cekap dan berteraskan persaingan**
Aktiviti ekonomi bernilai tinggi yang canggih memerlukan mekanisme pasaran yang berfungsi dengan baik, berpandukan isyarat harga yang tidak diganggu, supaya sumber yang terhad diperuntukkan dengan cekap. Gangguan pasaran akan menyebabkan ketidakcekapan dan pembaziran yang banyak, sementara dasar bersifat perlindungan menjejaskan struktur insentif asas yang diperlukan untuk sesebuah masyarakat usahawan yang berkembang maju.

   Pada masa ini, beberapa gangguan pasaran wujud dalam beberapa bidang ekonomi Malaysia. Gangguan pasaran ini saling sangat berkait, dan langkah yang dilaksanakan memberi kesan kepada pelbagai industri dan sektor dalam ekonomi. Subsidi sedemikian memberikan bebanan yang berat kepada Kerajaan dan mengalihkan sumber daripada aktiviti pelaburan lain. Walau bagaimanapun, penghapusan gangguan sedemikian perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dan berturutan untuk mengelakkan gangguan terhadap ekonomi. Sama penting ialah peruntukan semula simpanan berikutan terhapusnya gangguan menyeluruh sedia ada memandangkan terdapat lebih banyak subsidi sasaran dan pemindahan pendapatan langsung untuk menyokong golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

3. **Infrastruktur pemboleh yang meluas dan cekap**
Infrastruktur tradisional dan moden memainkan peranan penting dalam membolehkan peralihan ke arah ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Oleh sebab Malaysia sudah mempunyai infrastruktur fizikal yang berkualiti tinggi termasuk jalan raya, pelabuhan dan utiliti, tumpuan kini diberikan pada pembangunan sistem pengangkutan awam yang cekap, infrastruktur berkaitan dengan Internet dan infrastruktur berkaitan dengan kecekapan tenaga yang moden, yang penting dalam menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan memperbaik produktiviti keseluruhan ekonomi. Dalam usaha untuk mengembangkan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara, Kerajaan, melalui perkongsian dengan Telekom Malaysia, telah memulakan inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi bernilai RM11.3 bilion.

   Sejajar dengan langkah Malaysia menerapkan perubahan ini, pelaksanaan dasar perlu mengambil kira tiga pertimbangan penting. Pertama, dasar hendaklah dilaksanakan secara beransur-ansur dan berturutan bagi membolehkan perniagaan dan isi rumah menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Kedua ialah pentingnya ketelusan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terhadap peluang dan kekangan baharu. Ketiga, sokongan perlu diberikan kepada golongan berpendapatan rendah untuk meminimumkan kesan negatif sewaktu peralihan, di samping untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk meraih manfaat daripada peluang-peluang baharu.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia kini berada di persimpangan yang kritikal berhubung dengan pembangunan dan kemajuannya pada masa hadapan yang bakal berdepan dengan banyak cabaran. Sepanjang proses pembangunan Malaysia selama lebih daripada 50 tahun, ekonominya telah menunjukkan keupayaan dan fleksibiliti untuk beralih kepada bidang baharu yang mempunyai faedah berbanding dan juga bidang pertumbuhan baharu. Dalam proses peralihan kepada ekonomi bernilai tambah yang tinggi masa kini, Malaysia perlu membangunkan bidang pertumbuhan baharu dan menerapkan model ekonomi baharu untuk pembangunan. Dengan pembangunan persekitaran ekonomi yang menyokong dan berdaya saing, yang terdiri daripada tenaga kerja yang berkualiti dan infrastruktur yang cekap, Malaysia akan bersedia dengan asas-asas yang diperlukan untuk memanfaatkan trend serantau dan global yang baru muncul dan pantas berubah, untuk beralih menjadi sebuah ekonomi bernilai tambah yang tinggi.

Tadbir Urus, Komunikasi dan Pembangunan Organisasi

117 Tinjauan Keseluruhan
118 Tadbir Urus
119 *Rencana: Akta Bank Negara Malaysia 2009*
126 Komunikasi
128 Pembangunan Organisasi
135 Struktur Organisasi

Tadbir Urus, Komunikasi dan Pembangunan Organisasi

TINJAUAN KESELURUHAN

Penekanan terhadap inisiatif tadbir urus, komunikasi dan inisiatif pembangunan organisasi pada tahun 2009 adalah bertujuan memperkukuh prestasi dan keberkesanan Bank dalam melaksanakan mandatnya. Pada tahun tersebut, tumpuan terus diberikan terhadap usaha memperkukuh kebolehan dan keupayaan organisasi melalui peningkatan yang berterusan dalam bidang pengurusan strategik, tadbir urus, pengurusan risiko, komunikasi dan pengurusan tenaga mahir. Ini adalah untuk memastikan Bank kekal berkesan dalam melaksanakan mandatnya dan berada dalam kedudukan yang baik untuk menghadapi cabaran-cabaran yang muncul daripada persekitaran yang pesat berubah.

Fungsi komunikasi Bank terus berperanan penting dalam mengekalkan keyakinan pihak yang berkepentingan dalam persekitaran yang tidak menentu. Penglibatan strategik yang lebih meluas dengan pelbagai pihak yang berkepentingan telah meningkatkan pemahaman dan kesedaran mereka terhadap langkah-langkah dan tindakan dasar yang diambil oleh Bank. Penyebaran maklumat tentang ekonomi dan kewangan yang tepat pada masanya juga telah memudahkan orang ramai dan sektor perniagaan untuk membuat keputusan yang lebih berdasarkan maklumat yang lengkap dan terkini.

Sebagai organisasi berfokus strategi, perhatian dan intervensi peringkat tertinggi terus dilakukan untuk mempertingkatkan orientasi strategik Bank. Yang penting pada tahun 2009 adalah kejayaan bermulanya pelaksanaan Pelan Urusan 3 tahun Bank Negara Malaysia. Pelan ini memberikan penjelasan tentang matlamat organisasi dan penjajaran sumber-sumber Bank untuk mencapai matlamat tersebut. Pelaksanaan Pelan ini juga memudahkan penilaian dan kajian semula strategi dan prestasi Bank untuk memastikan organisasi ini berasaskan matlamat dan terus mencapai keputusan strategik yang dihasratkan.

Perkembangan yang penting pada tahun itu adalah penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) pada 25 November 2009. Aspek utama Akta ini bertujuan memberikan mandat yang lebih jelas kepada Bank dan memperlengkap Bank dengan keupayaan yang lebih menyeluruh dalam melaksanakan mandatnya. Akta ini juga menginstitusikan rangka kerja tadbir urus yang lebih mantap yang memastikan tahap kebertanggungjawaban dan ketelusan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, fungsi pengawasan Lembaga Pengarah telah diperkukuh melalui penubuhan dua jawatankuasa Lembaga tambahan dengan peranan dan fungsi yang khusus untuk memperkukuh sekatan dan imbangan, dan menyumbang kepada proses membuat keputusan yang lebih baik di Bank.

Keupayaan pengurusan risiko juga terus diperkukuh melalui penambahbaikan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM). Rangka kerja ini merangkumi pertimbangan pengurusan risiko dalam semua bidang kepentingan strategik seperti perumusan dasar polisi dan operasi utama Bank serta membolehkan pengawasan yang lebih kukuh terhadap risiko dan kawalan organisasi. Ini membolehkan pihak Pengurusan membuat keputusan yang lebih mantap dan berdasarkan maklumat yang lengkap dan terkini, khususnya dalam persekitaran yang kompleks dan mencabar yang dihadapi oleh bank pusat pada hari ini. Selain itu, usaha-usaha juga dilakukan untuk mengkaji semula rangka kerja untuk Pengurusan Risiko Kewangan dan Operasi, dengan tujuan untuk memupuk budaya pengurusan risiko yang kukuh melalui peningkatan pemberian kuasa kepada unit fungsian untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko dalam bidang kefungsian masing-masing.

Fokus pengurusan tenaga mahir adalah bertujuan untuk memastikan bekalan tenaga mahir yang kukuh. Memastikan kesesuaian dengan tugas mencerminkan komitmen Bank yang berterusan ke arah mewujudkan tenaga kerja berprestasi tinggi yang akan menyokong kemampuan Bank mencapai matlamat strategik. Bagi mencapai matlamat ini, pelaburan terus dibuat dalam pemprofilan dan pembangunan kumpulan tenaga mahir, sementara dasar dan rangka kerja pembangunan kerjaya dikaji semula bagi memastikan strategi pengurusan tenaga mahir Bank kekal relevan. Usaha ini diperlengkap dengan inisiatif pembelajaran dan pengurusan pengetahuan untuk memberikan sokongan yang berterusan kepada pengembangan tenaga mahir. Usaha dijalankan untuk memastikan

penjajaran penyelesaian pembelajaran yang lebih baik dengan keperluan Bank menerusi peningkatan dalam pembelajaran yang dirumus khas, penambahbaikan program utama dan e-pembelajaran.

Pada tahun tersebut, pengurusan ICT terus tertumpu pada penggunaan penyelesaian teknologi dan infrastruktur yang terkini bagi membolehkan pengendalian cekap dalam beberapa fungsi operasi. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa, Bank melalui kerjasama dengan agensi luar, memperluas bantuan teknikalnya dalam bidang peningkatan kapasiti keinstitusian, rangkuman kewangan dan Kewangan Islam.

TADBIR URUS

Antara komponen penting bagi sebuah organisasi yang berasaskan prestasi adalah kewujudan tadbir urus yang kukuh. Terdapat beberapa inisiatif penting yang dilaksanakan dalam tahun 2009 bagi memperkukuh tadbir urus Bank supaya fungsinya terus dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Konsolidasi dan pengukuhan rangka kerja tadbir urus Bank

Penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) yang baharu pada 25 November 2009 merupakan bahagian penting dalam meningkatkan rangka kerja tadbir urus Bank. Akta tersebut turut memperkukuh kapasiti Bank bagi meningkatkan daya tahan sektor kewangan khususnya dalam persekitaran landskap perniagaan yang makin mencabar. Termaktub dalam undang-undang yang baharu ini ialah rangka kerja dan proses tadbir urus korporat yang dikaji semula dan diperkukuh serta diselaraskan sejajar dengan prinsip tadbir urus yang berteraskan kebebasan, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

Akta tersebut juga mengambil kira perubahan persekitaran operasi Bank dengan penyediaan rangka kerja perundangan yang kondusif bagi menangani risiko dan cabaran baharu. Akta tersebut juga membolehkan Bank berada dalam keadaan yang lebih bersedia untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan. Antara aspek utama Akta adalah penerapan pendekatan yang lebih menyeluruh yang menjelaskan mandat Bank dengan lebih terperinci dan seterusnya meningkatkan keupayaan Bank dalam melaksanakan fungsinya. Akta tersebut turut memberi penekanan dengan menginstitusikan amalan tadbir urus sedia ada dan menyediakan mekanisme sekatan dan imbangan bagi memastikan kebertanggungjawaban Bank serta keputusan dibuat secara objektif.

Untuk menjamin keberkesanan yang berterusan dalam melaksanakan fungsi utama Bank, Akta juga menginstitusikan autonomi Bank dalam merumus dasar kewangan dan memberikan lebih fleksibiliti dalam melaksanakan dasar monetari. Dalam masa yang sama, peruntukan perundangan ke atas Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) juga memberikan perlindungan yang sewajarnya melalui pengukuhan rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban, yang penting dalam mempertingkat kualiti keputusan yang diambil oleh Bank. MPC baharu yang mula beroperasi pada bulan Januari 2010 terdiri daripada gabungan ahli yang mempunyai profil kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk meningkatkan lagi keberkesanan Bank dalam mencapai matlamat kestabilan monetari.

Mandat untuk menggalakkan kestabilan kewangan juga dinyatakan dengan jelas dalam Akta tersebut. Pengawasan terhadap pelaksanaan mandat Bank bagi menggalakkan kestabilan kewangan adalah melalui Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk menilai perkembangan yang melibatkan risiko terhadap kestabilan kewangan dan memutuskan tindakan untuk menangani risiko sistemik, termasuk tindak balas dasar kehematan makro. Langkah-langkah kehematan mikro terhadap risiko yang muncul daripada institusi kewangan yang mempunyai implikasi terhadap kestabilan kewangan secara keseluruhan juga dibincangkan dan digabungkan di bawah Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan. Langkah tersebut membolehkan penilaian yang lebih bersepadu bagi menentukan tindakan yang bersesuaian berdasarkan risiko yang telah dikenal pasti, terutamanya apabila tindakan sesebuah institusi kewangan memerlukan Bank bertindak segera menggunakan kuasa wajar di bawah Akta, sekiranya perlu. Cadangan pelaksanaan tindakan terhadap insititusi yang tidak dikawal selia oleh Bank, atau penyelesaian yang

Akta Bank Negara Malaysia 2009

Pengenalan
Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) yang berkuat kuasa pada 25 November 2009 menandakan bermulanya era baharu dalam perbankan pusat di Malaysia. Akta tersebut merupakan undang-undang baharu sepenuhnya yang menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958. Selain memodenkan undang-undang perbankan pusat negara serta menerangkan dengan lebih jelas dan memberikan lebih fokus kepada mandat Bank, Akta ini juga memberi Bank kuasa dan autonomi yang perlu untuk terus melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Selaras dengan kuasa dan autonomi Bank, rangka kerja tadbir urus telah diperkukuh dengan kebertanggungjawaban serta ketelusan Bank dipertingkatkan. Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958, terus berfungsi sebagai bank pusat Malaysia di bawah Akta baharu ini walaupun Akta 1958 telah dimansuhkan.

Mandat
Akta ini menyatakan bahawa matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Akta ini juga menetapkan bahawa fungsi utama Bank adalah untuk:
(a) merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
(b) mengeluarkan mata wang di Malaysia;
(c) mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
(d) mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
(e) mengawasi sistem pembayaran;
(f) menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan merangkumi semua;
(g) memegang dan menguruskan rizab luar negeri Malaysia;
(h) menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
(i) bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan kepada Kerajaan.

Dalam melaksanakan matlamat dan fungsi di atas, Bank dikehendaki mengambil kira kepentingan negara.

Kestabilan monetari
Akta ini menginstitusikan amalan sedia ada Bank untuk merumuskan dan melaksanakan dasar monetari dengan penubuhan Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC). Kebebasan monetari yang diberikan kepada Bank sepanjang 50 tahun operasinya dan merupakan teras utama kepada perumusan dan pelaksanaan dasar monetari yang berkesan, kini dikanunkan di bawah Akta ini. Dalam menggalakkan kestabilan monetari, Akta ini menuntut Bank melaksanakan dasar monetari demi kepentingan negara dengan matlamat utamanya untuk mengekalkan kestabilan harga dengan mengambil kira perkembangan yang berlaku dalam ekonomi. Untuk memastikan keutuhan keputusan dasar monetari, Akta ini memperuntukkan beberapa ciri perlindungan yang meluas, termasuk memastikan kriteria yang berhemat digunakan dalam pelantikan ahli MPC, keperluan untuk menyiarkan pernyataan dasar monetari selepas setiap mesyuarat MPC serta proses membuat keputusan oleh MPC. Bagi melaksanakan keputusan MPC, Bank diberi fleksibiliti untuk mengendalikan operasi monetari melalui pelbagai pilihan instrumen (rujuk rencana ``Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´).

Rejim kadar pertukaran akan terus ditentukan oleh Menteri Kewangan atas syor Bank. Bank akan mengendalikan operasi pertukaran asing secara autonomi untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran dan pasaran pertukaran asing yang berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Kestabilan kewangan
Tanggungjawab dan kuasa yang diberikan kepada Bank di bawah Akta ini memartabatkan kedudukan Bank sebagai pihak berkuasa kestabilan kewangan Malaysia. Akta ini memberi Bank kuasa yang perlu untuk mengurangkan kemungkinan terjadinya perkembangan buruk dan kesannya yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan, termasuk proses pengantaraan kewangan, fungsi pertukaran asing

dan pasaran wang yang teratur serta keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Bank terus bertindak sebagai pemberi pinjaman terakhir dan peranan tersebut kini ditambah untuk membolehkannya memberikan bantuan mudah tunai kepada entiti yang tidak dikawal selia olehnya tetapi dianggap penting dari segi sistemik.

Kuasa yang lebih meluas diberikan kepada Bank untuk menggalakkan kestabilan kewangan termasuk kuasa untuk mendapatkan maklumat bagi mengenal pasti dan memantau risiko kepada kestabilan kewangan dan seterusnya mengambil langkah-langkah pencegahan awal. Akta ini juga memberi Bank kuasa untuk membantu mencari penyelesaian bagi institusi kewangan yang menghadapi masalah kewangan. Ini adalah bagi memastikan penyelesaian yang pantas dan teratur lantas mengurangkan kesan dan kos kegagalan sesebuah institusi kewangan terhadap ekonomi dalam negeri, dan untuk mengekalkan keyakinan orang ramai. Tindakan yang boleh diambil oleh Bank termasuk membeli instrumen modal, membiayai pembelian perniagaan atau instrumen modal institusi yang menghadapi masalah, dan memindahkan serta meletakkan hak perniagaan atau instrumen modal institusi berkenaan kepada Bank, institusi kewangan atau individu lain. Akta ini seterusnya menggariskan rangka kerja kebertanggungjawaban yang jelas bagi tindakan-tindakan tersebut dan jika tindakan tersebut melibatkan pindahan perniagaan atau instrumen modal, Akta memperuntukkan proses penilaian bebas.

Berikutan kesalinghubungan yang lebih kukuh antara sistem kewangan negara dengan sistem kewangan global, Bank juga diberi kuasa untuk menyelaraskan tindakan pencegahan, pengurusan dan penyelesaian krisis bersama-sama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan yang lain (rujuk rencana dalam *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009* bertajuk ``Melindungi Kestabilan Kewangan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´).

Pasaran wang dan pasaran pertukaran asing
Akta ini memberikan kuasa kepada Bank untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing serta pasaran bagi terbitan yang berkaitan dengan mata wang, sekuriti dan instrumen kewangan lain yang diniagakan dalam pasaran tersebut. Ini bertujuan untuk membangunkan dan mengekalkan keadaan teratur dan integriti pasaran tersebut. Pasaran tersebut merupakan komponen teras sistem kewangan dan mempunyai implikasi yang besar terhadap daya tahan sistem kewangan. Sehubungan dengan itu, Bank diberi kuasa untuk mengeluarkan kaedah, kod, piawaian, prinsip atau garis panduan untuk pasaran tersebut. Bank juga boleh melantik sebuah organisasi kawal selia kendiri (self-regulatory) untuk pasaran pertukaran asing dan pasaran bagi terbitan yang berkaitan dengan mata wang, sekuriti dan instrumen kewangan lain yang diniagakan dalam pasaran tersebut.

Rangkuman kewangan
Akta ini menyatakan dengan jelas bahawa rangkuman kewangan perlu diterap sebagai salah satu fungsi utama Bank. Rangkuman kewangan adalah penting untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan selain memberikan peluang kepada semua segmen ekonomi untuk meraih manfaat daripada kemajuan ekonomi negara. Bagi tujuan ini, Akta ini memberikan kuasa kepada Bank untuk mewujudkan dana bagi menyediakan pembiayaan dalam keadaan mendesak atau kepada mana-mana segmen ekonomi bagi memperluas rangkuman kewangan.

Kewangan Islam
Berlandaskan infrastruktur perundangan kewangan Islam yang sedia ada, termasuk Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983, Akta ini memperuntukkan satu rangka kerja perundangan bagi pembangunan sistem kewangan Islam selanjutnya di Malaysia. Akta ini juga memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada sistem kewangan Islam yang beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional selain memberikan mandat kepada Bank dan agensi Kerajaan yang lain untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Di bawah Akta ini, Majlis Penasihat Syariah yang diwujudkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 dikekalkan, dengan ahlinya yang sedia ada dilantik oleh Menteri Kewangan. Di bawah Akta ini, ahli Majlis Penasihat Syariah yang baharu selepas ini akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong memandangkan peranan Majlis Penasihat Syariah yang dipertingkatkan. Jika timbul sebarang persoalan mengenai perkara Syariah dalam mana-mana prosiding mahkamah atau penimbangtaraan berhubung dengan urusan perniagaan kewangan Islam, pihak mahkamah atau penimbang tara perlu mengemukakan persoalan tersebut kepada Majlis Penasihat Syariah untuk mendapatkan keputusan. Keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah wajib dipatuhi.

Pengurusan rizab luar negeri
Bank akan terus menguruskan rizab luar negeri Malaysia. Jenis aset yang boleh dipegang oleh Bank telah diperluas bagi meliputi sekuriti dan instrumen kewangan termasuk terbitan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bank dikehendaki menguruskan rizab luar negeri Malaysia menurut dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah.

Penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan kepada Kerajaan
Seperti termaktub dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958, Bank akan terus bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan kepada Kerajaan. Di samping itu, Akta ini juga memperuntukkan Bank untuk memberikan nasihat kepada Kerajaan yang umumnya adalah berhubung dengan perkara-perkara ekonomi sesuai dengan kecekapan dan kepakaran Bank.

Kerjasama antarabangsa
Akta ini memberikan kuasa kepada Bank untuk menjalinkan kerjasama antarabangsa dengan menyertai atau menyediakan sumber kewangan dalam sebarang pengaturan atau inisiatif dengan bank pusat, pihak berkuasa monetari atau institusi kewangan antarabangsa yang lain untuk menggalakkan kerjasama monetari, kewangan atau ekonomi dua hala, serantau atau antarabangsa. Di bawah Akta ini, Bank akan terus melaksanakan hak dan tanggungjawabnya berikutan keanggotaan Malaysia atau Bank dalam Tabung Kewangan Antarabangsa, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, Bank for International Settlements dan dalam mana-mana organisasi antarabangsa, sebagaimana diperuntukkan di bawah undang-undang persekutuan.

Bank, dengan kelulusan Menteri Kewangan, juga diberi kuasa untuk mengeluarkan peraturan atau arahan kepada institusi kewangan bagi menunaikan tanggungjawab antarabangsa Kerajaan di bawah ketetapan yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tadbir urus
Akta ini memperkukuh rangka kerja umum tadbir urus Bank, terutamanya kuasa pengawasan oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pentadbiran am hal ehwal dan urusan Bank serta kelulusan bagi belanjawan dan pelan operasi Bank. Bagi maksud menjalankan fungsi pengawasan di bawah Akta ini, Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk mengeluarkan undang-undang kecil.

Dalam melaksanakan peranan pengawasannya, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga, yang ahlinya terdiri daripada pengarah bukan eksekutif.

Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga bertanggungjawab memeriksa dan mengesyorkan belanjawan dan rancangan urusan Bank kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Jawatankuasa ini juga akan mencadangkan calon untuk dilantik sebagai ahli MPC dan Jawatankuasa Bank yang lain.

Jawatankuasa Audit Lembaga bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasannya terhadap integriti akaun dan penyata kewangan Bank, keberkesanan sistem

kawalan dalaman Bank, prestasi fungsi audit dalaman Bank dan pematuhan Bank kepada keperluan undang-undang dan pengawalseliaan.

Jawatankuasa Risiko Lembaga pula bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan terhadap pengurusan risiko operasi Bank.

Di bawah Akta ini, Gabenor dan Timbalan-timbalan Gabenor bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah atas tindakan dan keputusan mereka. Hal ini selaras dengan tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk sentiasa mengkaji semula prestasi Bank dalam melaksanakan matlamat dan fungsinya serta penggunaan sumber Bank (bagi perbincangan lanjut mengenai aspek tadbir urus fungsi kestabilan monetari dan kestabilan kewangan Bank, rujuk rencana ``Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´ dan rencana ``Melindungi Kestabilan Kewangan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´ dalam *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009*).

Kebertanggungjawaban
Akta ini memperuntukkan kebertanggungjawaban Bank kepada Parlimen, Menteri Kewangan dan orang ramai secara amnya.

Bank terus bertanggungjawab kepada Parlimen dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di bawah Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang berkenaan. Akta ini juga menghendaki penyata kewangan dan laporan tahunan Bank dibentangkan di Parlimen dalam tempoh tiga bulan dari tarikh tahun kewangan Bank berakhir. Sekiranya Parlimen tidak bersidang pada masa tersebut, penyata kewangan dan laporan tahunan Bank hendaklah dibentangkan pada persidangan Parlimen yang berikutnya.

Bank perlu mengemukakan penyata aset dan liabilitinya kepada Menteri Kewangan setiap dua minggu sekali, selain penyata kewangan tahunan dan laporan tahunan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh tahun kewangan berakhir.

Bank juga dikehendaki memaklumkan kepada Menteri tentang dasar-dasar berkaitan dengan matlamat utama Bank. Sehubungan dengan ini, suatu mekanisme telah diwujudkan dalam Akta ini untuk menyelesaikan perbezaan pendapat antara Menteri dengan Bank berhubung dengan dasar-dasar tersebut. Sekiranya perbezaan pendapat tersebut tidak dapat diselesaikan, mekanisme tersebut memperuntukkan supaya perkara tersebut dikemukakan kepada Jemaah Menteri bagi menentukan sama ada dasar tersebut perlu dilaksanakan oleh Bank. Sekiranya masih tiada jalan penyelesaian dalam perbezaan pendapat tersebut, ia akan dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat.

Bank dikehendaki memaklumkan keputusan dasar monetarinya kepada orang ramai selepas setiap mesyuarat MPC dengan menyiarkan pernyataan dasar monetari dan rasional bagi keputusan tersebut. Selain tanggungjawab Bank untuk menyiarkan penyata aset dan liabilitinya setiap dua minggu sekali, Bank juga perlu menerbitkan penyata kewangan tahunan dan laporan tahunan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh tahun kewangannya berakhir.

Kesimpulan
Akta Bank Negara Malaysia 2009 dengan ini menyediakan asas perundangan yang komprehensif bagi Bank untuk memastikan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan serta menggalakkan sistem kewangan yang progresif, berdaya tahan dan merangkumi semua bagi menghadapi cabaran landskap kewangan dan ekonomi abad ke-21 yang semakin pesat berubah.

melibatkan institusi kewangan yang tidak lagi berdaya maju, perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan, iaitu jawatankuasa bebas yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Kebertanggungjawaban awam Bank untuk menggalakkan kestabilan kewangan juga disokong oleh penerbitan Laporan Tahunan Kestabilan Kewangan yang memberikan penilaian risiko terhadap kestabilan kewangan, tindakan Bank bagi menangani risiko tersebut dan inisiatif berterusan untuk mengukuhkan asas-asas kestabilan kewangan.

Dalam memperkukuh pengawasan Lembaga Pengarah terhadap pengurusan dan prestasi Bank, Akta juga telah menginstitusikan penubuhan dua lagi jawatankuasa khas Lembaga Pengarah sebagai tambahan kepada satu jawatankuasa Lembaga Pengarah sedia ada, yang keahliannya terdiri daripada pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Audit Lembaga yang sedia ada. Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga adalah untuk mengkaji keberkesanan dan mengesyorkan prinsip dan amalan tadbir urus Bank, mencalonkan ahli-ahli MPC dan jawatankuasa lain Bank, dan menilai peranan Lembaga Pengarah serta jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga juga bertanggungjawab untuk memeriksa dan mengesyorkan belanjawan dan rancangan operasi Bank bagi kelulusan Lembaga Pengarah. Manakala Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan terhadap pengurusan risiko organisasi (enterprise risk management) dengan mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan prestasi Bank. Fungsi Jawatankuasa Audit Lembaga dikekalkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasannya terhadap integriti akaun dan laporan kewangan Bank, keberkesanan sistem kawalan dalaman Bank, prestasi fungsi audit dalaman, dan pematuhan Bank kepada keperluan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Penambahbaikan kawalan dalaman dan pengurusan risiko

Pada bulan Mac 2009, Jawatankuasa Audit Lembaga telah meluluskan semakan piagam audit dalaman Bank, yang menggariskan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Dalam. Piagam tersebut disemak bagi menyelaraskan aktiviti audit untuk menyokong fungsi Jawatankuasa Audit Lembaga dan juga penggunaan rangka kerja pengauditan oleh Jabatan Audit Dalam yang berasaskan risiko.

Untuk mengimbang keberkesanan dan kecekapan operasi dengan amalan pengurusan risiko yang baik, rasionalisasi struktur pengurusan dan pengukuhan koordinasi antara fungsi pengurusan risiko dengan fungsi audit dalaman juga dilaksanakan. Antara inisiatif utama dalam rasionalisasi tersebut ialah transformasi Jabatan Pengurusan Risiko, konseptualisasi pendekatan pengurusan risiko organisasi dan penerapan kaedah pengauditan yang berasaskan risiko.

Dalam pengurusan pemerolehan, kajian semula dan rasionalisasi penggunaan instrumen pengurangan risiko juga telah dilaksanakan. Walaupun tujuan utama inisiatif tersebut adalah menangani risiko berkaitan pemerolehan Bank, perkara penting lain yang dipertimbangkan termasuk penghantaran produk dan penyampaian perkhidmatan yang tepat pada masanya serta memastikan amalan perniagaan yang adil.

Tadbir urus dalam hubungan dengan organisasi luar

Memandangkan sistem kewangan dan ekonomi semakin berhubung kait, aktiviti yang menggalakkan penglibatan Bank dengan organisasi luar juga penting dalam mencapai objektif Bank dan pihak yang berkepentingan. Selain daripada aktiviti-aktiviti berpusat yang dikendalikan oleh Jabatan Antarabangsa, Perkhidmatan Perbankan Pusat dan Jabatan Perkhidmatan Korporat, pendekatan kerjasama lain yang diambil oleh Bank termasuk mengadakan mesyuarat dua hala dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU), khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pengawasan dan pengawalan kewangan, dan pertukaran maklumat untuk membanteras kegiatan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Untuk memperkukuh tadbir urus Bank dalam hubungan luarnya, pengurusan penglibatan Bank dalam jawatankuasa dan organisasi luar telah dipusatkan. Pada masa yang sama,

aliran maklumat hasil daripada interaksi Bank dengan pihak luar juga dipertingkat melalui pembangunan Management Insights, iaitu sebuah repositori elektronik berpusat bagi pengumpulan maklumat berkenaan peristiwa dan isu relevan yang disediakan untuk pihak pengurusan. Inisiatif tersebut membolehkan Bank membuat keputusan dengan lebih efektif berdasarkan maklumat lengkap dan terkini.

Pendekatan Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko merupakan bahagian penting dalam rangka kerja tadbir urus Bank untuk melindungi reputasi Bank selain menjamin keselamatan dan kekukuhan aset dan operasi Bank. Sejak tahun 2007, Bank telah menerapkan pendekatan Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM) untuk menguruskan risiko dengan lebih baik menerusi cara berbilang dimensi dalam pencapaian matlamat utama merentas bidang yang digariskan dalam Pelan Urusan dan inisiatif strategik, penggubalan dasar dan operasi Bank. Pelaksanaan ERM memberikan sumbangan yang ketara terhadap pengawasan, kawalan dan disiplin yang lebih mantap, yang mendorong kepada penambahbaikan yang berterusan dalam keupayaan pengurusan risiko Bank.

Struktur tadbir urus pengurusan risiko yang dipertingkat

Amalan terbaik dalam pengurusan risiko menetapkan keperluan bagi penambahbaikan yang berterusan dalam tadbir urus dan budaya risiko pada semua peringkat organisasi. Bank menjalankan penilaian dan pemantauan berkala untuk memastikan risiko dikenal pasti dan kawalan yang mencukupi dilaksanakan untuk mengurangkan risiko ini. Pada tahun 2009, dua perubahan ketara dilaksanakan dalam pengurusan risiko Bank iaitu penubuhan Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC) dan kelulusan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kewangan dan Operasi yang telah dipertingkat oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC).

Objektif utama Jawatankuasa Risiko Lembaga adalah untuk menyediakan pengawasan terhadap pengurusan risiko yang dihadapi oleh Bank yang boleh menyebabkan kerugian kewangan, gangguan operasi, kegagalan untuk mencapai matlamat atau pencemaran reputasi Bank. Jawatankuasa juga mengawasi aktiviti pihak Pengurusan dalam mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko kredit, pasaran, mudah tunai, operasi, reputasi dan risiko lain sementara memastikan proses pengurusan risiko yang sewajarnya telah dilaksanakan dan berfungsi dengan baik.

Fungsi pengurusan risiko Bank dipacu terutamanya oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang dipengerusikan oleh Gabenor. RMC terus menjadi wahana utama untuk perbincangan risiko organisasi yang fokus dan berterusan di samping memastikan pengurusan risiko yang berkesan di Bank. Isu risiko penting dibangkitkan oleh dua jawatankuasa kecil di bawah RMC iaitu, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan (Financial Risk Management Comiitee, FRMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (Operational Risk Management Committee, ORMC). Jawatankuasa kecil ini yang setiap satunya diketuai oleh seorang Timbalan Gabenor yang dilantik, menjadi platform yang penting untuk membantu RMC dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang lengkap dan terkini dalam kedua-dua risiko kewangan dan operasi.

Jabatan Pengurusan Risiko (Risk Management Department, RMD) bertanggung jawab untuk membangunkan dan mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko Bank. Ini merangkumi pembangunan dasar, proses, alat dan kaedah, serta pengendalian rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi, Kewangan dan Operasi serta memastikan semua elemen dalam rangka kerja tersebut berfungsi seperti yang sepatutnya. Selain itu, RMD juga bekerjasama dengan semua unit operasi dalam mengenal pasti, menilai, mengukur, dan memantau pendedahan risiko mereka. RMD juga memberikan penilaian bebas mengenai risiko utama dari perspektif organisasi dan menilai sama ada risiko berkenaan sedang diuruskan dengan sewajarnya.

Pada tahun 2009, rangka kerja risiko kewangan dan rangka kerja risiko operasi dikaji semula dan ditambah baik untuk memperkukuh struktur tadbir urus Bank yang sedia ada. Inisiatif tersebut bertujuan membina budaya pengurusan risiko yang kukuh di Bank dengan memberikan kuasa kepada jabatan-jabatan untuk menguruskan risiko dalam fungsi mereka sendiri. Untuk memudahkan inisiatif ini, Bank menerapkan mekanisme 'tiga barisan pertahanan'. Jabatan-jabatan menjadi

barisan pertahanan pertama untuk menangani risiko, dan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam bidang fungsian/operasi masing-masing. Unit-unit ini perlu memastikan bahawa aktiviti harian mereka dilaksanakan berasaskan dasar, prosedur dan batasan risiko yang telah ditentukan selain memastikan isu-isu risiko diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Barisan pertahanan kedua terletak pada fungsi pengurusan risiko. Fungsi ini berperanan sebagai pemantau dan penasihat, mencabar secara aktif penilaian yang diberikan oleh barisan pertahanan pertama, berbincang dengan pemilik/pengambil risiko dan melihat pengawasan risiko merentas semua jenis risiko. Baris ketiga pertahanan terletak pada fungsi Audit. Fungsi ini memberikan jaminan korporat dan penentusahan keberkesanan dalam pelaksanaan serta pengesahan keseluruhan Rangka Kerja Pengurusan Risiko.

Menguruskan risiko kewangan Bank

Risiko kewangan di Bank ditakrifkan sebagai `risiko yang berkaitan dengan pengurusan aset dan liabiliti kewangan Bank, termasuk kemapanan kewangan operasi semasa dan masa hadapan yang meliputi risiko kredit, pasaran dan mudah tunai´. FRMC memberi tumpuan pada pemantauan, pelaporan dan penilaian kemampanan sumber kewangan untuk menyokong operasi Bank, pengurusan pendedahan kewangan dan komitmen dengan pihak luar. FRMC juga menyediakan fungsi pengawasan terhadap proses utama pengurusan risiko kewangan. Semua pendedahan risiko kewangan telah digabungkan dan dianalisis secara menyeluruh dari segi kesannya terhadap kedudukan kewangan dan keperluan untuk peruntukan, sekiranya diperlukan. Selain itu, unjuran tiga tahun Bank terhadap item perbelanjaan utamanya telah menjalani ujian tekanan berdasarkan pelbagai senario dan seterusnya dianalisis dan dibincangkan di FRMC. Input bagi model ujian tekanan merangkumi prospek makroekonomi dan andaian statistik untuk menjangkakan sebarang perbezaan ketara pada masa hadapan.

Pengurusan risiko perbendaharaan yang bebas

Seksyen Pengurusan Risiko Perbendaharaan (Treasury Risk Management section, TRMS) dalam Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan bertanggungjawab menguruskan risiko dalam rizab antarabangsa dalam bidang utama risiko pasaran, kredit dan operasi. Risiko tersebut dipantau dan diurus menurut dasar dan garis panduan yang telah diwujudkan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. TRMS adalah bebas daripada aktiviti pelaburan dan memberikan sekatan dan imbangan yang perlu menerusi pelaporan terus kepada Timbalan Gabenor yang telah ditentukan.

Dalam pasaran kewangan global yang amat tidak menentu dan tidak pasti pada tahun 2009, pendedahan kredit rizab antarabangsa keseluruhan terus rendah disebabkan pelaburan Bank tertumpu pada aset bergred tinggi. Urus niaga pelaburan dilaksanakan terutamanya dengan institusi kewangan antarabangsa yang kukuh. Untuk portfolio pelaburan Bank, penilaian profil risiko-keuntungan terhadap kelas aset yang diluluskan juga dilaksanakan berdasarkan perubahan yang ketara dalam turun naik dan mudah tunai bagi sesetengah instrumen. Langkah ini dilakukan untuk memastikan pendedahan risiko portfolio rizab terus berada dalam toleransi risiko Bank.

Dengan berkuat kuasanya Akta Bank Negara yang baharu, garis panduan pelaburan untuk pengurusan rizab juga telah disemak untuk terus memperkukuh proses tadbir urus dan mempertingkat kejelasan yang mencakupi seluruh aktiviti pengurusan rizab yang berkaitan. Pada masa yang sama, model atributasi prestasi yang baharu juga dilaksanakan untuk membolehkan analisis terhadap pulangan terlaras risiko yang lebih komprehensif dan terperinci.

Melangkah ke hadapan, Bank akan terus mengukuhkan rangka kerja pengurusan risiko. Dasar risiko pasaran dan kredit akan dipertingkat dengan analisis yang berkesan terhadap faktor risiko dan trend yang baru muncul. Fokus selanjutnya juga akan diberikan terhadap rangka kerja tadbir urus bagi memastikan keberkesanan yang berterusan dalam proses pengurusan risiko dan saluran laporan yang bebas oleh unit risiko dalam TRMS.

Menguruskan risiko operasi Bank

Risiko operasi di Bank ditakrifkan sebagai `risiko yang terhasil daripada kekurangan atau kegagalan sistem, proses, manusia dan peristiwa luaran yang menyebabkan kerugian kewangan, pencemaran reputasi atau ketidakupayaan

untuk mencapai matlamat operasi´. Dalam memastikan risiko operasi diuruskan dengan baik dan diterapkan dalam operasi harian, ketua jabatan terus diberi tanggungjawab secara langsung untuk memastikan kepentingan amalan pengurusan risiko dalam operasi harian dan bahawa semua risiko ditangani dengan sewajarnya. Langkah utama untuk menangani risiko operasi pada peringkat organisasi termasuk kawalan belanjawan yang berkesan, rangka kerja pemerolehan yang kukuh dan fungsi audit dalaman yang mantap yang mempunyai peranan penting dalam pemantauan risiko operasi.

Pada tahun 2009, ORMC telah mempertimbangkan isu risiko penting yang mempengaruhi kawalan, kecekapan dan keberkesanan pendukung utama operasi Bank dengan tumpuan yang khusus pada risiko manusia dan teknologi. Analisis dan perbincangan tentang risiko manusia mencakupi pelbagai isu termasuk kompetensi dan kemahiran, tenaga kerja, pematuhan kod etika dan penambahbaikan persekitaran kerja. Perbincangan tentang risiko teknologi meliputi bidang seperti infrastruktur, pengurusan vendor, keselamatan dan pengurusan akses selain penempatan semula ke pusat data baharu pada tahun 2009.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (Business Continuity Management, BCM) dalam mempertingkat kesediaan dan keupayaan tindak balas Bank

Pada tahun 2009, banyak perhatian diberikan kepada penularan Influenza A (H1N1). Risiko luaran ini menimbulkan kebimbangan pada pertengahan tahun itu memandangkan implikasinya terhadap operasi perniagaan kerana kakitangan yang dijangkiti dikehendaki mematuhi arahan kuarantin atau keperluan untuk 'bekerja dari rumah'. Sebagai tindak balas terhadap risiko ini, Bank mengaktifkan Pelan Menghadapi Pandemik Influenza dan mengaktifkan operasi berasingan selama tiga bulan untuk meminimumkan risiko penularan, dengan sebilangan kakitangan daripada fungsi kritikal ditempatkan di luar pejabat bagi tempoh tersebut sebagai langkah kontingensi. Jawatankuasa Pengurusan Krisis menyusun panduan perjalanan untuk kakitangan dan memantau dengan rapi tahap wabak ini setiap minggu.

Bank terus memperkukuh kesediaan dan keupayaan tindak balas jabatan terhadap gangguan perniagaan. Penilaian keupayaan Pusat Pemulihan Bank yang dibuat secara berkala, dilaksanakan melalui ujian pada setiap suku tahun. Penilaian dilakukan untuk menilai kesediaan sistem dan keupayaan kakitangan yang terlibat untuk bertindak balas dengan sewajarnya terhadap sesuatu situasi krisis. Beberapa inisiatif diperkenalkan seperti latihan `kesediaan mengejut' yang juga dilakukan untuk semua jabatan kritikal. Kakitangan terpilih diarahkan untuk pergi ke pusat pemulihan dengan pelbagai kaedah pengangkutan; kereta, teksi dan kereta api. Untuk memperteguh kesedaran kakitangan, RMD menganjurkan Latihan *Desktop Walkthrough* bagi jabatan sokongan kritikal untuk terus mempertingkat Rancangan Kesinambungan Perniagaan mereka.

KOMUNIKASI

Mengekalkan keyakinan pihak yang berkepentingan dalam persekitaran yang mencabar

Kesan krisis global dirasai sepenuhnya pada tahun 2009 dan Bank memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan dan kemampanan ekonomi dan sistem kewangan negara. Bank membuat penilaian berterusan mengenai perkembangan global dan kesannya terhadap Malaysia serta langkah-langkah dasar yang diambil supaya komuniti perniagaan dan orang ramai mendapat maklumat yang lengkap dan terkini.

Bank telah meningkatkan kekerapan komunikasinya berdasarkan penilaiannya terhadap ekonomi dan kestabilan kewangan negara selain sentiasa memaklumkan pelbagai tindak balas dasar untuk memperkukuh pemahaman dan keyakinan orang ramai. Usaha komunikasi juga ditumpukan pada daya tahan sistem kewangan dan pelbagai langkah yang diambil untuk memastikan perniagaan dan isi rumah terus mendapat akses kepada pembiayaan.

Komunikasi dasar monetari - penting dalam mengukuhkan kestabilan monetari

Pernyataan Dasar Kewangan (Monetary Policy Statement, MPS) yang disiarkan selepas setiap mesyuarat MPC mengandungi penjelasan ringkas tentang penilaian Bank terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan global, serantau dan dalam negeri. MPS juga memaklumkan asas

dan pertimbangan yang menentukan keputusan MPC. Interaksi dengan penganalisis dan ahli ekonomi juga diadakan untuk meningkatkan pemahaman mengenai dasar Bank dan juga untuk Bank mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu, yang bakal diberi tumpuan dalam merumuskan dasar Bank.

Lebih interaksi untuk mengekalkan keyakinan dalam suasana yang tidak menentu dan mencabar

Selain MPS, jangkauan komunikasi Bank juga diperluas, melalui interaksi yang lebih kerap dengan industri kewangan dan perniagaan, media dan penganalisis serta orang ramai. Inisiatif ini termasuk pendidikan kewangan yang meluas bagi meningkatkan tahap celik kewangan.

Bank terlibat secara aktif dalam penyebaran maklumat mengenai pembiayaan dan bantuan yang berkaitan dengan perniagaan. Ini termasuk Skim Bantuan Jaminan PKS berjumlah RM2 bilion untuk PKS berdaya maju yang terjejas teruk semasa kelembapan ekonomi dan penubuhan Biro Kredit PKS bagi memastikan akses kepada kredit yang lebih luas untuk sektor PKS. Penubuhan Danajamin Nasional Berhad juga dimaklumkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan aliran kredit yang berterusan kepada perniagaan melalui penyediaan insurans jaminan kewangan untuk terbitan sekuriti hutang swasta dan sekuriti Islam. Tumpuan juga diberikan pada pembukaan semula operasi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC), iaitu forum sukarela untuk peminjam korporat dan pemiutangnya menyelesaikan masalah hutang tanpa melalui proses undang-undang.

Skim yang menyokong pembiayaan mikro, termasuk Tabung Perusahaan Mikro (Micro Enterprise Fund, MEF) berjumlah RM200 juta yang diwujudkan oleh Bank juga telah diumumkan. Pada 21 Januari 2010, MEF telah meluluskan sebanyak RM84.7 juta pembiayaan kepada 3,886 perusahaan mikro. Inisiatif lain untuk menyediakan akses kepada pembiayaan yang lebih luas bagi perniagaan tempatan, terutamanya PKS, termasuk Skim Jaminan Modal Kerja (Working Capital Guarantee Scheme, WCGS) dan Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturan Semula Industri (Industry Restructuring Financing Guarantee Scheme, IRFGS) yang merupakan sebahagian daripada Pakej Rangsangan Kedua. Walaupun setiap skim jaminan ini meliputi pembiayaan sebanyak RM5 bilion, jumlah WCGS kemudiannya ditambah menjadi RM7 bilion (tambahan RM2 bilion diperuntukkan semula daripada IRFGS) yang memberikan manfaat kepada 5,327 PKS. Inisiatif komunikasi adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang produk dan perkhidmatan PKS.

Bank telah menganjurkan dan menyertai secara aktif dalam lebih daripada 90 jerayawara (roadshows) melalui dialog, pameran dan seminar di seluruh negara untuk menerangkan kepada orang ramai dan perniagaan tentang ketersediaan pembiayaan melalui pelbagai mekanisme serta mengingatkan orang ramai supaya berwaspada terhadap pelbagai skim pengambilan deposit secara haram dan skim penipuan. Bank juga memberikan khidmat nasihat kepada peniaga untuk meningkatkan pengurusan kewangan dan meminimumkan kesan krisis yang dihadapi.

Bank memperluas jangkauannya kepada orang ramai dengan pembukaan tiga pusat perkhidmatan pelanggan tambahan (BNMLINK) di cawangan Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching, menjadikan jumlah pusat BNMLINK di seluruh negara kepada enam buah. Orang ramai juga boleh menghubungi Bank melalui perkhidmatan SMS dan perancangan sedang dilaksanakan untuk operasi perkhidmatan LINK bergerak memulakan operasi pada tahun 2010. Jumlah kes yang ditangani pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan ketara sebanyak lebih daripada 90% kepada 253,801 kes, mencerminkan permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat Hubungan Bersepadu Bank (Integrated Contact Centre, ICC), yang terdiri daripada BNMLINK, BNMTELELINK dan Unit Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat (Complaint Management dan Advisory Unit).

Selain ICC, orang ramai juga boleh menghubungi Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). FMB berfungsi sebagai pengantara dalam pertikaian kewangan antara pelanggan dengan penyedia perkhidmatan kewangan sementara AKPK pula memberikan kaunseling kewangan dan perkhidmatan pengurusan hutang secara percuma bagi meningkatkan keyakinan dalam menguruskan

sendiri kewangan masing-masing. Pada tahun 2009, AKPK dan FMB masing-masing telah menangani 36,848 dan 2,438 kes menjadikan jumlah kes lebih daripada 39,000 kes.

Mengorak langkah liberalisasi industri kewangan seterusnya

Meskipun menghadapi krisis global, sistem kewangan negara kekal kukuh dan ini membolehkan Bank meneruskan liberalisasi sektor kewangan dengan penuh yakin untuk memperkukuh hubungan Malaysia dengan negara-negara lain dan meningkatkan lagi tahap prestasi sistem kewangan Malaysia. Lebih penekanan diberikan kepada langkah liberalisasi yang lebih telus, dengan kriteria dan tempoh masa yang jelas bagi memastikan sistem kewangan terus beralih kepada fasa baharu pembangunan ini dengan cekap.

Pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan bank pusat

Tahun 2009 juga menandakan Ulang Tahun Bank Negara Malaysia ke-50. Antara lain, Bank menjadi tuan rumah kepada beberapa mesyuarat peringkat tinggi antarabangsa dan serantau dan persidangan untuk pemimpin perbankan pusat dan masyarakat kewangan bagi membincangkan isu ekonomi dan kewangan global dan serantau. Peranan Bank dalam membentuk landskap kewangan dan sumbangannya kepada pembangunan negara sepanjang 50 tahun yang lalu juga telah disiarkan dalam beberapa suplemen khas.

Dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) yang baharu ini, Bank memaklumkan pihak yang berkepentingan, termasuk kakitangannya, tentang bagaimana Akta yang baharu ini meletakkan Bank dalam kedudukan yang lebih bersedia untuk menghadapi persekitaran global yang lebih mencabar. Mandat yang lebih jelas, kuasa kestabilan kewangan yang dipertingkat, autonomi dan rangka kerja tadbir urus yang lebih mantap yang terkandung dalam Akta ini telah menyediakan wadah untuk Bank menangani risiko dan cabaran yang bakal dihadapi dengan lebih berkesan.

Sesi-sesi taklimat yang diadakan sempena pelancaran Laporan Tahunan 2008 dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008 merupakan satu lagi saluran komunikasi penting untuk penglibatan Bank dengan pihak yang berkepentingan utama. Taklimat ini merupakan platform penting dalam mewujudkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pelbagai isu ekonomi dan kewangan, serta cabaran ekonomi dan kewangan pada peringkat domestik dan global.

Laman sesawang rasmi Bank juga telah ditambah baik dan kini lebih bermaklumat, menyeluruh, dengan struktur yang lebih kemas dan berasaskan keperluan pihak yang berkepentingan bagi memenuhi kehendak pelbagai pengguna. Penambahbaikan ini dapat dilihat melalui jumlah kunjungan ke laman web yang telah meningkat dengan ketara sebanyak kira-kira 40% kepada 4.2 juta manakala jumlah sasaran/paparan laman meningkat kira-kira 25% iaitu lebih daripada 12.8 juta. Melangkah ke hadapan, laman sesawang ini akan dinaikkan taraf untuk memperluas kebolehcapaian dan dilengkapi dengan ciri interaktif dan urus niaga.

Sebagai sebahagian daripada usaha penglibatan kakitangan, interaksi secara berkala yang menitikberatkan kepentingan Pelan Urusan 3 tahun Bank telah dilaksanakan, memberikan pemahaman tentang fokus strategik Bank dan budaya kerja baharu yang diperlukan. Inisiatif ini sangat penting dalam memastikan penjajaran yang lebih baik antara kakitangan dengan peranan mereka dalam mencapai objektif Bank. Penglibatan kakitangan dengan pihak pengurusan kanan telah diperbanyakkan dengan mengadakan pelbagai sesi dialog secara bersemuka tentang isu ekonomi dan kewangan yang timbul, di samping aktiviti perkongsian pengetahuan melalui sesi minum lewat petang tidak formal. Pewujudan persekitaran komunikasi yang kondusif tidak hanya menaikkan tahap penglibatan, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan pasukan dalaman yang bersepadu di Bank.

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Meningkatkan Prestasi Bank melalui Pengurusan Strategik

Sebagai organisasi yang berfokuskan strategi, Bank mendapati orientasinya yang berteraskan prestasi menjadi lebih kukuh pada tahun 2009. Dengan proses pengurusan strategik yang baharu dan mantap yang membolehkan perancangan dan perumusan kepentingan utama yang teratur, pelaksanaan dan kajian semula strategi pada peringkat organisasi, Bank menyaksikan kejelasan

dan pemahaman yang lebih mendalam di seluruh organisasi tentang objektif dan matlamat Bank. Ini dicapai dengan kakitangan Bank mempunyai pemahaman yang lebih jelas terhadap objektif strategik Bank dan tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam kesalinghubungan dan saling kebergantungan yang penting dalam kalangan sektor yang berbeza di Bank. Ini juga memudahkan penggunaan sumber dengan cekap untuk menyokong matlamat organisasi. Selain itu, integrasi proses pengurusan strategik dan perancangan operasi yang dipertingkat telah memudahkan penentuan keutamaan yang lebih baik dalam sumber kewangan untuk menyokong objektif strategik Bank seperti yang digariskan dalam Pelan Urusan. Ini merupakan faktor penting bagi membolehkan Bank mencapai matlamatnya pada tahun itu, terutamanya dalam menghadapi isu dan cabaran yang lebih kompleks berikutan krisis kewangan global.

Pada tahun tersebut, usaha diberikan ke arah memastikan pelaksanaan Pelan Urusan yang berkesan. Mekanisme dan proses yang mantap dilaksanakan bagi memastikan keutamaan, strategi dan inisiatif yang telah dikenal pasti dilaksanakan dengan berkesan dalam tempoh tertentu melalui petunjuk prestasi utama dan mekanisme pemantauan lain yang memberikan maklum balas berguna tentang kemajuan dalam mencapai keutamaan Bank. Ini diperkukuhkan lagi oleh proses pengesahan strategi dan inisiatif utama secara berstruktur bagi memastikannya terus relevan.

Sejajar dengan ini, Bank menjalankan kajian strategiknya terhadap Pelan Urusan pada tahun tersebut untuk menilai prestasi keseluruhan ke arah mencapai hasil strategik. Proses kajian strategik menyediakan platform untuk pihak pengurusan mempertimbangkan dan menangani isu sedia ada dan berpotensi, yang mempunyai implikasi terhadap pencapaian hasil strategik. Penilaian prestasi dibuat berdasarkan rangka kerja penilaian yang komprehensif yang menggabungkan Penunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator, KPI) berasaskan kualitatif dengan kuantitatif. Penilaian ini juga dilengkapkan dengan penggunaan proksi dan proses KPI dalam mengukur pencapaian hasil yang tidak mudah diukur dari segi kuantitatif.

Bagi memastikan Bank terus berkesan dalam melaksanakan mandatnya, pembangunan kepimpinan diberikan keutamaan bagi meningkatkan kesedaran dan pembudayaan tadbir urus yang baik dan membolehkan Bank mempunyai ciri yang diperlukan bagi memastikan Bank sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menghadapi dan menangani isu serta cabaran yang timbul. Dalam mencapai agenda ini, pada Persidangan Pengurusan Kanan 2009, latihan simulasi telah diadakan untuk memberi peluang kepada pegawai kanan Bank untuk berhadapan dengan cabaran yang bakal dihadapi oleh Bank, yang dibuat dalam konteks peristiwa masa hadapan yang munasabah. Untuk menangani isu yang dibangkitkan dengan jayanya, peserta diminta menunjukkan sifat kepimpinan yang diinginkan termasuk memiliki wawasan strategik, ketekunan, bertindak segera dan berupaya menguruskan isu yang bercanggah, pengurusan pihak berkepentingan yang berkesan dan sikap bertanggungjawab secara kolektif.

Membina Tenaga Kerja Berprestasi Tinggi

Dengan landskap modal insan yang dinamik, pengurusan tenaga kerja terus menjadi tema Bank pada tahun 2009. Usaha untuk menyelaraskan amalan modal insan dengan pencapaian matlamat strategik Bank telah dipertingkat pada tahun tersebut. Inisiatif seperti yang digariskan dalam rangka kerja Pengurusan Modal Insan Bersepadu (IHCM), iaitu rangka tindakan untuk proses pembangunan dan peningkatan modal insan Bank secara menyeluruh, terus mendorong kepentingan pengurusan tenaga kerja pada tahun 2009.

Memastikan kesesuaian tugas untuk jawatan kritikal

Fokus utama pada tahun 2009 adalah memastikan jawatan kritikal dipegang oleh tenaga kerja yang kompeten, yang akan melaksanakan tugas sebaik mungkin bagi mencapai mandat Bank dan untuk mewujudkan suasana organisasi yang sihat. Ini memerlukan penilaian tenaga kerja yang mantap dan telus bagi meningkatkan kesesuaian tugas untuk jawatan kritikal serta mengukuhkan kumpulan tenaga kerja untuk memastikan tenaga kerja ini sentiasa bersedia. Bank terus melabur dalam pemprofilan dan pembangunan tenaga kerja bagi kumpulan pengganti untuk meningkatkan ketersediaan tenaga kerja, dibantu oleh Pusat Profil Kepimpinan (Leadership Profiling Centre, LPC) yang menilai potensi pertumbuhan kumpulan tenaga kerja melalui proses pemprofilan yang berstruktur dan mantap.

Sambil kekuatan kepimpinan dalam Bank sedang diperkemas dan diperkukuh melalui kriteria yang lebih ketat, ditambah pula dengan pembangunan kepimpinan dan maklum balas berfokus, Bank juga melaksanakan usaha bersepadu untuk mengembangkan dan memperkukuh keupayaan kepimpinan teknikalnya. Dasar dan rangka kerja pertumbuhan kerjaya dikaji semula dan ditambah baik untuk memastikan strategi pengurusan tenaga kerja Bank masih relevan. Untuk menyokong agenda Bank dalam melahirkan tenaga kerja berprestasi tinggi dalam keadaan standard prestasi yang semakin tinggi, usaha juga ditumpukan ke arah meningkatkan kejelasan rasa keempunyaan berhubung dengan penilaian prestasi dan prosesnya serta memperingatkan kakitangan tentang struktur ganjaran dan pengiktirafan yang ditentukan mengikut prestasi.

Pembangunan bekalan tenaga kerja yang berterusan

Selain tumpuan strategik terhadap pembangunan kepimpinan, Bank juga meneruskan program biasiswa yang bertujuan memupuk tenaga kerja muda yang berpotensi untuk negara serta memperluas bekalan tenaga kerjanya sendiri. Anugerah Biasiswa Kijang Emas Bank Negara Malaysia, iaitu antara anugerah paling berprestij untuk tenaga kerja muda yang berpotensi tinggi di negara ini, terus memberikan inspirasi kepada pelajar cemerlang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh negara. Lima daripada pelajar paling cemerlang negara diberikan anugerah ini pada tahun 2009, untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pilihan masing-masing. Sebagai sebahagian daripada obligasi kontraktual mereka, pemegang biasiswa dikehendaki pulang ke Malaysia dan berkhidmat untuk negara.

Selain anugerah ini, Bank terus menaja pelajar berpotensi tinggi dalam program prauniversiti di kolej tempatan dan program ijazah pertama di universiti luar negeri dalam bidang yang berkaitan dengan perbankan pusat. Pada tahun 2009, 72 pelajar berkelayakan diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat prauniversiti dan peringkat ijazah pertama, manakala 20 pelajar cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dianugerahkan Biasiswa Sekolah Menengah sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk menyegerakan pengenalpastian awal kumpulan tenaga kerja dan untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

Sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan negara, Bank juga mula menyelaraskan program bagi meningkatkan peluang graduan untuk mendapatkan pekerjaan dengan menyediakan peluang untuk bekerja sebagai pegawai sangkut dengan syarikat yang menyertai program ini merentas semua sektor ekonomi. Di bawah 'Program Graduan 500', lebih daripada 500 graduan di seluruh negara berjaya ditempatkan di syarikat untuk pendedahan latihan semasa bekerja selama dua tahun dengan bantuan peserta industri. Program ini termasuk intervensi pembangunan yang menumpu kepada kemahiran mereka berdasarkan maklum balas industri.

Hasil daripada penstrukturan dan penjajaran semula peranan di seluruh bank, jumlah kakitangan Bank meningkat sebanyak 3.60% kepada 2,709 orang pada akhir tahun 2009 berbanding dengan 2,616 orang pada akhir tahun 2008, manakala kadar susutan berikutan persaraan dan peletakan jawatan kekal empat peratus. Nisbah kakitangan eksekutif dengan kakitangan bukan eksekutif kekal pada 3:2 dan usaha bersepadu untuk memberikan tumpuan untuk mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan kumpulan tenaga kerja profesional dan teknikal akan terus menjadi agenda utama Bank.

Meningkatkan Prestasi Bank melalui Pengurusan dan Pengurusan Pengetahuan

Pada tahun 2009, inisiatif pengurusan pembelajaran dan pengetahuan (learning and knowledge management, L&KM) terus memberikan sokongan kepada pembangunan modal insan di Bank melalui penjajaran yang lebih baik dalam memenuhi keperluan operasi jabatan, dengan memberikan tumpuan pada impak prestasi dan operasi. Keberkesanan inisiatif L&KM terus dipertingkat, terutamanya dengan struktur baharu organisasi yang berasaskan peranan yang diterima pakai oleh Pusat Pembangunan Modal Insan (HCDC). Prinsip mewujudkan nilai untuk jabatan terkandung dalam inisiatif L&KM yang dilaksanakan oleh HCDC, melalui produk dan perkhidmatan pembelajaran yang disediakan.

Merancang dan melaksanakan penyelesaian pembelajaran yang memenuhi keperluan Bank

Dalam memenuhi permintaan untuk penyelesaian pembangunan (development solutions) yang memenuhi keperluan pekerja berpengetahuan di Bank, usaha ditumpukan ke arah memperoleh pandangan yang lebih tepat tentang keperluan pembangunan kakitangan Bank pada semua

peringkat kerja. Oleh itu, jumlah perkhidmatan L&KM yang telah diberikan dalam bentuk perancangan dan pelaksanaan penyelesaian yang dirumus khas meningkat dengan ketara pada tahun 2009. Selain itu, keseluruhan kompetensi tenaga kerja juga ditambah baik melalui 129 acara L&KM di seluruh Bank, bagi memastikan pembangunan positif dan pemindahan pengetahuan diperoleh di tempat kerja.

Dalam merancang penyelesaian pembelajaran, HCDC memberikan tumpuan pada keberkesanan dan kesannya terhadap tempat kerja. Pendekatan pembelajaran yang digabungkan (blended learning approach) dengan kombinasi kaedah pembelajaran telah dititikberatkan. Selain menghadiri sesi kelas biasa, peserta menjalani beberapa sesi pembelajaran dan pengetahuan lain seperti bacaan sebelum menghadiri sesi pembelajaran, melihat visual bahan yang berkaitan, penyelesaian e-pembelajaran dan diberi peluang untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran baharu di tempat kerja dengan bimbingan penyelia mereka. Selain itu, pelbagai kaedah dan alat digunakan untuk menangani jurang kompetensi tertentu. Ini termasuk mewujudkan pasukan kerja fungsian bersilang, komuniti amalan dan bantuan rakan sekerja bagi meningkatkan kerjasama merentas bahagian dan jabatan, ditugaskan secara sangkut, serta menyepadukan ulasan selepas tindakan dan penceritaan ke dalam proses kerja bagi mengumpulkan dan berkongsi pengetahuan.

Kurikulum teras perbankan pusat yang berasaskan kompetensi telah dibangunkan berdasarkan model kompetensi Bank. Dengan adanya kurikulum ini, HCDC dapat merancang penyelesaian pembelajaran yang dirumus khas mengikut keperluan pembelajaran organisasi. Pada tahun itu, HCDC berjaya menguji kemantapan kurikulum melalui program perintis yang dilaksanakan dengan kerjasama rapat bersama pakar bidang daripada jabatan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyelaraskan penyelesaian pembelajaran kepada keperluan pembelajaran Bank, tumpuan juga terus diberikan pada peningkatan pengetahuan mengenai perbankan pusat dalam Bank. Penekanan diberikan pada penambahbaikan dalam perancangan dan pelaksanaan program *flagship*. Program ini termasuk, antara lain, Siri Kursus Perbankan Pusat, Kursus Asas Pengawalseliaan Perbankan (Banking Supervision Foundations Course, BSFC), Kursus Penyeliaan Insurans (Insurance Supervision Course, ISC) dan Kursus Kewangan Islam untuk Pengawal Selia Kewangan (Islamic Finance Course for Finance Regulators, IFFR). Selain program-program ini, program pembelajaran di seluruh Bank juga meliputi bidang pengetahuan yang luas untuk memudahkan pencapaian keperluan kecekapan tingkah laku dan generik oleh kakitangan Bank. Kualiti program ini telah diukur dan didapati memuaskan dalam memenuhi objektif yang disasarkan.

HCDC juga memperkenalkan beberapa program pembelajaran baharu pada tahun 2009. Program Eksekutif BNM (BNMEP) telah dirumus dan dirancang untuk mempercepat tempoh memperoleh kecekapan bagi semua kakitangan baharu Bank. Program enam bulan ini terdiri daripada empat modul utama termasuk program *on-boarding*, pembangunan peribadi, asas-asas perbankan pusat dan program pegawai sangkut selama empat bulan. Untuk memastikan sumber kepimpinan yang mantap, Bank memulakan Rangka Tindakan Pembangunan Kepimpinan (Leadership Development Blueprint, LDB) baharu yang bertujuan untuk membangunkan keberkesanan kepimpinan, dan membawa pemimpin ke fasa kepimpinan yang berbeza bagi memastikan kumpulan kepimpinan yang lebih kukuh dan sentiasa bersedia untuk Bank.

Inisiatif Pengurusan Pengetahuan dalam menggalakkan budaya perkongsian pengetahuan

Pada tahun 2009, Pusat Pengurusan Pengetahuan (Knowledge Management Centre, KMC) terus menyediakan pelbagai perkhidmatan dan sumber berkaitan yang komprehensif dalam bentuk koleksi fizikal dan sumber maklumat dalam talian. KMC menawarkan perkhidmatan tambahan seperti pengimbasan maklumat, pemberitahuan maklumat dan pengumpulan semula maklumat untuk memenuhi keperluan tertentu pihak yang berkepentingan. Dalam menjalinkan kerjasama, HCDC telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan dan mempromosikan pelbagai pendekatan L&KM. Pendekatan seperti World Café, Open Space Technology, After Action Review, Blog dan Wiki telah disediakan dan mudah diperoleh.

Penambahbaikan Sistem Pengurusan Pembelajaran (Learning Management System, LMS) telah

dilakukan pada tahun 2009, untuk memperkaya kandungan dan menambah baik infrastrukturnya. Kandungan e-pembelajaran diperluas bagi menyediakan lebih banyak pilihan kursus untuk pembelajaran berasaskan permintaan manakala pendaftaran untuk semua kursus dan acara dipusatkan dan dimasukkan ke dalam LMS. Program pembelajaran yang ditawarkan oleh HCDC juga telah dimuatkan ke dalam LMS untuk akses dan rujukan mudah, dan direktori tahunan L&KM telah dimasukkan dan dibuka untuk diakses oleh kakitangan Bank melalui LMS. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi HCDC untuk memupuk budaya pembangunan mandiri, dengan menggunakan LMS sebagai alat untuk menguruskan pembangunan, serta menjadikan e-pembelajaran sebagai pelengkap yang berkesan untuk kursus dalam kelas.

Berpandukan agenda untuk memupuk budaya berkongsi pengetahuan dalam Bank, acara KM yang baharu telah diperkenalkan. Siri Central Banking Tea Talks telah dilaksanakan sebagai satu siri perkongsian yang diadakan dalam suasana tidak formal yang menggalakkan pembelajaran dan perkongsian antara penceramah dengan kakitangan. Siri ini menyediakan wadah bagi pakar bidang dalam Bank untuk berkongsi pengetahuan tentang isu semasa dengan rakan sekerja mereka dalam Bank. Pada tahun 2009, lima sesi sebegini telah diadakan. Selain itu, program 'Bual Bicara dengan Pihak Pengurusan Kanan' telah diadakan sebagai sesi dialog untuk memberikan peluang kepada kakitangan Bank daripada pelbagai peringkat untuk bertukar pandangan dengan pihak Pengurusan Kanan Bank.

Interaksi dengan ejen L&KM di jabatan juga diberikan perhatian. Beberapa acara penglibatan dianjurkan pada tahun 2009 seperti hari Pengurus Latihan (Training Managers, TM) dan Pegawai Pengurusan Pengetahuan (Knowledge Management Officers, KMO), sesi tidak formal bersama KMO, sesi amali alat L&KM dengan TM dan KMO serta membentuk Komuniti Amalan (Community of Practice, CoP) antara TM dengan KMO. Usaha ini bertujuan menjalin hubungan kerja yang sihat dan berkesan dengan pihak yang berkepentingan, dan pada masa yang sama mewujudkan tahap kesedaran yang lebih tinggi tentang produk dan perkhidmatan L&KM untuk diterima pakai di jabatan. Inisiatif lain oleh HCDC dalam mempertingkat budaya pengetahuan termasuk Pameran Pengetahuan, Pameran Buku dan sambutan 'Bulan Bahasa Kebangsaan'.

Program Bantuan Teknikal dan Kerjasama dengan Agensi Luar

Pada tahun 2009, Bank juga menawarkan program pembelajaran antarabangsa yang luas. Program yang ditawarkan di bawah naungan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme, MTCP) tajaan Kerajaan Malaysia termasuk kursus Pengawalseliaan Perbankan dan Insurans, Kewangan Islam untuk Pengawal Selia dan kursus Perbankan Pusat Peringkat Pertengahan dan Tinggi. Bank juga bekerjasama dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) dalam menganjurkan Kursus Asas Kewangan Islam (Fundamentals of Islamic Finance Course, FIFC) yang popular sebanyak dua kali pada tahun 2009. Kursus FIFC ini dihadiri oleh pegawai bank pusat, pegawai Kementerian Kewangan dan pengawal selia suruhanjaya sekuriti untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam operasi kewangan Islam, Syariah dan rangka kerja pengawalseliaan ke arah pelaksanaan sistem kewangan Islam berdaya tahan yang berkesan. Satu bengkel khas tentang kewangan Islam dianjurkan dengan BAFIN (The Federal Financial Supervisory Authority) di Jerman. Di sana, pengawal selia perbankan amat berminat untuk memahami ciri-ciri kewangan Islam memandangkan sistem ini terus menarik minat peserta dari sistem kewangan Eropah.

Bank juga memberikan tumpuan pada dua bidang lain untuk bantuan teknikal antarabangsa, iaitu peningkatan kapasiti keinstitusian dan rangkuman kewangan. Berhubung dengan bidang peningkatan kapasiti keinstitusian, antara program yang dijalankan termasuk pembangunan organisasi dan biro kredit untuk pengurusan risiko. Berhubung dengan rangkuman kewangan, Bank telah melaksanakan program Penasihat Rangkuman Kewangan (Financial Inclusion Advisers) untuk pengamal pembiayaan mikro di Lusaka, Zambia, dan menganjurkan Forum Penggubal Dasar Pembiayaan Mikro (Microfinance Policymakers Forum) untuk pengawal selia Asia tentang cabaran dasar yang timbul daripada perbankan tanpa cawangan untuk tujuan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan kepada masyarakat miskin dan mereka yang tinggal

di daerah terpencil. Sebanyak 279 peserta antarabangsa menghadiri program antarabangsa yang diadakan pada tahun 2009.

Selain itu, Bank menerima 75 permintaan secara ad-hoc untuk berkongsi pengetahuan pada tahun 2009, dan berpeluang berinteraksi dengan pegawai-pegawai bank pusat dari Asia, Asia Tengah, benua Afrika dan Timur Tengah yang berkunjung ke Bank untuk membincangkan pelbagai topik yang mencakupi kestabilan sistem monetari dan kewangan, kewangan Islam, pengurusan mata wang, pengurusan tenaga mahir dan pemodenan bank pusat.

Inisiatif Bank dalam kerjasama teknikal antarabangsa menekankan kepentingan perkongsian pengetahuan tentang amalan perbankan pusat, dan membina hubungan kerjasama dengan bank pusat lain dari ekonomi sedang membangun dalam menghadapi globalisasi dan integrasi serantau.

Pengurusan ICT dalam Meningkatkan Keberkesanan Bank

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology, ICT) terus berfungsi sebagai pemboleh utama untuk mencapai hasil strategik Bank. ICT berfungsi sebagai platform penting dalam menyokong keberkesanan organisasi yang lebih tinggi dan peluasan jangkauan Bank kepada pihak yang berkepentingan.

Infrastruktur teknologi Bank telah dipertingkat dan diperluas untuk membolehkan saluran komunikasi yang bersepadu dan cekap antara Bank dengan pihak yang berkepentingan. Sehubungan dengan itu, infrastruktur untuk memperluas mobiliti kerja melalui akses internet tanpa wayar (Wi-Fi) di kawasan awam dalam premis Bank telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Dari segi hubungan luar, tahap kecekapan dan hubungan Bank dengan orang ramai terus dipertingkat melalui pelaksanaan Pusat Perhubungan Bersepadu (ICC) Pengurusan Perhubungan Pelanggan untuk semua cawangan Bank. Perkhidmatan khidmat pesanan ringkas (Short Message Services, SMS) automatik juga dilaksanakan untuk melengkapkan saluran perkhidmatan untuk orang ramai.

Pada tahun 2009, Bank juga melaksanakan beberapa projek ICT penting yang menyumbang ke arah pencapaian objektif utama Bank. Satu pencapaian utama adalah kejayaan pelaksanaan penjelasan cek berdasarkan imej di seluruh negara, menghasilkan penambahbaikan penting dalam proses penjelasan untuk industri kewangan. Dengan terlaksananya eSPICK, pelanggan dan perniagaan memperoleh manfaat daripada sistem penjelasan cek yang lebih cepat dan cekap terutamanya dalam tempoh ketersediaan dana daripada deposit cek luar kawasan, kemudahan penukaran cek dan pengembalian cek yang tidak dibayar kepada pembayar. Di bawah eSpick, cek luar kawasan dan cek tempatan dijelaskan pada hari yang sama dan dana dapat disediakan seawal hari perniagaan berikutnya, berbanding dengan 5 hingga 8 hari bekerja untuk cek luar kawasan sebelum ini. Penjelasan cek secara ekspres juga disediakan di bawah eSPICK yang menyediakan kemudahan penjelasan dan ketersediaan dana pada hari yang sama. Bank juga telah menambah baik proses depositori sekuriti hutang dalam Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) untuk menyokong peruntukan, pembayaran faedah dan penebusan bon denominasi mata wang asing, yang melengkapkan infrastruktur ICT secara keseluruhan untuk terbitan sekuriti di pasaran utama, penyelesaian urus niaga di pasaran sekunder dan sebagai depositori bon denominasi mata wang asing. Infrastruktur ICT ini telah memudahkan terbitan bon dan depositori asing yang pertama dalam RENTAS, menandakan langkah penting ke arah meletakkan RENTAS sebagai depositori serantau dan antarabangsa.

Dalam usaha mempertingkat infrastruktur pengurusan maklumat, Bank telah memulakan inisiatif untuk menyediakan platform yang bersepadu untuk penyumberan, pemprosesan, penghantaran dan kebolehlihatan data yang lebih baik. Infrastruktur tersebut akan menyepadukan data kewangan dan ekonomi untuk membolehkan pengurusan maklumat yang komprehensif dan bersatu. Arkitekturnya akan terdiri daripada gudang data perusahaan yang disokong oleh repositori metadata berpusat dan model data perusahaan, sistem kawalan maklumat dan sistem penghantaran data baharu melalui rangka kerja laporan yang standard. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, Bank telah melaksanakan infrastruktur yang akan menambahkan keupayaan menganalisis data kredit yang mempunyai volum yang besar supaya

risiko dan kelemahan yang muncul dalam institusi kewangan dan sistem kewangan dikenal pasti dengan lebih mudah dan tepat pada masanya.

Penggunaan penyelesaian teknologi dan infrastruktur terkini telah menjadi lebih strategik bagi merealisasikan agenda dan aspirasi Bank. Usaha untuk memulakan operasi Pusat Data baharu di Cyberjaya telah dimulakan pada tahun 2009, dengan aktiviti pemindahan berjalan seperti yang dirancang. Selepas pemindahan keupayaan infrastruktur ICT kepada arkitektur bercirikan masa hadapan pada tahun 2010, Pusat Data yang baharu itu telah dilengkapi dengan spesifikasi teknologi yang boleh menampung keperluan Bank pada masa hadapan, dengan tahap prestasi yang optimum, kepantasan dan daya tahan yang diselaraskan dengan matlamat untuk mencapai kecemerlangan operasi yang berterusan bagi perkembangan portfolio sistem ICT Bank.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



Penyata Akaun Tahunan

142 Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2009
143 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009
144 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2009 dan hasil operasi untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 MAC 2010

PERNYATAAN PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2009 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

ZETI AKHTAR AZIZ
PENGERUSI

11 MAC 2010
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

OH SIEW NAM
PENGARAH

11 MAC 2010
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Rafiza Ghazali, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 11 Mac 2010.)

Di hadapan saya,

LEE HISHAMMUDDIN ALLEN & GLEDHILL
Level 16, Menara TM Asia Life
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : 603-2161 2330
Fax : 603-2161 3933

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 027
Nama : NG LEONG HUAT
MALAYSIA

Bank Negara Malaysia

Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET			
Emas dan Pertukaran Asing	3	322,505,629,648	315,554,271,994
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		1,515,842,594	1,127,065,750
Milikan Hak Pengeluaran Khas		7,279,175,067	786,401,257
Kertas Kerajaan Malaysia	4	2,683,093,250	2,525,239,300
Deposit dengan Institusi Kewangan	5	9,373,175,000	4,507,787,500
Pinjaman dan Pendahuluan	6	12,407,481,804	12,516,545,727
Aset-aset Lain	7	7,213,305,329	7,505,008,921
Jumlah Aset		**362,977,702,692**	**344,522,320,449**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		51,138,567,538	48,042,855,068
Deposit oleh: Institusi Kewangan		181,535,107,206	184,136,298,017
Kerajaan Persekutuan		18,641,169,858	11,155,942,757
Lain-lain	8	1,270,868,081	373,848,344
Kertas Bank Negara		33,357,434,443	43,710,213,247
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	9	7,231,066,765	742,639,517
Liabiliti-liabiliti Lain	10	21,710,810,087	24,604,565,308
Jumlah Liabiliti		314,885,023,978	312,766,362,258
Modal Berbayar	11	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am	12	13,478,068,329	11,976,653,686
Rizab-rizab Lain	13	34,514,610,385	19,679,304,505
Jumlah Modal		48,092,678,714	31,755,958,191
Jumlah Liabiliti dan Modal		**362,977,702,692**	**344,522,320,449**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Bank Negara Malaysia

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
Jumlah Pendapatan	14	**9,826,516,615**	**8,158,398,385**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	15	1,071,025,015	939,599,724
Perbelanjaan Pembangunan	16	1,085,627,775	709,518,486
Jumlah Perbelanjaan		**2,156,652,790**	**1,649,118,210**
Untung Bersih		**7,669,863,825**	**6,509,280,175**

Penyata Pengagihan Untung dan Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

		2009 RM	2008 RM
Untung Bersih		**7,669,863,825**	**6,509,280,175**
Pindahan kepada Rizab-rizab Lain	17	4,168,449,182	3,832,305,418
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am		1,501,414,643	1,176,974,757
Amaun belum bayar kepada Kerajaan Persekutuan		2,000,000,000	1,500,000,000
		7,669,863,825	**6,509,280,175**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota bagi Penyata Kewangan - 31 Disember 2009

1. **Aktiviti-aktiviti Utama Bank**

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan ini, peranan-peranan utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards, FRS) Malaysia yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan setakat yang, pada pendapat Bank, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawabnya untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan, Bank berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada FRS Malaysia dalam beberapa aspek.

(b) Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi keperluan FRS Malaysia menghendaki pihak pengurusan menggunakan anggaran dan andaian tertentu yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti, dan penzahiran aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan Terakru**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas kos sejarah perakaunan beserta dengan penilaian semula instrumen kewangan yang dipegang pada nilai saksama menerusi akaun untung dan rugi, dan pada asas terakru.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan disediakan mengikut nilai ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh lembaran imbangan. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah ditukar kepada ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa mengikut tarikh nilai.

(c) Rizab Antarabangsa yang merangkumi Emas dan Pertukaran Asing, Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas pada 31 Disember 2009 ialah RM331,300.6 juta yang bersamaan dengan USD96,695.1 juta.

2.4 **Sekuriti dan Pelaburan**

Sekuriti dan pelaburan dinyatakan terutamanya pada kos dan peruntukan telah dibuat bagi penyusutan nilai pada 31 Disember 2009.

2.5 **Perjanjian Repo dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah `Liabiliti-liabiliti Lain´. Amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah `Aset-aset Lain´. Perbezaan antara amaun diterima dengan amaun dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik, masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dan pendapatan faedah mengikut asas garis lurus.

2.6 **Aset Tetap**

Perbelanjaan modal yang ditanggung terhadap aset tetap dikurangkan kepada nilai nominal atau dihapuskan terus pada tahun perolehan.

2.7 **Untung Bersih**

Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung terealisasi diagihkan sebagai dividen.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2009 RM	2008 RM
Sekuriti Asing	277,872,235,367	282,566,246,554
Deposit Asing	14,655,589,658	10,860,543,730
Baki di Bank Pusat Asing, Bank for International Settlements (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF)	3,765,861,668	3,592,893,233
Lain-lain	26,211,942,955	18,534,588,477
	322,505,629,648	315,554,271,994

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**

	2009 RM	2008 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,683,093,250	2,525,239,300

5. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 30(1)(nn) dan seksyen 31B Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan seksyen 75(i) Akta Bank Negara Malaysia 2009[1].

6. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah seksyen 30(1) Akta Bank Negara Malaysia 1958[1].

7. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan dalam saham dan bon sebanyak RM6,855,216,924 yang diperoleh di bawah seksyen 30(1)(j), seksyen 30(1)(oo)(i) dan seksyen 30A(1)(c) Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan seksyen 48(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009[1].

8. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini terdiri daripada deposit pihak berkuasa awam.

9. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara-negara anggota IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) mengikut bahagian yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan suatu liabiliti tidak aktif Bank terhadap IMF, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF. Berikutan Peruntukan SDR Am dan Khas 2009 oleh IMF, jumlah bersih peruntukan terkumpul SDR meningkat kepada RM7,231,066,765 yang bersamaan dengan SDR1,346,143,721.

10. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti-liabiliti lain termasuk simpanan oleh institusi kewangan di bawah perjanjian repo.

11. **Modal Berbayar**
Modal berbayar sebanyak RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

12. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2009 RM	2008 RM
Pada 1 Januari	11,976,653,686	10,799,678,929
Pindahan daripada Untung Bersih	1,501,414,643	1,176,974,757
Pada 31 Disember	13,478,068,329	11,976,653,686

[1] Menurut seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009, urus niaga atau perkiraan yang dibuat di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 disifatkan sebagai telah dibuat di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009.

13. **Rizab-rizab Lain**
Rizab-rizab lain terdiri daripada Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran, Rizab Penilaian Semula dan Rizab Luar Jangka.

14. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan merangkumi hasil daripada pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

15. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

16. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank, yang selaras dengan peranan dan tanggungjawab utama Bank.

17. **Pindahan kepada Rizab-rizab Lain**
Pindahan ini dibuat mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

18. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

18.1 **Aset Luar Jangka**
Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2009 ialah RM1,300,000,000. Aset ini terdiri daripada jumlah sumbangan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan oleh ICLIF dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah sumbangan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut menjadi mampu diri pada masa hadapan.

18.2 **Liabiliti Luar Jangka**
Jumlah liabiliti luar jangka pada 31 Disember 2009 ialah RM6,705,152,257. Ia terdiri daripada perkara berikut:

(a) sejumlah RM6,640,289,100 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar sepenuhnya jumlah kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan, dalam bentuk SDR atau mata wang boleh tukar lain; dan

(b) sejumlah RM64,863,157 yang merupakan bahagian belum dipanggil 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam Bank for International Settlements. Jumlah ini adalah berdasarkan nilai nominal (SDR5,000) bahagian belum dipanggil dan kadar SDR pada tarikh lembaran imbangan.

18.3 **Komitmen**

Jumlah komitmen pada 31 Disember 2009 terdiri daripada yang berikut:

(a) **Pengaturan Baharu untuk Meminjam oleh IMF**

Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk menjaga kestabilan sistem monetari antarabangsa. Pada 31 Disember 2009, jumlah komitmen Bank di bawah pengaturan kredit NAB ialah SDR340,000,000 (bersamaan dengan RM1,826,374,600). Walau bagaimanapun, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, tidak terdapat sebarang panggilan terhadap NAB oleh IMF.

(b) **Pengaturan Swap ASEAN**

Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi menyediakan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran. Pada 31 Disember 2009, jumlah komitmen dan penggunaan maksimum yang layak bagi Bank ialah masing-masing sebanyak USD300 juta (bersamaan dengan RM1 bilion) dan USD600 juta (bersamaan dengan RM2.1 bilion). Walau bagaimanapun, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, tidak terdapat sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA daripada mana-mana negara anggota.

(c) **Perjanjian Pengaturan Swap Dua Hala**

Pada 7 Januari 2009, Bank telah memperbaharui Perjanjian Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA) dengan Bank of Korea di bawah Inisiatif Chiang Mai. Di bawah perjanjian BSA, setiap bank pusat boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat sehingga sebanyak USD1.5 bilion (bersamaan dengan RM5.1 bilion) melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, tidak terdapat sebarang permohonan untuk mengaktifkan BSA.

19. **Pengurusan Risiko Kewangan**

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau risiko perbendaharaan dan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab dan memastikan risiko berikut dibendung pada tahap yang boleh diterima:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan kedudukan kewangan Bank kepada pergerakan negatif dalam harga pasaran seperti kadar faedah dan kadar pertukaran asing. Pengurusan risiko pasaran adalah berpandukan dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang boleh diterima. Berasaskan dasar tanda aras tersebut, Lembaga Pengarah membenarkan `risiko aktif´ (active risk) diambil melalui pelaburan yang menyimpang daripada tanda aras. `Risiko aktif´ ini dikawal melalui had `kesilapan pengesanan´ (tracking error). Analisis kepekaan dan ujian ketahanan juga dibuat untuk menentukan kemungkinan kerugian yang dinilai mengikut pasaran terhadap rizab akibat turun naik dan ketidaktentuan dalam pasaran yang di luar jangkaan.

(b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit terhadap rizab ialah risiko yang timbul apabila pihak lain yang berkenaan (counter party), sama ada institusi kewangan atau penerbit, gagal memenuhi obligasi kontraktualnya kepada Bank. Satu rangka kerja risiko kredit yang komprehensif berasaskan penarafan, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menentukan skop pelaburan Bank yang dibenarkan. Rangka kerja tersebut juga meningkatkan keberkesanan operasi Bank dalam bidang ini dan memastikan rizab hanya dilaburkan dengan pihak lain yang berkenaan atau penerbit yang mempunyai kualiti kredit yang tinggi. Dasar dan penilaian berterusan terhadap dedahan kredit memastikan matlamat pengekalan modal dicapai.

(c) **Risiko Operasi**

Risiko operasi bagi operasi perbendaharaan ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, dan kekurangan kemahiran. Risiko operasi dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang kukuh lagi mantap, dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan.

20. **Cukai Pendapatan**

Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989.

Tambahan

Kandungan

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing MS 1

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Akaun Negara

A.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2000 MS 18
A.2 Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100) MS 19
A.3 Pengeluaran Komoditi Utama MS 20
A.4 PNK Mengikut Agregat Permintaan MS 21
A.5 Jurang Tabungan-Pelaburan MS 22
A.6 Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih MS 23
A.7 Penunjuk Penggunaan Swasta MS 24
A.8 Penunjuk Pelaburan Swasta MS 25

Sektor Luar Negeri

A.9 Imbangan Pembayaran MS 26
A.10 Eksport Kasar MS 28
A.11 Eksport Komoditi Utama MS 29
A.12 Pasaran Utama Eksport Perkilangan MS 30
A.13 Pasaran Eksport Utama Elektronik MS 31
A.14 Pasaran Eksport Utama Keluaran Elektrik MS 31
A.15 Pasaran Eksport Utama Kimia dan Keluaran Kimia MS 32
A.16 Pasaran Eksport Utama Minyak Sawit MS 33
A.17 Pasaran Eksport Utama Getah MS 34
A.18 Pasaran Eksport Utama Minyak Mentah MS 35
A.19 Pasaran Eksport Utama Gas Asli Cecair MS 35
A.20 Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang MS 36

Penunjuk Monetari dan Kewangan

A.21 Indeks Harga Pengguna MS 37
A.22 Indeks Harga Pengeluar MS 38
A.23 Wang Secara Luas (M3) MS 39
A.24 Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan MS 40
A.25 Kadar Faedah % MS 41
A.26 Pergerakan Ringgit MS 42
A.27 Institusi Kredit Perumahan MS 43
A.28 Pinjaman Perumahan Terkumpul MS 44
A.29 Pinjaman Perumahan yang Diluluskan MS 44
A.30 Pembiayaan Ekonomi MS 45

Kewangan Awam

A.31 Kewangan Sektor Awam Disatukan MS 46

Penunjuk Terpilih Ekonomi Antarabangsa

A.32 Negara-negara Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama MS 47
A.33 Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama MS 48

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Malaysia terus mengekalkan dasar pentadbiran pertukaran asing yang liberal. Peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa adalah langkah berhemat untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan dan untuk melindungi kedudukan imbangan pembayaran serta menjadi pelindung daripada sebarang bentuk kejutan. Peraturan tersebut telah diliberalkan secara berperingkat-peringkat, dengan liberalisasi yang ketara dilaksanakan pada tahun 2005 dan 2007, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan urus niaga dan menggalakkan pelaburan langsung asing.

I. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang Terpakai kepada BUKAN PEMASTAUTIN[1]

PELABURAN LANGSUNG ASING DAN PELABURAN PORTFOLIO OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembelian aset ringgit[2]	• Bukan permastautin bebas untuk membeli sebarang aset ringgit termasuk bon/sukuk dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh bukan pemastautin di Malaysia
• Pemerolehan ringgit bagi pembiayaan aset ringgit	• Pembiayaan untuk pelaburan dalam aset ringgit boleh diperoleh daripada: ✓ Akaun Luar bukan pemastautin[3]; ✓ Penjualan mata wang asing pada asas semerta atau hadapan dengan bank tempatan berlesen[4] atau cawangan-cawangan luar negeri yang dilantik oleh bank tempatan berlesen; atau ✓ Peminjaman yang diperoleh daripada bank tempatan berlesen, syarikat pemastautin[5] dan individu pemastautin[6] untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia
• Peminjaman tempatan	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen • Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen, syarikat pemastautin dan individu pemastautin bagi membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia, termasuk pembiayaan pembelian aset ringgit • Bebas untuk meminjam sebarang amaun bagi pembiayaan margin daripada syarikat broker saham pemastautin

[1] **Bukan pemastautin:**
- Cawangan luar negeri, anak syarikat luar negeri, pejabat serantau luar negeri, pejabat jualan atau pejabat perwakilan bagi syarikat pemastautin;
- Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa;
- Warganegara Malaysia yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap di luar negeri atau di wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar Malaysia; dan
- Mana-mana individu yang ditentukan oleh Pengawal Pertukaran Asing sebagai bukan pemastautin

[2] **Aset ringgit** termasuk:
- Sekuriti dalam denominasi ringgit, sekuriti hutang swasta, nota atau bon Cagamas, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan, saham dan waran;
- Derivatif yang diniagakan di Bursa Malaysia (kecuali derivatif OTC dan produk berstruktur yang setara dengan pemberian pinjaman atau peminjaman dalam ringgit antara pemastautin dengan bukan pemastautin);
- Deposit tetap dan instrumen deposit boleh niaga dalam denominasi ringgit; dan
- Harta tak alih di Malaysia

[3] Akaun Luar ialah akaun dalam ringgit yang disenggara dengan bank tempatan berlesen oleh atau untuk bukan pemastautin

[4] Bank tempatan berlesen merujuk kepada bank perdagangan berlesen, bank Islam berlesen dan bank pelaburan berlesen

[5] Syarikat pemastautin termasuk perkongsian terhad dan entiti sah selain syarikat seperti koperasi dan pertubuhan amal

[6] Individu pemastautin termasuk milikan tunggal, perkongsian am dan perkongsian dengan rakan kongsi am dan terhad

• Penjualan pelaburan/ pendapatan daripada pelaburan	• Bebas untuk menghantar balik dana daripada penjualan pelaburan aset ringgit atau keuntungan/dividen hasil daripada pelaburan tersebut • Walau bagaimanapun, penghantaran balik dana hendaklah dibuat dalam mata wang asing
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai terhadap dedahan yang timbul daripada pelaburan dalam aset ringgit yang dibuat pada atau selepas 1 April 2005 dengan bank tempatan berlesen atau cawangan luar negeri yang dilantik oleh bank tempatan berlesen
PELABURAN DALAM HARTA TAK ALIH OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembelian harta tak alih	• Bebas untuk membeli harta kediaman dan komersial di Malaysia
• Peminjaman tempatan	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit atau mata wang asing untuk membiayai atau membiayai semula pembelian harta kediaman dan komersial di Malaysia, kecuali untuk pembelian tanah sahaja
PEMBERIAN PINJAMAN DALAM RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH BUKAN PEMASTAUTIN KEPADA PEMASTAUTIN	
• Pemberian pinjaman dalam ringgit oleh: ✓ Syarikat induk bukan bank bukan pemastautin[7]	• Bebas untuk memberi sebarang amaun pinjaman dalam ringgit kepada anak syarikat pemastautin untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia
✓ Syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin lain	• Bebas untuk memberi pinjaman sehingga RM1 juta secara agregat kepada syarikat pemastautin dan individu pemastautin untuk kegunaan di Malaysia
• Pemberian pinjaman dalam mata wang asing oleh:	
✓ Syarikat induk bukan bank bukan pemastautin	• Bebas untuk memberi sebarang amaun pinjaman dalam mata wang asing kepada anak syarikat pemastautin di Malaysia
✓ Syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin lain	• Bebas untuk memberi pinjaman dalam mata wang asing kepada pemastautin dengan syarat jumlah keseluruhan peminjaman mata wang asing pemastautin berkenaan tidak melebihi had berikut: Individu pemastautin: Bersamaan RM10 juta secara agregat Syarikat pemastautin: Bersamaan RM100 juta secara agregat berdasarkan kumpulan korporat • Tanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal Pertukaran Asing bagi peminjaman melebihi had adalah terletak pada peminjam pemastautin

[7] Syarikat induk bukan bank milik bukan pemastautin merujuk kepada:
(a) syarikat bukan pemastautin yang mempunyai pegangan saham melebihi 50% dalam syarikat pemastautin; atau
(b) syarikat induk akhir bukan pemastautin (yang bukan bank, syarikat pemegangan pelaburan yang dimiliki oleh bank atau syarikat broker saham) bagi syarikat pemastautin

<table>
<tr><th colspan="2">PEMINJAMAN OLEH BUKAN PEMASTAUTIN DARIPADA PEMASTAUTIN</th></tr>
<tr><td>• Peminjaman mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen</td><td>• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen</td></tr>
<tr><td>• Peminjaman mata wang asing daripada syarikat bukan bank pemastautin atau individu pemastautin</td><td>• Bebas untuk memperoleh peminjaman dalam mata wang asing daripada syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin, seperti berikut:
<table>
<tr><th>Pemberi pinjaman pemastautin</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td>Pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik</td><td>Tiada had</td></tr>
<tr><td>Pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik, menggunakan dana mata wang asing milik sendiri yang disenggara di Malaysia atau di luar negeri</td><td>Tiada had</td></tr>
<tr><td>Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik*:

✓ Individu pemastautin

✓ Syarikat pemastautin</td><td>Melalui penukaran ringgit sehingga:

✓ RM1 juta secara agregat setiap tahun kalendar

✓ RM50 juta secara agregat setiap tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat</td></tr>
</table>
* Dengan syarat jumlah keseluruhan pelaburan dalam aset mata wang asing oleh pemberi pinjaman pemastautin, termasuk pemberian pinjaman dalam mata wang asing tidak melebihi had</td></tr>
<tr><td>• Peminjaman ringgit daripada bank tempatan berlesen, syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin</td><td>• Bebas untuk memperoleh peminjaman dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen, syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin, oleh entiti berikut:
✓ Bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank) bagi:
➢ Membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia; dan
➢ Membiayai atau membiayai semula pembelian harta kediaman dan komersial di Malaysia</td></tr>
</table>

	✓ Syarikat broker saham dan bank bukan pemastautin daripada bank tempatan berlesen untuk penyelesaian saham ringgit di Bursa Malaysia dan RENTAS disebabkan oleh kelewatan dalam penerimaan dana yang tidak disengajakan ✓ Bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank) daripada bank tempatan berlesen dan syarikat broker saham pemastautin bagi kemudahan pembiayaan margin ✓ Individu bukan pemastautin daripada syarikat insurans pemastautin sehingga jumlah nilai serahan tunai polisi insurans yang dibeli oleh bukan pemastautin
TERBITAN BON/SUKUK DALAM DENOMINASI RINGGIT DAN MATA WANG ASING DI MALAYSIA OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit atau mata wang asing	• Bank Pembangunan Pelbagai Hala, Institusi Kewangan Pelbagai Hala, kerajaan asing, agensi separa kerajaan asing dan syarikat multinasional asing boleh menerbitkan bon/sukuk dalam denominasi ringgit atau mata wang asing di Malaysia
• Penggunaan perolehan bon/sukuk	• Perolehan bon/sukuk dibenarkan untuk diguna di dalam dan di luar negeri • Perolehan bon/sukuk dalam denominasi ringgit untuk kegunaan di luar negeri perlu ditukar kepada mata wang asing dengan bank tempatan berlesen
• Perlindungan nilai	• Penerbit perlu melindung nilai dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/keuntungan yang berpunca daripada terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit dengan bank tempatan berlesen jika perolehannya akan digunakan di luar negeri • Pelabur bukan pemastautin bagi bon/sukuk adalah bebas untuk melindung nilai dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/keuntungan dengan bank tempatan berlesen
• Garis panduan untuk terbitan	• Butir-butir khusus garis panduan terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit dan mata wang asing di Malaysia boleh didapati daripada mana-mana laman sesawang berikut: ✓ http://www.mifc.com ✓ http://www.bnm.gov.my/fxadmin ✓ http://www.sc.com.my
PERLINDUNGAN NILAI OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Perlindungan nilai aset ringgit	• Bebas melindung nilai dengan bank tempatan berlesen bagi dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/keuntungan berikutan pelaburan dalam aset ringgit yang dibuat pada atau selepas 1 April 2005, dan juga pelaburan dalam bon/sukuk dalam denominasi ringgit yang diterbitkan di Malaysia oleh bukan pemastautin
PEMBUKAAN AKAUN RINGGIT DAN MATA WANG ASING DI MALAYSIA OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembukaan akaun ringgit dan mata wang asing	• Bebas untuk membuka: ✓ Akaun ringgit dengan bank tempatan berlesen; dan ✓ Akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen • Akaun ringgit yang disenggara oleh bukan pemastautin dengan bank tempatan berlesen di Malaysia disebut sebagai `Akaun Luar´

• Penghantaran balik/ penggunaan dana dalam akaun ringgit atau mata wang asing	• **Akaun Luar** ✓ Bebas untuk menukar ringgit kepada mata wang asing dengan bank tempatan berlesen untuk penghantaran balik ke luar negeri; ✓ Bebas untuk membayar pemastautin bagi sebarang tujuan, kecuali yang berikut: ➢ Pembayaran untuk import barangan dan perkhidmatan; ➢ Pemberian pinjaman dalam ringgit kepada pemastautin selain yang dibenarkan oleh Pengawal Pertukaran Asing; dan ➢ Pembayaran bagi pihak ketiga ✓ Bebas untuk membayar kepada Akaun Luar bukan pemastautin yang lain bagi penyelesaian pembelian aset ringgit • **Akaun mata wang asing** ✓ Bebas untuk menghantar balik; dan ✓ Bebas untuk membayar pemastautin bagi sebarang tujuan termasuk penyelesaian pembelian barangan dan perkhidmatan
IMPORT DAN EKSPORT RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PENGEMBARA BUKAN PEMASTAUTIN	
• Import dan eksport wang kertas ringgit	• Dibenarkan mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000
• Import wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Tiada had
• Eksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Sehingga bersamaan dengan amaun yang dibawa masuk ke Malaysia atau USD10,000, mengikut mana yang lebih tinggi
• Import dan eksport ringgit dan mata wang asing melebihi had yang dibenarkan	• Permohonan boleh dibuat secara dalam talian, dengan menggunakan Borang 13 yang boleh didapati di http://www.bnm.gov.my/fxadmin atau dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia

II. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang Terpakai kepada PEMASTAUTIN[8]

<table>
<tr><th colspan="2">PELABURAN DALAM ASET MATA WANG ASING[9] OLEH PEMASTAUTIN</th></tr>
<tr><td colspan="2">Had semasa bagi pelaburan dalam aset mata wang asing hanya terpakai kepada pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik dan menukar ringgit kepada mata wang asing untuk melabur dalam aset mata wang asing</td></tr>
<tr><td>• Pelaburan dalam aset mata wang asing</td><td>• Tiada had bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik
• Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik[10] dibenarkan untuk melabur seperti berikut:
<table><tr><td>Individu pemastautin[11]</td><td>• Tiada had jika dibiayai dengan dana mata wang asing milik sendiri yang disimpan di bank tempatan atau di luar negeri;
• Sehingga amaun penuh peminjaman mata wang asing yang dibenarkan; dan
• Sehingga RM1 juta secara agregat setiap tahun kalendar jika dibiayai dengan penukaran ringgit</td></tr></table></td></tr>
</table>

[8] **Pemastautin:**
- Warganegara Malaysia, tidak termasuk orang yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap di wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar negeri;
- Seorang bukan warganegara yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap di Malaysia dan menetap di Malaysia;
- Sebuah syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan, atau didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia;
- Sebuah syarikat tidak diperbadankan yang didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia;
- Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri; atau
- Mana-mana individu yang ditentukan oleh Pengawal Pertukaran Asing sebagai pemastautin

[9] **Aset mata wang asing** termasuk:
- Pelaburan dalam sekuriti mata wang asing;
- Pinjaman kepada bukan pemastautin;
- Deposit dalam mata wang asing di dalam atau di luar negeri; dan
- Pelaburan dalam produk mata wang asing yang diluluskan yang ditawarkan oleh bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen dan mana-mana pemastautin yang dibenarkan oleh Pengawal Pertukaran Asing

[10] Peminjaman ringgit domestik merujuk kepada sebarang pendahuluan, pinjaman, kemudahan pembiayaan perdagangan, sewa beli, kemudahan pemfaktoran dengan rekursa, kemudahan pajakan kewangan, jaminan bagi pembayaran barangan, saham keutamaan boleh tebus atau kemudahan yang serupa dalam apa jua nama atau bentuk, dalam denominasi ringgit, kecuali:
- Terma kredit perdagangan yang diberi oleh pembekal bagi semua jenis barangan dan perkhidmatan;
- Kontrak tukaran asing hadapan yang dibuat dengan bank tempatan berlesen;
- Jaminan prestasi dan jaminan kewangan;
- Satu pinjaman perumahan persendirian dan satu pinjaman kenderaan yang diperoleh daripada pemastautin;
- Kemudahan kad kredit dan kad caj;
- Kemudahan pajakan operasi;
- Kemudahan pemfaktoran tanpa rekursa; dan
- Peminjaman antara syarikat dalam satu kumpulan korporat di Malaysia

[11] Individu pemastautin termasuk milikan tunggal, perkongsian am dan perkongsian dengan rakan kongsi am dan terhad

<table>
<tr>
<td></td>
<td>
<table>
<tr>
<td>Syarikat pemastautin[12]</td>
<td>✓ Tiada had jika dibiayai dengan dana mata wang asing milik sendiri yang disimpan di bank tempatan atau di luar negeri;
✓ Tiada had jika dibiayai dengan perolehan daripada tawaran awam awal di:
– Bursa Malaysia; atau
– Bursa saham asing
• Sehingga amaun penuh peminjaman mata wang asing yang dibenarkan; dan
• Sehingga RM50 juta secara agregat dan dalam satu kumpulan korporat setiap tahun kalendar jika dibiayai dengan penukaran ringgit</td>
</tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>• Pelaburan dalam aset mata wang asing oleh pelabur institusi pemastautin
✓ Syarikat pengurusan amanah saham
✓ Syarikat pengurusan dana
✓ Penanggung insurans dan pengendali takaful</td>
<td>• Syarikat pengurusan amanah saham:
✓ Pelaburan dana Islam
➢ Tiada had
✓ Pelaburan dana konvensional
Dana dalam denominasi mata wang asing
➢ 100% daripada nilai aset bersih (net asset value, NAV)
Dana dalam ringgit
➢ 100% daripada NAV yang dilanggan oleh bukan pemastautin dan pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan
➢ 50% daripada NAV yang dilanggan oleh pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik

• Syarikat pengurusan dana:
✓ Dana dimandatkan untuk dilaburkan dalam aset berlandaskan Syariah
➢ Tiada had
✓ Dana dimandatkan untuk dilaburkan dalam aset bukan berlandaskan Syariah</td>
</tr>
</table>

[12] Syarikat pemastautin termasuk perkongsian terhad dan entiti selain syarikat seperti koperasi dan pertubuhan amal

	Dana mata wang asing ➢ Tiada had **Dana ringgit** ➢ 100% daripada jumlah dana yang diuruskan bagi bukan pemastautin dan pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan ➢ 50% daripada jumlah dana yang diuruskan bagi pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik
	• Penanggung insurans dan pengendali takaful, termasuk unit perniagaan mata wang antarabangsa pengendali takaful dan pengendali takaful antarabangsa: **Dana dalam denominasi mata wang asing** ➢ 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan mata wang asing yang ditawarkan kepada pemastautin dan bukan pemastautin **Dana dalam denominasi ringgit** ➢ 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang ditawarkan kepada bukan pemastautin dan pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; ➢ 50% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang ditawarkan kepada pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik; ➢ 10% daripada margin kesolvenan bagi penanggung insurans; dan ➢ 5% daripada jumlah aset bagi pengendali takaful
• Pembayaran bagi pembelian aset mata wang asing	• Aset mata wang asing di luar negeri: ✓ Pembayaran perlu dibuat dalam mata wang asing ✓ Mata wang asing boleh diperoleh daripada penukaran ringgit dengan bank tempatan berlesen[13] atau dana mata wang asing milik sendiri • Aset mata wang asing tempatan yang ditawarkan oleh bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen atau entiti[14] yang diluluskan oleh Pengawal Pertukaran Asing: ✓ Pembayaran boleh dibuat dalam mata wang asing atau ringgit
• Penjualan pelaburan/ pendapatan daripada pelaburan dalam aset mata wang asing	• Bebas untuk menghantar balik dan menukar hasil jualan pelaburan atau pendapatan daripada pelaburan dalam aset mata wang asing kepada ringgit dengan bank tempatan berlesen • Bebas untuk menyimpan perolehan dalam akaun mata wang asing
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen bagi pelaburan dalam aset mata wang asing berdasarkan komitmen asas yang sah • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen

[13] Bank tempatan berlesen merujuk kepada bank perdagangan berlesen, bank Islam berlesen dan bank pelaburan berlesen

[14] Contoh: (a) Syarikat amanah saham yang menawarkan dana amanah saham dalam mata wang asing; dan
(b) Bursa Malaysia bagi dagangan produk derivatif dalam mata wang asing seperti niaga hadapan minyak sawit mentah

PEMINJAMAN DALAM MATA WANG ASING DAN RINGGIT OLEH PEMASTAUTIN	
• Peminjaman mata wang asing oleh:	
✓ Individu pemastautin	• Bebas untuk meminjam dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM10 juta secara agregat, daripada: ✓ Bank tempatan berlesen; ✓ Bank Islam Antarabangsa berlesen; dan ✓ Bukan pemastautin • Pembiayaan perdagangan yang melibatkan eksport hanya boleh diperoleh daripada bank tempatan berlesen • Dibenarkan untuk membiayai semula baki pinjaman dalam mata wang asing yang telah diluluskan
✓ Syarikat pemastautin	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada: ✓ Syarikat induk bukan bank bukan pemastautin[15]; ✓ Syarikat pemastautin lain dalam kumpulan korporat yang sama[16] di Malaysia; ✓ Bank tempatan berlesen; dan ✓ Bank Islam Antarabangsa berlesen • Bebas untuk meminjam dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM100 juta secara agregat dalam satu kumpulan korporat: ✓ Daripada bukan pemastautin (selain syarikat induk bukan bank bukan pemastautin); dan ✓ Melalui terbitan bon dalam denominasi mata wang asing di dalam dan di luar negeri • Bebas untuk meminjam sebarang amaun kredit pembekal dalam mata wang asing daripada pembekal bukan pemastautin • Dibenarkan untuk membiayai semula baki pinjaman dalam mata wang asing yang telah diluluskan
• Pendapatan daripada penyenaraian di luar negeri	• Bebas untuk meminjam daripada syarikat pemastautin lain dalam satu kumpulan korporat yang sama di Malaysia, pendapatan mata wang asing yang diperoleh daripada penyenaraian di bursa saham luar negeri

[15] Syarikat induk bukan bank milik bukan pemastautin merujuk kepada:
(a) syarikat bukan pemastautin yang mempunyai pegangan saham melebihi 50% dalam syarikat pemastautin; atau
(b) syarikat induk akhir syarikat pemastautin tersebut, yang bukan bank, syarikat pemegang pelaburan yang dimiliki oleh bank atau syarikat broker saham

[16] Kumpulan korporat merujuk kepada kumpulan syarikat yang mempunyai hubungan induk dan anak syarikat di Malaysia

• Kemudahan pembiayaan perdagangan mata wang asing	• Bebas untuk memperoleh kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing daripada: ✓ Bank tempatan berlesen; dan ✓ Bank Islam Antarabangsa berlesen (selain kemudahan pembiayaan perdagangan berkaitan eksport) • Dibenarkan untuk memperoleh kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing dari luar negeri sehingga jumlah bersamaan RM5 juta secara agregat. Kemudahan pembiayaan perdagangan adalah sebahagian daripada had RM100 juta bagi peminjaman dalam mata wang asing daripada bukan pemastautin • Kemudahan pembiayaan perdagangan bagi eksport barangan hendaklah diperoleh daripada bank tempatan berlesen sahaja
• Pembayaran balik dan pembayaran awal	• Bebas untuk membuat pembayaran balik dan pembayaran awal peminjaman mata wang asing yang diluluskan
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai pengeluaran dan pembayaran balik peminjaman mata wang asing dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
• Peminjaman ringgit daripada bukan pemastautin oleh:	
✓ Individu pemastautin	• Bebas untuk meminjam sehingga RM1 juta secara agregat daripada syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin untuk kegunaan di Malaysia
✓ Syarikat pemastautin	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit daripada syarikat induk bukan bank bukan pemastautin bagi membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia • Bebas untuk meminjam sehingga RM1 juta secara agregat daripada syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin untuk kegunaan di Malaysia
PEMBERIAN PINJAMAN DALAM RINGGIT OLEH PEMASTAUTIN	
• Pemberian pinjaman dalam ringgit oleh:	
✓ Syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin	• Bebas untuk memberi sebarang amaun pinjaman dalam ringgit kepada syarikat bukan bank bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin untuk: ✓ Membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia; dan ✓ Membiayai atau membiayai semula pembelian harta kediaman dan komersial di Malaysia
✓ Bank tempatan berlesen	• Bebas untuk memberi sebarang amaun pinjaman dalam ringgit kepada: ✓ Syarikat bukan bank bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank): ➢ Untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia; ➢ Bagi pembiayaan margin; dan ➢ Untuk membiayai atau membiayai semula pembelian harta kediaman dan komersial di Malaysia

	✓ Syarikat broker saham dan bank bukan pemastautin bagi penyelesaian sekuriti dalam ringgit di Bursa Malaysia dan RENTAS disebabkan oleh kelewatan penerimaan dana yang tidak disengajakan
✓ Syarikat broker saham pemastautin	• Bebas untuk memberi sebarang amaun pembiayaan margin dalam ringgit kepada syarikat bukan bank bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin bagi pembelian saham tersenarai di Bursa Malaysia
✓ Syarikat insurans pemastautin	• Bebas untuk memberi pinjaman dalam ringgit kepada individu bukan pemastautin sehingga jumlah nilai serahan tunai polisi insurans yang dibeli oleh bukan pemastautin
TERBITAN SEKURITI DALAM DENOMINASI RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
• Terbitan sekuriti kepada bukan pemastautin	• Bebas untuk menerbitkan sekuriti ringgit berikut yang didaftarkan di Malaysia, kepada bukan pemastautin: ✓ Saham biasa, termasuk bonus dan terbitan hak; ✓ Saham keutamaan tidak boleh tebus; dan ✓ Sekuriti hutang swasta • Kebenaran hendaklah diperoleh terlebih dahulu bagi terbitan sekuriti kepada bukan pemastautin selain yang tersebut di atas
• Terbitan bon/sukuk:	
✓ Bon/sukuk dalam denominasi ringgit	• Bebas untuk menerbitkannya di Malaysia
✓ Bon/sukuk dalam denominasi mata wang asing	• Bebas untuk menerbitkan asalkan jumlah peminjaman mata wang asing, termasuk bon/sukuk, tidak melebihi jumlah bersamaan RM100 juta
• Penggunaan perolehan bon/sukuk:	
✓ Bon/sukuk dalam denominasi ringgit	• Bebas digunakan di dalam negeri • Bebas digunakan untuk pelaburan dalam aset mata wang asing dengan syarat jumlah pelaburan penerbit tidak melebihi jumlah agregat bersamaan RM50 juta dalam satu kumpulan korporat setiap tahun kalendar
✓ Bon/sukuk dalam denominasi mata wang asing	• Bebas digunakan di dalam dan di luar negeri
• Garis panduan bagi terbitan	• Garis panduan bagi terbitan boleh didapati daripada mana-mana laman sesawang berikut: ✓ http://www.mifc.com ✓ http://www.bnm.gov.my/fxadmin ✓ http://www.sc.com.my

JAMINAN KEWANGAN	
• Bank tempatan berlesen	• Bebas memberi sebarang amaun jaminan kewangan bagi pihak atau sebagai menyokong seseorang bukan pemastautin • Bebas memperoleh sebarang amaun jaminan kewangan daripada bukan pemastautin • Jaminan kewangan tersebut di atas yang dikeluarkan atau diperoleh oleh bank tempatan berlesen tidak perlu didaftarkan dengan Pengawal Pertukaran Asing
• Pemastautin bukan bank	• Bebas memberi sebarang amaun jaminan kewangan bagi pihak atau sebagai menyokong seseorang bukan pemastautin • Bebas memperoleh sebarang amaun jaminan kewangan daripada bukan pemastautin • Jaminan kewangan yang diberi oleh atau diperoleh daripada pemastautin bukan bank perlu didaftarkan dengan Pengawal Pertukaran Asing sekurang-kurangnya tujuh hari bekerja sebelum pengeluaran atau pemerolehan jaminan kewangan, jika amaun agregat bagi jaminan kewangan yang dikeluarkan atau diperoleh, masing-masing, melebihi nilai bersamaan RM50 juta
EKSPORT DAN IMPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN OLEH PEMASTAUTIN	
• Mata wang bagi pembayaran import dan eksport barangan dan perkhidmatan	• Pembayaran perlu dibuat dalam mata wang asing
• Penghantaran balik perolehan daripada eksport barangan	• Perolehan daripada eksport perlu dihantar balik sepenuhnya ke Malaysia seperti dinyatakan dalam kontrak jualan, yang tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport • Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu sekiranya pemastautin: ✓ Mengimbangi perolehan eksport dengan bayaran kepada bukan pemastautin; atau ✓ Menerima perolehan eksport selepas enam bulan dari tarikh eksport
• Penyimpanan perolehan eksport dalam mata wang asing di dalam dan luar negeri	• Bebas untuk disimpan dalam akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen • Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu untuk menyimpan dalam akaun mata wang asing yang disenggara dengan Bank Islam Antarabangsa berlesen atau bank di luar negeri
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen bagi pembayaran atau penerimaan untuk import atau eksport barangan dan perkhidmatan berdasarkan: ✓ Komitmen asas yang sah; atau ✓ Anggaran, sehingga had jumlah sebenar yang dibayar atau diterima dalam tempoh 12 bulan sebelumnya • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen

PEMBUKAAN AKAUN MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
• Pembukaan akaun mata wang asing	• Bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen, bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank di luar negeri
• Sumber dana	• Akaun tersebut boleh dikreditkan dengan dana mata wang asing yang diperoleh: ✓ Daripada penukaran ringgit dengan bank tempatan berlesen: ➢ Tiada had bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; ➢ Bagi pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik, sehingga had yang dibenarkan bagi pelaburan dalam aset mata wang asing. Had tambahan berikut diberikan untuk tujuan pengajian dan pekerjaan di luar negeri: - Sehingga USD150,000 dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen; - Sehingga USD150,000 dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan; dan - Sehingga USD50,0000 dengan bank di luar negeri ✓ Daripada pemastautin lain bagi tujuan yang dibenarkan; dan ✓ Daripada bukan pemastautin bagi tujuan yang dibenarkan. Perolehan eksport hendaklah disimpan dengan bank tempatan berlesen sahaja
• Pembukaan akaun mata wang asing bersama	• Individu pemastautin adalah bebas untuk membuka akaun mata wang asing bersama dengan individu pemastautin lain untuk sebarang tujuan • Walau bagaimanapun, syarikat pemastautin dikehendaki mendapatkan kebenaran terlebih dahulu untuk membuka akaun mata wang asing bersama
PEMBAYARAN ANTARA PEMASTAUTIN	
• Pembayaran dalam ringgit	• Tiada sekatan
• Pembayaran dalam mata wang asing	• Syarikat pemastautin yang mempunyai perolehan eksport adalah bebas untuk membayar syarikat pemastautin lain dalam mata wang asing bagi penyelesaian barangan dan perkhidmatan yang dibiayai oleh dana dalam akaun mata wang asingnya • Pemastautin[17] yang menyertai komoditi murabahah melalui penyedia perkhidmatan perdagangan komoditi pemastautin adalah bebas untuk membuat pembayaran dalam mata wang asing kepada pemastautin yang lain

[17] Pemastautin yang menyertai komoditi murabahah terdiri daripada institusi kewangan, syarikat atau individu, broker komoditi, pembekal komoditi, pembeli komoditi dan penyedia perkhidmatan perdagangan komoditi

PERLINDUNGAN NILAI OLEH PEMASTAUTIN	
• Perlindungan nilai bagi transaksi akaun semasa	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen untuk pembayaran dan penerimaan import dan eksport barangan dan perkhidmatan berdasarkan: ✓ Komitmen asas yang sah; atau ✓ Anggaran, dengan syarat jumlah yang dilindungi tidak melebihi jumlah keseluruhan yang dibayar atau diterima dalam tempoh 12 bulan sebelumnya • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
• Perlindungan nilai bagi transaksi akaun modal	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank tempatan berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen berasaskan aliran masuk atau keluar dana yang dibenarkan • Pemastautin juga dibenarkan untuk melindung nilai pegangan aset mata wang asing mereka yang sedia ada • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
IMPORT DAN EKSPORT RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PENGEMBARA PEMASTAUTIN	
• Import dan eksport wang kertas ringgit	• Dibenarkan mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000
• Import wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Tiada had
• Eksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Dibenarkan mengeksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara sehingga jumlah bersamaan USD10,000
• Import dan eksport ringgit dan mata wang asing melebihi had yang dibenarkan	• Permohonan boleh dibuat secara dalam talian, dengan menggunakan Borang 13 yang boleh didapati di http://www.bnm.gov.my/fxadmin atau dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia

URUS NIAGA DENGAN ORANG YANG DITENTUKAN	
• Orang Yang Ditentukan	• Kebenaran hendaklah diperoleh terlebih dahulu bagi urus niaga antara pemastautin dengan Orang Yang Ditentukan seperti berikut: ✓ Individu atau entiti seperti yang ditentukan oleh Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSCR) berkaitan dengan: ➢ Osama bin Laden dan Kumpulan Taliban ➢ Liberia ➢ Pertubuhan Al-Qaida ➢ Anggota keluarga terdekat Saddam Hussein atau pegawai tertinggi rejim Iraq dahulu dan anggota keluarga terdekat mereka ➢ Iran ➢ Republik Demokratik Kongo ➢ Republik Demokratik Rakyat Korea ➢ Sudan ✓ Negara Israel atau pemastautinnya; ✓ Pihak berkuasa Negara Israel; ✓ Agensi Negara Israel atau pemastautinnya; dan ✓ Sebarang entiti yang dimiliki atau dikawal, secara langsung atau tidak langsung, oleh Negara Israel atau pemastautinnya
SYARIKAT PEMASTAUTIN YANG DIBERIKAN STATUS KHAS	
• Syarikat Koridor Raya Multimedia	• Syarikat yang berstatus Koridor Raya Multimedia dikecualikan daripada keperluan pentadbiran pertukaran asing bagi urus niaga yang dilakukan untuk akaun sendiri kecuali urus niaga dalam ringgit di luar negeri
• Ibu Pejabat Operasi yang Diluluskan (Operational Headquarters, OHQ)	• Bebas untuk melabur sebarang amaun dalam aset mata wang asing yang dibiayai dengan dana mata wang asing sendiri atau peminjaman dalam mata wang asing • Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen dan mana-mana bukan pemastautin, dengan syarat OHQ tersebut tidak meminjamkan dana itu kepada, atau memperoleh dana itu bagi pihak, mana-mana pemastautin • Bebas menggunakan sebarang amaun dana yang diperoleh daripada penyenaraian saham melalui tawaran awam awal di Bursa Malaysia bagi pelaburan dalam aset mata wang asing • Bebas untuk memberi pinjaman dalam mata wang asing daripada perolehan daripada penyenaraian saham dalam bursa saham asing, kepada syarikat pemastautin lain dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia
• Pusat Pengagihan Serantau dan Pusat Pemerolehan Antarabangsa	• Pusat Pengagihan Serantau dan Pusat Pemerolehan Antarabangsa tertakluk kepada peraturan yang terpakai kepada syarikat pemastautin

• Syarikat pemastautin yang dibenarkan di bawah rangka kerja berikut: ✓ Wilayah Pembangunan Iskandar ✓ Dasar Bioteknologi Kebangsaan	• Bebas untuk: ✓ Membayar dan menerima dalam mata wang asing dengan pemastautin; ✓ Meminjam sebarang amaun mata wang asing daripada bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen dan bukan pemastautin; ✓ Melabur sebarang amaun dalam aset mata wang asing di dalam dan di luar negeri; dan ✓ Menyimpan perolehan eksport di luar negeri

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Jadual A.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2000

	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2010*r*
	RM juta					
Pertanian	35,835	37,701	38,224	39,769	39,929	41,175
Perlombongan dan kuari	42,472	42,030	42,881	42,550	40,926	41,933
Perkilangan	137,940	147,154	151,789	153,744	139,448	148,455
Pembinaan	14,685	14,639	15,332	15,657	16,548	17,157
Perkhidmatan	230,043	247,099	270,903	290,538	297,995	312,565
Tolak: FISIM[1] yang tidak diagihkan	17,742	18,385	19,730	20,786	22,270	23,728
Campur: Duti import	6,017	5,287	5,521	6,839	6,642	5,824
KDNK pada harga pembeli[2]	**449,250**	**475,526**	**504,919**	**528,311**	**519,218**	**543,380**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	2.6	5.2	1.4	4.0	0.4	3.1
Perlombongan dan kuari	-0.4	-1.0	2.0	-0.8	-3.8	2.5
Perkilangan	5.2	6.7	3.1	1.3	-9.3	6.5
Pembinaan	-1.5	-0.3	4.7	2.1	5.7	3.7
Perkhidmatan	7.2	7.4	9.6	7.2	2.6	4.9
Tolak: FISIM[1] yang tidak diagihkan	0.2	3.6	7.3	5.4	7.1	6.5
Campur: Duti import	-1.3	-12.1	4.4	23.9	-2.9	-12.3
KDNK pada harga pembeli[2]	**5.3**	**5.8**	**6.2**	**4.6**	**-1.7**	**4.5~5.5**

[1] Perkhidmatan pengantaraan kewangan yang diukur secara tidak langsung
[2] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2
Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100)

	2006	2007	2008	2009	2007	2008	2009
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**110.0**	**111.2**	**109.9**	**97.7**	**1.1**	**-1.2**	**-11.1**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**113.5**	**111.8**	**107.8**	**83.2**	**-1.5**	**-3.6**	**-22.8**
Elektronik	*116.4*	*119.9*	*113.4*	*85.5*	*3.0*	*-5.4*	*-24.6*
Keluaran elektrik	*107.9*	*96.2*	*97.1*	*78.9*	*-10.8*	*0.9*	*-18.8*
Kelompok barangan berkaitan sumber	**107.7**	**110.7**	**111.2**	**107.4**	**2.9**	**0.4**	**-3.5**
Bahan kimia dan keluaran kimia	107.6	111.4	107.6	105.8	3.6	-3.5	-1.7
Keluaran petroleum	108.2	110.8	117.4	116.5	2.5	5.9	-0.8
Tekstil, pakaian dan kasut	102.2	100.3	100.3	80.4	-1.9	0.0	-19.8
Kayu dan keluaran kayu	97.1	95.7	91.2	76.0	-1.4	-4.7	-16.6
Keluaran getah	112.7	122.5	128.2	124.3	8.6	4.7	-3.0
Pemprosesan di luar estet	115.4	105.1	115.0	112.6	-8.9	9.4	-2.1
Keluaran kertas	112.4	140.8	120.6	114.0	25.3	-14.4	-5.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**105.3**	**112.5**	**121.5**	**114.6**	**6.8**	**8.0**	**-5.7**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**112.3**	**121.6**	**126.9**	**112.4**	**8.3**	**4.3**	**-11.4**
Barangan berkaitan pembinaan	107.1	113.2	116.9	95.8	5.8	3.2	-18.1
Keluaran galian bukan logam	*105.8*	*105.3*	*114.9*	*99.3*	*-0.4*	*9.1*	*-13.6*
Keluaran asas besi dan keluli dan logam bukan ferus	*108.6*	*122.9*	*119.3*	*91.5*	*13.1*	*-2.9*	*-23.3*
Keluaran logam yang direka	122.4	137.8	146.2	144.6	12.5	6.1	-1.1
Kelompok barangan pengguna	**100.2**	**105.9**	**117.6**	**116.1**	**5.6**	**11.0**	**-1.2**
Keluaran makanan	106.4	114.5	125.8	129.8	7.6	9.9	3.2
Kelengkapan pengangkutan	95.3	94.3	116.4	102.0	-1.1	23.4	-12.4
Minuman	98.5	114.2	117.2	114.5	15.9	2.6	-2.3
Keluaran tembakau	95.7	99.0	93.5	87.5	3.5	-5.6	-6.4
Lain-lain	99.7	110.4	101.7	129.1	10.7	-7.9	27.0
Jumlah	**109.1**	**111.4**	**112.2**	**101.0**	**2.2**	**0.7**	**-10.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3
Pengeluaran Komoditi Utama

	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2006	2007	2008	2009*a*
	Jumlah					Perubahan tahunan (%)			
Minyak sawit mentah ('000 tan)	14,962	15,881	15,824	17,734	17,565	6.1	-0.4	12.1	-1.0
Getah ('000 tan)	1,126	1,284	1,200	1,072	856	14.0	-6.6	-10.6	-20.2
Kayu balak ('000 meter padu)	22,398	21,894	22,052	20,083	16,682[1]	-2.3	0.7	-8.9	-10.9[1]
Koko ('000 tan)	28	32	35	28	18	14.2	10.2	-20.5	-35.1
Minyak mentah (termasuk kondensat) ('000 tong sehari)	704	667	683	688	660	-5.2	2.4	0.8	-4.1
Gas asli (juta kaki padu sehari)	5,797	5,774	5,884	5,888	5,667	-0.4	1.9	0.1	-3.7
Timah padat ('000 tan)	2.9	2.4	2.3	2.6	2.4	-16.1	-4.9	14.3	-7.4

[1] Januari - November 2009
a Awalan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
PETRONAS
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Jadual A.4
PNK Mengikut Agregat Permintaan

	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2010*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	298,750	326,889	371,021	426,678	435,207	454,544
Penggunaan swasta	*234,234*	*258,280*	*292,724*	*334,147*	*338,767*	*359,771*
Penggunaan awam	*64,516*	*68,609*	*78,297*	*92,531*	*96,440*	*94,773*
Pelaburan	107,185	119,213	138,703	145,041	137,397	149,302
Pelaburan swasta	*53,705*	*62,139*	*76,981*	*80,624*	*62,547*	*65,430*
Pelaburan awam	*53,480*	*57,074*	*61,721*	*64,417*	*74,850*	*83,872*
Perubahan dalam stok[1]	-2,770	-1,722	5	-3,757	-42,900	2,964
Eksport barangan dan perkhidmatan	613,694	669,505	707,156	765,370	653,288	717,468
Import barangan dan perkhidmatan	494,414	539,443	577,110	594,655	508,559	576,625
KDNK pada harga pembeli	522,445	574,441	639,776	738,677	674,434	747,654
Pembayaran faktor bersih luar negeri	-23,943	-17,294	-13,893	-23,707	-12,589	-19,918
PNK	498,503	557,147	625,882	714,970	661,845	727,736
	pada Harga Malar 2000 (RM juta)					
Penggunaan	274,642	292,280	320,313	348,995	353,831	362,430
Penggunaan swasta	*216,247*	*230,948*	*255,014*	*276,589*	*278,753*	*289,380*
Penggunaan awam	*58,395*	*61,332*	*65,299*	*72,406*	*75,078*	*73,050*
Pelaburan	99,266	106,750	116,964	117,868	111,356	117,481
Pelaburan swasta	*50,841*	*55,538*	*62,101*	*62,598*	*48,956*	*49,299*
Pelaburan awam	*48,425*	*51,212*	*54,863*	*55,270*	*62,400*	*68,182*
Perubahan dalam stok[1]	-3,080	257	-4,075	-7,726	-20,939	2,410
Eksport barangan dan perkhidmatan	554,261	590,784	617,279	625,365	561,904	605,006
Import barangan dan perkhidmatan	475,838	514,544	545,562	556,191	486,934	543,946
KDNK pada harga pembeli	449,250	475,526	504,919	528,311	519,218	543,380
Pembayaran faktor bersih luar negeri	-24,956	-20,517	-23,114	-36,781	-21,798	-28,088
PNK	424,295	455,008	481,806	491,529	497,420	515,292

[1] Termasuk perbezaan perangkaan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	RM juta				
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	53,480	57,074	61,722	64,417	74,850
Tabungan awam	70,506	83,226	103,841	80,879	92,272
Defisit/lebihan	17,026	26,152	42,119	16,462	17,422
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	50,935	60,417	76,986	76,867	19,647
Tabungan swasta	112,275	130,294	135,277	189,918	114,928
Defisit/lebihan	61,340	69,877	58,291	113,051	95,281
Pembentukan modal dalam negeri kasar	104,415	117,491	138,708	141,284	94,497
(% daripada PNK)	20.9	21.1	22.2	19.8	14.3
Tabungan negara kasar	182,781	213,520	239,118	270,797	207,200
(% daripada PNK)	36.7	38.3	38.2	37.9	31.3
Imbangan akaun semasa	78,366	96,029	100,410	129,513	112,703
(% daripada PNK)	15.7	17.2	16.0	18.1	17.0

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.6
Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih

	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	(bilangan jawatan/orang)				
Kekosongan Jawatan baharu mengikut Industri[1]					
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	40,438	188,104	226,759	275,548	230,303
Perlombongan dan kuari	150	861	1,163	1,450	1,377
Perkilangan	112,542	348,302	275,155	327,798	695,418
Pembinaan	48,524	129,586	117,217	107,421	111,622
Perkhidmatan	63,441	154,902	204,599	346,763	507,627
Elektrik, gas dan air	*859*	*2,227*	*1,477*	*2,047*	*4,367*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*23,921*	*67,956*	*66,600*	*99,317*	*162,270*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*3,892*	*8,287*	*12,578*	*15,264*	*15,090*
Pengantaraan kewangan, harta tanah, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan	*13,874*	*26,642*	*50,235*	*125,821*	*148,001*
Pentadbiran awam, pertahanan dan keselamatan sosial wajib	*2,497*	*3,539*	*11,287*	*11,132*	*16,128*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian	*18,398*	*46,251*	*62,422*	*93,182*	*161,771*
Tidak tersenarai pada bahagian lain	39,405	12,920	289	0	0
Jumlah kekosongan	**304,500**	**834,675**	**825,182**	**1,058,980**	**1,546,347**
Pemberhentian Pekerja mengikut Industri					
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	243	312	255	398	278
Perlombongan dan kuari	355	78	61	89	78
Perkilangan	11,802	8,890	9,970	11,014	17,850
Pembinaan	411	603	291	199	503
Perkhidmatan	3,298	5,477	3,458	4,769	6,355
Elektrik, gas dan air	*0*	*65*	*5*	*77*	*156*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,294*	*2,327*	*1,929*	*2,052*	*1,429*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*802*	*1,521*	*322*	*773*	*643*
Pengantaraan kewangan, harta tanah, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan	*463*	*983*	*761*	*1,008*	*1,923*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian	*739*	*581*	*441*	*859*	*2,204*
Jumlah pemberhentian pekerja	**16,109**	**15,360**	**14,035**	**16,469**	**25,064**
Guna Tenaga mengikut Industri[2] ('000 orang)					
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,401.3	1,392.4	1,389.8	1,390.9	1,391.5
Perlombongan dan kuari	42.7	42.6	42.9	42.8	42.6
Perkilangan	3,133.2	3,227.2	3,296.6	3,338.2	3,302.0
Pembinaan	759.6	755.2	757.3	758.4	760.8
Perkhidmatan	5,555.9	5,741.7	5,911.4	6,046.1	6,112.2
Elektrik, gas dan air	*93.0*	*95.0*	*96.8*	*97.6*	*97.4*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*630.6*	*646.4*	*660.0*	*673.2*	*675.0*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,861.5*	*1,930.4*	*1,957.7*	*1,984.3*	*1,996.4*
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	*734.4*	*767.5*	*789.7*	*811.9*	*814.7*
Perkhidmatan Kerajaan	*1,118.4*	*1,152.5*	*1,225.6*	*1,263.5*	*1,286.2*
Perkhidmatan lain	*1,118.1*	*1,150.0*	*1,181.6*	*1,215.6*	*1,242.5*
Jumlah guna tenaga	**10,892.8**	**11,159.0**	**11,398.0**	**11,576.5**	**11,609.1**
Kadar pengangguran[2] (% daripada tenaga kerja)	**3.5**	**3.3**	**3.2**	**3.3**	**3.7**

a Anggaran
[1] Merujuk kepada jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan melalui portal JobsMalaysia (sebelum ini dikenali sebagai Bursa Buruh Elektronik)
[2] Merujuk kepada anggaran yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia

Jadual A.7
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2008	2009				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kereta penumpang ('000 unit)	497.5	109.0	119.1	133.4	124.5	486.1
Perubahan tahunan (%)	12.3	-9.3	-11.1	-3.5	18.5	-2.3
Import barangan penggunaan (RM bilion)	32.3	7.0	7.6	8.3	8.5	31.4
Perubahan tahunan (%)	11.8	-4.3	-8.3	-4.4	6.3	-2.7
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	7.5	1.4	1.6	1.7	2.3	7.0
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	3.3	0.7	0.9	0.8	1.0	3.3
Wang Secara Kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	8.3	3.5	5.5	6.4	9.8	9.8
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kereta penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	2.2	5.5	14.7	26.1	32.1	19.6
Perniagaan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	24.5	-2.7	-13.9	-14.3	2.9	-7.5
Jualan runcit MRA (% perubahan tahunan)	5.0	-3.3	4.1	0.0	3.0	0.8
Jumlah perbelanjaan kad kredit[1] (RM bilion)	64.2	16.0	16.4	17.3	18.5	68.1
Perubahan tahunan (%)	15.8	6.0	5.7	3.1	9.7	6.2
Indeks Sentimen Pengguna MIER	-	78.9	105.8	105.4	109.6	-
FBM KLCI	876.8	872.6	1,075.2	1,202.1	1,272.8	1,272.8
Harga Komoditi						
Minyak sawit mentah (RM/tan)	2,875	1,927	2,548	2,261	2,292	2,257
Minyak mentah(USD/tong)	100	43	60	68	76	62
Getah (sen/kg)	829	505	564	659	842	643

[1] Perbelanjaan pemastautin sahaja

Jadual A.8
Penunjuk Pelaburan Swasta

	2008	2009				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan ('000 unit)	50.7	11.1	11.8	13.3	14.4	50.6
Perubahan tahunan (%)	14.4	5.4	-10.6	-3.8	9.7	-0.2
Import barangan modal (RM bilion)	69.9	14.8	15.0	16.2	19.8	65.8
Perubahan tahunan (%)	0.0	-7.8	-18.4	-13.2	17.4	-5.9
Kelulusan oleh MITI (Sektor perkilangan)						
Bilangan projek	919	211	179	178	198	766
Pelaburan modal (RM bilion)	62.8	8.0	8.9	4.0	11.9	32.6
Asing	*46.1*	*3.7*	*7.4*	*2.2*	*8.9*	*22.1*
Tempatan	*16.7*	*4.3*	*1.5*	*1.7*	*3.0*	*10.5*
Pelaburan baharu (% bahagian)	66.9	55.6	82.7	60.6	66.6	67.6
Pelaburan semula (% bahagian)	33.1	44.4	17.3	39.4	33.4	32.4
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	12.4	-16.6	-22.2	-20.3	-0.2	-15.3
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	6.8	-6.7	4.7	20.0	52.4	16.4
Sekuriti Hutang Swasta (tidak termasuk Cagamas)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	49.7	9.3	19.3	13.5	16.4	58.6
Aktiviti baharu	33.3	1.3	0.9	1.9	4.7	8.7
Tawaran Awam Awal (Bursa Malaysia)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	1.3	0.0	0.2	0.3	11.6	12.2
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	-	61.1	105.2	113.7	118.8	-
Kadar Penggunaan Kapasiti	-	72.0	78.2	81.7	81.4	-
Syarikat Berstatus MSC						
Bilangan syarikat	242	55	70	75	84	284
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	1.8	0.3	0.7	0.6	0.6	2.2

Jadual A.9
Imbangan Pembayaran

Butiran	2006			2007		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan[1]	**590,018**	**452,726**	**137,292**	**605,916**	**478,243**	**127,673**
Akaun perdagangan	*589,240*	*478,148*	*111,092*	*604,300*	*502,045*	*102,255*
Perkhidmatan	**79,488**	**86,718**	**-7,230**	**101,240**	**98,867**	**2,373**
Pengangkutan	15,217	34,948	-19,731	24,582	37,755	-13,173
Perjalanan	38,239	15,606	22,633	48,289	19,174	29,115
Perkhidmatan lain	25,629	35,322	-9,693	28,068	41,246	-13,178
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l.[2]	403	842	-440	301	691	-390
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**669,505**	**539,443**	**130,062**	**707,156**	**577,110**	**130,047**
Pendapatan	**31,107**	**48,401**	**-17,294**	**38,840**	**52,733**	**-13,893**
Pampasan pekerja	5,007	5,313	-306	5,372	5,972	-600
Pendapatan pelaburan[3]	26,100	43,088	-16,988	33,468	46,761	-13,294
Pindahan semasa	**1,149**	**17,889**	**-16,739**	**1,444**	**17,187**	**-15,743**
Imbangan akaun semasa	**701,761**	**605,734**	**96,029**	**747,439**	**647,030**	**100,410**
% daripada PNK			**17.2**			**16.0**
Akaun modal			**-264**			**-95**
Akaun kewangan			**-43,182**			**-37,710**
Pelaburan langsung			144			-9,142
Di luar negeri			*-22,086*			*-38,224*
Di Malaysia			*22,230*			*29,081*
Pelaburan portfolio			12,786			18,355
Pelaburan lain			-56,112			-46,923
Sektor awam			*-8,018*			*-5,788*
Sektor swasta			*-48,094*			*-41,135*
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-43,446**			**-37,805**
Kesilapan dan ketinggalan			**-27,424**			**-17,309**
antaranya:						
Penambahan (+) / pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			-6,945			-5,597
Imbangan keseluruhan (lebihan + / defisit -)			**25,158**			**45,296**
Rizab antarabangsa						
Bank Negara Malaysia, bersih[4]						
RM juta			290,399			335,695
Bersamaan USD juta			82,451			101,338
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh			7.8			8.4

[1] Diselaraskan untuk penilaian dan liputan bagi asas imbangan pembayaran. Import termasuk barangan ketenteraan yang tidak dimasukkan dalam data perdagangan
[2] Termasuk urus niaga tentera asing dan pertubuhan diplomatik
[3] Termasuk perolehan syarikat pelaburan langsung asing yang tidak diagihkan. Perolehan yang tidak diagihkan ini ditunjukkan sebagai perolehan yang dilaburkan semula di bawah "Pelaburan Langsung" dalam Akaun Kewangan
[4] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
a Awalan
r Ramalan
t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

2008			2009*a*			2010*r*		
+	-	Bersih	+	-	Bersih	+	-	Bersih
				RM juta				
664,325	**493,773**	**170,552**	**554,215**	**412,704**	**141,512**	**615,245**	**473,690**	**141,555**
663,494	*521,611*	*141,883*	*553,295*	*434,940*	*118,355*	*615,058*	*498,353*	*116,705*
101,045	**100,882**	**163**	**99,073**	**95,854**	**3,219**	**102,223**	**102,934**	**-711**
22,495	37,895	-15,401	14,909	31,966	-17,057	16,607	36,292	-19,685
50,961	22,446	28,515	54,213	22,625	31,588	55,439	24,261	31,178
27,463	39,839	-12,376	29,806	40,521	-10,714	30,003	41,666	-11,663
126	702	-576	144	742	-598	175	715	-540
765,370	**594,655**	**170,715**	**653,288**	**508,558**	**144,731**	**717,468**	**576,625**	**140,844**
39,930	**63,638**	**-23,707**	**40,538**	**53,127**	**-12,589**	**40,442**	**60,361**	**-19,918**
4,421	5,152	-731	4,002	5,387	-1,385	3,850	5,490	-1,640
35,509	58,486	-22,977	36,537	47,740	-11,203	36,592	54,871	-18,278
1,410	**18,905**	**-17,495**	**3,687**	**23,127**	**-19,439**	**1,390**	**18,500**	**-17,110**
806,710	**677,197**	**129,513**	**697,513**	**584,812**	**112,703**	**759,301**	**655,485**	**103,815**
		18.1			**17.0**			**14.3**
		592			**-162**			
		-118,501			**-82,948**			
		-26,058			-24,851			
		-50,192			*-30,514*			
		24,134			*5,663*			
		-84,377			830			
		-8,066			-58,927			
		852			*4,099*			
		-8,918			*-63,026*			
		-117,909			**-83,110**			
		-29,854			**-15,762**			
		-5,824			10,697			
		-18,250			**13,831**			
		317,445			331,277			
		91,529			96,688			
		7.6			9.7			

Jadual A.10
Eksport Kasar

	2007	2008	2009*a*	2008	2009*a*	2009*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Perkilangan	**473,695**	**491,930**	**430,575**	**3.8**	**-12.5**	**77.8**
antaranya:						
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	287,696	277,282	246,897	-3.6	-11.0	44.6
Elektronik	213,704	195,933	179,087	-8.3	-8.6	32.4
Separa konduktor	*96,653*	*89,819*	*92,972*	*-7.1*	*3.5*	*16.8*
Kelengkapan dan komponen elektronik	*117,051*	*106,114*	*86,115*	*-9.3*	*-18.8*	*15.6*
Jentera dan peralatan elektrik	73,993	81,349	67,809	9.9	-16.6	12.3
Keluaran elektrik pengguna	*16,461*	*21,388*	*18,794*	*29.9*	*-12.1*	*3.4*
Keluaran elektrik perindustrian dan komersial	*29,696*	*31,088*	*23,986*	*4.7*	*-22.8*	*4.3*
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	*24,297*	*25,382*	*21,905*	*4.5*	*-13.7*	*4.0*
Peralatan elektrik isi rumah	*3,538*	*3,491*	*3,125*	*-1.3*	*-10.5*	*0.6*
Kimia dan keluaran kimia	37,159	40,926	34,161	10.1	-16.5	6.2
Keluaran logam	26,372	29,257	22,644	10.9	-22.6	4.1
Keluaran petroleum	22,093	31,149	21,939	41.0	-29.6	4.0
Kelengkapan optik dan saintifik	13,626	14,944	13,095	9.7	-12.4	2.4
Tekstil, pakaian dan kasut	10,631	10,911	9,375	2.6	-14.1	1.7
Keluaran kayu	9,736	9,767	7,978	0.3	-18.3	1.4
Keluaran getah	10,326	12,426	12,125	20.3	-2.4	2.2
Mineral	**61,913**	**87,536**	**59,317**	**41.4**	**-32.2**	**10.7**
antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat	32,865	43,698	25,360	33.0	-42.0	4.6
Gas asli cecair	26,936	40,732	31,195	51.2	-23.4	5.6
Pertanian	**52,491**	**68,097**	**53,394**	**29.7**	**-21.6**	**9.7**
antaranya:						
Minyak sawit	32,027	45,955	36,365	43.5	-20.9	6.6
Getah	7,334	8,112	4,460	10.6	-45.0	0.8
Lain-lain	**16,201**	**15,931**	**10,009**	**-1.7**	**-37.2**	**1.8**
Jumlah	**604,300**	**663,494**	**553,295**	**9.8**	**-16.6**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.11
Eksport Komoditi Utama

	2007	2008	2009*a*	2008	2009*a*
	Jumlah dan nilai			Perubahan tahunan (%)	
Eksport komoditi (RM juta)	**114,404**	**155,634**	**112,711**	**36.0**	**-27.6**
Eksport pertanian (RM juta)	**52,491**	**68,097**	**53,394**	**29.7**	**-21.6**
antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	13,412	15,699	16,256	17.1	3.5
(RM/tan)	2,388	2,927	2,237	22.6	-23.6
(RM juta)	32,027	45,955	36,365	43.5	-20.9
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	598	684	1,028	14.3	50.3
(RM/tan)	2,749	3,792	1,698	38.0	-55.2
(RM juta)	1,644	2,592	1,745	57.7	-32.7
Getah					
('000 tan)	1,020	916	703	-10.2	-23.2
(sen/kilogram)	719	886	634	23.2	-28.4
(RM juta)	7,334	8,112	4,460	10.6	-45.0
Kayu balak					
('000 meter padu)	4,690	4,368	4,211	-6.9	-3.6
(RM/meter padu)	457	471	482	3.1	2.5
(RM juta)	2,142	2,057	2,031	-4.0	-1.2
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	2,831	2,854	1,689	0.8	-40.8
(RM/meter padu)	1,456	1,211	1,786	-16.9	47.5
(RM juta)	4,123	3,455	3,016	-16.2	-12.7
Biji koko					
('000 tan)	18.4	7.6	14.4	-58.6	88.5
(RM/tan)	6,471	7,883	9,064	21.8	15.0
(RM juta)	119	60	130	-49.5	116.7
Eksport mineral (RM juta)	**61,913**	**87,536**	**59,317**	**41.4**	**-32.2**
antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	16,880	16,477	16,413	-2.4	-0.4
(USD/tong)	74.69	105.31	58.00	41.0	-44.9
(RM juta)	32,865	43,698	25,360	33.0	-42.0
Gas asli cecair					
('000 tan)	22,904	22,873	22,186	-0.1	-3.0
(RM/tan)	1,176	1,781	1,406	51.4	-21.0
(RM juta)	26,936	40,732	31,195	51.2	-23.4
Timah					
('000 tan)	16.8	27.5	22.9	63.5	-16.9
(RM/tan)	47,227	61,675	45,771	30.6	-25.8
(RM juta)	795	1,698	1,047	113.5	-38.3

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.12
Pasaran Utama Eksport Perkilangan

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	RM juta					% bahagian				
Negara-negara ASEAN terpilih	**113,081**	**123,766**	**123,809**	**134,858**	**114,180**	**26.1**	**26.1**	**26.1**	**27.4**	**26.5**
Singapura	75,507	81,359	78,490	85,286	70,359	17.5	17.2	16.6	17.3	16.3
Thailand	21,639	24,624	24,991	25,664	24,073	5.0	5.2	5.3	5.2	5.6
Indonesia	9,492	10,677	12,574	16,339	13,074	2.2	2.3	2.7	3.3	3.0
Filipina	5,429	6,135	6,564	6,225	5,211	1.3	1.3	1.4	1.3	1.2
Brunei Darussalam	1,014	971	1,190	1,344	1,463	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3
Amerika Syarikat	100,859	106,009	90,102	76,689	56,653	23.3	22.4	19.0	15.6	13.2
Kesatuan Eropah	**55,025**	**65,155**	**66,971**	**63,161**	**52,465**	**12.7**	**13.8**	**14.1**	**12.8**	**12.2**
Belanda	14,741	17,787	19,060	18,646	15,178	3.4	3.8	4.0	3.8	3.5
Jerman	9,989	11,158	13,393	13,597	13,716	2.3	2.4	2.8	2.8	3.2
United Kingdom	8,721	10,117	9,219	8,620	6,657	2.0	2.1	1.9	1.8	1.5
Lain-lain	21,575	26,093	25,299	22,298	16,914	5.0	5.5	5.3	4.5	3.9
Republik Rakyat China	26,086	32,015	38,009	44,494	51,169	6.0	6.8	8.0	9.0	11.9
Jepun	32,327	33,294	32,574	36,004	30,177	7.5	7.0	6.9	7.3	7.0
Hong Kong SAR	30,188	28,147	26,690	27,045	28,026	7.0	5.9	5.6	5.5	6.5
Timur Tengah	13,237	16,008	18,815	23,378	20,688	3.1	3.4	4.0	4.8	4.8
Australia	10,854	11,287	12,081	14,808	13,736	2.5	2.4	2.6	3.0	3.2
China Taipei	10,551	10,838	11,724	10,501	10,074	2.4	2.3	2.5	2.1	2.3
Korea	9,564	10,381	10,732	10,304	9,592	2.2	2.2	2.3	2.1	2.2
India	6,532	7,258	9,172	10,129	8,050	1.5	1.5	1.9	2.1	1.9
Negara-negara Amerika Latin	4,789	6,072	7,156	9,181	7,358	1.1	1.3	1.5	1.9	1.7
Kanada	2,637	3,535	2,971	2,964	2,620	0.6	0.7	0.6	0.6	0.6
Negara-negara Lain	16,801	19,666	22,888	28,413	25,787	3.9	4.2	4.8	5.8	6.0
Jumlah	**432,531**	**473,432**	**473,695**	**491,930**	**430,575**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.13
Pasaran Eksport Utama Elektronik

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	13,236	17,297	22,640	27,259	34,833	6.3	7.8	10.6	13.9	19.5
Amerika Syarikat	64,527	68,237	56,406	43,360	28,060	30.9	30.8	26.4	22.1	15.7
Singapura	35,044	35,115	34,326	33,828	28,045	16.8	15.9	16.1	17.3	15.7
Hong Kong SAR	21,651	18,729	17,524	17,433	20,106	10.4	8.5	8.2	8.9	11.2
Jepun	10,319	11,462	11,244	10,171	9,561	4.9	5.2	5.3	5.2	5.3
Belanda	9,954	13,386	13,535	11,210	9,462	4.8	6.0	6.3	5.7	5.3
Thailand	9,377	9,681	9,954	9,392	9,248	4.5	4.4	4.7	4.8	5.2
Jerman	5,153	5,136	6,618	6,587	7,657	2.5	2.3	3.1	3.4	4.3
China Taipei	5,447	5,268	5,357	4,513	5,697	2.6	2.4	2.5	2.3	3.2
Korea	4,210	4,283	4,110	3,612	3,299	2.0	1.9	1.9	1.8	1.8
Lain-lain	29,626	32,914	31,991	28,568	23,118	14.2	14.9	15.0	14.6	12.9
Jumlah	**208,543**	**221,508**	**213,704**	**195,933**	**179,087**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.14
Pasaran Eksport Utama Keluaran Elektrik

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	RM juta					% bahagian				
Amerika Syarikat	18,944	19,025	15,759	14,886	12,970	25.5	24.0	21.3	18.3	19.1
Kesatuan Eropah	11,045	13,235	12,214	13,451	9,344	14.9	16.7	16.5	16.5	13.8
Singapura	13,119	14,701	10,983	10,988	8,169	17.7	18.5	14.8	13.5	12.0
Jepun	7,553	6,090	5,936	7,326	6,946	10.2	7.7	8.0	9.0	10.2
Timur Tengah	2,679	3,355	4,393	5,633	5,090	3.6	4.2	5.9	6.9	7.5
Australia	1,829	1,797	2,522	3,598	4,117	2.5	2.3	3.4	4.4	6.1
Republik Rakyat China	3,340	3,092	3,555	3,816	3,146	4.5	3.9	4.8	4.7	4.6
Hong Kong SAR	2,940	3,420	3,287	3,425	2,976	4.0	4.3	4.4	4.2	4.4
Thailand	2,557	2,670	2,784	2,705	2,600	3.4	3.4	3.8	3.3	3.8
Lain-lain	10,248	11,892	12,561	15,519	12,452	13.8	15.0	17.0	19.1	18.4
Jumlah	**74,253**	**79,277**	**73,993**	**81,349**	**67,809**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.15
Pasaran Eksport Utama Kimia dan Keluaran Kimia

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	4,322	4,432	5,009	5,140	5,359	13.5	13.1	13.5	12.6	15.7
Singapura	3,129	3,084	3,329	3,720	3,299	9.8	9.1	9.0	9.1	9.7
Indonesia	2,459	2,646	2,902	3,972	3,074	7.7	7.8	7.8	9.7	9.0
Thailand	2,809	3,168	3,389	3,659	2,774	8.8	9.4	9.1	8.9	8.1
Jepun	3,199	3,132	2,866	3,221	2,290	10.0	9.3	7.7	7.9	6.7
India	1,678	1,797	1,874	2,195	2,011	5.2	5.3	5.0	5.4	5.9
Hong Kong SAR	2,174	2,388	2,004	1,965	1,528	6.8	7.1	5.4	4.8	4.5
Korea	1,486	1,555	1,550	1,302	1,237	4.6	4.6	4.2	3.2	3.6
Amerika Syarikat	1,404	1,274	1,512	1,569	1,181	4.4	3.8	4.1	3.8	3.5
China Taipei	1,319	1,416	1,723	1,610	1,158	4.1	4.2	4.6	3.9	3.4
Lain-lain	7,986	8,834	11,001	12,575	10,250	25.0	26.2	29.6	30.7	30.0
Jumlah	**31,965**	**33,725**	**37,159**	**40,926**	**34,161**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.16
Pasaran Eksport Utama Minyak Sawit

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	2,914	3,532	3,786	3,785	3,672	22.6	25.2	28.2	24.1	22.6
Pakistan	929	855	1,062	1,552	1,829	7.2	6.0	7.9	9.9	11.3
Kesatuan Eropah	2,149	2,586	2,097	2,022	1,478	16.7	18.3	15.6	12.9	9.1
Belanda	*1,367*	*1,703*	*1,527*	*1,311*	*959*	*10.6*	*12.0*	*11.4*	*8.3*	*5.9*
Jerman	*180*	*190*	*30*	*101*	*129*	*1.4*	*1.3*	*0.2*	*0.6*	*0.8*
Itali	*155*	*165*	*126*	*182*	*135*	*1.2*	*1.2*	*0.9*	*1.2*	*0.8*
Sweden	*103*	*220*	*134*	*103*	*49*	*0.8*	*1.6*	*1.0*	*0.7*	*0.3*
Lain-lain	*345*	*308*	*280*	*325*	*206*	*2.7*	*2.2*	*2.1*	*2.1*	*1.3*
Timur Tengah	1,684	1,324	1,212	1,319	1,275	13.0	9.4	9.0	8.4	7.8
India	619	657	515	956	1,175	4.8	4.6	3.8	6.1	7.2
Amerika Syarikat	535	696	516	1,234	804	4.1	4.9	3.8	7.9	4.9
Jepun	438	498	516	530	494	3.4	3.5	3.8	3.4	3.0
Korea	223	207	225	199	269	1.7	1.5	1.7	1.3	1.7
China Taipei	127	148	129	161	133	1.0	1.0	1.0	1.0	0.8
Australia	107	121	121	113	109	0.8	0.9	0.9	0.7	0.7
Bangladesh	485	413	170	253	84	3.8	2.9	1.3	1.6	0.5
Lain-lain	2,692	3,105	3,064	3,576	4,934	20.9	22.0	22.8	22.8	30.3
Jumlah	**12,901**	**14,142**	**13,412**	**15,699**	**16,256**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.17
Pasaran Eksport Utama Getah

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	386	406	371	301	245	33.5	34.1	36.4	32.8	34.8
Kesatuan Eropah	313	316	294	279	151	27.2	26.6	28.9	30.5	21.5
Jerman	*132*	*144*	*136*	*123*	*73*	*11.4*	*12.1*	*13.3*	*13.5*	*10.4*
Belanda	*28*	*21*	*17*	*21*	*18*	*2.4*	*1.8*	*1.6*	*2.3*	*2.5*
Perancis	*46*	*41*	*43*	*32*	*17*	*4.0*	*3.4*	*4.3*	*3.5*	*2.4*
Itali	*24*	*22*	*20*	*17*	*9*	*2.1*	*1.9*	*1.9*	*1.9*	*1.2*
United Kingdom	*21*	*18*	*16*	*17*	*7*	*1.8*	*1.5*	*1.5*	*1.8*	*1.0*
Sepanyol	*13*	*11*	*9*	*8*	*4*	*1.2*	*0.9*	*0.9*	*0.8*	*0.5*
Lain-lain	*49*	*59*	*54*	*61*	*24*	*4.2*	*5.0*	*5.3*	*6.7*	*3.4*
Timur Tengah	74	71	54	69	49	6.5	6.0	5.3	7.5	7.0
Iran	*40*	*45*	*27*	*40*	*29*	*3.5*	*3.8*	*2.7*	*4.4*	*4.1*
Turki	*24*	*20*	*21*	*21*	*15*	*2.1*	*1.7*	*2.1*	*2.3*	*2.2*
Lain-lain	*10*	*6*	*5*	*7*	*5*	*0.8*	*0.5*	*0.5*	*0.8*	*0.7*
Korea	74	67	61	52	43	6.5	5.6	6.0	5.6	6.2
Amerika Syarikat	67	64	53	53	26	5.9	5.4	5.2	5.8	3.6
Brazil	31	32	38	35	22	2.7	2.7	3.8	3.9	3.1
Kanada	17	15	19	12	8	1.5	1.3	1.9	1.4	1.1
Lain-lain	188	218	129	115	161	16.3	18.3	12.7	12.5	22.8
Jumlah	**1,151**	**1,188**	**1,020**	**916**	**703**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.18
Pasaran Eksport Utama Minyak Mentah

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	'000 tan					% bahagian				
Australia	3,817	2,269	3,331	3,001	3,081	20.8	13.4	19.7	18.2	18.8
India	3,783	4,417	3,908	3,890	2,887	20.6	26.2	23.2	23.6	17.6
Thailand	3,418	2,528	1,435	1,501	2,753	18.6	15.0	8.5	9.1	16.8
Indonesia	1,431	1,547	2,038	1,289	1,984	7.8	9.2	12.1	7.8	12.1
Singapura	1,638	1,285	1,607	2,732	1,516	8.9	7.6	9.5	16.6	9.2
Republik Rakyat China	239	79	240	597	1,481	1.3	0.5	1.4	3.6	9.0
Korea	1,436	1,433	1,545	1,314	913	7.8	8.5	9.2	8.0	5.6
Filipina	743	471	872	867	520	4.0	2.8	5.2	5.3	3.2
Jepun	808	926	987	751	512	4.4	5.5	5.8	4.6	3.1
Amerika Syarikat	314	282	46	165	323	1.7	1.7	0.3	1.0	2.0
New Zealand	299	424	381	356	233	1.6	2.5	2.3	2.2	1.4
Lain-lain	464	1,214	491	13	209	2.5	7.2	2.9	0.1	1.3
Jumlah	**18,390**	**16,875**	**16,880**	**16,477**	**16,413**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.19
Pasaran Eksport Utama Gas Asli Cecair

Negara	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2005	2006	2007	2008	2009*a*
	'000 tan					% bahagian				
Jepun	13,664	12,170	13,238	14,223	12,993	63.1	57.3	57.8	62.2	58.6
Korea	4,713	5,626	6,069	6,132	5,666	21.8	26.5	26.5	26.8	25.5
China Taipei	3,013	3,319	3,524	2,496	2,460	13.9	15.6	15.4	10.9	11.1
Lain-lain	251	119	72	23	1,066	1.2	0.6	0.3	0.1	4.8
Jumlah	**21,641**	**21,234**	**22,904**	**22,873**	**22,186**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.20
Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang

	2005	2006	2007	2008[2]	2009*a*
	RM juta				
Hutang jangka sederhana dan panjang:					
Peminjaman kasar	**29,162**	**28,620**	**23,844**	**26,641**	**33,783**
Kerajaan Persekutuan	*651*	*834*	*489*	*472*	*451*
PABK	*6,431*	*10,909*	*1,706*	*5,952*	*15,454*
Sektor swasta	*22,080*	*16,877*	*21,650*	*20,217*	*17,878*
Bayaran balik dan prabayaran	**34,957**	**28,538**	**25,699**	**13,319**	**36,069**
Kerajaan Persekutuan	*4,153*	*3,888*	*4,803*	*946*	*6,737*
PABK	*13,911*	*13,197*	*7,840*	*2,068*	*8,139*
Sektor swasta	*16,893*	*11,453*	*13,055*	*10,305*	*21,193*
Peminjaman bersih	**-5,795**	**81**	**-1,855**	**13,322**	**-2,286**
Kerajaan Persekutuan	*-3,502*	*-3,054*	*-4,314*	*-473*	*-6,286*
PABK	*-7,480*	*-2,288*	*-6,134*	*3,884*	*7,315*
Sektor swasta	*5,187*	*5,424*	*8,594*	*9,911*	*-3,315*
Hutang terkumpul	**150,746**	**141,704**	**132,978**	**156,546**	**155,951**
Kerajaan Persekutuan	*30,000*	*25,005*	*19,602*	*20,316*	*13,786*
PABK	*56,233*	*50,378*	*41,854*	*63,146*	*71,588*
Sektor swasta	*64,513*	*66,322*	*71,521*	*73,085*	*70,576*
Komposisi mata wang (% bahagian)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Dolar AS	*79.6*	*80.5*	*80.7*	*75.6*	*76.0*
Yen Jepun	*11.7*	*11.4*	*11.2*	*12.7*	*11.2*
Lain-lain	*8.7*	*8.1*	*8.1*	*11.7*	*12.8*
Hutang jangka pendek:					
Hutang terkumpul	**46,953**	**42,800**	**54,468**	**79,635**	**77,966**
Sektor perbankan[1]	*38,871*	*28,812*	*42,134*	*72,043*	*69,029*
Sektor swasta bukan bank	*8,082*	*13,988*	*12,334*	*7,592*	*8,937*
Jumlah hutang luar negeri:	**197,698**	**184,505**	**187,445**	**236,181**	**233,917**
Jumlah hutang luar negeri (USD juta)	**51,790**	**51,736**	**56,027**	**67,380**	**67,671**
% PNK	*39.7*	*33.2*	*29.8*	*33.0*	*35.3*
Perubahan tahunan (%)	*-1.4*	*-6.7*	*1.6*	*26.0*	*-1.0*
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk pembayaran faedah hutang jangka pendek)	**32,800**	**32,086**	**26,562**	**20,025**	**42,165**
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang					
Bayaran balik (tidak termasuk prabayaran)	**25,471**	**23,760**	**19,105**	**13,290**	**36,069**
Kerajaan Persekutuan	*4,153*	*3,888*	*4,803*	*946*	*6,737*
PABK	*10,166*	*11,311*	*5,035*	*2,068*	*8,139*
Sektor swasta	*11,152*	*8,561*	*9,267*	*10,276*	*21,193*
Bayaran faedah	**6,101**	**6,389**	**5,127**	**5,529**	**5,622**
Kerajaan Persekutuan	*1,729*	*1,506*	*1,426*	*1,155*	*909*
PABK	*3,182*	*3,511*	*2,282*	*2,493*	*2,994*
Sektor swasta	*1,190*	*1,372*	*1,418*	*1,881*	*1,720*
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	**5.3**	**4.8**	**3.8**	**2.6**	**6.5**
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.1	4.5	3.4	2.5	6.4
Kerajaan Persekutuan	*1.0*	*0.8*	*0.9*	*0.3*	*1.2*
PABK	*2.2*	*2.2*	*1.0*	*0.6*	*1.7*
Sektor swasta	*2.0*	*1.5*	*1.5*	*1.6*	*3.5*

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Mulai suku pertama 2008, data hutang luar negeri Malaysia telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.21
Indeks Harga Pengguna

	Wajaran (%) (2005=100)[1]	2006 Perubahan Tahunan (%)	2007 Perubahan Tahunan (%)	2008 Perubahan Tahunan (%)	2009 Perubahan Tahunan (%)
Jumlah	100.0	3.6	2.0	5.4	0.6
antaranya:					
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	3.4	3.0	8.8	4.1
Minuman alkohol dan tembakau	1.9	6.9	7.8	7.3	6.1
Pakaian dan kasut	3.1	-1.3	-1.4	-0.5	-0.9
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.5	1.3	1.6	1.4
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isirumah	4.3	1.1	1.1	3.0	2.9
Kesihatan	1.4	2.1	1.6	2.2	2.3
Pengangkutan	15.9	11.0	2.3	8.8	-9.4
Komunikasi	5.1	-1.4	-1.2	-0.6	-0.5
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	0.7	1.4	1.8	1.5
Pendidikan	1.9	1.6	1.8	2.3	2.4
Restoran dan hotel	3.0	3.7	3.7	6.6	2.9
Pelbagai barang dan perkhidmatan	6.0	2.2	1.0	3.3	3.8

[1] Bermula 2006, Indeks Harga Pengguna telah disemak semula kepada tahun asas 2005=100, daripada 2000=100 sebelumnya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.22
Indeks Harga Pengeluar

	Wajaran (%) (2005=100)[1]	2006 Perubahan Tahunan (%)	2007 Perubahan Tahunan (%)	2008 Perubahan Tahunan (%)	2009 Perubahan Tahunan (%)
Jumlah	100.0	3.1	5.5	10.3	-7.1
antaranya:					
Makanan	5.4	2.8	8.5	12.3	0.3
Minuman dan tembakau	0.9	4.1	0.8	1.4	1.7
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	12.1	21.9	11.5	-11.8
Bahan api galian, pelincir dll.	17.4	9.1	4.0	34.5	-22.0
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	-2.0	43.0	24.5	-19.5
Bahan kimia	7.0	2.9	3.1	7.3	-7.5
Barang-barang keluaran kilang	10.9	2.3	2.7	6.7	-0.5
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	0.6	1.8	0.7	1.5
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	1.4	1.4	1.7	1.5
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	3.8	6.2	12.4	-6.2
Pengeluaran Tempatan	65.6	3.8	7.1	13.3	-10.4
Import	34.4	1.6	2.4	4.0	0.5

[1] Bermula tahun 2010, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2005=100, daripada 2000=100 sebelumnya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.23
Wang Secara Luas (M3)

	Perubahan tahunan					Pada akhir
	2005	2006	2007	2008	2009	2009
	RM juta					
Wang secara luas (M3)[1]	51,609	87,467	72,436	99,127	85,133	1,016,997
Mata wang dalam edaran[2]	1,629	3,335	2,746	4,178	3,015	43,439
Deposit permintaan	8,683	11,705	24,247	11,093	14,707	158,182
Separuh wang secara luas	41,297	72,427	45,444	83,856	67,411	815,376
Deposit tetap	*4,940*	*31,940*	*10,701*	*27,969*	*23,241*	*453,223*
Deposit tabungan	*1,947*	*5,195*	*8,703*	*7,786*	*10,050*	*102,268*
NID	*12,785*	*14,321*	*-15,279*	*144*	*-8,782*	*22,344*
Repo	*17,260*	*11,799*	*-72,366*	*-3,046*	*898*	*1,057*
Deposit mata wang asing	*2,467*	*3,218*	*1,570*	*16,649*	*15,283*	*54,589*
Deposit lain	*1,898*	*5,956*	*112,116*	*34,356*	*26,721*	*181,896*
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5,204	8,317	-641	33,649	25,730	57,138
Tuntutan terhadap Kerajaan	*-2,152*	*1,614*	*-490*	*33,652*	*35,903*	*105,970*
Tolak: Deposit Kerajaan	*3,052*	*-6,703*	*151*	*3*	*10,173*	*48,832*
Tuntutan terhadap sektor swasta	44,501	34,714	53,407	94,229	51,523	875,243
Pinjaman	*44,840*	*36,779*	*50,926*	*76,903*	*47,051*	*771,601*
Sekuriti	*-339*	*-2,065*	*2,481*	*17,326*	*4,473*	*103,642*
Aset asing bersih	1,832	52,745	71,166	-51,985	22,363	354,163
Bank Negara Malaysia[3]	*13,550*	*25,158*	*44,569*	*-18,265*	*7,343*	*324,046*
Sistem perbankan	*-11,719*	*27,587*	*26,597*	*-33,720*	*15,020*	*30,117*
Pengaruh lain	10,480	-8,309	-51,496	23,235	-14,484	-269,547

[1] Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan
[3] Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran

Jadual A.24
Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan

	2005		2006		2007		2008		2009	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Mata wang dalam edaran	1,561	5.5	3,342	11.1	2,728	8.1	4,178	11.5	3,015	7.5
Deposit permintaan dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam	8,227	9.6	13,688	14.5	24,913	23.1	9,863	7.4	14,854	10.4
M1[1]	9,788	8.5	17,029	13.7	27,640	19.6	14,040	8.3	17,869	9.8
Deposit lain dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam[2]	73,923	17.5	89,308	18.0	41,552	7.1	92,514	14.7	67,786	9.4
Deposit di institusi perbankan lain[3,4]	-32,102	-38.4	-18,871	-36.7	3,244	9.9	-7,427	-20.7	-557	-2.0
M3[5]	51,609	8.3	87,467	13.0	72,436	9.5	99,127	11.9	85,098	9.1

[1] Terdiri daripada mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta
[2] Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam
[3] Terdiri daripada deposit tetap dan repo sektor swasta dalam syarikat kewangan, bank saudagar/bank pelaburan dan syarikat diskaun. Juga termasuk deposit tabungan dalam syarikat kewangan, NID dalam syarikat kewangan dan bank saudagar/bank pelaburan, deposit mata wang asing dalam bank saudagar/bank pelaburan dan deposit panggilan dalam syarikat diskaun. Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[4] Penurunan besar sejak tahun 2004 mencerminkan penggabungan syarikat kewangan dengan bank perdagangan
[5] Terdiri daripada M1 ditambah deposit sektor swasta lain dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam dan deposit sektor swasta dalam institusi perbankan lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar/bank pelaburan dan syarikat diskaun

Jadual A.25
Kadar Faedah (%)

	Kadar purata pada akhir tahun						Kadar purata pada akhir bulan pada tahun 2009											
	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Antara bank semalaman	2.74	2.70	2.72	3.38	3.50	3.48	3.05	2.42	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00
Antara bank 1 minggu	2.80	2.74	2.75	3.42	3.52	3.50	3.07	2.44	2.02	2.02	2.02	2.02	2.02	2.02	2.03	2.03	2.02	2.02
Antara bank 1 bulan	2.99	2.86	2.84	3.54	3.54	3.53	3.02	2.46	2.05	2.05	2.06	2.07	2.07	2.07	2.07	2.07	2.06	2.06
Bank perdagangan																		
Deposit tetap:																		
3 bulan	3.00	3.00	3.02	3.19	3.15	3.04	2.54	2.07	2.04	2.04	2.04	2.05	2.05	2.03	2.03	2.03	2.03	2.03
12 bulan	3.70	3.70	3.70	3.73	3.70	3.50	3.02	2.55	2.52	2.52	2.52	2.52	2.52	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
Deposit tabungan	1.86	1.58	1.41	1.48	1.44	1.40	1.25	1.11	0.95	0.93	0.91	0.91	0.89	0.89	0.88	0.89	0.88	0.87
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.00	5.98	6.20	6.72	6.72	6.48	6.38	5.89	5.53	5.53	5.53	5.53	5.53	5.51	5.51	5.51	5.51	5.51
Bil Perbendaharaan (91 hari)																		
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	2.93	2.24	3.30	3.55	3.53	2.89	2.50	2.07	1.99	1.99	2.07	2.14	2.06	2.05	2.07	2.09	2.09	2.12
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	4.28	3.64	3.73	3.70	3.78	3.00	2.79	3.21	3.49	3.61	3.57	3.80	3.69	3.75	3.74	3.91	3.73	3.79
Sekuriti hutang swasta																		
AAA																		
3-tahun	4.47	3.72	3.95	4.01	4.07	4.17	3.86	3.80	3.78	3.89	3.88	3.87	3.86	3.79	3.73	3.63	3.70	3.72
5-tahun	5.22	4.39	4.38	4.24	4.28	4.48	4.16	4.15	4.14	4.30	4.35	4.39	4.36	4.31	4.27	4.23	4.29	4.32
AA																		
3-tahun	5.05	4.27	4.36	4.38	4.38	4.95	4.77	4.69	4.70	4.68	4.67	4.71	4.70	4.58	4.54	4.43	4.48	4.50
5-tahun	5.89	5.00	4.81	4.71	4.64	5.31	5.14	5.11	5.17	5.16	5.16	5.22	5.17	5.13	5.07	5.02	5.05	5.07
A																		
3-tahun	6.22	5.82	5.94	5.91	6.06	6.90	6.87	6.78	6.77	6.75	6.76	6.78	6.78	6.86	6.92	6.78	6.85	6.80
5-tahun	7.13	6.66	6.70	6.53	6.51	7.43	7.47	7.45	7.43	7.38	7.37	7.42	7.41	7.60	7.66	7.59	7.58	7.57
BBB																		
3-tahun	9.96	9.77	9.44	9.57	9.71	10.32	10.19	10.17	10.25	10.19	10.20	10.26	10.20	10.32	10.37	10.09	10.21	10.18
5-tahun	11.01	10.81	10.41	10.51	10.72	11.36	11.34	11.19	11.23	11.15	11.18	11.24	11.19	11.36	11.41	11.19	11.31	11.32
BB & ke bawah																		
3-tahun	11.81	11.91	11.97	12.06	11.92	12.68	12.73	12.69	12.85	12.78	12.78	12.87	12.83	12.80	12.67	12.43	12.59	12.58
5-tahun	12.94	13.10	13.04	13.13	13.16	13.86	14.05	13.97	14.06	13.96	13.95	14.05	13.97	14.07	14.15	13.73	14.04	14.02

Jadual A.26
Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]			Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)
	2005	2008	2009	2008	2009	21 Jul.'05 - Dis. 2009
	Jul.21[2]	Akhir Dis.				
SDR	5.5049	5.3616	5.3487	-2.7	0.2	2.9
Dolar AS	3.8000	3.4640	3.4245	-4.5	1.2	11.0
Dolar Singapura	2.2570	2.4070	2.4401	-4.7	-1.4	-7.5
100 yen Jepun	3.3745	3.8327	3.7076	-22.9	3.4	-9.0
Paun sterling	6.6270	4.9989	5.5001	32.2	-9.1	20.5
Franc Swiss	2.9588	3.2715	3.3084	-10.0	-1.1	-10.6
Euro	4.6212	4.8759	4.9191	0.0	-0.9	-6.1
100 baht Thai	9.0681	9.9398	10.271	-1.2	-3.2	-11.7
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0316	0.0364	11.3	-13.1	6.2
100 won Korea	0.3665	0.2750	0.2937	28.4	-6.4	24.8
100 peso Filipina	6.8131	7.2774	7.4196	10.1	-1.9	-8.2
Renminbi China	0.4591	0.5076	0.5016	-10.8	1.2	-8.5

[1] Kadar dolar Amerika Syarikat ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur
Kadar bagi mata wang selain dolar Amerika Syarikat ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan kadar RM/dolar Amerika Syarikat

[2] Ringgit bertukar daripada kadar pertukaran tetap berbanding dengan dolar Amerika Syarikat kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang

Jadual A.27
Institusi Kredit Perumahan

	Tahun penubuhan	Objektif	Kadar pemberian pinjaman untuk pinjaman perumahan baharu (%)		Bilangan cawangan	
			2008	2009	2008	2009
Bank perdagangan	-		4.6[1,2]	3.6[1,2]	4,018[3]	4,086[3]
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1970	Menyediakan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan	4.0[1]	4.0[1]	2	2
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1954	Sebuah koperasi yang mengambil deposit dan menyediakan kemudahan perbankan berlandaskan prinsip Syariah	7.3[1]	6.5	117	122
Malaysia Building Society Berhad	1950	Untuk menjadi institusi kewangan yang berasaskan pengguna dengan menawarkan aktiviti pinjaman harta benda dan pengambilan deposit, ke arah mewujudkan pengurusan kekayaan untuk pelanggannya	5.2[1]	5.12[1]	30	32
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	1958	Menyediakan pinjaman perumahan khususnya untuk kakitangan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak	7.25 ~ 8.25	6.75 ~ 8.25	1	1
Bank Simpanan Nasional	1974	Untuk mengalakkan dan menggembleng simpanan terutamanya daripada penyimpan kecil serta memupuk tabiat berjimat cermat dan suka menyimpan	4.8	3.8	374	375
Perbadanan Pinjaman Sabah	1955	Untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia di Sabah melalui akses kepada kredit kewangan yang mudah	3.0 ~ 7.5	3.0 ~ 7.5	10	11

[1] Kadar pinjaman purata 12 bulan
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam
[3] Termasuk bank-bank Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.28
Pinjaman Perumahan Terkumpul

	2008	2009*a*	2008	2009*a*	2008	2009*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	192,092	210,017	10.2	9.3	82.5	83.8
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	27,393	26,716	2.1	-2.5	11.8	10.7
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	4,417	4,189	17.2	-5.2	1.9	1.7
Malaysia Building Society Berhad	5,141	5,647	16.5	9.8	2.2	2.3
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	742	717	3.6	-3.3	0.3	0.3
Bank Simpanan Nasional	2,887	3,034	9.1	5.1	1.2	1.2
Perbadanan Pinjaman Sabah	179	163	-5.8	-9.0	0.1	0.1
Jumlah	**232,850**	**250,484**	**9.4**	**7.6**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.29
Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

	2008	2009*a*	2008	2009*a*	2008	2009*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	57,946	70,474	20.3	21.6	84.7	89.2
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	7,583	5,919	30.1	-21.9	11.1	7.5
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	297	115	-48.2	-61.4	0.4	0.1
Malaysia Building Society Berhad	1,566	1,650	-9.4	5.4	2.3	2.1
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	68	60	7.9	-11.7	0.1	0.1
Bank Simpanan Nasional	952	798	17.8	-16.2	1.4	1.0
Perbadanan Pinjaman Sabah	13	4	-13.3	-67.2	…	…
Jumlah	**68,424**	**79,020**	**19.7**	**15.5**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.30
Pembiayaan Ekonomi

Mengikut pelanggan / Mengikut jenis pembiayaan/institusi	Perusahaan perniagaan[1]		Isi rumah	Kerajaan	Jumlah pembiayaan
	Jumlah	antaranya: PKS[2]			
	RM juta				
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan 2008					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	42,570	10,618	34,820	4,921	82,311
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[3]	3,087	258	6,573	-	9,659
Pengantara Domestik Lain[4]	12,010	(241)	571	-	12,581
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[5]	15,492	-	-	33,601	49,094
Pasaran Ekuiti	5,477	-	-	-	5,477
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	24,134	-	-	-	24,134
Pinjaman Luar[6,7]	14,273	-	-	9,298	23,571
Jumlah	**117,043**	**10,635**	**41,963**	**47,820**	**206,827**
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan 2009					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	20,371	5,589	38,559	9,085	68,015
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[3]	5,897	2,179	7,039	-	12,936
Pengantara Domestik Lain[4]	6,266	(744)	(676)	-	5,590
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[5]	29,626	-	-	49,619	79,245
Pasaran Ekuiti	26,045	-	-	-	26,045
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	5,663	-	-	-	5,663
Pinjaman Luar[6,7]	(1,288)	-	-	1,914	626
Jumlah	**92,581**	**7,024**	**44,922**	**60,618**	**198,121**

[1] Perusahaan perniagaan termasuk institusi kewangan bukan bank, entiti bukan perusahaan milik tempatan dan entiti asing
[2] Diselaraskan untuk memasukkan PKS yang dikelaskan semula sebagai syarikat besar
[3] Merujuk kepada IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002
[4] Pengantara domestik lain termasuk syarikat insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), institusi kredit perumahan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan
[5] Pasaran Bon merujuk kepada sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul dan semua Sekuriti Kerajaan Malaysia. Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing. PDS termasuk stok pinjaman tidak boleh ditebus semula, boleh ditukar dan tidak dilindungi (ICULS) dan nota jangka sederhana yang diterbitkan oleh sektor korporat
[6] Berdasarkan klasifikasi baharu hutang luar yang telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin, mulai suku pertama tahun 2008
[7] Pembiayaan luar Kerajaan termasuk pembiayaan kepada perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.31
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2006	2007	2008	2009*a*	2010*r*
	RM bilion				
Hasil[1]	102.0	110.7	128.4	121.2	115.7
% perubahan	*7.4*	*8.6*	*15.9*	*-5.6*	*-4.5*
Perbelanjaan mengurus	117.7	135.0	165.0	172.5	157.8
% perubahan	*10.4*	*14.7*	*22.2*	*4.5*	*-8.5*
Lebihan semasa PABK[2]	100.7	130.1	119.4	143.4	143.9
Lebihan semasa	**84.9**	**105.8**	**82.7**	**92.1**	**101.7**
% daripada KDNK	***14.8***	***16.5***	***11.2***	***13.7***	***14.0***
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	86.5	96.3	124.4	118.0	109.7
% perubahan	*31.0*	*11.3*	*29.1*	*-5.1*	*-7.1*
Sektor Kerajaan[4]	40.8	44.7	50.5	52.2	55.1
PABK	45.7	51.6	73.8	65.8	54.6
Imbangan keseluruhan	**-1.6**	**9.4**	**-41.7**	**-25.9**	**-8.0**
% daripada KDNK	***-0.3***	***1.5***	***-5.6***	***-3.8***	***-1.1***

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan antara sektor Kerajaan
[2] Merujuk kepada 30 PABK pada tahun 2004 dan seterusnya
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih antara sektor awam
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan badan berkanun
[a] Awalan
[r] Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.32
Negara-negara Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama

	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2010*r*
	Perubahan tahunan (%)					
KDNK BENAR						
Amerika Syarikat	3.1	2.7	2.1	0.4	-2.4	2.7
Jepun	1.9	2.0	2.4	-1.2	-5.2	1.7
Kawasan euro	1.7	2.9	2.7	0.6	-4.1	1.0
Jerman	*0.8*	*3.2*	*2.5*	*1.3*	*-5.0*	*1.5*
United Kingdom	2.2	2.9	2.6	0.5	-5.0	1.3
INFLASI						
Amerika Syarikat	3.4	3.2	2.8	3.8	-0.4	1.7
Jepun	-0.3	0.3	0.0	1.4	-1.4	-0.8
Kawasan euro	2.2	2.2	2.1	3.3	0.3	0.8
Jerman	*1.9*	*1.8*	*2.3*	*2.8*	*0.2*	*0.2*
United Kingdom	2.1	2.3	2.3	3.6	2.2	1.5
	% daripada tenaga pekerja					
PENGANGGURAN						
Amerika Syarikat	5.1	4.6	4.6	5.8	9.3	10.1
Jepun	4.4	4.1	3.9	4.0	5.1	6.1
Kawasan euro	8.9	8.3	7.4	7.5	9.4	11.7
Jerman	*10.7*	*9.8*	*8.4*	*7.3*	*7.5*	*10.7*
United Kingdom	4.8	5.4	5.3	5.6	7.6	9.3
	% daripada KDNK					
IMBANGAN AKAUN SEMASA						
Amerika Syarikat	-5.9	-6.0	-5.2	-4.9	-2.6	-2.2
Jepun	3.6	3.9	4.8	3.2	2.8	2.0
Kawasan euro	0.5	0.4	0.3	-0.7	-0.7	-0.3
Jerman	*5.1*	*6.1*	*7.5*	*6.4*	*2.9*	*3.6*
United Kingdom	-2.6	-3.3	-2.7	-1.7	-2.0	-1.9
IMBANGAN FISKAL[1]						
Amerika Syarikat	-3.2	-2.2	-2.8	-5.9	-12.5	-10.0
Jepun	-5.0	-4.0	-2.5	-5.8	-10.5	-10.2
Kawasan euro	-2.5	-1.2	-0.6	-1.8	-6.2	-6.6
Jerman	*-3.3*	*-1.5*	*-0.5*	*-0.1*	*-4.2*	*-4.6*
United Kingdom	-3.3	-2.6	-2.6	-5.1	-11.6	-13.2

[1] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Jadual A.33
Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama

	2005	2006	2007	2008	2009*a*	2010*r*
KDNK BENAR	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	10.4	11.6	13.0	9.6	8.7	10.0
Korea	4.0	5.2	5.1	2.2	0.2	4.6
China Taipei	4.7	5.4	6.0	0.7	-1.9	4.7
Singapura	7.6	8.7	8.2	1.4	-2.0	4.5~6.5
Hong Kong SAR	7.1	7.0	6.4	2.1	-2.7	4.0~5.0
Malaysia	5.3	5.8	6.2	4.6	-1.7	4.5~5.5
Thailand	4.6	5.1	4.9	2.5	-2.3	3.5~4.5
Indonesia	5.7	5.5	6.3	6.0	4.5	5.5~6.0
Filipina	5.0	5.3	7.1	3.8	0.9	2.6~3.6
INFLASI	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	1.8	1.5	4.8	5.9	-0.7	0.6
Korea	2.8	2.2	2.5	4.7	2.8	2.5
China Taipei	2.3	0.6	1.8	3.5	-0.9	1.5
Singapura	0.5	1.0	2.1	6.6	0.6	1.6
Hong Kong SAR[1]	1.0	2.0	2.0	4.3	0.5	0.5
Malaysia	3.1	3.6	2.0	5.4	0.6	2.0~2.5
Thailand	4.5	4.7	2.2	5.5	-0.9	2.1
Indonesia	10.5	13.1	6.3	9.9	4.8	6.2
Filipina	7.6	6.3	2.8	9.3	3.3	4.0
IMBANGAN AKAUN SEMASA	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	7.2	9.5	11.0	9.8	7.8	8.6
Korea	1.7	0.6	0.6	-0.7	3.4	2.2
China Taipei	4.9	7.2	8.6	6.4	7.9	8.0
Singapura	22.7	25.4	23.5	14.8	12.6	12.5
Hong Kong SAR	11.4	12.1	13.3	14.2	10.7	10.8
Malaysia	15.0	16.7	15.7	17.5	16.7	13.9
Thailand	-4.3	1.1	5.7	-0.1	4.9	2.7
Indonesia	0.1	3.0	2.5	0.1	0.9	0.5
Filipina	2.0	4.5	4.9	2.5	3.2	1.2
IMBANGAN FISKAL[2]	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	-1.4	-0.7	0.9	-0.1	-2.0	-2.0
Korea[3]	1.8	1.7	3.5	1.2	-2.8	-2.7
China Taipei[3]	-0.6	-0.6	-0.2	-0.8	-4.3	-3.3
Singapura[3]	7.5	7.5	11.1	6.3	2.5	2.4
Hong Kong SAR[3]	1.0	4.1	7.7	0.1	-3.4	-1.5
Malaysia	-3.6	-3.3	-3.2	-4.8	-7.0	-5.6
Thailand	0.3	1.2	-2.3	-1.1	-5.6	-3.4
Indonesia	-0.2	-1.0	-0.7	-0.6	-1.5	-1.4
Filipina	-2.7	-1.0	-0.2	-0.9	-3.7	-3.6

[1] Merujuk kepada indeks harga komposit
[2] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan pusat
[3] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia